KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Tingkatan 4 dan 5

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
MPV
MATA PELAJARAN VOKASIONAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

MATA PELAJARAN VOKASIONAL

ASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Tingkatan 4 dan 5

PENULIS
Ishak bin Ali Shah
Samsiah binti Rozi
Rohani binti Husaini

EDITOR
Hannan Amalina binti Che Yusoff Zaki

PEREKA BENTUK
Nurazlina binti Hambal
Nor Azimah binti Mansor
Nurul Amirah binti Azman

ILLUSTRATOR
Md. Nazim bin Udin

aras mega (m) sdn bhd
(164242-W)
2020

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0187

KPM2020 eISBN 978-967-2448-62-4

Cetakan Pertama 2020
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,
Taman Desa Damai, Sungai Merab,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03-89258975
No. Faksimile: 03-89258985
Laman Web: www.arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Minion Pro
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

ISI KANDUNGAN

Pendahuluan v
Pengenalan Ikon vi

Modul 1: PERKHIDMATAN AWAL KANAK-KANAK DAN KERJAYA 2

1.1 Pengenalan kepada Bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak 11
1.2 Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 16
1.3 Profesionalisme, Etika, Tugas serta Tanggungjawab Pendidik dan Pengasuh TASKA 22

Modul 2: AMALAN KESELAMATAN 20

2.1 Keselamatan Bayi dan Kanak-kanak di TASKA 22
2.2 Pertolongan Cemas 29
2.3 Pencegahan Kebakaran dan Rawatan Awal 35

Modul 3: AMALAN KEBERSIHAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN 40

3.1 Kebersihan Diri Pengasuh dan Pendidik 42
3.2 Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak 45
3.3 Penjagaan Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak 50
3.4 Kebersihan TASKA 54

Modul 4: PENJAGAAN RUTIN HARIAN KANAK-KANAK 60

4.1 Amalan Asuhan di TASKA 62
4.2 Bimbingan Urus Diri Kanak-kanak 68
4.3 Pembentukan Tingkah Laku Positif 74
4.4 Kanak-kanak Berkeperluan Khas 78

Modul 5: PENYEDIAAN MAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK 84

5.1 Makanan, Nutrien dan Fungsinya 86
5.2 Makanan Seimbang untuk Bayi dan Kanak-kanak 91
5.3 Perancangan Menu untuk Bayi dan Kanak-kanak 96
5.4 Penyediaan Makanan untuk Bayi dan Kanak-kanak 102
5.5 Adab Makan 108

Modul 6: PERKEMBANGAN SAHSIAH, SOSIO-EMOSI DAN KEROHANIAN 112

6.1 Pengenalan kepada Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian 114
6.2 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Nyanyian 119
6.3 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Main Peranan 126
6.4 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Pendidikan Kerohanian 131
6.5 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Lawatan 136

Modul 7: PERKEMBANGAN BAHASA, KOMUNIKASI DAN LITERASI AWAL 144

7.1 Pengenalan kepada Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal 146
7.2 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Bercerita 149
7.3 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Membaca 159
7.4 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Menulis 165

Modul 8: PERKEMBANGAN FIZIKAL 174

8.1 Pengenalan kepada Perkembangan Fizikal Bayi dan Kanak-kanak 176
8.2 Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Fizikal 180
8.3 Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Manipulatif 186

Modul 9: PERKEMBANGAN AWAL MATEMATIK DAN PEMIKIRAN LOGIK 194

9.1 Pengenalan kepada Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik 196
9.2 Awal Matematik 200
9.3 Pemikiran Logik 206

Modul 10: PERKEMBANGAN DERIA DAN PEMAHAMAN DUNIA PERSEKITARAN 214

10.1 Pengenalan kepada Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran 216
10.2 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Fizikal 219
10.3 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Hidupan 224
10.4 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Bahan 229
10.5 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Semesta 235

Modul 11: PERKEMBANGAN ESTETIKA DAN DAYA KREATIF 242

11.1 Pengenalan kepada Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif 244
11.2 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Lukisan 248
11.3 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Kraf Tangan 254
11.4 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Permainan Perkusi 259
11.5 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Pergerakan Kreatif 262

Modul 12: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TASKA 268

12.1 Pengurusan Rekod TASKA 270
12.2 Pengurusan Ruang Pembelajaran 278
12.3 Penyediaan Alat Permainan Bayi dan Kanak-kanak 287
12.4 Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti 292
12.5 Pemeliharaan Alam Sekitar 298

Modul 13: KEUSAHAWANAN DAN PROGRAM KERJAYA 304

13.1 Pengenalan kepada Perniagaan dan Keusahawanan 306
13.2 Prosedur Memulakan Perniagaan 308
13.3 Celik Kewangan 318
13.4 Projek Keusahawanan 324

Glosari 331
Rujukan 334
Indeks 336

PENDAHULUAN

Pengetahuan tentang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak penting bagi murid untuk mempersiapkan murid menjadi tenaga kerja separa mahir yang berpengetahuan dalam bidang perkhidmatan penjagaan awal kanak-kanak seiring dengan kebolehpasaran semasa yang menuntut mereka untuk melanjutkan pengajian dan latihan dalam bidang yang sama ke peringkat yang lebih tinggi. Secara tak langsung menjadi asas kukuh bagi membolehkan mereka menceburi kerjaya dengan lebih kompeten, yakin dan bertanggungjawab.

Buku teks **Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tingkatan 4 dan 5** dihasilkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (APAK) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif dalam kelompok Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM).

Kandungan buku teks ini terbahagi kepada 13 modul yang mencakupi pembelajaran untuk Tingkatan 4 dan 5 iaitu:

Modul 1: PERKHIDMATAN AWAL KANAK-KANAK DAN KERJAYA
Modul 2: AMALAN KESELAMATAN
Modul 3: AMALAN KEBERSIHAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN
Modul 4: PENJAGAAN RUTIN HARIAN KANAK-KANAK
Modul 5: PENYEDIAAN MAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK
Modul 6: PERKEMBANGAN SAHSIAH, SOSIO-EMOSI DAN KEROHANIAN
Modul 7: PERKEMBANGAN BAHASA, KOMUNIKASI DAN LITERASI AWAL
Modul 8: PERKEMBANGAN FIZIKAL
Modul 9: PERKEMBANGAN AWAL MATEMATIK DAN PEMIKIRAN LOGIK
Modul 10: PERKEMBANGAN DERIA DAN PEMAHAMAN DUNIA PERSEKITARAN
Modul 11: PERKEMBANGAN ESTETIKA DAN DAYA KREATIF
Modul 12: PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TASKA
Modul 13: KEUSAHAWANAN DAN PROGRAM KERJAYA

Setiap unit pembelajaran dipersembahkan dan dipaparkan dalam bentuk yang mudah dan menarik melalui gambar foto, ilustrasi, peta pemikiran dan rajah dengan paparan yang berwarna. Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), kod QR dan halaman AR turut dimuatkan dalam penyediaan kandungan bertujuan meningkatkan kemahiran berfikir dan pengetahuan semasa murid.

Diharapkan dengan segala usaha murni daripada pelbagai pihak dalam penerbitan buku teks ini dapat membantu melahirkan murid yang berkemahiran, memiliki nilai serta etika profesional dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Seterusnya membentuk individu yang berfikiran kreatif dan inovatif mengikut arus perkembangan teknologi.

PENGENALAN IKON

Standard Pembelajaran

Menyatakan objektif pembelajaran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran.

INFO TAMBAHAN

Elemen tambahan yang diterapkan selain standard kandungan yang dipelajari murid.

IMBAS DI SINI

Mengimbas menggunakan telefon pintar untuk menonton video atau melayari laman web.

PAK 21

Memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni.

Teknologi yang menggabungkan teknologi maya dan nyata dalam bentuk 2D atau 3D.

Soalan-soalan kemahiran berfikir aras tinggi yang dapat menguji minda murid.

AKTIVITI

Aktiviti secara berkumpulan, individu atau berpasangan yang boleh dijalankan supaya murid lebih memahami konsep sesuatu pelajaran.

LATIHAN

Soalan-soalan berunsurkan KBAR dan KBAT yang disediakan untuk menguji pemahaman murid.

Rumusan

Ringkasan pelajaran yang disediakan dalam bentuk yang mudah.

LAYARI LAMAN WEB

Melayari laman web menggunakan platform media pada pautan yang telah disediakan.

Cara-cara menggunakan aplikasi AR:

1. Muat turun aplikasi AR dengan mengimbas kod QR di sebelah.
2. Klik butang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Kemudian, tekan *Download*.
3. Buka aplikasi, tekan butang muka surat halaman AR berkenaan dan imbas imej untuk menikmati pengalaman pembelajaran yang baharu.

GET IT ON Google Play

Download on the App Store

ASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Tingkatan 4

Modul 1: Perkhidmatan Awal Kanak-kanak dan Kerjaya

Modul 2: Amalan Keselamatan

Modul 3: Amalan Kebersihan dan Penjagaan Kesihatan

Modul 4: Penjagaan Rutin Harian Kanak-kanak

Modul 5: Penyediaan Makanan Bayi dan Kanak-kanak

Modul 6: Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian

Modul 7: Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal

Modul 1 PERKHIDMATAN AWAL KANAK-KANAK DAN KERJAYA

Standard Kandungan

1.1 Pengenalan kepada Bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak

1.2 Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak

1.3 Profesionalisme, Etika, Tugas serta Tanggungjawab Pendidik dan Pengasuh TASKA

Pengenalan

Perkhidmatan bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia adalah mengikut peringkat umur. Kategori umur lahir hingga 4 tahun adalah kategori Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) manakala 4 tahun hingga 6 tahun adalah kategori Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA). Dua perkhidmatan ini berbeza dari segi peruntukan perundangan, kategori umur, objektif penubuhan serta kemudahan prasarana mengikut kesesuaian umur kanak-kanak. Empat agensi bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan ini iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Pertubuhan Perlindungan Kanak-anak Malaysia (PPKM). Kepentingan pendidikan awal yang berkualiti sangat penting dan perlu menjadi sasaran utama kerana pendidikan bermula pada peringkat awal kanak-kanak. Anak-anak mencerminkan pemimpin akan datang.

1.1 Pengenalan kepada Bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak

Peringkat Umur Kanak-kanak Mengikut Bidang Asuhan

Standard Pembelajaran

1.1.1 Mengenal peringkat umur bayi dan kanak-kanak di bawah bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Rajah 1.1 Peringkat umur kanak-kanak mengikut Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2008

Bayi
0 hingga 1 tahun

Kanak-kanak tatih
1 hingga 2 tahun

Awal kanak-kanak
2 hingga 4 tahun

Kanak-kanak
4 hingga 6 tahun

Awal remaja
7 hingga 12 tahun

Remaja
13 hingga 16 tahun

Awal belia
17 hingga 18 tahun

Gambar foto 1.1 Perkembangan umur kanak-kanak

Perbezaan TASKA dan TADIKA

Standard Pembelajaran

1.1.2 Menyatakan perbezaan antara Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA).

Jadual 1.1 Perbezaan antara TASKA dan TADIKA

ASPEK	TASKA	TADIKA
Perundangan	Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308)	Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
Umur	0 hingga 4 tahun	4 hingga 6 tahun
Kesediaan Fizikal	Kanak-kanak pada peringkat ini mempunyai kesediaan: • Menguasai kemahiran motor halus dan motor kasar mengikut tahap perkembangan dan umur. • Mengurus diri sendiri seperti makan, gosok gigi, mandi dan ke tandas. • Mengemas barang-barang peribadi dan peralatan yang digunakan.	Kanak-kanak pada peringkat ini mempunyai kesediaan: • Melakukan pelbagai pergerakan motor halus dan motor kasar. • Melakukan pergerakan dengan imbangan dan kawalan. • Meneroka pelbagai pergerakan. • Melakukan pelbagai kemahiran manipulasi. • Mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui pemakanan yang seimbang dan penjagaan kebersihan diri. • Melindungi diri dan memahami kepentingan menjaga keselamatan diri.
Kesediaan Mental	• Usia dari lahir hingga empat tahun adalah masa yang terbaik. • Fungsi kognitif kanak-kanak membolehkan kanak-kanak berfikir dan membina pemahaman daripada pengalaman. • Otak kanak-kanak seumpama *supersponge* yang menyerap pelbagai maklumat dari persekitaran dengan cepat.	Pada peringkat ini kesediaan mental kanak-kanak berkembang secara maksimum berdasarkan ciri-ciri berikut: • Sikap ingin tahu dan minat tentang dunia di sekeliling mereka. • Kanak-kanak mula menguasai kemahiran saintifik dan berfikir secara kreatif dan kritis. • Mengamalkan sikap saintifik dan nilai murni. • Berinteraksi dan berkongsi maklumat serta menyelesaikan masalah.
Objektif Penubuhan	Maklumat bagi objektif penubuhan TASKA: • Menyediakan perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak dalam suasana yang selamat, ceria dan selesa. • Menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu. • Menyediakan makanan seimbang dan berkhasiat serta mengamalkan gaya hidup sihat. • Menerapkan nilai-nilai murni supaya kanak-kanak dapat menghayati dan mengamalkan sejak kecil. • Menggalakkan kecerdasan dan kemahiran fizikal serta amalan kesihatan, kebersihan dan keselamatan yang baik melalui aktiviti fizikal.	Maklumat bagi objektif penubuhan TADIKA: • Menggalakkan perkembangan Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial (JERIS) kanak-kanak melalui pelbagai pendedahan dan interaksi. • Menyediakan dan mengembangkan kemahiran asas 4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul) sebagai persediaan ke pendidikan atau pembelajaran formal. • Meluaskan pengalaman, peluang belajar dan mengembangkan potensi individu melalui pengajaran dan pembelajaran yang terancang, sesuai dengan peringkat umur, kemampuan, kebolehan dan minat. • Membentuk sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif untuk menjadi warganegara yang patriotik.

ASPEK	TASKA	TADIKA
Objektif Penubuhan		• Memupuk dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian, kreatif dan mengembangkan sifat ingin tahu. • Menggalakkan kecerdasan dan kemahiran fizikal serta amalan kesihatan, kebersihan dan keselamatan yang baik melalui makanan tambahan yang seimbang, aktiviti fizikal dan rutin harian.
Kelayakan Tenaga Pengajar	• Pengasuh yang bertugas di TASKA perlu mempunyai Kursus Asuhan yang diwajibkan oleh kerajaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. • Peraturan 54, Peraturan-peraturan TASKA 2012, semua pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh wajib hadir dan lulus Kursus Asuhan yang diwajibkan itu.	• Syarat minimum tenaga pengajar TADIKA adalah diploma. • Mempunyai pengalaman dalam bidang berkenaan atau pernah menghadiri kursus berkaitan pendidikan awal kanak-kanak.
Kemudahan Prasarana	• Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak dalam suasana yang selamat, ceria dan selesa. • Menyediakan program, aktiviti pembelajaran dan asuhan yang sesuai untuk kanak-kanak berumur bawah 4 tahun. • Pengurusan ruang di TASKA merangkumi ruang-ruang berikut: – Ruang aktiviti pembelajaran (di dalam dan di luar) – Ruang makan – Ruang rehat – Ruang tidur	• Menyediakan aktiviti pembelajaran akademik yang berasaskan mata pelajaran. • Pengurusan ruang di TADIKA merangkumi ruang-ruang berikut: – Ruang aktiviti pembelajaran (di dalam dan di luar) – Ruang makan

Kategori TASKA dalam Negara

Definisi Taman Asuhan Kanak-kanak

Di bawah Seksyen 2, Akta 308, "taman asuhan kanak-kanak" ertinya mana-mana premis yang menerima masuk empat (4) orang atau lebih kanak-kanak di bawah umur empat (4) tahun dari lebih daripada satu isi rumah untuk dijaga dengan upah.

Standard Pembelajaran

1.1.3 Menerangkan empat kategori TASKA yang sedang beroperasi dalam negara.

1.1.4 Membandingkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai kategori TASKA.

Kategori TASKA

Seksyen 5 Akta 308 memperuntukkan 4 kategori TASKA seperti berikut:

TASKA di rumah

- Di rumah pengusaha sendiri
- Tidak melebihi 10 orang kanak-kanak

TASKA di tempat kerja

- Ditubuhkan oleh majikan bagi kemudahan pekerja. Contoh di pejabat kerajaan
- Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan
- Ditubuhkan atas inisiatif majikan untuk kebajikan pekerja

TASKA komuniti

- Ditubuhkan dalam komuniti
- Menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri
- Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan
- Ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan di luar bandar

TASKA institusi

- Ditubuhkan oleh pengusaha swasta secara persendirian atau syarikat
- Menerima 10 orang atau lebih kanak-kanak dalam jagaan
- Ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

LAYARI LAMAN WEB

Untuk keterangan lanjut sila rujuk laman web berikut: *http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=b0twWGNVR0N2VjdGV2N0S3JkbjlEZz09*

Kepentingan Perkhidmatan Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak yang Berkualiti

Standard Pembelajaran

1.1.5 Menghuraikan kepentingan perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti kepada kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Berikut merupakan kepentingan perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti:

Kanak-kanak

Membantu perkembangan individu kanak-kanak secara menyeluruh. Kanak-kanak mendapat rangsangan dan kasih sayang yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku yang baik. Selain menimba ilmu, kanak-kanak berpeluang untuk bersosial dan mempunyai kebolehan intelektual yang lebih tinggi.

Ibu Bapa

Peranan ibu bapa untuk mewujudkan kesinambungan pembelajaran yang diperoleh di TASKA dan TADIKA dengan amalan di rumah. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memberi bantuan, galakan dan dorongan untuk memastikan anak-anak meneruskan amalan ketika berada di rumah.

Masyarakat

Perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti adalah penting kepada masyarakat selaras dengan fungsinya sebagai pusat penyampaian matlamat, hasrat dan aspirasi masyarakat. TASKA dan TADIKA menyediakan pelajaran secara tidak formal untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dan berpengetahuan. Ini dapat dibuktikan melalui kurikulum yang sejajar bagi mengekalkan nilai, norma, kebudayaan dan falsafah hidup masyarakat.

Negara

Setiap kanak-kanak diibaratkan permata yang mempunyai potensi untuk digilap menjadi generasi masa depan yang berjaya. Sistem pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti sangat memberi kesan ke arah membentuk kemenjadian modal insan. Kanak-kanak sekarang adalah acuan untuk kepimpinan akan datang.

Laporan Lawatan Sambil Belajar TASKA Ummi Ida, Teluk Intan

Standard Pembelajaran

1.1.6 Menghasilkan laporan lawatan ke TASKA mengikut format yang disediakan.

LAPORAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR TASKA UMMI IDA, TELUK INTAN

Lawatan sambil belajar ke TASKA Ummi Ida, Teluk Intan adalah aktiviti yang telah dijalankan oleh murid dari Sekolah Menengah Vokasional Bestari, Setapak, Selangor. Butir-butir program adalah seperti berikut:

Tempat lawatan : TASKA Ummi Ida, Teluk Intan, Perak

Tarikh : 2 Julai 2020 (Khamis)

Waktu : 8:00 pagi – 3:00 petang

Peserta : 24 orang murid dan 2 orang guru pengiring

Objektif lawatan tersebut adalah menambahkan pengalaman murid dan mendedahkan kemudahan prasarana di TASKA secara *hands-on*. Seramai 24 orang murid bersama 2 orang guru dari Kelas 4 MPV telah terlibat dalam lawatan tersebut. Pergerakan ke lokasi lawatan adalah menggunakan bas institusi. Murid bertolak dengan bas seawal 8:00 pagi. Jarak yang jauh menyebabkan kami mengambil masa 2 jam perjalanan untuk sampai ke lokasi yang dituju. Kami tiba di lokasi lawatan pada pukul 10:00 pagi. Ketibaan kami disambut oleh pihak pengurusan TASKA Ummi Ida.

Pihak pengurusan memberi taklimat umum berkaitan pengurusan TASKA. Taklimat hanya berlangsung selama 30 minit. Murid juga berpeluang bersoal jawab dengan pihak pengurusan TASKA. Seterusnya, kami diberi peluang melawat ruang di luar dan di dalam TASKA. Murid dapat membuat pemerhatian aktiviti yang dilaksanakan oleh pendidik bersama anak-anak asuhan di TASKA. Sesi refleksi dilaksanakan selepas sesi lawatan ke ruang TASKA.

Setiap murid merasakan bahawa aktiviti lawatan ini sangat memberi faedah kepada pembelajaran mereka dalam bidang awal kanak-kanak. Berikut adalah faedah yang kami peroleh hasil daripada lawatan ini:

- Mengetahui secara umum pengurusan TASKA
- Mengetahui tugas-tugas pengasuh
- Aktiviti asuhan seperti yang diperhatikan semasa lawatan
- Kemudahan-kemudahan asas yang perlu ada di sebuah TASKA

Setiap murid merasakan bahawa aktiviti lawatan ini sangat memberi faedah kepada pembelajaran mereka dalam bidang awal kanak-kanak. Lawatan ini perlu dijadikan rutin untuk memberi tambah nilai dalam bidang pembelajaran ini.

Disediakan oleh, 26 Februari 2020

_____

(NURUL AIN BINTI ZAKARIA)
Setiausaha Kelas 4 MPV
Sekolah Menengah Vokasional Bestari

Rumusan

Kategori umur bayi dan kanak-kanak sangat penting untuk diketahui bagi menentukan perkhidmatan bidang asuhan dan kanak-kanak yang disediakan. Hal ini kerana terdapat perbezaan antara TASKA dan TADIKA. Setiap institusi asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak mengimpikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti bagi memberi kesan yang baik kepada kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat dan negara.

AKTIVITI

1. Nyatakan kelayakan minima pengasuh TASKA dan TADIKA. Bandingkan kelayakan pengasuh di TASKA yang berhampiran. Bincangkan dapatan anda.
2. Secara berkumpulan, bincangkan perbezaan TASKA dan TADIKA. Bentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan perisian *PowerPoint*. PAK 21
3. Secara kumpulan bertiga, laksanakan lawatan ke sebuah TASKA dan TADIKA di tempat anda. Analisis persamaan dan perbezaannya. Sediakan laporan lawatan tersebut mengikut maklumat di bawah:

- Tajuk
- Nama TASKA dan TADIKA
- Tarikh lawatan
- Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di TASKA dan TADIKA
- Kepentingan maklumat kepada murid
- Penyedia laporan

LATIHAN

1. Nyatakan peringkat umur bayi dan kanak-kanak dalam bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.
2. Senaraikan kepentingan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.
3. Sejauh manakah perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti penting kepada kanak-kanak?

1.2 Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak

Perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak termaktub di bawah dasar kanak-kanak, akta dan peraturan yang berkaitan demi melindungi hak dan kepentingan kanak-kanak. Pematuhan dasar dan akta ini tidak hanya berfokus kepada kanak-kanak tetapi juga entiti lain yang berkaitan seperti pengasuh, pendidik dan komuniti yang terlibat dalam perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak.

Standard Pembelajaran

1.2.1 Menamakan dasar, akta dan peraturan berkaitan dengan perkhidmatan kanak-kanak yang sedang berkuatkuasa.

Dasar dan Akta Berkaitan Perkhidmatan Kanak-kanak

Dasar Kanak-kanak

Dasar Kanak-kanak Negara adalah satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif.

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga empat tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini adalah pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada.

Akta Berkaitan Perkhidmatan Kanak-kanak

- Akta Pekerjaan 1955
- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 pindaan 2007 (AKTA 308)
- Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969
- Akta Kanak-kanak 2001 pindaan 2011 (AKTA 611)
- Akta Pendidikan 1996 Pindaan 2002

Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012

Peraturan 53

Permohonan untuk menjalankan Kursus Asuhan

Peraturan 54

Perakuan Kursus Asuhan

Peraturan 55

Kecualian dan Peralihan

Kepentingan Penggubalan Dasar Akta dan Peraturan bagi Melindungi Kanak-kanak

- Memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan keselamatan sosial.
- Memastikan kanak-kanak diberi hak kepada perundangan dan perkhidmatan sokongan.
- Memberi perlindungan kepada mangsa, pengadu dan keluarga daripada gangguan atau ancaman pihak-pihak tertentu.
- Meningkatkan latihan kepada semua pihak yang berurusan dengan kanak-kanak supaya mempunyai pengetahuan, kelayakan dan kemahiran yang mencukupi serta bersikap positif dalam pengendalian kes penganiayaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.
- Memberi perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa penyeksaan, pengabaian, penganiayaan, keganasan, pengeksploitasian atau kanak-kanak tidak terkawal serta penyediaan rawatan pemulihan kepada pesalah kanak-kanak (*child offender*).

Standard Pembelajaran

1.2.2 Menerangkan kepentingan penggubalan dasar, akta dan peraturan bagi melindungi kanak-kanak.

1.2.3 Menjelaskan kandungan akta dan peraturan yang berkaitan taman asuhan kanak-kanak.

Kandungan Akta dan Peraturan yang Melibatkan Taman Asuhan Kanak-kanak

Akta Kanak-kanak 2001 Pindaan 2011 (AKTA 611)

- Melalui seksyen 28(1), menjadi satu kesalahan jika mana-mana ahli keluarga itu gagal untuk memaklumkan perlakuan penderaan terhadap kanak-kanak yang berlaku di dalam rumah yang didiaminya.
- Namun begitu, jika disabitkan, ahli keluarga yang berkenaan boleh dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang ditentukan oleh mahkamah.
- Hanya setelah ahli keluarga ini tidak mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan di dalam bon berkenaan, barulah mereka boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550)

- Akta Pendidikan 1996 menampilkan kesinambungan kepada hasrat dan dasar pendidikan yang sedia ada.
- Akta ini berpaksi kepada perakuan-perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas dasar pendidikan kebangsaan.
- Akta baru ini juga banyak mengekalkan peruntukan yang masih relevan daripada Akta Pelajaran 1961.
- Tujuan menggubalkan Akta Pendidikan 1996 untuk memperluas skop dan memperkenalkan perundangan mengenai pendidikan.

Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (AKTA 308)

- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak ini berkuatkuasa pada 1 Ogos 2008.
- Antara isi kandungan akta adalah berkaitan pendaftaran sesebuah Taman Asuhan Kanak-kanak, pembatalan pendaftaran, arahan, pelantikan pegawai diberi kuasa dan susunan peraturan Taman Asuhan.

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui lain-lain akta berkaitan taman asuhan kanak-kanak.

Berikut merupakan seksyen dalam Akta 308 yang berkaitan taman asuhan kanak-kanak:

Seksyen 2

Tafsiran
- Taman asuhan kanak-kanak.
- Taman asuhan kanak-kanak berdaftar.

Seksyen 5

Kategori taman asuhan kanak-kanak
- Taman asuhan kanak-kanak di rumah: jumlah kanak-kanak kurang daripada 10 orang.
- Taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja: bilangan kanak-kanak 10 orang atau lebih.
- Taman asuhan kanak-kanak komuniti: bilangan kanak-kanak 10 orang atau lebih.
- Taman asuhan kanak-kanak institusi: bilangan kanak-kanak 10 orang atau lebih.

Seksyen 6

Larangan ke atas taman asuhan yang tidak berdaftar.

Seksyen 7

Pendaftaran taman asuhan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah seperti dalam borang yang telah ditetapkan.

Seksyen 8

Terma dan syarat pendaftaran yang dikenakan.

Seksyen 12

Pendaftaran boleh dibatalkan jika tidak mematuhi peraturan, tidak memaklumkan perubahan terkini dan pemilik yang tidak berakhlak.

Seksyen 14

Pegawai berhak memeriksa TASKA dari segi kesihatan, pengurusan, peralatan, persekitaran dan kecemasan.

Seksyen 17

Kesalahan dan penalti.

Berikut pula merupakan Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012:

Peraturan 53
- Berkaitan dengan permohonan kelulusan untuk menjalankan kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

Peraturan 54
- Perakuan kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

Peraturan 55
- Kecualian dan peralihan
  - Berkenaan menghadiri dan lulus kursus asuhan kanak-kanak.

Dokumentasi Maklumat Mengenai Dasar, Akta dan Peraturan TASKA

Standard Pembelajaran

1.2.4 Menghasilkan dokumentasi maklumat mengenai dasar, akta dan peraturan TASKA dalam pelbagai bentuk media yang menarik dan kreatif.



Brosur

Lukisan

Buku skrap



Poster



PowerPoint

Rumusan

Akta dan peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak adalah penting untuk melindungi hak kanak-kanak. Setiap kanak-kanak di TASKA dan TADIKA mempunyai peruntukan akta yang berbeza dari segi kandungan, kepentingan dan peraturan seperti Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Akta Kanak-kanak 2001 Pindaan 2011 dan Akta Pendidikan 1996. Pengasuh dan pendidik juga didedahkan mengenai akta yang melindungi mereka sepanjang bertugas dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak seperti Akta Pekerjaan 1995, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1999 dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, lakukan pencarian maklumat daripada pelbagai sumber mengenai dasar, akta dan peraturan TASKA.
   (a) Dokumentasikan maklumat yang diperoleh mengikut panduan berikut:
      (i) Pengenalan
      (ii) Dasar
      (iii) Akta
      (iv) Peraturan
      (v) Penutup
   (b) Bentangkan hasil tugasan dengan menggunakan perisian *PowerPoint*. PAK 21

2. Huraikan akta dan peraturan yang berkaitan, mengikut dua peringkat umur kanak-kanak seperti berikut:
   - 0 hingga 4 tahun
   - 4 tahun ke atas

LATIHAN

1. Nyatakan dua dasar yang berkaitan dengan kanak-kanak di Malaysia.

2. Berikan tiga kepentingan penggubalan akta taman asuhan kanak-kanak.

3. Jelaskan kandungan akta yang berkaitan taman asuhan kanak-kanak mengikut seksyen berikut:
   - Seksyen 2
   - Seksyen 8
   - Seksyen 17

1.3 Profesionalisme, Etika, Tugas serta Tanggungjawab Pendidik dan Pengasuh TASKA

Organisasi yang Menawarkan Pekerjaan dalam Bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

1.3.1 Menyenaraikan organisasi yang menawarkan pekerjaan dalam bidang perkhidmatan awal kanak-kanak.

1.3.2 Menerangkan ciri seorang pendidik dan pengasuh TASKA yang profesional.

KEMAS

KPWKM
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat
Berbat Berjasa

TASKA dan TADIKA swasta

Pertubuhan Perlindungan Kanak-kanak Malaysia (NGO)

Rajah 1.2 Organisasi yang menawarkan pekerjaan dalam bidang perkhidmatan awal kanak-kanak

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui organisasi yang menawarkan pekerjaan dalam bidang perkhidmatan awal kanak-kanak dengan lebih lanjut.

Ciri Profesional Pendidik dan Pengasuh

Pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK)

- Pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang.
- Berilmu pengetahuan mengenai perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak.

Mempunyai kelayakan ikhtisas

- Mempunyai sijil-sijil kemahiran yang berkaitan dengan bidang PAKK.
- Contoh:
  - Sijil Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP).

Mempunyai kelayakan akademik

- Mempunyai sijil-sijil akademik.

Membina hubungan kekeluargaan dan hubungan komuniti

- Menjalin hubungan baik dan bekerjasama dengan ibu bapa.
- Menjaga hubungan baik dengan rakan kerja.

Berketerampilan

- Berpakaian sesuai dan sopan.
- Bersikap sabar dan positif.
- Berkomunikasi dengan jelas dan menggunakan laras bahasa yang sesuai dan sopan.
- Menunjukkan sahsiah diri yang baik.

INFO TAMBAHAN

Maksud profesional
Profesionalisme ialah satu nilai yang berkait rapat dengan fungsi pekerjaan dalam mencapai keberkesanan, produktiviti, kecekapan dan kebertanggungjawaban.

[Sumber: Sufiah Hussein dalam Esah Sulaiman (2003)]

Etika sebagai Pendidik dan Pengasuh TASKA

Standard Pembelajaran

1.3.3 Menerangkan etika sebagai pendidik dan pengasuh TASKA.

Maksud Etika

Suatu norma atau aturan yang dipakai sebagai panduan dalam berperilaku dalam masyarakat bagi seseorang yang berkait dengan sifat baik dan buruk.

Etika Pendidik Awal Kanak-kanak Berdasarkan *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC)

1. Tidak merosakkan kanak-kanak iaitu tidak terlibat dalam situasi berbahaya, menindas dan merosakkan kanak-kanak dalam segala aspek
2. Tidak menyertai aktiviti-aktiviti yang mendiskriminasikan kanak-kanak dan memberi kelebihan kepada aktiviti tersebut
3. Pendidik melibatkan diri dalam aktiviti yang berilmu agar dapat membuat keputusan yang melibatkan kepentingan kanak-kanak
4. Pendidik perlu peka dengan simptom penderaan kanak-kanak dari segi fizikal, seksual, lisan dan emosi serta tahu tentang undang-undang dan akta dalam melindungi kanak-kanak
5. Pendidik perlu melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab dan pastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kes penderaan yang mempunyai bukti kukuh
6. Tanggungjawab pendidik untuk membimbing dan mengajar kanak-kanak mempelajari kemahiran mengikut tahap pencapaian dan penguasaan mereka

Rajah 1.3 Etika pendidik dan pengasuh TASKA

Rumusan

KEMAS, KPM dan swasta adalah antara organisasi yang menawarkan pekerjaan dalam bidang perkhidmatan awal kanak-kanak. Pengetahuan terhadap ciri, tugas dan tanggungjawab seorang pendidik adalah antara yang diperoleh dalam pelajaran ini. Di samping itu, etika sebagai pendidik dan pengasuh yang profesional juga amat penting untuk diketahui. Sehubungan itu, mereka dapat menilai keupayaan diri untuk menjadi seorang pendidik dan pengasuh yang berkualiti dalam bidang awal kanak-kanak.

AKTIVITI

Standard Pembelajaran

1.3.4 Menghuraikan tugas dan tanggungjawab pendidik atau pengasuh berdasarkan maklumat temu bual yang dilaksanakan.

1.3.5 Menilai keupayaan diri untuk menjadi seorang pendidik atau pengasuh dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

1. Menjemput seorang pengusaha TASKA swasta yang berjaya untuk memberi taklimat berkaitan peluang kerjaya pengasuh di TASKA swasta.
2. Mengadakan temu bual bersama-sama beberapa pengasuh TASKA untuk mendapatkan info tentang tugas dan tanggungjawab seorang pengasuh. Tugasan perlu dijalankan secara berkumpulan mengikut agihan yang sesuai.
3. Laksanakan pemerhatian di TASKA yang berhampiran. Lengkapkan jadual berikut mengikut peranan pengasuh yang diperhatikan. Anda juga perlu melengkapkan ruangan impian anda jika anda menjadi seorang pengasuh di TASKA.

Peranan	Jika saya pengasuh, saya akan menjadi seperti
Membimbing	
Menyayangi	
Mendidik	

LATIHAN

1. Senaraikan organisasi yang menawarkan perkhidmatan dalam bidang awal kanak-kanak di sekitar anda.
2. Huraikan kepentingan pusat asuhan yang berkualiti kepada kanak-kanak.
3. Sejauh manakah ciri penyayang perlu diamalkan oleh seorang pengasuh TASKA? Bincangkan.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	☹
Mengenal peringkat umur bayi dan kanak-kanak dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.			
Menyatakan perbezaan antara Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA).			
Menerangkan empat kategori TASKA yang sedang beroperasi dalam negara.			
Membandingkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai kategori TASKA.			
Menghuraikan kepentingan perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti kepada kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat dan negara.			
Menamakan dasar, akta dan peraturan berkaitan dengan perkhidmatan kanak-kanak yang sedang berkuat kuasa.			
Menerangkan kepentingan penggubalan dasar, akta dan peraturan bagi melindungi kanak-kanak.			
Menjelaskan kandungan akta dan peraturan yang berkaitan taman asuhan kanak-kanak.			
Menyenaraikan organisasi yang menawarkan pekerjaan dalam bidang perkhidmatan awal kanak-kanak.			
Menerangkan ciri seorang pendidik dan pengasuh TASKA yang profesional.			
Menerangkan etika sebagai pendidik dan pengasuh TASKA.			
Menghuraikan tugas dan tanggungjawab pendidik atau pengasuh berdasarkan maklumat temu bual yang dilaksanakan.			
Menilai keupayaan diri untuk menjadi seorang pendidik atau pengasuh dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.			

Modul 2 AMALAN KESELAMATAN

Standard Kandungan

2.1 Keselamatan Bayi dan Kanak-kanak di TASKA
2.2 Pertolongan Cemas
2.3 Pencegahan Kebakaran dan Rawatan Awal

Pengenalan

Langkah-langkah keselamatan ini termasuklah segala peraturan, kemudahan atau penyediaan peralatan yang bertujuan melindungi bayi dan kanak-kanak daripada mengalami kemudaratan. Antara kemudaratan yang boleh berlaku berpunca daripada pengabaian aspek keselamatan seperti kemalangan yang membawa kepada kecederaan atau kematian. Tanpa perlindungan keselamatan, bayi atau kanak-kanak akan berasa takut, bimbang atau mudah terdedah kepada sesuatu yang membahayakannya sama ada secara sedar atau tidak.

2.1 Keselamatan Bayi dan Kanak-kanak di TASKA

Terdapat beberapa punca kecederaan dan kemalangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak di TASKA. Antaranya termasuklah:

Standard Pembelajaran

2.1.1 Menyenaraikan punca kecederaan dan kemalangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak.

Punca Kemalangan

Kecuaian

Pintu yang dibiar terbuka

Ruang yang bersepah



Permukaan lantai bilik air yang licin dan infrastruktur yang rosak

Sifat kanak-kanak

Kanak-kanak suka berlari-lari

Kanak-kanak bertindak mengikut naluri dan perasaan



Sifat ingin tahu

Peralatan yang berbahaya



Peralatan yang rosak dan berbahaya

Susun atur ruang yang tidak kondusif



Penyimpanan peralatan yang tidak sistematik

Rajah 2.1 Punca kecederaan dan kemalangan di TASKA

Kepentingan Penjagaan Keselamatan

Penjagaan keselamatan menjadi aspek penting di TASKA bagi mewujudkan suasana pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang selesa, sihat dan gembira. Berikut ialah kepentingan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA:

1. Mengurangi risiko kematian
2. Menyelamatkan nyawa
3. Mengelakkan kecacatan kekal pada bayi dan kanak-kanak
4. Memberi bantuan awal jika berlaku kemalangan dan kecederaan

Standard Pembelajaran

2.1.2 Menerangkan kepentingan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.

2.1.3 Menjelaskan peranan pendidik atau pengasuh bagi memastikan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.

Peranan Pendidik dan Pengasuh bagi Memastikan Persekitaran yang Selamat

Pendidik dan pengasuh memainkan peranan penting bagi memastikan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.

Contoh dan Teladan

- Menjadi contoh dan teladan dalam amalan mengutamakan keselamatan di TASKA.
- Menunjukkan amalan sama ada dari segi perbuatan, percakapan dan tindakan.
- Peka dengan persekitaran di dalam dan di luar TASKA.
- Kasih sayang dan belaian ketika memberikan bimbingan, pengajaran dan pembelajaran dapat menyuburkan rasa selamat dalam kalangan kanak-kanak.

Penerapan Amalan Keselamatan

- Perancangan dan pengelolaan aktiviti pengajaran yang bermakna.
- Menerapkan aspek keselamatan dalam pengajaran di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.
- Rutin harian yang membabitkan keselamatan termasuklah mencatat kehadiran kanak-kanak, mengira jumlah kanak-kanak setiap kali aktiviti di luar TASKA dan memantau kanak-kanak ke tandas.

Ruang Dalam yang Selamat

- Memastikan ruang di dalam dan di luar yang selamat kepada bayi dan kanak-kanak di TASKA.
- Segala peralatan, perabot, lantai, perkakasan masakan, alat tulis dan alat permainan akan dapat digunakan secara optimum sekiranya berada dalam keadaan selamat dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam peraturan dan panduan.

Persekitaran yang Selamat di Dalam dan di Luar TASKA

Standard Pembelajaran

2.1.4 Menghuraikan persekitaran yang selamat di dalam dan di luar TASKA.

Persekitaran TASKA ialah keadaan sekeliling yang merangkumi ruang di dalam dan di luar. Ruang di dalam dan di luar termasuklah ruang belajar, ruang makan, ruang tidur, ruang bacaan dan tandas. Sementara ruang di luar termasuklah padang permainan, sudut air, sudut kebun dan sudut pasir. Persekitaran yang selamat dapat membantu pendidik dan pengasuh memberikan asuhan dan pendidikan yang berkesan bagi membantu tugas perkembangan dan pertumbuhan bayi dan kanak-kanak.

Ruang belajar

Panduan Keselamatan

- Penyusunan perabot tidak berhampiran tingkap.
- Pemilihan perabot yang tidak berbahaya seperti tidak mempunyai bucu yang tajam.
- Penggunaan cat yang selamat.

Ruang tamu

- Penyusunan perabot teratur.
- Terdapat ruang yang lapang di tengah bilik.
- Perhiasan yang tidak mendatangkan bahaya.

Bilik air



- Jubin lantai jenis anti licin, bersih dan terdapat pelapik getah.
- Pemantauan penggunaan tandas yang kerap.
- Ketinggian dan saiz tandas duduk yang sesuai.
- Ketinggian sinki yang sesuai.

Bilik tidur



Panduan Keselamatan

- Penggunaan katil setingkat (*stackable kids bed*).
- Perabot di bilik tidur sesuai dengan kanak-kanak seperti tilam yang sepadan dengan katil.
- Tingkap yang berjeriji hendaklah mudah dibuka.
- Suis dan soket elektrik pada kedudukan yang sukar dicapai oleh kanak-kanak.
- Pencahayaan, warna dinding dan selingan irama muzik yang sesuai.

Ruang dapur

- Kedudukan perabot tidak berhampiran tingkap.
- Pemetik api disimpan di tempat yang selamat.
- Punca elektrik tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.
- Pemasangan palang penghadang keselamatan di pintu.
- Mengelap sebarang tumpahan cecair di lantai.
- Melabel tempat simpanan bahan berbahaya yang terletak di kedudukan sukar dicapai kanak-kanak.

Rajah 2.2 Persekitaran yang selamat di dalam TASKA

Ruang persekitaran luar

Ruang permainan luar

Panduan Keselamatan

Padang permainan

- Permukaan tanah yang lembut dan tahan hentakan.
- Tidak ada benda tajam yang berbahaya seperti kaca, paku, serpihan batu atau besi.
- Kawasan berlubang atau berlopak dikambus dan diratakan dengan tanah.
- Rumput sentiasa pendek dan tidak ada tumbuhan berduri yang boleh mendatangkan kecederaan.

Permainan pasir

- Pasir disimpan dalam bekas yang boleh ditutup jika tidak digunakan.
- Nyatakan panduan yang jelas ketika aktiviti bermain pasir.
- Sentiasa membersihkan pasir daripada najis, binatang merayap atau benda-benda tajam yang boleh melukakan.

Ruang permainan luar

Panduan Keselamatan

Permainan air

- Air di dalam bekas yang selamat dan mesra pengguna.
- Membersihkan air takungan daripada najis, serangga atau benda-benda yang tajam.
- Bekas mandi seperti baldi dan besen disimpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.
- Mengosongkan air dari kolam buatan selepas digunakan.

Ruang berkebun

Peralatan perkebunan

- Peralatan berkebun disimpan selepas digunakan.
- Kanak-kanak dipandu dan dipantau ketika menggunakan peralatan perkebunan.

Sistem perparitan

Sistem perparitan

- Longkang dan parit sentiasa dibersihkan.
- Tidak ada sebarang tumbuhan liar di dalam parit.

Penutup longkang dan lubang

- Longkang ditutup dengan penutup besi atau getah.

Rajah 2.3 Persekitaran yang selamat di luar TASKA

Menilai Langkah dan Peraturan Keselamatan Bertulis di TASKA

Standard Pembelajaran

2.1.5 Menilai langkah dan peraturan keselamatan bertulis di TASKA.

2.1.6 Menjana idea bagi menambah baik amalan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.

Penilaian langkah dan peraturan keselamatan di TASKA dapat memberikan tindak balas yang menggalakkan dalam kalangan ibu bapa, pendidik dan pengasuh. Peraturan keselamatan yang bertulis boleh dijadikan rujukan standard kepada semua pihak dalam mengatasi sesuatu isu berkaitan keselamatan. Langkah dan peraturan keselamatan bertulis di TASKA boleh dinilai berdasarkan senarai semak dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1 Senarai semak keberkesanan peraturan bertulis di TASKA

Peraturan	(Sila Tanda ✓) (1-Boleh diperbaiki 2-Baik 3-Amat Baik)		
	1	2	3
Bahasa yang jelas dan mudah difahami			
Mematuhi standard amalan dan peraturan			
Sesuai dengan umur			
Jelas kepada pihak yang bertanggungjawab			
Memenuhi keperluan kanak-kanak			
Guna kaedah yang pelbagai			
Bertujuan melindungi kanak-kanak			
Boleh dicapai dan dilihat dengan mudah			
Sesuai dengan perkembangan semasa			
Boleh diukur dalam tindakan dan amalan			

Amalan Penjagaan Keselamatan Bayi dan Kanak-kanak di TASKA

Perancangan dan pelaksanaan amalan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA perlu dimantapkan mengikut keperluan dan perkembangan dari semasa ke semasa. Penambahbaikan amalan penjagaan keselamatan ini dapat mengurangkan risiko kecederaan atau kematian dalam kalangan bayi dan kanak-kanak. Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan termasuklah perkara-perkara berikut:

Amalan Penjagaan	Cadangan Penambahbaikan
Pemasangan kamera keselamatan di TASKA	Kamera keselamatan hendaklah dipasang di tempat yang strategik dan diselia supaya berfungsi serta dapat dicapai siarannya menggunakan telefon pintar pihak pengurusan TASKA.
Pelibatan ibu bapa dalam penjagaan keselamatan	Menjadualkan tarikh dan bentuk tugasan dalam penjagaan keselamatan kepada ibu bapa yang berminat menyumbang tenaga secara sukarela.
Pelibatan masyarakat sekitar dalam penjagaan keselamatan	Mewujudkan hubungan kerjasama dengan komuniti sekitar TASKA seperti jawatankuasa penduduk, pihak berkuasa keselamatan dan institusi kesihatan.
Penggunaan alat pemadam api	Pastikan alat pemadam api berfungsi, diselia dengan baik dan mahir menggunakannya. Pemasangan alat pengesan asap adalah satu kelebihan bagi TASKA bersedia dalam bencana.
Mempunyai pintu yang mudah dibuka	Memastikan pintu dapur, bilik air dan pintu utama sentiasa ditutup selepas digunakan.

Rumusan

Kanak-kanak perlu diberikan jaminan keselamatan ketika mereka berada di TASKA. Ibu bapa dan penjaga menaruh kepercayaan yang tinggi kepada TASKA dalam menjamin keselamatan anak-anak mereka sepanjang berada di TASKA. Oleh itu, pengusaha dan pendidik perlu merancang dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang wajar supaya kanak-kanak tidak terlibat dengan sebarang kemalangan dan kecederaan. Peraturan keselamatan yang sesuai akan dapat membantu pendidik mengawal dan mencegah kemalangan yang tidak dijangka.

AKTIVITI

1. Bincangkan isu semasa aspek keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA dalam kumpulan. Kemudian bentangkan penambahbaikan terhadap isu tersebut dalam kelas. Pembentangan boleh dilakukan dalam bentuk *PowerPoint* atau kertas sebak. PAK 21
2. Lakukan tinjauan di sebuah TASKA dari aspek penyediaan peralatan keselamatan. Kemudian, bentangkan hasil tinjauan tersebut.
3. Cadangkan penambahbaikan aspek keselamatan di sebuah TASKA.

LATIHAN

1. Bagaimana pendidik dapat menambah baik amalan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di dalam TASKA?
2. Mengapa penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak wajar diberikan keutamaan di TASKA?
3. Beri pandangan anda berkaitan peraturan bertulis yang terdapat di ruang makan TASKA.

2.2 Pertolongan Cemas

Pertolongan cemas ialah pertolongan atau bantuan segera yang bersifat sementara diberikan kepada mangsa yang mengalami kemalangan atau kecederaan dengan menggunakan segala kemudahan yang terdapat di tempat kejadian. Pertolongan cemas dilakukan sebelum ketibaan bantuan perubatan atau sebelum mangsa mendapat rawatan perubatan.

Sifat pemberi pertolongan cemas yang baik adalah:-

- Mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri dalam mengendalikan kes-kes kecemasan.
- Pantas berikhtiar menggunakan segala kemudahan yang terdapat di tempat kejadian atau sekelilingnya.
- Prihatin dan cekap dalam mengenali tanda-tanda dan gejala sesuatu kes.
- Mempunyai sifat bertimbang rasa kepada mangsa.
- Membantu tanpa mengira latar belakang mangsa.
- Bersifat lemah lembut dan tidak mudah panik semasa memberi bantuan.

Tujuan Pertolongan Cemas

Dalam keadaan tertentu, pertolongan cemas dilakukan bertujuan untuk:

- Menyelamatkan nyawa.
- Memberi pertolongan awal.
- Mengelakkan pesakit menjadi lebih serius.
- Memberi bantuan pemulihan.
- Mengurangkan kesakitan dan penderitaan mangsa.

Standard Pembelajaran

2.2.1 Menyatakan tujuan pertolongan cemas.

2.2.2 Mengenal pasti kandungan Peti Pertolongan Cemas, kegunaan serta keperluan kuantitinya.

Peti Pertolongan Cemas yang Asas

Peti pertolongan cemas ialah peti yang lengkap mengandungi bahan dan alat perubatan yang asas serta digunakan sebelum tarikh luput.

Gambar foto 2.1 Peti pertolongan cemas yang asas

INFO TAMBAHAN

Tip Memberi Pertolongan Cemas

- Bertindak segera untuk menilai mengenai keseluruhan keadaan kecemasan di kawasan itu.
- Periksa nadi dan pernafasan mangsa.
- Berikan keutamaan kepada kecederaan mengikut keparahan.
- Kawal semua bentuk pendarahan.
- Buat persiapan untuk menghantar mangsa ke hospital terdekat.

Jadual 2.2 Kandungan peti pertolongan cemas

Bil.	Kandungan	Kuantiti	Kegunaan
1.	Kasa sapu	1 bungkus	Menutup luka.
2.	Bebola kapas bersteril	1 bungkus	Membersihkan luka dan memberi tekanan langsung untuk menghentikan pendarahan.
3.	Putik kapas	1 bungkus	Mencuci luka pada kawasan sukar.
4.	Kain pembalut bersteril	2 gulung	Pembebat luka dan membuat balutan dan memberi tekanan pada pendarahan dan menstabilkan kepatahan.
5.	Kain pembalut kenyal	1 gulung	Pembebat luka dan menstabilkan seliuh kaki dan tangan.
6.	Pembalut gulung	1 gulung	Mengawal pendarahan, menghindari jangkitan kuman dan melindungi luka daripada kecederaan.
7.	Penyembur *ethylchloride*	1 botol	Menghilangkan rasa sakit.
8.	Losyen kuning	1 botol	Mencepatkan penyembuhan luka.
9.	Cecair antiseptik	1 botol	Digunakan sebagai cucian luka luar.
10.	Krim antiseptik	1 tiub	Membasmi kuman, merawat luka, calar, lepuh kecil serta gigitan atau sengatan haiwan.
11.	Krim *analgesic*	1 tiub	Meredakan kesakitan.
12.	Minyak angin	1 botol	Untuk kelegaan sementara bagi sakit otot dan sendi.
13.	Plaster penyembuhan sakit	1 kotak	Melegakan sakit otot, sakit sendi dan ketegangan urat.
14.	Pengelap alkohol	4 keping	Membersihkan luka, kesan calar dan gigitan serangga.
15.	Plaster luka	2 bungkus	Merawat dan menutup luka kecil.
16.	Pita pelekat	1 gulung	Menetapkan kain kasa.
17.	Penyepit	1 buah	Mengeluarkan serpihan dan menyepit kapas.
18.	Gunting	1 bilah	Memotong kain atau perekat.

Cara Rawatan Awal Pertolongan Cemas

Kecederaan	Rawatan
Sesak Nafas	1. Periksa dan bersihkan mulut serta hidung supaya tidak tersumbat. 2. Dongak kepala mangsa untuk membuka saluran pernafasan. 3. Periksa pernafasan mangsa: • Jika bernafas, betulkan kedudukan mangsa sama ada duduk atau baring mengiring. • Jika tidak bernafas, lakukan resusitasi pernafasan melalui mulut ke mulut atau tekanan luar dada. • Jika disebabkan bahan kimia, jangan lakukan resusitasi mulut ke mulut.

Standard Pembelajaran

2.2.3 Menunjuk cara rawatan awal yang betul bagi insiden:

(i) Sesak nafas
(ii) Tersedak susu
(iii) Tercekik benda asing
(iv) Hidung berdarah
(v) Terkena gigitan haiwan dan serangga
(vi) Digigit kanak-kanak lain
(vii) Membersih luka dan membalut luka
(viii) Benjol dan rawatan tuam atau demah
(ix) Terseliuh, patah dan pemakaian anduh
(x) Terkena benda panas
(xi) Terkena renjatan elektrik
(xii) Lemas

Kecederaan	Rawatan
Tersedak Susu	1. Tiarapkan bayi, kemudian tepuk belakang badannya beberapa kali. 2. Pastikan susu atau bahan makanan yang menyekat saluran pernafasannya terkeluar. 3. Jika tidak keluar, dalam keadaan duduk menghadap ke hadapan, tekan bahagian dada dengan menggunakan hujung genggaman tangan secara perlahan-lahan. 4. Tekan di bahagian perut. Kemudian, tekan dan picit di bahagian dada beberapa kali menggunakan dua jari sehingga bayi dapat bernafas semula.
Tercekik Benda Asing	1. Keluarkan benda asing dengan menggunakan jari. 2. Tiarapkan bayi dan tepuk lima kali di belakang badan. 3. Telentangkan bayi dan keluarkan benda asing jika ada. 4. Sekiranya masih tercekik, tekan dua jari di bahagian dada (ulu hati enam kali). 5. Bagi kanak-kanak pula, minta dia batuk hingga benda asing terkeluar. 6. Sekiranya gagal, lakukan lima tepukan antara tulang belikat mangsa. 7. Boleh lakukan *Heimlich Manourve* (tekanan di bawah diafragma) sehingga benda asing terkeluar.

INFO TAMBAHAN

Pemeriksaan ABC
Terdapat tiga prinsip asas yang perlu dilakukan iaitu ABC sebelum melakukan CP

A *Airway* (saluran pernafasan)
B *Breathing* (pernafasan)
C *Circulation* (peredaran darah)

Imbas halaman AR ini untuk menonton video demonstrasi rawatan awal bayi tercekik.

Kecederaan	Rawatan
Hidung Berdarah	1. Minta mangsa duduk, tundukkan kepala ke bawah bagi mengelakkan daripada tertelan darah. 2. Minta mangsa memicit bahagian depan hidung dengan menggunakan jari telunjuk dan ibu jari. Tundukkan kepala dan bernafas melalui mulut. Amalkan kaedah ini selama 10 minit. 3. Jangan sesekali mengarahkan mangsa menarik atau menghembus nafas melalui hidung. 4. Setelah pendarahan berhenti, nasihatkan mangsa supaya tidak memegang atau menghembus hidung selama beberapa jam. 5. Sekiranya pendarahan masih berterusan selepas 30 minit, hantar pesakit ke hospital atau klinik.
Terkena Gigitan Haiwan dan Serangga	**Gigitan Haiwan :** 1. Kenal pasti haiwan yang menggigit. 2. Cuci luka dengan sabun dan air selama 5 minit. 3. Keringkan luka dan balut dengan perekat. 4. Dapatkan rawatan doktor jika membengkak dan rasa sakit. **Gigitan Serangga :** 1. Buang sengat jika masih terlekat pada kulit dengan menggunakan penyepit. 2. Tuam kulit dengan tekanan yang sejuk untuk melegakan kesakitan dan mengurangkan bengkak. 3. Nasihatkan berjumpa dengan doktor jika kesakitan atau bengkak meningkat selepas satu atau dua hari.
Digigit Kanak-kanak Lain	1. Cuci kawasan luka dan lap menggunakan kain bersih. 2. Jika luka dalam, dapatkan rawatan doktor. 3. Tegaskan pada kanak-kanak supaya jangan menggigit. 4. Sediakan *teething tools* untuk gigitan.
Membersih dan Membalut Luka	1. Cuci luka dan buangkan kotoran dengan air bersih. 2. Sekiranya luka itu merupakan calar sahaja, biarkan ia kering. Jika perlu, tutup luka dengan plaster kecil. 3. Pastikan pendarahan telah berhenti.
Benjol dan Rawatan Tuam atau Demah	**Cara rawatan** 1. Sediakan sampul kain berisi pek ais. 2. Letakkan pek ais pada benjol dan menekannya dengan lembut. 3. Angkat pek ais daripada benjol selepas beberapa saat. 4. Ulangi tindakan ini selama 10 minit. 5. Tindakan ini akan mengurangkan kesakitan dan menghilangkan benjol. **Cara menyediakan pek ais** 1. Isikan 2/3 beg plastik dengan pecahan ais batu. 2. Keluarkan udara yang ada di dalam beg dan ikat. 3. Bungkuskan beg dengan kain basah.

Kecederaan	Rawatan
Terseliuh, Patah dan Pemakaian Anduh	1. Bantu pesakit berada dalam posisi yang paling selesa. 2. Bantu pesakit merehatkan bahagian anggota yang terseliuh di atas bantal atau bahan sokongan yang lain untuk mengawal kesakitan. 3. Balut tempat terseliuh dengan pembalut gulung berbentuk angka lapan. 4. Selepas 10 minit, rawat dengan pek ais.
Terkena Benda Panas	1. Tenteramkan kanak-kanak dengan pujian dan belaian. 2. Ubahkan atau alihkan punca benda yang panas. 3. Matikan punca elektrik jika berpunca daripada perkakasan elektrik. 4. Tanggalkan pakaian dan barangan hiasan kanak-kanak. 5. Siram dan lalukan air mengalir di bahagian terkena panas selama lebih kurang 15 – 20 minit. 6. Sapukan krim yang sesuai di bahagian yang terkena panas. 7. Hindarkan penggunaan minyak atau ubat sapuan seperti mentega atau ubat gigi. 8. Berikan minum *paracetamol* (sirap) untuk mengurangkan sakit. 9. Hantar ke klinik untuk rawatan lanjut.
Terkena Renjatan Elektrik	1. Matikan punca elektrik. 2. Alihkan semua bahan pengalir dengan penebat. 3. Betulkan kedudukan mangsa. 4. Telefon ambulans. 5. Lakukan CPR (*cardiopulmonary resuscitation*).
Lemas	1. Buat pemeriksaan ABC (saluran pernafasan, pernafasan dan peredaran darah). 2. Buat CPR.

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui langkah CPR kepada bayi.

Rumusan

Kemahiran pertolongan cemas penting difahami oleh pengasuh, pendidik dan pembantu bagi mengurangkan risiko kemalangan yang tidak terduga. Latihan yang berterusan akan dapat membantu pengasuh dan pendidik untuk meningkatkan kepekaan mereka dalam memberikan pertolongan cemas lebih awal kepada mangsa. Pelibatan semua pihak pula akan dapat mengurangkan risiko kemalangan di TASKA. Hal ini kerana rasa bertanggungjawab dan kerjasama ini memudahkan lagi urusan pihak TASKA dalam menangani kes kecemasan yang tidak mengira masa, keadaan dan tempat.

Standard Pembelajaran

2.2.4 Menghasilkan dokumentasi maklumat cara memberi pertolongan cemas dan rawatan awal dalam bentuk media yang kreatif.

AKTIVITI

1. Labelkan ubat-ubatan yang terdapat di dalam peti kecemasan TASKA.
2. Hasilkan persembahan *PowerPoint* mengenai panduan memberikan rawatan kecemasan terhadap 12 kemalangan yang telah dipelajari. PAK 21
3. Dalam kumpulan bertiga, rancang dan laksanakan simulasi memberikan rawatan awal terhadap kemalangan yang berlaku di TASKA. Rakamkan simulasi tersebut dan edarkan dalam grup media sosial kelas anda.

PAK 21

LATIHAN

1. Jelaskan tujuan pertolongan cemas.
2. Bincangkan ciri pendidik yang baik dalam memberikan pertolongan cemas kepada bayi dan kanak-kanak.
3. Bagaimana kemahiran pertolongan cemas dapat memberikan kebaikan kepada pendidik dalam pendidikan awal kanak-kanak?

2.3 Pencegahan Kebakaran dan Rawatan Awal

Kebakaran adalah tindak balas kimia yang mendorong kepada nyalaan yang berpunca daripada api. Nyalaan yang membawa kepada kebakaran ini boleh bersaiz besar atau kecil. Kebakaran boleh berlaku tanpa mengira masa dan tempat. Kebakaran yang berlaku akan menyebabkan kerugian dan kemudaratan kepada manusia. Mereka akan kehilangan harta benda, kecederaan parah dan kehilangan nyawa. Kebakaran boleh dicegah dengan mengambil langkah-langkah keselamatan yang rapi dan teliti.

Punca Kebakaran di TASKA

Standard Pembelajaran

2.3.1 Menyenaraikan punca kebakaran di TASKA.

2.3.2 Menerangkan tindakan yang perlu diambil jika berlaku kebakaran.

Punca kebakaran yang berlaku di TASKA adalah seperti berikut:

- Pembakaran secara terbuka
- Litar pintas dalam pendawai elektrik
- Api kecil yang tidak dipadam
- Kebakaran bahan mudah terbakar seperti minyak, plastik atau dapur

Tindakan Semasa Berlaku Kebakaran

Sekiranya berlaku kebakaran di TASKA, pihak yang bertanggungjawab perlu bertindak segera bagi mengelakkan kehilangan nyawa atau harta benda yang lebih besar. Antara langkah yang perlu dilakukan ialah:



Penggunaan Alat Pemadam Api yang Betul

Tatacara memadam kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api boleh dilakukan dengan menggunakan teknik Tanggal, Acu, Tekan dan Sembur atau *Pull, Aim, Squeeze and Sweep* (PASS).

Standard Pembelajaran

2.3.3 Menunjuk cara penggunaan alat pemadam api yang betul.

KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN

P Tanggalkan alat keselamatan daripada pemadam api

- Pastikan alat pemadam api ditegakkan
- Tanggalkan alat keselamatan yang dilengkapkan bagi mengelakkan kegunaan secara tidak sengaja

A Acukan muncung alat pemadam api ke pangkal api

- Pastikan alat pemadam api ditegakkan
- Tanggalkan alat keselamatan yang dilengkapkan bagi mengelakkan kegunaan secara tidak sengaja

S Tekan tukil atas alat pemadam

- Tekan tukil atas alat pemadam

S Semburkan ke arah api dengan cara menyapu

- Gunakan cara menyapu ketika penyemburan dilakukan pada keseluruhan bahagian api

Buka semua tingkap

- Apabila api sudah dipadamkan, buka semua pintu dan tingkap untuk membolehkan udara segar masuk

Rajah 2.3 Cara menggunakan alat pemadam api menggunakan teknik PASS

Rawatan Awal Kecederaan Akibat Kebakaran

Pengetahuan tentang rawatan awal sesuatu kecederaan mampu menyelamatkan nyawa dan mengelakkan keadaan menjadi lebih teruk. Antara rawatan awal tersebut ialah:

Standard Pembelajaran

2.3.4 Melaksanakan simulasi rawatan awal kecederaan akibat kebakaran mengikut kaedah yang betul.

2.3.5 Menilai dan mengusulkan cadangan untuk menambah baik prosedur pencegahan kebakaran di TASKA.

1. Pastikan saluran pernafasan mangsa terbuka, tiada sekatan atau objek menghalang pernafasan
2. Periksa tahap kecederaan pada anggota terlibat
3. Sejukkan bahagian yang terbakar dengan mengalirkan air
4. Tutup bahagian yang terbakar dengan kain bersih
5. Bawa mangsa ke hospital berdekatan bagi mendapatkan rawatan lanjut

Luka terbakar

Pada tisu badan akibat daripada haba kering seperti tenaga elektrik, geseran, kesan radiasi dan bahan api.

Luka melecur

Pada tisu kulit akibat daripada bahan kimia, wap atau cecair panas.

INFO TAMBAHAN

Kecederaan akibat kebakaran boleh diklasifikasikan kepada tiga tahap, iaitu:



Kebakaran tahap pertama



Kebakaran tahap kedua



Kebakaran tahap ketiga

Menambah Baik Prosedur Pencegahan Kebakaran di TASKA

Prosedur pencegahan kebakaran dapat membantu pendidik mengurangkan risiko kebakaran di TASKA. Prosedur juga perlu diperluas kepada ibu bapa supaya sama-sama terlibat dalam langkah pencegahan. Selain pendidikan di rumah melalui bahan bacaan yang dibekalkan oleh TASKA, ibu bapa juga perlu melakukan pemeriksaan kepada anak-anak mereka agar tidak membawa bahan mudah terbakar seperti minyak, mercun atau mancis ke TASKA. Pemeriksaan yang teliti dan rapi di rumah dan di TASKA akan dapat mengatasi risiko kebakaran di TASKA.

Rumusan

Kebakaran adalah kemalangan yang boleh berlaku tanpa diduga di TASKA. Pendidik bertanggungjawab untuk mendapat pendedahan tentang punca dan tindakan kecemasan semasa berlaku kebakaran. Langkah-langkah pencegahan kebakaran yang terancang dan rapi akan dapat membantu pendidik serta kanak-kanak berwaspada dengan kebakaran. Rawatan awal kecederaan akibat kebakaran pula dapat mengelakkan kesan yang lebih teruk kepada kanak-kanak yang ditimpa kemalangan.

AKTIVITI

1. Merekod lokasi pemadam api di TASKA, membuat pemeriksaan label dan mencatat butiran yang terdapat pada alat tersebut.
2. Membuat lawatan dan pemerhatian aspek keselamatan di TASKA terpilih.
3. Lakukan simulasi rawatan awal kecederaan akibat kebakaran di TASKA dengan pelibatan semua pihak.

LATIHAN

1. Bincangkan punca utama berlaku kebakaran di TASKA.
2. Cikgu Maimun sedang mengasuh kanak-kanak belajar di ruang belajar di sebuah TASKA. Sebahagian kanak-kanak berusia 8 bulan sedang tidur di bilik kedua TASKA. Tiba-tiba asap berkepul-kepul datang dari arah dapur. Semakin lama semakin tebal dan berbau hangit. Cikgu Maimun terkejut.

   Huraikan tindakan yang patut dilakukan oleh Cikgu Maimun.
3. Lakarkan langkah rawatan awal pertolongan cemas kepada mangsa kebakaran dengan menggunakan peta minda. PAK 21

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menyenaraikan punca kecederaan dan kemalangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.			
Menjelaskan peranan pendidik atau pengasuh bagi memastikan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.			
Menghuraikan persekitaran yang selamat di dalam dan di luar TASKA.			
Menilai langkah dan peraturan keselamatan bertulis di TASKA.			
Menjana idea bagi menambah baik amalan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.			
Menyatakan tujuan pertolongan cemas.			
Mengenal pasti kandungan Peti Pertolongan Cemas, kegunaan serta keperluan kuantitinya.			
Menunjuk cara rawatan awal yang betul bagi insiden: i) Sesak nafas ii) Tersedak susu iii) Tercekik benda asing iv) Hidung berdarah v) Terkena gigitan haiwan dan serangga vi) Digigit kanak-kanak lain vii) Membersih luka dan membalut luka viii) Benjol dan rawatan tuam atau demah ix) Terseliuh, patah dan pemakaian anduh x) Terkena benda panas xi) Terkena renjatan elektrik xii) Lemas			
Menyenaraikan punca kebakaran di TASKA.			
Menerangkan tindakan yang perlu diambil jika berlaku kebakaran.			
Menunjuk cara penggunaan alat pemadam api yang betul.			
Melaksanakan simulasi rawatan awal kecederaan akibat kebakaran mengikut cara dan langkah yang betul.			
Menilai dan mengusulkan cadangan untuk menambah baik prosedur pencegahan kebakaran di TASKA.			

Modul 3 AMALAN KEBERSIHAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

Standard Kandungan

3.1 Kebersihan Diri Pengasuh dan Pendidik
3.2 Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak
3.3 Penjagaan Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak
3.4 Kebersihan TASKA

Pengenalan

Pengurusan amalan kebersihan dan kesihatan merupakan satu proses yang berterusan bagi membentuk penampilan diri agar sentiasa kelihatan menarik dari segi fizikal dan dapat melahirkan personaliti yang disenangi. Oleh itu, pengurusan diri pendidik dan pengasuh yang berkesan dapat menghasilkan imej kendiri yang baik.

3.1 Kebersihan Diri Pengasuh dan Pendidik

Kebersihan diri merujuk kepada kebersihan tubuh badan yang perlu dijaga untuk menjamin kesejahteraan hidup. Amalan kebersihan diri penting supaya badan sentiasa dalam keadaan bersih dan segar. Penampilan diri yang baik akan dapat meningkatkan keyakinan diri apabila bergaul dengan individu yang lain dalam komuniti atau masyarakat.

Standard Pembelajaran

3.1.1 Menyenaraikan amalan kebersihan diri sebagai pengasuh dan pendidik.

Amalan Kebersihan Diri sebagai Pengasuh dan Pendidik

Menjaga Badan

- Badan yang bersih dan sihat adalah penting untuk:
  - Melawan kuman dan terhindar daripada penyakit.
  - Mengelakkan daripada bau badan yang tidak menyenangkan.
  - Menjaga badan supaya dapat berfungsi dengan sempurna dari segi fizikal dan mental.

Menjaga Muka

- Tidak bersolek secara berlebihan.
- Cara penjagaan muka:
  - Cuci muka dengan pencuci muka.
  - Bilas dengan air bersih untuk membuang semua kesan sabun kemudian keringkan perlahan-lahan dengan menggunakan tuala muka yang bersih dan lembut.

Menjaga Gigi

- Cara menjaga gigi yang bersih:
  - Gosok gigi setiap pagi dan malam. Jika boleh, gosok gigi atau kumur mulut setiap kali selepas makan.

Menjaga Rambut

- Rambut disisir kemas dan diikat dengan rapi.
- Sekiranya bertudung pastikan memakai tudung yang kemas.



Menjaga Kebersihan Tangan

- Tangan yang kotor boleh mencemarkan makanan dan menjadi punca penyakit mudah dijangkiti.
- Tangan mestilah sentiasa bersih. Basuh tangan dengan menggunakan air bersih, sabun dan gosok di sekeliling kuku serta di bawah kuku dengan berus kuku.
- Bilas dan keringkan dengan tuala tangan yang bersih.

Kepentingan Penjagaan Kebersihan Diri Pengasuh dan Pendidik

Rajah 3.1 Kepentingan penjagaan kebersihan diri pengasuh dan pendidik

Standard Pembelajaran

3.1.2 Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan diri pengasuh dan pendidik.

3.1.3 Mengenal pasti jenis pakaian yang sesuai untuk pengasuh dan pendidik mengikut aktiviti:

i. Pengasuhan dan pengajaran
ii. Sukan dan aktivivti luar
iii. Lawatan
iv. Majlis formal

Pakaian yang Sesuai untuk Pengasuh dan Pendidik Mengikut Aktiviti

Pengasuh dan pendidik perlulah mengenakan pakaian yang sesuai mengikut keadaan dan situasi.

Pengasuhan dan pengajaran

Baju kurung atau baju seragam TASKA

Sukan dan aktiviti luar

Pakaian sukan

Lawatan dan majlis formal

Baju kurung atau baju seragam TASKA

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui contoh pemakaian mengikut bidang tugas di TASKA.

Gambar foto 3.1 Pakaian yang sesuai untuk pengasuh dan pendidik mengikut aktiviti

Rumusan

Kebersihan dan kesihatan yang baik berperanan menjadikan pengasuh dan pendidik lebih efektif dan gembira. Jika badan bersih dan sihat, banyak aktiviti yang boleh dilakukan dengan sempurna. Selain itu, kebersihan dan kesihatan yang baik akan mewujudkan keharmonian di TASKA.

AKTIVITI

1. Bincangkan dalam kumpulan tentang kepentingan penjagaan kebersihan diri pengasuh dan pendidik. Sediakan hasil perbincangan tersebut dalam bentuk peta minda di atas kad manila.

2. Buat kajian menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan berkaitan pemakaian dan penampilan pengasuh dan pendidik di TASKA. Berpandukan hasil kajian:

   (a) Reka cipta lakaran pakaian mengikut bidang tugas di TASKA:
   - Tenaga pengasuh dan pendidik
   - Penyedia makanan
   - Pembersihan

3. Bentangkan hasil reka cipta di soalan 2(a) di dalam kelas.

Standard Pembelajaran

3.1.4 Mereka cipta lakaran pakaian staf mengikut bidang tugas di TASKA:
- (i) Tenaga pengasuh dan pengajar
- (ii) Penyedia makanan
- (iii) Pembersihan

3.1.5 Membuat pembentangan dan memberi justifikasi hasil ciptaan lakaran pakaian.

3

LATIHAN

1. Senaraikan amalan kebersihan diri pengasuh dan pendidik di TASKA.

2. Mengapa amalan kebersihan diri pengasuh dan pendidik di TASKA perlu dititikberatkan?

3. Lakarkan jenis pakaian yang sesuai untuk pengasuh dan pendidik mengikut bidang tugas:
   - Pengasuhan dan pengajaran
   - Sukan dan aktiviti luar
   - Lawatan
   - Majlis formal

3.2 Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak

Kebersihan adalah penting terutamanya kepada bayi dan kanak-kanak. Kesihatan yang baik akan dapat menghindarkan mereka daripada penyakit berjangkit. Kebersihan membolehkan kanak-kanak memiliki perkembangan yang sempurna dari segi jasmani dan rohani.

Kepentingan Penjagaan Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak

Kepentingan penjagaan kebersihan

- Bebas daripada sebarang jangkitan penyakit dan kekotoran
- Merasa selesa dan selamat
- Meningkatkan suasana tenang dan harmoni

Rajah 3.2 Kepentingan penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak

Standard Pembelajaran

3.2.1 Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak di TASKA.

3.2.2 Menjelaskan prosedur yang betul:
- (i) Memandikan bayi
- (ii) Menukar lampin bayi
- (iii) Sebelum dan selepas makan
- (iv) Sebelum dan selepas tidur
- (v) Selepas bermain

Prosedur yang Betul untuk Penjagaan Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak

Memandikan Bayi

Persiapan sebelum mandi:

a. Air
b. Tempat yang beralas dan selesa untuk meletak bayi
c. Tuala kecil yang lembut
d. Tuala besar
e. Sabun dan syampu
f. Kapas
g. Bedak, lampin, baju, seluar dan pin penyemat
h. Besen besar
i. Besen kecil untuk membasuh rambut

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui tentang cara-cara memandikan bayi yang berumur 0 hingga 6 bulan.

3

Cara-cara Memandikan Bayi

Berikut merupakan cara-cara memandikan bayi:

1 Sediakan air mandian dalam tab mandi dengan suhu sekitar 30°C - 32°C dan jumlah yang cukup untuk bayi	**4** Rambut bayi dijirus dengan air bersih. Gunakan sabun yang khusus untuk bayi kemudian bilas perlahan dengan air
2 Bayi diletakkan di dalam tab mandi. Basuh tubuhnya secara perlahan dan bersihkan bahagian tubuh seperti kepala, telinga, wajah dan lipatan tubuhnya dengan menggunakan kapas lembut	**5** Bersihkan kepala bayi dengan syampu dan bilas dengan air bersih
3 Digalakkan bercakap dengan bayi semasa memandikannya	**6** Setelah selesai, bayi diangkat dan dilapkan dengan menggunakan tuala yang lembut dan bersih

Rajah 3.3 Cara-cara memandikan bayi

Menukar Lampin Bayi

Cara-cara Menukar Lampin Kain

1



Sediakan lampin yang bersih untuk dipakaikan kepada bayi.

2

Letakkan lampin di bawah punggung bayi dan angkat kaki bayi.

3

Lipat bahagian tepi sebelah kiri selepas menutup bahagian tengah kain lampin. Pegang lipatan sementara melipat bahagian kanan lampin itu ke atas.

4

Letakkan satu jari di antara lampin dengan perut bayi supaya pin tidak terkena pada bayi.

5

Pinkan secara mendatar. Lampin fabrik akan sentiasa longgar apabila bayi bergerak.

6

Pakaikan seluar plastik selepas pemakaian lampin.

Rajah 3.4 Cara-cara menukar lampin kain

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengenal pasti cara memakaikan lampin pakai buang.

Sebelum dan Selepas Makan

Penyediaan Makanan

- Makanan yang diberikan kepada kanak-kanak perlulah seimbang dan berkhasiat.
- Pastikan makanan yang telah dimasak, dimakan dalam tempoh dua jam.
- Penyediaan makanan mengikut peraturan kebersihan yang telah ditetapkan.
- Makanan atau menu yang dirancang mestilah sesuai dengan kanak-kanak yang mempunyai alahan.
- Elakkan penggunaan garam dan gula yang berlebihan dalam penyediaan makanan.

Sebelum

- Beratur mengikut kumpulan umur.
- Mencuci tangan.
- Mengambil makanan yang telah disediakan.
- Duduk dengan sopan di meja makan.
- Membaca doa sebelum makan.

Selepas

- Menggalakkan kanak-kanak membersihkan sisa makanan di atas meja.
- Minta kanak-kanak mengasingkan pinggan, sudu dan cawan ke dalam bekas yang telah disediakan.
- Pastikan kanak-kanak mencuci tangan dan mulut.
- Pastikan kanak-kanak membaca doa selepas makan.
- Pastikan kanak-kanak menggosok gigi.

Sebelum dan Selepas Tidur

Sebelum

- Asingkan kanak-kanak mengikut jantina dan umur.
- Kanak-kanak berpakaian bersih dan selesa.
- Kanak-kanak membaca doa tidur.
- Memperdengarkan alunan yang menenangkan atau membacakan buku cerita (*bedtime story*).
- Reka dan berikan aktiviti yang senyap dan tidak mengganggu rakan lain.

Selepas

- Kanak-kanak membaca doa selepas bangun tidur.
- Menggalakkan kanak-kanak mengemas tempat tidur masing-masing.
- Kanak-kanak bersedia untuk mandi.

Selepas Bermain

- Menggalakkan kanak-kanak membasuh tangan dan kaki menggunakan sabun.
- Minta kanak-kanak menanggalkan pakaian dan mandi jika perlu.
- Menggalakkan kanak-kanak mengemas atau menyimpan alat permainan dan membersihkan kawasan tempat bermain.
- Kanak-kanak diminta mencuci tangan dan kaki selepas bermain.

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui 7 langkah membasuh tangan.

Rumusan

Bayi dan kanak-kanak ialah golongan yang mudah dijangkiti penyakit berjangkit. Oleh itu, amalan kebersihan perlu diambil berat dan diamalkan setiap masa terutamanya di TASKA. Pengusaha dan kakitangan perlulah peka dengan persekitaran dan perlu mengamalkan amalan kebersihan yang baik.

AKTIVITI

Standard Pembelajaran

3.2.3 Menghuraikan tanggungjawab pendidik atau pengasuh dalam penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak.

1. Anda diminta menjemput jururawat dari Klinik Kesihatan berhampiran tempat anda untuk membuat:
   (a) Demonstrasi penjagaan kebersihan dan kesihatan bayi
   (b) Demonstrasi memandikan bayi
2. Bincangkan prosedur yang betul dalam pengurusan kebersihan diri bayi dan kanak-kanak melalui simulasi bersama rakan. Kemudian buat penilaian terhadap aktiviti yang dijalankan.
3. Bahagikan kepada beberapa kumpulan. Bincang dan huraikan tentang tanggungjawab pendidik atau pengasuh dalam penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak di TASKA. Gunakan kaedah *Team Statements*.

PAK 21

LATIHAN

1. Nyatakan kepentingan penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak di TASKA.
2. Huraikan tanggungjawab pendidik atau pengasuh dalam penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak.
3. Berpandukan gambar, huraikan prosedur yang betul dalam pengurusan kebersihan diri kanak-kanak selepas menjalankan aktiviti tersebut.

3.3 Penjagaan Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak

Memastikan kanak-kanak sentiasa sihat dan ceria adalah penting. Kanak-kanak sangat mudah terdedah kepada pelbagai jenis penyakit yang akan mempengaruhi aktiviti harian kanak-kanak tersebut.

Standard Pembelajaran

3.3.1 Menyenaraikan ciri-ciri bayi dan kanak-kanak yang sihat dan tidak sihat.



Rajah 3.5 Ciri-ciri kanak-kanak sihat

Rajah 3.6 Ciri-ciri kanak-kanak tidak sihat

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengenal pasti jenis-jenis penyakit yang biasa dihidapi oleh kanak-kanak di TASKA.

Kaedah Rawatan Awal terhadap Penyakit

Penyakit seperti selesema, batuk, cirit-birit dan demam boleh diberikan rawatan awal jika diketahui dan dikesan tanda atau simptom penyakit tersebut. Langkah rawatan awal adalah penting bagi mengawal penyakit daripada merebak.

Standard Pembelajaran

3.3.2 Menerangkan rawatan yang betul bagi kanak-kanak yang mengalami masalah berikut:
- (i) Demam
- (ii) Batuk
- (iii) Selesema
- (iv) Cirit-birit
- (v) Kutu
- (vi) Cacing
- (vii) Malnutrisi
- (viii) Lain-lain penyakit berjangkit

Jadual 3.1 Panduan merawat penyakit

Jenis penyakit	Rawatan awal
Demam	• Kawal suhu badan dengan banyakkan minum air. • Elakkan memakai pakaian berlapis-lapis. • Gunakan tuala lembap untuk mengelap bahagian kepala dan tubuh kanak-kanak.
Batuk	• Untuk batuk yang tidak berkahak, beri galakan untuk minum banyak air. • Ubat diberikan sekiranya batuk mengganggu makan, minum dan tidur. Elakkan memberi makanan yang berminyak.
Selesema	• Galakkan kanak-kanak minum banyak air seperti air masak, buah-buahan atau susu. • Beri ubat selesema mengikut arahan doktor. • Sekiranya berhingus atau hidung tersumbat, baringkan dalam posisi meniarap.
Cirit-birit	• Kanak-kanak yang mengalami cirit-birit boleh diberikan air minuman dalam botol atau tin yang mengandungi air garam. • Sekiranya bayi mengalami cirit-birit, jangan beri sebarang makanan atau susu. Sebaliknya berikan jus buah-buahan yang telah dicairkan atau air yang dicampurkan dengan secubit garam dan glukos secara kerap (*oral rehydration salts*).
Kutu	• Cara paling berkesan ialah menggunakan kaedah rawatan kimia atau menyikat rambut basah dengan sikat kutu. • Di Malaysia, keramas kutu (ubat) boleh diperoleh tanpa preskripsi doktor di farmasi seperti *malathion*.
Cacing	• Ubat cacing diberikan dalam jarak antara enam bulan hingga setahun sekali.
Malnutrisi	• Menggalakkan kanak-kanak mengambil makanan yang mengandungi kalori yang tinggi. Mulakan dengan merancang hidangan dan snek yang berkalori tinggi mengikut setiap kumpulan makanan daripada Panduan Piramid Makanan Malaysia. • Amat penting bagi kanak-kanak mengambil karbohidrat, protein dan lemak dengan secukupnya bagi membekalkan tenaga untuk aktiviti, perkembangan dan tumbesaran.
Lain-lain penyakit berjangkit (sakit mata, HFDM, difteria)	• Sentiasa guna *hand sanitizer.* • Pastikan permainan bersih sepanjang masa. • Tidak membawa kanak-kanak ke tempat awam. • Meningkatkan imuniti kanak-kanak.

Penyebaran Penyakit Berjangkit dalam Kalangan Kanak-kanak

Penyebaran Penyakit

Sentuhan

- *Chicken pox*
- Konjuntivitis
- Kutu kepala
- Kudis buta (*scabies* dan impetigo)
- Kurap
- Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)
- Demam campak (*measles*)
- Begok
- *Rubella*
- Hepatitis B

Pernafasan

- Selesema
- Influenza
- Batuk kokol (Pertusis)
- Pneumonia

Bawaan makanan atau air

- Cirit birit
- Cacing
- Salmonela
- Hepatitis A
- Polio

Persekitaran

- Hepatitis C
- HIV/AIDS
- Sitomegalovirus

INFO TAMBAHAN

Imunisasi ialah satu proses memberi vaksin kepada bayi bertujuan untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit.

Rumusan

Penjagaan kesihatan bayi dan kanak-kanak perlu diambil berat oleh ibu bapa dan pendidik serta pengasuh di TASKA untuk memastikan mereka membesar dengan sihat dan sempurna, di samping memenuhi keperluan fizikal dan mental kanak-kanak dengan baik. Sokongan daripada ibu bapa dan masyarakat akan dapat membantu kanak-kanak mencapai potensi mereka sepenuhnya dan membentuk peribadi yang baik. Secara tidak langsung, menjadi satu tanggungjawab kepada ibu bapa dan masyarakat untuk memastikan kesihatan mereka terjaga dan terpelihara.

AKTIVITI

1. Bincangkan isu penyakit berjangkit yang sering berlaku di TASKA dalam kumpulan. Kumpul maklumat dan sediakan buku skrap.

2. Buat lawatan ke sebuah TASKA berhampiran tempat anda. Semasa lawatan anda diminta untuk:
   (a) Merekod maklumat kesihatan kanak-kanak berpandukan rekod kesihatan di bawah:

Contoh Dokumen Pemerhatian dan Penaksiran di TASKA

LOG HARIAN TASKA HARAPAN BONDA
1 - 2 TAHUN

NAMA : _____
TARIKH : _____ HARI : ISNIN/SELASA/RABU/KHAMIS/JUMAAT

DIISI OLEH IBU BAPA/PENJAGA

1. Tiba jam _____ yang menghantar_____
2. Anak tidur nyenyak semalam? YA/TIDAK
   Jika tidak mengapa?_____
3. Anak sudah mandi/dibersihkan. YA/TIDAK
4. Alatan/bahan yang dibawa.

Perkara	Kuantiti	Perkara	Kuantiti	Perkara	Kuantiti
Botol susu/sip-cup		Botol Air		Pakaian	
Lampin pakai buang		Tuala		Plastik (baju kotor)	

5. Anak anda sihat? Ya/Tidak. Jika tidak: (Item 5 dan 6 diisi oleh ibu bapa dan pendidik)
   Jika tidak, kenapa? _____ Suhu _____ Ubat_____
6. Keadaan fizikal (tanda dan catat di bahagian berkaitan).

Depan Belakang

Catatan: _____

   (b) Lakukan demonstrasi dengan bimbingan pengasuh atau pendidik di TASKA yang dilawati berkenaan cara:
      (i) Mengambil suhu badan kanak-kanak
      (ii) Memeriksa anggota fizikal kanak-kanak

3. Sediakan satu laporan bertulis tentang penjagaan kesihatan kanak-kanak berpandukan hasil lawatan anda di TASKA tersebut.

Standard Pembelajaran

3.3.3 Membuat demonstrasi:
(i) Mengambil suhu badan
(ii) Memerika anggota fizikal

3.3.4 Menyediakan log harian kesihatan secara simulasi bagi memantau suhu badan.

LATIHAN

1. Nyatakan ciri-ciri kanak-kanak sihat dan tidak sihat.

2. Sediakan dan isikan jadual jenis penyakit dan cara rawatan awal yang patut diberi:

Jenis Penyakit	Rawatan Awal
Demam	
Selesema	
Batuk	
Cirit-birit	

3. Sejauh manakah kepentingan pendidik mengetahui jenis-jenis penyakit dan cara pencegahan?

3.4 Kebersihan TASKA

Kebersihan menjadikan kehidupan lebih selesa dan mewujudkan keceriaan di TASKA. Amalan kebersihan perlu diamalkan setiap masa. TASKA yang bersih membantu kita menghindari pembiakan haiwan perosak dan membolehkan kita bekerja dengan selamat. Selain itu, kebersihan TASKA akan dapat mengelakkan berlakunya jangkitan penyakit terhadap kanak-kanak. Oleh itu, pengasuh, pendidik dan kakitangan perlulah sentiasa peka dengan persekitaran serta perlu mengamalkan langkah pencegahan.

Standard Pembelajaran

3.4.1 Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan TASKA.

3.4.2 Menerangkan amalan penjagaan kebersihan di dalam dan di luar bangunan TASKA.

Menjaga Kebersihan TASKA

Suasana tempat kerja yang padat, tidak rapi dan tidak teratur menimbulkan kesulitan.

Kepentingan Menjaga Kebersihan

- Mengurangkan risiko kanak-kanak tidak sihat dan terdedah dengan penyakit
- Tempat kerja lebih kondusif
- Bangunan dan persekitarannya berada dalam keadaan baik dan bersih
- Mengurangkan risiko kemalangan dan kecederaan pada kanak-kanak

Rajah 3.7 Kepentingan menjaga kebersihan

Amalan Penjagaan Kebersihan di Dalam dan di Luar Bangunan TASKA

Kanak-kanak mungkin akan mudah mendapat penyakit jika sesebuah TASKA itu tidak bersih. Pendidik atau pengasuh perlulah sentiasa menjaga kebersihan di TASKA setiap masa.

1. Amalkan tabiat membasuh tangan sebelum dan selepas makan dan selepas menggunakan tandas.
2. Bersihkan semua pinggan, mangkuk, cawan, sudu dan lain-lain sebelum dan selepas makan.
3. Bersihkan dapur untuk menghindar daripada lipas, tikus, serangga dan lain-lain.
4. Bersihkan bilik air dan tandas. Elakkan air bertakung untuk mengelakkan pembiakan nyamuk.
5. Pastikan kawasan bebas daripada sampah sarap. Ini adalah untuk menghindarkan daripada lalat dan makhluk perosak.
6. Bersihkan longkang dan pastikan air tidak bertakung. Pastikan longkang bertutup.
7. Bersihkan semua alat kelengkapan termasuk barang permainan kanak-kanak selepas digunakan.
8. Cuci peti sejuk dan almari dapur sekurang-kurangnya seminggu sekali.
9. Basuh sarung bantal, alas tilam dan selimut serta kain tuala setiap minggu. Jemur bantal, tilam, tikar dan selimut di kawasan pengudaraan yang baik.
10. Mop lantai dengan segera setiap kali ada tumpahan atau lantai basah. Lap habuk pada tingkap supaya tidak kotor dan selamat untuk kanak-kanak menjalankan aktiviti.

Penjagaan Kebersihan TASKA

Bangunan TASKA mempunyai beberapa ruang dan sudut aktiviti termasuk bilik tidur, bilik air dan dapur. Setiap ruang dan sudut aktiviti di dalam TASKA perlulah diberikan perhatian dan penjagaan yang rapi dalam aspek kebersihan.

Standard Pembelajaran

3.4.3 Menjelaskan langkah penjagaan kebersihan: ruang dan sudut aktiviti di dalam TASKA, perabot, peralatan dan bahan, tempat simpanan perkakasan dan peralatan, kawasan aktiviti di luar TASKA dan kawasan pembuangan sisa pepejal.

Ruang dan sudut aktiviti di dalam TASKA

Sudut Aktiviti

- Basuh alat permainan, rendam dan cuci dengan bahan pencuci yang sesuai dan selamat
- Keringkan dan jemur di bawah cahaya matahari
- Sapu dan mop lantai
- Rak dibersihkan dan dilap
- Alat permainan disusun rapi dan kemas
- Sapu dan mop lantai selepas aktiviti dijalankan

Bilik Tidur

- Kemas katil, bantal dan tilam
- Tilam dan bantal dijemur seminggu sekali
- Sapu dan mop lantai
- Pastikan pengudaraan yang baik dan sihat

Bilik Air

- Cuci tandas dan sinki setiap hari
- Lantai dicuci dan dikeringkan
- Sampah diikat dan dibuang mengikut jadual ditetapkan

Dapur

- Lebihan makan disimpan dan sisa makanan dikumpul
- Lap meja makan dan kabinet
- Pinggan mangkuk direndam dan dicuci
- Keringkan peralatan
- Simpan pinggan mangkuk di dalam almari yang tertutup
- Bersihkan dan mop lantai dapur

Stor

- Sapu dan mop lantai
- Susun bahan dan peralatan dengan kemas

INFO TAMBAHAN

- Kawasan di luar dan di dalam bangunan mestilah bebas daripada serangga, makhluk perosak dan haiwan peliharaan, serta bersih daripada sampah sarap.
- Kawasan di luar bangunan mesti sentiasa bersih dan bebas daripada lalang, tumbuhan berduri atau beracun.
- Sediakan bekas untuk membuang sampah yang bertutup di luar dan di dalam bangunan.
- Sekiranya ada kolam atau sebarang takungan air, tempat itu hendaklah berpagar. Jika menggunakan kolam mandi plastik, buangkan air selepas digunakan.
- Pastikan longkang sentiasa bersih dan tiada air bertakung. Longkang hendaklah bertutup bagi mengelakkan sebarang kemalangan.

Penjagaan perabot, peralatan dan bahan

Perabot, peralatan dan bahan

- Menyapu habuk dan lap menggunakan cecair antiseptik
- Bahan dan peralatan seperti permainan kanak-kanak, bahan bantu mengajar, direndam atau disembur dengan air yang dicampur cecair antiseptik
- Perabot seperti tilam dan kerusi kanak-kanak dijemur di bawah matahari seminggu sekali

Menyimpan penyapu dan berus di dalam almari



Gambar foto 3.2 Almari penyimpanan perkakasan, peralatan dan bahan pembersihan

Kawasan aktiviti di luar TASKA

Permainan Luar

- Bersihkan seminggu sekali dengan menggunakan bahan pencuci
- Pastikan permainan berkeadaan baik dan selamat
- Memastikan tiada takungan air atau sampah

Longkang

- Longkang sentiasa bersih dan bertutup
- Tiada sampah dan air mengalir dengan baik

Perkebunan

- Rumput dipotong supaya kemas dan cantik
- Sapu daun kering dan sampah

Kawasan pembuangan sisa pepejal

Pembuangan Sisa Pepejal

- Pembuangan sisa pepejal perlu dibuang mengikut jenis komposisi sisa pepejal seperti tong berwarna jingga untuk tin aluminium dan plastik, tong berwarna biru untuk kertas manakala tong warna coklat untuk kaca.
- TASKA juga perlu menyediakan tong sampah untuk sisa baki terdiri daripada sisa makanan dan lampin pakai buang.
- Sisa baki ini hendaklah dimasukkan ke dalam plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah yang ditetapkan.

Jadual pembersihan harian dan mingguan

Standard Pembelajaran

3.4.4 Menyediakan Jadual Pembersihan Harian dan Mingguan di TASKA.

3.4.5 Menghuraikan justifikasi penetapan aktiviti pembersihan dalam jadual yang disediakan.

Jadual 3.2 Jadual bertugas kebersihan TASKA Harapan Bonda 2020

	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat
	Lynn	Afza	Niena	Effa	Fara
Dapur dan ruang makan					
Tandas kanak-kanak					
Ruang urus diri					
Bilik bayi					
Bilik *toddler*					
Bilik *playschool*					
Ruang aktiviti					
Halaman luar					
Kipas atau tingkap					

Jadual 3.3 Justifikasi penetapan aktiviti pembersihan

Ruang	Kekerapan	Justifikasi
Tempat menyalin lampin	Harian dan apabila kotor	
Bekas barang permainan	Mingguan	
Tingkap atau cermin	Mingguan	
Lantai	Harian dan apabila kotor	
Peralatan dan barang permainan lembut kanak-kanak (*soft toys*)	Harian selepas kanak-kanak bermain	
Barang permainan yang tidak tercemar dengan mudah	Mingguan	
Cadar, sarung bantal, tuala	Mingguan dan apabila kotor	
Selimut	Mingguan	
Ruang penyediaan makanan	Sebelum dan selepas penyediaan makanan	
Pintu dan kabinet	Harian dan apabila kotor	
Hamparan dan tikar	Vakum setiap hari menggunakan pembersih vakum	
Tempat menyimpan beg kanak-kanak	Mingguan	
Katil bayi atau *stackable cot*	Mingguan	
Tandas dan tempat membasuh tangan	Harian dan apabila kotor	
Pemegang tandas, *potty*, tombol pintu	Setiap hari dan selepas kanak-kanak menggunakannya	
Ruang dapur	Harian dan apabila kotor	
Peti ais	Harian dan apabila kotor	
Permainan luar	Mingguan dan apabila kotor	

Rumusan

Penjagaan kebersihan persekitaran di TASKA akan dapat mengurangkan kadar jangkitan penyakit dalam kalangan kanak-kanak. Penjagaan kebersihan yang baik akan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan selesa di samping menjamin kesejahteraan hidup kanak-kanak. Oleh itu, kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan daripada pihak pengurusan TASKA, pendidik dan pengasuh, ibu bapa dan juga komuniti setempat.

AKTIVITI

1. Secara berpasangan, bincangkan tentang langkah penjagaan kebersihan bagi:
   (a) Ruang dapur
   (b) Bilik tidur
   (c) Bilik air
   (d) Ruang aktiviti
   (e) Kawasan di luar TASKA

   Sediakan hasil perbincangan tersebut dalam bentuk peta buih (peta pemikiran). PAK 21

2. Secara berkumpulan, anda diminta menyediakan satu Jadual Pembersihan Harian dan Mingguan untuk kegunaan di TASKA.
   (a) Berpandukan jadual pembersihan yang telah dihasilkan, huraikan justifikasi penetapan aktiviti seperti dalam contoh jadual di bawah.

Bil	Aktiviti	Kekerapan			Justifikasi

LATIHAN

1. Nyatakan kepentingan penjagaan kebersihan di dalam dan luar bangunan TASKA kepada kanak-kanak.
2. Huraikan amalan penjagaan kebersihan di ruang luar TASKA.
3. Sejauh manakah penjagaan kebersihan di dalam dan di luar bangunan TASKA diambil berat oleh pengusaha TASKA pada masa ini? Bincangkan.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	☹
Menyenaraikan amalan kebersihan diri sebagai pengasuh dan pendidik.			
Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan diri pengasuh dan pendidik.			
Mengenal pasti jenis pakaian yang sesuai untuk pengasuh dan pendidik mengikut aktiviti: i) Pengasuhan dan pengajaran ii) Sukan dan aktiviti luar iii) Lawatan iv) Majlis formal			
Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak di TASKA.			
Menjelaskan prosedur yang betul: i) Memandikan bayi ii) Menukar lampin bayi iii) Sebelum dan selepas makan iv) Sebelum dan selepas tidur v) Selepas bermain			
Menyenaraikan ciri-ciri bayi dan kanak-kanak yang sihat dan tidak sihat.			
Menerangkan rawatan yang betul bagi kanak-kanak yang mengalami masalah berikut: i) Demam ii) Batuk iii) Selesema iv) Cirit-birit v) Kutu vi) Cacing vii) Malnutrisi viii) Lain-lain penyakit berjangkit			
Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan TASKA.			
Menerangkan amalan penjagaan kebersihan di dalam dan di luar bangunan TASKA.			
Menjelaskan langkah penjagaan kebersihan: i) Ruang dan sudut aktiviti di dalam TASKA ii) Perabot, peralatan dan bahan iii) Tempat simpanan perkakasan dan peralatan iv) Kawasan aktiviti di luar TASKA v) Kawasan pembuangan sisa pepejal			

Modul 4 PENJAGAAN RUTIN HARIAN KANAK-KANAK

Standard Kandungan

4.1 Amalan Asuhan di TASKA
4.2 Bimbingan Urus Diri Kanak-kanak
4.3 Pembentukan Tingkah Laku Positif
4.4 Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Pengenalan

Perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak merangkumi layanan dan amalan asuhan positif yang dipamerkan oleh seorang pendidik kepada kanak-kanak. Penerapan nilai dari kecil akan membentuk sahsiah yang terpuji dalam diri kanak-kanak. Oleh itu, pendidik perlu menguasai serta memahami amalan asuhan yang terbaik agar dapat membantu perkembangan sahsiah dan emosi bayi serta kanak-kanak dengan lebih mendalam. Modul ini turut menghuraikan kesan amalan asuhan positif dan negatif terhadap perkembangan sahsiah dan emosi bayi serta kanak-kanak, termasuk bayi dan kanak-kanak yang berkeperluan khas.

4.1 Amalan Asuhan di TASKA

Amalan asuhan sangat mempengaruhi perkembangan sahsiah dan emosi bagi bayi dan kanak-kanak. Sehubungan itu, menjadi keperluan kepada pengasuh untuk mempunyai pengetahuan dan mempraktikkan amalan yang baik terhadap bayi dan kanak-kanak di TASKA untuk perkembangan sahsiah dan emosi yang positif.

Standard Pembelajaran

4.1.1 Menjelaskan kepentingan layanan serta amalan baik terhadap bayi dan kanak-kanak di TASKA.

4.1.2 Menerangkan amalan asuhan yang positif oleh pendidik atau pengasuh terhadap bayi dan kanak-kanak ketika:

(i) Menyambut ketibaan
(ii) Membersihkan diri
(iii) Makan
(iv) Belajar
(v) Bermain dan menjalankan aktiviti luar
(vi) Rehat dan tidur
(vii) Pulang ke rumah

Kepentingan Layanan serta Amalan Baik Terhadap Bayi dan Kanak-kanak di TASKA

- Meningkatkan rasa kasih dan sayang melalui belaian dan sentuhan
- Memberikan rasa selamat kepada emosi bayi dan kanak-kanak
- Menunjukkan contoh teladan yang terbaik kepada kanak-kanak
- Menghormati dan menghargai setiap kanak-kanak tanpa mengira latar belakang
- Mengelak daripada berlakunya diskriminasi terhadap mana-mana kanak-kanak
- Menunjukkan sokongan melalui hubungan yang berkesan

Amalan Asuhan yang Positif oleh Pendidik atau Pengasuh

INFO TAMBAHAN

Amalan ialah perbuatan yang dilakukan secara berterusan dan kerap sehingga akhirnya menjadi kebiasaan.

Menyambut ketibaan

- Menyambut ketibaan dengan mesra.
- Mengucapkan salam atau ucapan mesra kepada kanak-kanak.
- Menggalakkan kanak-kanak bersalam dengan ibu bapa sebelum ibu bapa pergi.

Waktu makan

- Menggalakkan kanak-kanak makan makanan berkhasiat.
- Memulakan dan mengakhiri sesi makan dengan bacaan doa.
- Puji kanak-kanak apabila berjaya menghabiskan makanan.

Aktiviti pembelajaran

- Memastikan persekitaran kanak-kanak selesa.
- Membaca doa belajar.
- Beri penerangan yang jelas ketika menerangkan sesuatu kepada kanak-kanak.
- Beri respons positif kepada soalan kanak-kanak.

Bermain dan menjalankan aktiviti luar

- Memastikan persekitaran kanak-kanak selamat.
- Beri penerangan yang jelas terhadap aktiviti yang akan dijalankan.
- Beri galakan dan rangsangan positif kepada kanak-kanak untuk mencuba permainan atau aktiviti.
- Pendidik perlu mengawasi kanak-kanak bermain.

Waktu tidur atau rehat

- Menggalakkan kanak-kanak bekerjasama untuk menyediakan tempat tidur.
- Bercerita kepada kanak-kanak kisah teladan.
- Membaca doa tidur.
- Mengawasi keselamatan kanak-kanak.

Membersihkan diri

- Pastikan persekitaran selamat.
- Pastikan kanak-kanak menggunakan syampu dan sabun dengan betul.
- Beri galakan dan rangsangan positif kepada kanak-kanak untuk mengurus diri sendiri.
- Berikan pujian sekiranya mereka berjaya melatih diri.

Waktu pulang

- Menggalakkan kanak-kanak untuk mengemas peralatan bermain sebelum pulang.
- Menggalakkan kanak-kanak bersalaman dengan pendidik atau pengasuh dan rakan-rakan.
- Memberi maklum balas kepada ibu bapa.

Aktiviti Rutin Harian Bayi dan Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

4.1.3 Tunjuk cara amalan asuhan yang positif mengikut aktiviti rutin harian bayi dan kanak-kanak seperti di TASKA.

Rajah 4.1 Aktiviti rutin harian bayi dan kanak-kanak

Pelaksanaan Secara Terperinci Aktiviti Rutin

Rutin waktu makan (3 hingga 4 tahun) adalah seperti berikut:

Sebelum

- Mengambil giliran untuk mencuci tangan
- Ambil makanan di meja penyediaan makanan
- Bawa makanan dengan berhati-hati ke meja makan yang tersedia
- Menunggu semua rakan-rakan sedia di meja

Semasa

- Membaca doa makan
- Makan dengan tertib

Selepas

- Meletakkan pinggan dengan sisa makanan di tempat yang disediakan
- Membasuh tangan, berkumur dan memberus gigi
- Membaca doa selepas makan

Amalan Asuhan Positif terhadap Perkembangan Sahsiah serta Emosi Bayi dan Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

4.1.4 Menghuraikan kesan amalan asuhan positif dan negatif terhadap perkembangan sahsiah serta emosi bayi dan kanak-kanak.

Kesan amalan asuhan positif dan negatif terhadap perkembangan sahsiah serta emosi bayi dan kanak-kanak.

Kesan Positif

- Bertindak balas positif terhadap kata-kata yang lembut dan mesra apabila disoal oleh pendidik dan pengasuh.
- Kanak-kanak sentiasa gembira dan ceria ketika melakukan aktiviti.
- Mereka memahami arahan 'jangan' dan 'tidak boleh' dalam peraturan yang telah ditetapkan.
- Menunjukkan rasa simpati dan rasa belas kasihan apabila melihat sesuatu yang menyentuh hati.
- Mudah meminta maaf jika berbuat kesalahan terhadap orang sekeliling. Contoh, ketika berlakunya pergaduhan kecil.
- Tunjuk sikap bertanggungjawab seperti mengemas semula barang permainan selepas menggunakannya.

Kesan Negatif

- Bertindak balas negatif terhadap pengasuh seperti berkata kesat dan menjerit.
- Kanak-kanak pasif dan tidak ceria semasa melakukan aktiviti.
- Suka mewujudkan situasi keadaan yang tidak tenteram di dalam kelas.
- Tidak menunjukkan rasa simpati dan belas kasihan terhadap mereka yang berada dalam kesusahan.
- Sukar meminta maaf dan menunjukkan sikap keras hati.
- Malas mengemas semula barang permainan selepas menggunakannya.

Gambar foto 4.1 Kesan amalan asuhan positif

Gambar foto 4.2 Kesan amalan asuhan negatif

Amalan Asuhan Positif dan Negatif untuk Pendidik dan Pengasuh

Rajah di bawah menerangkan kepada murid tentang panduan amalan asuhan positif dan negatif untuk pendidik dan pengasuh.

Standard Pembelajaran

4.1.5 Menghasilkan panduan amalan asuhan positif dan negatif untuk pendidik dan pengasuh.

Amalan Positif	Amalan Negatif
Layan kanak-kanak dengan penuh kasih sayang dan perhatian	Tidak menghormati kanak-kanak dan melayan kanak-kanak dengan kasar
Galakkan kanak-kanak meneroka persekitaran mereka	Mengehadkan ruang pembelajaran kanak-kanak. Kanak-kanak tidak bebas
Menunjukkan teladan yang baik semasa berinteraksi dengan kanak-kanak	Bercakap kasar dengan kanak-kanak dan rakan sekerja yang lain
Berikan galakan dan peneguhan positif terhadap kanak-kanak jika berjaya mencapai sesuatu	Selalu mengugut dengan kata-kata negatif
Wujudkan suasana pembelajaran yang selesa	Terlalu garang dan tegas sehingga kanak-kanak takut untuk belajar
Hormati idea dan perasaan kanak-kanak	Tidak bertolak ansur dengan cadangan idea dan perasaan kanak-kanak

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui panduan amalan asuhan positif dan negatif dengan lebih lanjut.

Rajah 4.2 Panduan amalan asuhan positif dan negatif

Rumusan

Layanan yang positif sangat memberi kesan kepada perkembangan sahsiah dan emosi kanak-kanak. Emosi yang stabil akan mempengaruhi perkembangan kognitif kanak-kanak. Pengasuh bertindak sebagai *scaffolding* (pembantu atau pembimbing) dan perlu tunjukkan sikap yang baik supaya menjadi contoh ikutan kepada kanak-kanak asuhan mereka. Pendidikan bermula dengan individu yang terdekat dengan kanak-kanak termasuk pengasuh dan pendidik selain ahli keluarga dan orang sekeliling.

AKTIVITI

1. Simulasikan aktiviti rutin berikut. Berdasarkan simulasi, bincang dan lengkapkan jadual dengan nilai-nilai amalan asuhan yang positif.

Aktiviti rutin	Nilai-nilai amalan positif
Menyambut ketibaan	
Membersihkan diri	
Makan	
Bermain dan menjalankan aktiviti luar	
Rehat dan tidur	

2. Secara berkumpulan:
   (i) Cadangkan satu aktiviti rutin harian bayi dan kanak-kanak.
   (ii) Laksanakan tunjuk cara aktiviti tersebut dengan menitikberatkan amalan asuhan yang positif.

3. Secara berkumpulan, bandingkan kesan amalan positif dan negatif terhadap perkembangan sahsiah serta emosi bayi dan kanak-kanak. Bentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan perisian *PowerPoint*.

PAK 21

LATIHAN

1. Tuliskan satu esei pendek (300 patah perkataan) berkaitan kepentingan panduan amalan asuhan positif di TASKA terhadap perkembangan emosi kanak-kanak.

2. Lengkapkan jadual berikut yang menunjukkan peranan pengasuh untuk membentuk amalan asuhan positif di TASKA.

Kesan asuhan	Peranan pendidik atau pengasuh
Kanak-kanak yang sentiasa memberi salam apabila berjumpa orang dewasa	
Kanak-kanak yang boleh menguruskan diri waktu mandi	
Kanak-kanak yang sentiasa berkongsi barang mainan	
Kanak-kanak yang sentiasa mengemaskan semula alatan permainan selepas bermain bersama-sama rakan	

3.

Gambar foto 4.3 Aktiviti rutin di TASKA

Berdasarkan gambar, senaraikan kesan amalan asuhan yang positif terhadap perkembangan sahsiah dan emosi kanak-kanak.

4.2 Bimbingan Urus Diri Kanak-kanak

Pengasuh perlu menguasai kemahiran urus diri supaya mereka dapat membimbing kanak-kanak untuk mempraktikkan kemahiran dalam kehidupan seharian mereka. Kemahiran ini perlu diterapkan dari awal untuk dijadikan sebagai amalan dan rutin.

Kemahiran Urus Diri Mengikut Peringkat Umur Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

4.2.1 Menyenaraikan kemahiran urus diri yang sesuai dengan kebolehan dan peringkat umur kanak-kanak.

Kemahiran Urus Diri Mengikut Peringkat Umur Kanak-kanak	
6 hingga 12 bulan	1 hingga 2 tahun
• Boleh membantu menghulurkan anggota badan ketika dipakaikan pakaian • Bekerjasama apabila diuruskan • Memegang botol susu dengan baik • Merangkak dan bergerak sendiri	• Mencari lubang pakaian ketika memakai pakaian • Mencuba memakai stoking • Latihan ke tandas pada waktu pagi dan petang (*potty training*) • Menanggalkan pakaian longgar
2 hingga 3 tahun	3 hingga 4 tahun
• Memakai kasut dan stoking • Boleh memakai *t-shirt* walaupun kadangkala terbalik • Mula makan dan minum tanpa bantuan pendidik • Beratur menunggu giliran semasa rutin berjalan	• Membantu pendidik untuk menyediakan alas tidur • Mandi, memakai tuala dan mengosok gigi tanpa bantuan pendidik • Menyimpan peralatan bermain setelah selesai bermain • Mempamerkan nilai yang baik

Rajah 4.3 Kemahiran urus diri mengikut peringkat umur kanak-kanak 6 bulan hingga 4 tahun

Kepentingan Kemahiran Urus Diri bagi Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

4.2.2 Menerangkan kepentingan kemahiran urus diri bagi kanak-kanak.

Pembentukan Disiplin

Kemahiran urus diri adalah asas kepada pembentukan awal disiplin kanak-kanak. Kanak-kanak mengetahui secara asas mengurus diri mereka dengan dibimbing oleh pengasuh. Contohnya, memakai baju, makan, mandi dan sebagainya dengan tertib dan berdisiplin.



Meningkatkan Pengetahuan

Persekitaran adalah sekolah kedua bagi kanak-kanak. Kanak-kanak belajar daripada hasil penerokaan persekitaran, secara bersendirian mahupun berkelompok. Persekitaran yang kaya membolehkan kemahiran urus diri dipraktikkan secara berkesan.

Mengurus Keperluan Asas

Kemahiran urus diri yang dipraktikkan seharian akan menjadi rutin dan seterusnya menjadi amalan kehidupan kanak-kanak seperti makan, mandi, gosok gigi dan buang air di tandas.

Membina Daya Ketahanan

Kanak-kanak yang didedahkan dengan kemahiran urus diri menjadikan mereka seorang yang lebih berdikari semasa melakukan aktiviti. Ini akan membina daya ketahanan dan jati diri kanak-kanak itu.

INFO TAMBAHAN

Pendidik hendaklah memastikan tempoh kanak-kanak di tandas tidak terlalu lama atas faktor keselamatan.

Penjagaan Kebersihan Diri

Kanak-kanak perlu dilatih supaya berdikari untuk mengurus aspek penjagaan kebersihan diri dengan betul.

Standard Pembelajaran

4.2.3 Melatih dan membimbing kanak-kanak dengan betul dalam aspek penjagaan kebersihan diri: mencuci tangan, memberus gigi, menggunakan tandas, mandi sendiri dan memakai pakaian dan hias diri.

Kebersihan Diri	Sebelum	Semasa	Selepas
Mencuci tangan	Beratur untuk menggunakan sinki	• Buka pili dengan perlahan • Basuh tangan menggunakan sabun	• Tutup pili air • Lap tangan dengan tuala sendiri
Menggosok gigi 	Menggosok gigi setiap kali selepas makan	• Menggunakan ubat gigi • Berkumur menggunakan cawan	Simpan berus gigi dan cawan di tempatnya
Menggunakan tandas	Latih kanak-kanak ke tandas dengan lebih kerap. (Contohnya setiap 20 minit atau mengikut kadar yang perlu)	• Latih kanak-kanak ke tandas pada waktu pagi atau setiap kali selepas makan • Gunakan *potty* atau tandas yang sesuai	Puji kanak-kanak yang berjaya melatih diri ke tandas
Mandi sendiri	• Mandi pada masa yang ditetapkan • Membuka pakaian dan meletakkannya ke dalam bekas atau bakul yang disediakan	• Memakai tuala setiap kali masuk dan keluar bilik mandi • Menggunakan sabun dan syampu dengan betul • Menggunakan kain mandi yang sesuai • Kanak-kanak lelaki dan perempuan mandi di bilik mandi berasingan atau pada masa yang berlainan	• Menyimpan semua peralatan mandian selepas digunakan • Menyidai tuala mandi di tempat yang disediakan
Memakai pakaian dan hias diri	Mengambil pakaian di rak baju	• Memakai pakaian dengan bantuan pendidik atau mencuba memakai pakaian sendiri • Menyimpan pakaian kotor dalam beg berasingan untuk dibawa pulang • Memakai pakaian bersih, menyikat rambut dan memakai bedak	Puji kanak-kanak yang berjaya menghias diri tanpa bantuan

Aspek Kemahiran Sosial dan Urus Diri

Berikut merupakan latihan dan bimbingan untuk aspek kemahiran sosial, urus diri waktu tidur, penjagaan barang mainan, penjagaan kebersihan persekitaran dan urus diri waktu pulang:

Standard Pembelajaran

4.2.4 Melatih dan membimbing kanak-kanak dengan betul dalam aspek:

(i) Kemahiran sosial
(ii) Urus diri waktu tidur
(iii) Penjagaan barang mainan
(iv) Penjagaan kebersihan persekitaran
(v) Urus diri waktu pulang

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial melatih kanak-kanak memahami emosi dan berkomunikasi dengan individu lain mengikut kesesuaian emosi. Ini penting dan sangat memberi kesan positif kepada hubungan sosial yang terjalin.



Rajah 4.4 Latihan dan bimbingan dalam kemahiran sosial

Urus Diri Waktu Tidur

Waktu tidur dan selepas tidur adalah rutin harian yang penting dan dimasukkan dalam jadual harian kanak-kanak. Waktu tidur adalah peluang untuk mendisiplinkan kanak-kanak mengurus diri sebelum tidur dan selepas tidur. Amalan mengurus diri sebelum tidur sangat memberi kesan positif untuk mendidik kanak-kanak supaya lebih berdisiplin.



Rajah 4.5 Urus diri waktu tidur

Penjagaan Barang Mainan

Pengasuh perlu mendidik kanak-kanak supaya mempunyai rasa bertanggungjawab untuk menjaga alat permainan melalui disiplin dan peraturan yang sedia ada di TASKA.

Rajah 4.6 Latihan dan bimbingan dalam penjagaan barang mainan

Penjagaan Kebersihan Persekitaran

Persekitaran yang selamat dan bersih adalah faktor untuk kehidupan yang lebih harmoni.

Rajah 4.7 Latihan dan bimbingan dalam penjagaan kebersihan persekitaran

Urus Diri Waktu Pulang

Pengasuh hendaklah mendisiplinkan kanak-kanak mengemas barang peribadi, bersalaman dan mengucap terima kasih kepada pengasuh. Rajah di bawah menggambarkan amalan positif yang perlu diamalkan oleh kanak-kanak semasa waktu pulang.

Rajah 4.8 Latihan dan bimbingan dalam mengurus diri waktu pulang

Refleksi dan Menambah Baik Pelaksanaan Aktiviti Latihan Urus Diri Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

4.2.5 Menulis refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti latihan urus diri kanak-kanak.

Jadual 4.1 Contoh refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti latihan urus diri kanak-kanak

Bil.	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak berminat mengemas semula barang mainan yang digunakan	Tempat menyimpan mainan yang sukar diuruskan oleh kanak-kanak sendiri	Pengasuh menyusun atur ruang supaya memudahkan untuk mengambil dan menyimpan barang permainan
2.	Kanak-kanak tidak berebut semasa bermain	Bilangan barang permainan yang terhad menyebabkan perebutan masih berlaku	Menyediakan kuantiti barang permainan yang bersesuaian dengan bilangan kanak-kanak
	Rumusan keseluruhan:	Pengasuh perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah timbul tidak berulang lagi.	

Rumusan

Pengasuh dan pendidik amat memerlukan pengetahuan tentang bimbingan urus diri kanak-kanak kerana akan dilakukan sepanjang proses pengasuhan kanak-kanak di TASKA. Hal ini ini termasuk melatih dan membimbing kanak-kanak untuk menjaga aspek kebersihan diri dan aspek kemahiran sosial seperti penjagaan barang mainan dengan betul dan tertib.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, lengkapkan senarai semak rekod keberhasilan pengurusan kemahiran urus diri kanak-kanak. Senarai dan tandakan aktiviti yang perlu.
2. Bincangkan dalam kumpulan mengenai tindakan anda sebagai pengasuh apabila berhadapan dengan situasi berikut:
   (a) Aiman seorang kanak-kanak yang pendiam dan tidak suka berkomunikasi dengan rakan-rakannya. Dia terlalu pasif.
   (b) Amirul seorang kanak-kanak yang terlalu hiperaktif dan suka mengusik rakan-rakannya. Dia selalu menjadi punca pergaduhan.
3. Secara berkumpulan, simulasikan kemahiran sosial berikut:
   (a) Mengucap salam dan bersalaman dengan rakan semasa sambutan hari raya.
   (b) Mengucapkan terima kasih kerana kawan membantu meminjamkan pensel.
   (c) Mengajak rakan untuk turut beratur ketika mengambil makanan.

LATIHAN

1. Kenapa kemahiran urus diri penting kepada kanak-kanak?
2. Berikan justifikasi kepentingan *toilet training* kepada kanak-kanak.
3. Nyatakan langkah sebelum, semasa dan selepas bagi aktiviti mencuci tangan.

4.3 Pembentukan Tingkah Laku Positif

Pendidik mempunyai pengaruh yang tinggi untuk membentuk tingkah laku yang positif.

Standard Pembelajaran

4.3.1 Menyenaraikan tingkah laku positif dan tingkah laku negatif kanak-kanak.

4.3.2 Mengenal pasti punca tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak.

Tingkah Laku Positif dan Negatif Kanak-kanak

Positif

- Bersifat ingin tahu dan suka meneroka
- Memberi kerjasama ketika melaksanakan aktiviti
- Ceria dan menghormati orang lain
- Proaktif dan berimaginasi
- Mudah bergaul dengan rakan lain

Negatif

- Agresif secara fizikal dan lisan
- Bergantung secara keterlaluan (*Overdependency*)
- Mengasingkan diri dan tidak ingin terlibat dalam aktiviti
- Murung dan pasif
- Mengganggu rakan dan hiperaktif

INFO TAMBAHAN

- Tingkah laku bermasalah ialah merujuk kepada sebarang tingkah laku sama ada positif ataupun negatif yang menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.
- Tingkah laku positif terbahagi kepada empat iaitu sikap ingin tahu, cepat belajar, proaktif dan pintar cerdas.
- Manakala tingkah laku negatif pula terbahagi kepada tiga iaitu tingkah laku distruktif, distruptif dan sikap bergantung.

Punca Tingkah Laku Negatif dalam Kalangan Kanak-kanak

Secara lebih terperinci, di bawah merupakan punca tingkah laku negatif yang sering dikenal pasti dalam kalangan kanak-kanak.

- Asuhan keluarga yang bersifat diktator
- Pengaruh media sosial
- Kanak-kanak tidak dihargai dan inginkan perhatian
- Pengaruh genetik dan baka
- Krisis ekonomi dalam keluarga
- Pengaruh persekitaran

Kepentingan Pembentukan Tingkah Laku Positif Kanak-kanak

Berikut merupakan kepentingan pembentukan tingkah laku positif:

- Mengajar kanak-kanak untuk mengaplikasikan nilai murni sepanjang hayat
- Membina rasa empati dalam diri kanak-kanak
- Mengajar kanak-kanak menghargai dan bertanggungjawab terhadap persekitaran mereka
- Meluaskan jaringan sosial kanak-kanak secara positif

Standard Pembelajaran

4.3.3 Menjelaskan kepentingan pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak.

4.3.4 Menganalisis tingkah laku positif dan negatif kanak-kanak.

Analisis Tingkah Laku Positif dan Negatif Kanak-kanak

Tingkah Laku Positif

- Memerlukan bimbingan orang dewasa untuk membezakan kedua-dua tingkah laku
- Bersifat tidak mengganggu persekitaran dan individu
- Dapat mengawal diri daripada melakukan sesuatu yang mengganggu orang lain
- Membantu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah

Tingkah Laku Negatif

- Pelaku memerlukan perhatian terhadap tindakannya
- Bersifat destruktif dan disruptif
- Memudaratkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah
- Perbuatan, kelakuan atau perangai yang memberikan kesan buruk

Rajah 4.9 Analisis tingkah laku positif dan negatif kanak-kanak

Modifikasi Tingkah Laku terhadap Perlakuan Positif dan Negatif Kanak-kanak

1. Letakkan matlamat yang jelas dalam menentukan strategi
2. Menentukan strategi bertindak
3. Peneguhan positif sebagai ganjaran yang mendorong individu mengulangi tingkah laku berulang-ulang
4. Peneguhan negatif mengelakkan daripada tingkah laku yang tidak diingini berulang lagi supaya tingkah laku positif dapat dikuatkan lagi
5. *Reverse Psychology* - Kaedah menggunakan psikologi untuk memodifikasikan tingkah laku negatif kepada positif
6. Mengenal pasti tingkah laku positif atau negatif yang perlu diubah atau dikekalkan

Rajah 4.10 Modifikasi tingkah laku terhadap perlakuan positif dan negatif kanak-kanak

Standard Pembelajaran

4.3.5 Memberi cadangan modifikasi tingkah laku terhadap perlakuan positif dan negatif kanak-kanak.

4.3.6 Menjana idea mengenai kaedah yang betul untuk membantu kanak-kanak membentuk tingkah laku positif.

INFO TAMBAHAN

Modifikasi tingkah laku

- Mengaplikasikan teori-teori yang dipelajari untuk mengubah tingkah laku.
- Analisis terapan tingkah laku.
- Modifikasi pula merujuk kepada membentuk dan melaksanakan prosedur untuk membantu individu mengubah tingkah laku. Hal ini melibatkan perubahan kejadian di persekitaran yang akan mempengaruhi perubahan tingkah laku.
- Matlamat utama di sini adalah untuk membaiki kualiti hidup.

Kaedah Membantu Kanak-kanak Membentuk Tingkah Laku Positif

Keterangan di bawah dapat membantu murid menjana idea mengenai kaedah untuk membentuk tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak.



Rajah 4.11 Penjanaan idea kanak-kanak membentuk tingkah laku positif

Rumusan

Tingkah laku positif dan negatif adalah suatu pemerhatian yang perlu diketahui oleh pendidik dan pengasuh. Hal ini kerana ia memainkan peranan penting sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran berlaku. Pengetahuan ini membantu mereka untuk melakukan analisis dan kemudian mencadangkan modifikasi terhadap tingkah laku tersebut. Hal ini dapat menjana idea mengenai kaedah membentuk tingkah laku positif kanak-kanak.

AKTIVITI

1. Lakukan pemerhatian tingkah laku kanak-kanak semasa mereka menjalankan aktiviti di pusat pembelajaran. Kenal pasti tingkah laku positif dan negatif. Rumuskan pemerhatian dengan menggunakan peta pemikiran.
2. Secara berkumpulan, lakukan carian maklumat di Internet berkaitan punca tingkah laku positif dan negatif dalam kalangan kanak-kanak. Bentangkan secara kreatif. PAK 21
3. Rancang aktiviti mengemas ruang membaca di TASKA. Aktiviti boleh dilaksanakan secara berkumpulan. Pengasuh menyenaraikan tugas seperti berikut untuk dilaksanakan secara berkumpulan.

Kumpulan	Ruang	Tugas
1	Rak buku	Menyusun buku mengikut saiz supaya nampak kemas
2	Rak buku	Mengelap rak buku daripada habuk-habuk
3	Lantai ruang	Mengutip dan menyapu sampah

(a) Bincangkan tingkah laku positif dan negatif yang kanak-kanak tunjukkan kesan daripada aktiviti mengemas yang telah dilaksanakan.

LATIHAN

1. Apakah yang anda faham mengenai tingkah laku positif dan tingkah laku negatif?
2. Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku positif dan negatif.
3. Cadangkan kaedah-kaedah yang boleh membantu kanak-kanak membentuk tingkah laku yang positif.

4.4 Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Pendidik perlu memiliki pengetahuan asas mengenai pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas. Sehubungan itu, pengetahuan pendidik dari segi mengklasifikasi kanak-kanak berkeperluan khas, penjagaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan kanak-kanak berkeperluan khas perlu dititikberatkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas.

Standard Pembelajaran

4.4.1 Menyatakan maksud kanak-kanak berkeperluan khas.

4.4.2 Menerangkan kepentingan penjagaan yang rapi bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Falsafah Pendidikan Khas

Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

INFO TAMBAHAN

Menurut Farvell (2014), kanak-kanak berkeperluan khas merujuk kepada kanak-kanak yang memerlukan perhatian, sokongan, perlindungan dan penjagaan yang berbeza daripada kanak-kanak yang normal. Kanak-kanak ini biasanya memerlukan bantuan dan sokongan yang berbeza bagi membantu mereka mencapai perkembangan, sama ada dari aspek kognitif, keupayaan fizikal dan kemahiran sosial mengikut tahap pencapaian yang dipiawaikan bagi peringkat mereka.

Maksud Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Kanak-kanak berkeperluan khas adalah merujuk kepada kanak-kanak yang memerlukan perhatian dan penjagaan yang berbeza berbanding dengan kanak-kanak normal. Kanak-kanak ini berbeza daripada kanak-kanak normal dari segi ciri-ciri mental, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkah laku dan emosi serta ciri-ciri fizikal (Ibrahim et al., 2016).

Penjagaan Rapi bagi Kanak-kanak Berkeperluan Khas

- Memastikan penerimaan akses pendidikan yang berkualiti dan sama rata agar keperluan perkembangan kanak-kanak khas juga dapat dipenuhi
- Membantu perkembangan sahsiah dan kestabilan sosio-emosi kanak-kanak berkeperluan khas
- Mendidik mereka untuk berdikari dan terbiasa dengan rutin pengurusan diri
- Guru mengenali karakter dan gaya pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas, seterusnya menyediakan intervensi yang sesuai
- Memudahkan kanak-kanak berkeperluan khas untuk belajar
- Memberikan sokongan dan perhatian yang khusus mengikut ciri keperluan kanak-kanak

Aspek Berkaitan Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Jadual berikut menghuraikan aspek berkaitan kanak-kanak berkeperluan khas yang merangkumi tanda awal dan ciri, perkhidmatan rawatan yang disediakan oleh pihak berkaitan, tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh memberi perkhidmatan awal serta persediaan aktiviti, bahan dan peralatan di TASKA.

Standard Pembelajaran

4.4.3 Menghuraikan aspek berkaitan kanak-kanak berkeperluan khas.

(i) Tanda awal dan ciri

(ii) Perkhidmatan rawatan yang disediakan oleh pihak berkaitan

(iii) Tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh memberi perkhidmatan awal

(iv) Persediaan aktiviti, bahan dan peralatan di TASKA

Kategori	Tanda awal dan ciri	Rawatan yang disediakan	Tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh	Persediaan aktiviti, bahan atau peralatan
Fizikal				
Cacat Fizikal	• Kekurangan salah satu daripada anggota fizikal yang ketara Contoh: Ketiadaan kaki menyukarkan pergerakan individu	Fisioterapi	• Menyesuaikan aktiviti mengikut tahap kecacatan fizikal yang dialami oleh kanak-kanak • Membantu kanak-kanak untuk melakukan tugasan atau aktiviti yang sukar	• Menyediakan aktiviti mengikut kesesuaian dan kemampuan pergerakan dari segi keluasan, aras ketinggian dan kesukaran • Kecukupan peralatan khas seperti kerusi roda dan pendakap untuk kelancaran aktiviti
Masalah Penglihatan	• Kebolehan melihat tidak lebih daripada 20/200 melalui ujian Snellen • Tidak dapat melihat langsung • Penglihatan yang terhad dan kurang daripada 20% • Kerap menggosok mata • Sering mengerdipkan mata	Mengajar penggunaan Braille kepada yang dikesan mengalami masalah penglihatan yang teruk	• Menyesuaikan aktiviti mengikut tahap kecacatan penglihatan yang dialami oleh kanak-kanak • Menjelaskan suara ketika memberikan arahan • Memastikan kanak-kanak yang bermasalah penglihatan duduk di bahagian hadapan • Mengajar penggunaan Braille • Menggunakan *Stand Magnifier* ketika mengajar	• Menyediakan *duplicator* Braille • Menggunakan kanta pembesar • Kaca mata kanta pembesar

Kategori	Tanda awal dan ciri	Rawatan yang disediakan	Tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh	Persediaan aktiviti, bahan atau peralatan
Fizikal				
Masalah Pendengaran	**Ringan** • Boleh memahami perbualan • Tahap kehilangan pendengaran 27-40 dB • Sukar mendengar bunyi yang jauh **Sederhana** • Tahap kehilangan pendengaran 41-55 dB • Memahami perbualan • Sukar tumpukan perhatian dalam kelas **Teruk** • Tahap kehilangan pendengaran 71-90 dB • Pekak • Mengalami masalah pertuturan • Tidak memahami perbualan • Tidak dapat mendengar walaupun bunyi yang kuat	• Mengajar bahasa isyarat kepada kanak-kanak berkeperluan khas • Pemeriksaan doktor pakar • Memerlukan bantuan alat pendengaran • Memerlukan terapi pertuturan	• Menyesuaikan aktiviti mengikut tahap kecacatan pendengaran yang dialami oleh kanak-kanak • Pendidik menggunakan alat pembesar suara dan menyebut perkataan dengan jelas • Menggunakan bahan seperti gambar dan video untuk menjelaskan kepada kanak-kanak	• Pendidik boleh menggunakan bahasa isyarat • Alat bantu pendengaran • Menyediakan sistem bunyi yang sesuai untuk kanak-kanak yang bermasalah pendengaran ringan
Pembelajaran				
Disleksia	**Disleksia Auditori** • Kesukaran untuk mengingat bunyi abjad, vokal dan konsonan **Disleksia Visual** • Kesukaran untuk mengingat huruf, sering menterbalikkan huruf yang diajari **Disleksia Visual-auditori** • Kesukaran membaca yang teruk, disebabkan oleh kelemahan memproses tulisan dan bunyi huruf	• Ujian diagnostik • Latihan dan peneguhan berterusan • Penggunaan teknik *multi sensory* • Kaedah *Orton-Gillingham*	• Menyesuaikan aktiviti mengikut Disleksia yang dialami kanak-kanak • Penggunaan cermin untuk memberi pemahaman konsep	• Alat rangsangan deria kanak-kanak seperti blok permainan dan pasir

Kategori	Tanda awal dan ciri	Rawatan yang disediakan	Tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh	Persediaan aktiviti, bahan atau peralatan
Mental				
ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*)	• Sukar menumpukan perhatian • Tidak mengikut arahan • Hiperaktif • Banyak melakukan pergerakan dan sering bercakap • Impulsif (bertindak mengikut perasaan)	• Ujian diagnostik awal • Terapi *Brainwave* • Latihan dan peneguhan berterusan	• Menyesuaikan aktiviti mengikut keperluan kanak-kanak • Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik perhatian kanak-kanak • Melaksanakan intervensi awal • Mendapatkan nasihat pengendalian kanak-kanak daripada pakar dalam bidang ADHD • Pendidik perlu konsisten dengan rutin	• Bermain alat muzik untuk menarik tumpuan kanak-kanak • Melibatkan gajet dalam aktiviti pengajaran • Melibatkan cahaya dan lampu
Tingkah Laku				
Autisme	• Perbualan satu pihak (tidak ada kontak mata) • Tidak suka disentuh • Sukakan perkara rutin • Mengulangi percakapan dan perbuatan yang sama • Emosi yang sukar diramal dan sering berubah-ubah • Suka menyusun objek pada satu aliran • Tidak suka bersosial dengan kumpulan lain	• Ujian diagnostik awal • Latihan dan peneguhan berterusan	• Mendapatkan nasihat daripada pakar dalam bidang Autisme • Pendidik konsisten dengan rutin • Mewujudkan suasana saling percaya • Berikan rasa sentuhan selamat • Pendidik membiasakan kanak-kanak bersama orang lain • Pendidik melatih untuk melakukan kontak mata selama lima saat	• Persediaan aktiviti terapi sosial, bertutur bermain dan fizikal • Masalah berkaitan tingkah laku dan sosial diatasi melalui Modifikasi Tingkah Laku • Pembinaan kemahiran umum seperti berdikari dan ikut giliran • Muzik sebagai penenang
Tingkah Laku				
Sindrom Down	• Otot yang lemah • Batang hidung yang rendah • Mulut yang lebar • Lidah dan bibir bawah yang tebal • Bibir atas yang nipis • Kelebihan kromosom pada genetik • Tubuh yang pendek • Mata sepet	• Penggunaan teknik *multi sensory* untuk menguatkan otot motor halus	• Mengajar cara berkomunikasi • Mengajar perkara rutin dan pengurusan diri • Memastikan kanak-kanak Sindrom Down mendapatkan rawatan perubatan bagi masalah kesihatan • Mewujudkan suasana kekeluargaan khusus kepada mereka	• Aktiviti pengurusan diri • Main peranan • Bercerita • Alat merangsang deria motor halus dan kasar – Tanah liat – *Puzzle* – Alat yang mengeluarkan bunyi – Lampu dan barang yang bersinar

Contoh Dokumentasi Maklumat tentang Kanak-kanak Berkeperluan Khas

Berikut merupakan langkah penghasilan buku skrap mengenai kanak-kanak berkeperluan khas:

Standard Pembelajaran

4.4.4 Menghasilkan dokumentasi maklumat tentang kanak-kanak berkeperluan khas.

Langkah penghasilan buku skrap

1. Tentukan saiz muka surat. Boleh menggunakan pelbagai kertas dan media berlainan asalkan saiz dan ketebalannya hampir sama. Untuk kulit depan dan belakang, perlukan kertas yang lebih tebal sebaik-baiknya kadbod.
2. Buatkan lubang di tepi untuk menyatukan semua muka surat dan kulit depan dan belakang. Pastikan kedudukan lubangnya sama bagi setiap muka surat. Buat dua, tiga atau empat lubang.
3. Untuk mengikat semua muka surat menjadi sebuah buku atau album, gunakan reben, tali atau apa-apa bahan yang tahan lama dan tidak mudah putus.
4. Tampal gambar atau maklumat mengikut kesesuaian di setiap muka surat. Hiaskan mengikut kreativiti.

Gambar foto 4.4 Contoh buku skrap

Rumusan

Pengetahuan mengenai pengurusan penjagaan rapi kanak-kanak berkeperluan khas adalah penting kerana mereka perlu mendapat layanan yang adil sama seperti kanak-kanak yang lain. Ciri-ciri personaliti yang berbeza memerlukan pendidik menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan mereka. Sehubungan itu, maklumat berkenaan ciri kanak-kanak berkeperluan khas perlu disebarluaskan kepada masyarakat sekitar khususnya orang terdekat dengan mereka supaya lebih memahami keperluan dan kehendak mereka.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan penjagaan rapi bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Bentangkan hasil perbincangan menggunakan TMK.
2. Secara berkumpulan, rancang aktiviti harian mengikut jadual untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Aktiviti perlu mengambil kira aspek mata pelajaran, objektif, peruntukan masa, aktiviti dan bahan bantu yang bersesuaian. Bentang hasilan untuk perbincangan penambahbaikan.
3. Rancang aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan penerimaan kanak-kanak normal terhadap kanak-kanak berkeperluan khas. Jelas justifikasi pemilihan aktiviti tersebut.

LATIHAN

1. Nyatakan ciri-ciri kanak-kanak berkeperluan khas.
2. Huraikan tanggungjawab pendidik dalam menangani kanak-kanak berkeperluan khas.
3. Jelaskan perbezaan Sindrom Down dan Autisme.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	☹
Menjelaskan kepentingan layanan serta amalan baik terhadap bayi dan kanak-kanak di TASKA.			
Menerangkan amalan asuhan yang positif oleh pendidik atau pengasuh terhadap bayi dan kanak-kanak ketika: i) Menyambut ketibaan ii) Membersihkan diri iii) Makan iv) Belajar v) Bermain dan menjalankan aktiviti luar vi) Rehat dan tidur vii) Pulang ke rumah			
Menghuraikan kesan amalan asuhan positif dan negatif terhadap perkembangan sahsiah serta emosi bayi dan kanak-kanak.			
Menghasilkan panduan amalan asuhan positif dan negatif untuk pendidik atau pengasuh.			
Menyenaraikan kemahiran urus diri yang sesuai dengan kebolehan dan peringkat umur kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan kemahiran urus diri bagi kanak-kanak.			
Melatih dan membimbing kanak-kanak dengan betul dalam aspek penjagaan kebersihan diri: i) Mencuci tangan ii) Memberus gigi iii) Menggunakan tandas iv) Mandi sendiri v) Memakai pakaian dan hias diri			
Melatih dan membimbing kanak-kanak dengan betul dalam aspek: i) Kemahiran sosial ii) Urus diri waktu tidur iii) Penjagaan barang mainan iv) Penjagaan kebersihan persekitaran v) Urus diri waktu pulang			
Menyenaraikan tingkah laku positif dan tingkah laku negatif kanak-kanak.			
Mengenal pasti punca tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak.			
Menjelaskan kepentingan pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak.			
Menganalisis tingkah laku positif dan negatif kanak-kanak.			
Memberi cadangan modifikasi tingkah laku terhadap perlakuan positif dan negatif kanak-kanak.			
Menjana idea mengenai kaedah yang betul untuk membantu kanak-kanak membentuk tingkah laku positif.			
Menyatakan maksud kanak-kanak berkeperluan khas.			
Menerangkan kepentingan penjagaan yang rapi bagi kanak-kanak berkeperluan khas.			
Menghuraikan aspek berkaitan kanak-kanak berkeperluan khas: i) Tanda awal dan ciri ii) Perkhidmatan rawatan yang disediakan oleh pihak berkaitan iii) Tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh memberi perkhidmatan awal iv) Persediaan aktiviti, bahan dan peralatan di TASKA			
Menghasilkan dokumentasi maklumat tentang kanak-kanak berkeperluan khas.			

Modul 5 PENYEDIAAN MAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK

Standard Kandungan

5.1 Makanan, Nutrien dan Fungsinya
5.2 Makanan Seimbang untuk Bayi dan Kanak-kanak
5.3 Perancangan Menu untuk Bayi dan Kanak-kanak
5.4 Penyediaan Makanan untuk Bayi dan Kanak-kanak
5.5 Adab Makan

Pengenalan

Pemakanan adalah aspek utama dalam tumbesaran bayi dan kanak-kanak. Pemakanan yang sihat dan seimbang memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kesihatan seseorang. Seiring dengan keperluan ini, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) 1984 mewajibkan pengusaha TASKA menyediakan makanan yang seimbang kepada bayi dan kanak-kanak. Makanan yang diberi kepada bayi dan kanak-kanak mestilah tepat pada masanya, mencukupi dari segi kualiti dan kuantiti, diberi mengikut kekerapan yang disarankan, selamat dan sesuai untuk dimakan. Dalam konteks ini, pengusaha TASKA perlu menyediakan makanan yang berkhasiat, seimbang, sihat dan selamat kepada semua bayi dan kanak-kanak bawah jagaan mereka. Ini akan dapat menjamin mereka mendapat tenaga dan nutrien yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti harian mereka.

5.1 Makanan, Nutrien dan Fungsinya

Pemakanan sihat lazimnya disebut sebagai diet seimbang. Diet seimbang mengandungi kombinasi pelbagai jenis hidangan berdasarkan piramid makanan yang boleh membekalkan semua zat diperlukan tubuh. Manusia memerlukan makanan dan vitamin untuk tumbesaran dan menjaga kesihatan. Pengambilan makanan berkhasiat perlulah bermula pada peringkat awal iaitu semasa peringkat bayi dalam kandungan ibu.

Standard Pembelajaran

5.1.1 Menyatakan kepentingan pengambilan makanan yang berkhasiat.

Kepentingan Pengambilan Makanan yang Berkhasiat dan Seimbang

Tumbesaran

Tubuh badan yang menerima semua keperluan zat yang diperlukan untuk membina tubuh badan yang kuat daripada keperluan fizikal manusia. Keupayaan fizikal yang ketara ini akan menjadikan seseorang manusia itu boleh menjalankan tugasnya dengan begitu baik dan sempurna.

Perkembangan mental

Kekurangan zat makanan yang tertentu boleh menjadikan mental kanak-kanak itu tidak cukup cerdas atau mudah letih. Keadaan ini menjadikan kanak-kanak itu tidak cerdas dan kurang efektif berbanding dengan kanak-kanak yang seimbang aspek pemakanannya.

Mengawal kadar obesiti

Salah satu aspek yang utama dalam pemakanan seimbang dan berkhasiat ialah manusia perlulah mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil tetapi cukup khasiat yang diperlukan oleh badan. Pengawalan pemakanan akan menjadikan tubuh seseorang itu tidak terlalu gemuk dan memudahkan mereka untuk menjalankan pelbagai aktiviti terutama aktiviti senaman yang mampu menyihatkan badan. Obesiti dalam kalangan kanak-kanak akan mampu diatasi jika seseorang kanak-kanak itu mempunyai diet pemakanan seimbang.

Memberikan vitamin yang mencukupi

Keperluan vitamin yang cukup menjadikan tubuh manusia itu lebih daya tahan untuk menghadapi sebarang jangkitan penyakit atau dengan kata lain tidak mudah untuk jatuh sakit. Kesihatan manusia adalah aset paling penting dalam kehidupan seseorang itu. Manusia yang mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang akan mempunyai kesihatan yang sihat sejahtera.

Rajah 5.1 Kepentingan pengambilan makanan yang berkhasiat dan seimbang

Nutrien, Fungsi dan Sumber Makanannya

Nutrien ialah makanan yang membekalkan tenaga, menggalakkan tumbesaran dan membaik pulih tisu serta menjana metabolisme badan.

Standard Pembelajaran

5.1.2 Menerangkan lima jenis nutrien, fungsi dan sumber makanannya.

Jenis-jenis Nutrien

Karbohidrat
Roti, gula dan kanji

Fungsi
- Membekalkan sumber haba dan tenaga
- Mengawal kolesterol dan kegemukan
- Mengekalkan tahap glukosa darah

Protein
Daging, ayam, ikan dan kekacang

Fungsi
- Pembinaan hormon, enzim dan antibodi
- Mengekalkan pertumbuhan normal dan pemeliharaan tisu
- Mengawal atur keseimbangan bendalir dalam sel
- Menghasilkan tenaga apabila kekurangan karbohidrat dan lemak

Lemak
Susu dan hasilnya seperti keju, kuning telur, lemak tumbuh-tumbuhan dan haiwan

Fungsi
- Membekalkan tenaga dan haba kepada badan
- Membentuk struktur sel seperti membran sel
- Membantu melarutkan vitamin A, D, E dan K
- Membentuk tisu adipos di bawah kulit untuk mengawal suhu badan di kawasan sejuk
- Melindungi organ dalaman

Mineral
Susu dan hasil tenusu, sayur-sayuran hijau dan kekacang

Fungsi
- Membantu keseimbangan dalam badan dan membantu mencegah penyakit
- Menguatkan tulang dan gigi
- Membantu pembentukan sel antibodi

Vitamin
Buah-buahan dan sayur-sayuran

Fungsi
- Membantu mencegah penyakit
- Mencantikkan kulit
- Menguatkan penglihatan mata

Kesan Lebihan dan Kekurangan Nutrien

Standard Pembelajaran

5.1.3 Menerangkan kesan lebihan dan kekurangan nutrien.

Jadual 5.1 Kesan lebihan dan kekurangan nutrien

Jenis Nutrien	Kesan Pengambilan Nutrien Secara Berlebihan	Kesan Kekurangan Pengambilan Nutrien
Karbohidrat	- Gula darah meningkat - Diabetes - Obesiti	- Malnutrisi - Kurus - Lemah, tidak ada tenaga
Protein	- Gangguan ginjal - Beban kerja hati	- Mudah sakit - Gangguan metabolisme tubuh - Busung lapar (*kwashiorkor*)
Lemak	- Obesiti - Kolesterol tinggi - Penyempitan pembuluh darah - Sakit jantung	- Kekurangan vitamin larut dalam lemak (A, D, E, K) - Penurunan daya tahan tubuh - Kurang tenaga
Mineral	- Gangguan kerja organ - Cirit-birit - Muntah-muntah - Talasemia	- Gangguan metabolisme tubuh - Kurang zat besi disebabkan penurunan konsentrasi dan IQ - Mudah jatuh sakit - Hilang nafsu makan - Cirit-birit
Vitamin 	- Vitamin yang tidak larut dalam air atau larut dalam lemak boleh membebani hati - Berasa mual - Muntah - Kelebihan vitamin A boleh mengakibatkan kekejangan	- Vitamin A: Gangguan pada mata - Vitamin C: Sawan

Pelawas, Air dan Fungsinya

Standard Pembelajaran

5.1.4 Menerangkan definisi pelawas dan air serta fungsi pelawas dan air.

5.1.5 Menilai dan merumus kandungan nutrien pada label pembungkusan makanan bayi dan kanak-kanak.

5.1.6 Membuat pembentangan tentang rumusan yang sediakan.

Pelawas

Pelawas ialah sejenis gentian polisakarida yang tidak dapat diserap atau dicernakan oleh tubuh. Pelawas menjadi perangsang pergerakan peristalsis dan membantu dalam perkumuhan. Kekurangan air dan pelawas boleh mengakibatkan sembelit dan penyakit *Divertikula*. Sumber pelawas terdiri daripada buah-buahan, bijirin, sayur-sayuran dan kekacang.

Air

Air ialah bahan asas dalam semua bendalir tubuh dan memainkan peranan penting dalam peredaran darah, pencernaan, perkumuhan dan penafasan. Bahan buangan perlu dikumuhkan dalam bentuk peluh, air kencing dan hembusan nafas. Air juga mengawal suhu badan kekal pada 37°C, melicinkan membran sendi dan melembapkan saluran penafasan.

Kandungan Nutrien

Perkara yang perlu diambil berat dalam membuat penilaian kandungan nutrien pada pembungkusan makanan:

1. Jumlah tenaga dan beberapa jenis nutrien seperti karbohidrat, protein dan lemak dalam sesuatu produk makanan
2. Akuan yang dibuat pada label makanan tentang kualiti pemakanan. Contoh akuan seperti "bebas lemak", "tinggi vitamin C" atau "gula dikurangkan"
3. Senarai ramuan yang ada pada label makanan adalah untuk mengetahui isi kandungan makanan
4. Meletakkan tarikh luput
5. Meletakkan alamat pengeluar dan pengilang

Rajah 5.2 Kandungan nutrien pada label pembungkusan makanan kanak-kanak

Pembentangan tentang rumusan kandungan nutrien dalam label pembungkusan boleh dibuat dalam bentuk:

- Peta minda
- *PowerPoint*
- Poster, dan
- Kertas sebak

Panduan Amalan Pemilihan dan Pengambilan Bahan Makanan yang Berkualiti, Berkhasiat dan Seimbang

Standard Pembelajaran

5.1.7 Menghasilkan panduan amalan pemilihan dan pengambilan bahan makanan yang berkualiti, berkhasiat serta seimbang untuk kesihatan bayi dan kanak-kanak.

1. Menjaga kebersihan.
2. Memasak dengan cara yang betul.
3. Mengasingkan makanan yang mentah dengan makanan yang sudah dimasak.
4. Menggunakan bahan mentah dan air yang selamat dan bersih.
5. Menggunakan makanan pada suhu yang selamat.

Rumusan

Pengambilan makanan yang mempunyai nutrien yang seimbang akan dapat membantu dalam perkembangan dan tumbesaran bayi dan kanak-kanak. Oleh itu, setiap makanan yang dipilih untuk dihidangkan kepada kanak-kanak perlulah diteliti agar nutrien yang diperoleh tidak berkurangan atau berlebihan.

AKTIVITI

1. Bawa satu kotak bungkusan makanan bayi atau kanak-kanak yang terdapat di pasaran.
   (a) Buat penilaian dari aspek kandungan nutrien pada label pembungkusan makanan bayi dan kanak-kanak tersebut.
   (b) Bentangkan hasil dapatan. PAK 21
   (c) Cadangkan satu panduan amalan pemilihan dan pengambilan makanan berkhasiat berdasarkan pemerhatian penilaian label makanan itu.

LATIHAN

1. Lengkapkan jadual di bawah:

Jenis Nutrien	Sumber	Fungsi
Karbohidrat		
Protein		
Vitamin		
Lemak		
Mineral		

2. Terangkan kepentingan pengambilan makanan berkhasiat dan seimbang kepada bayi dan kanak-kanak.
3. Nyatakan kesan jika berlaku kelebihan atau kekurangan nutrien kepada bayi dan kanak-kanak.

5.2 Makanan Seimbang untuk Bayi dan Kanak-kanak

Makanan yang dapat membekalkan pelbagai zat makanan kepada bayi dan kanak-kanak adalah makanan seimbang yang diperlukan dalam pemakanan seharian mereka. Ia harus terdiri daripada lima kumpulan makanan berdasarkan Piramid Makanan Malaysia. Pendidik dan pengasuh lebih bertanggungjawab untuk memastikan makanan yang disediakan adalah seimbang kerana mereka lebih banyak menghabiskan masa bersama-sama bayi dan kanak-kanak terutamanya ketika waktu makan utama.

Definisi Makanan Seimbang

Standard Pembelajaran

5.2.1 Menyatakan definisi makanan seimbang.

Makanan seimbang merujuk kepada pengambilan makanan berkhasiat, berzat dan makanan yang cukup untuk keperluan tubuh badan. Kecuaian ibu bapa atau pengasuh menyediakan pemakanan yang tidak sewajarnya kepada kanak-kanak akan melemahkan imunisasi tubuh mereka. Tanpa kita sedar, itulah yang menjadi punca bayi dan kanak-kanak mudah demam dan jatuh sakit (Thamrin, 2017).

Gambar foto 5.1 Makanan untuk bayi yang berusia 0 hingga 6 bulan

Gambar foto 5.2 Kanak-kanak mengamalkan pemakanan yang sihat

INFO TAMBAHAN

World Health Organization

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga mengaitkan pemakanan yang salah dengan 45 peratus daripada kematian kanak-kanak di seluruh dunia. Apabila pemakanan tidak dijaga, sistem imun badan merosot, keupayaan menangani penyakit serius juga akan turut berkurangan.

Contoh Sajian Seimbang untuk Bayi dan Kanak-kanak

Berikut merupakan contoh sajian seimbang serta berkhasiat untuk hidangan makan tengah hari bayi dan kanak-kanak berdasarkan peringkat umur 6 hingga 8 bulan, 9 hingga 11 bulan, 1 hingga 2 tahun dan 3 hingga 4 tahun:

Imbas halaman AR dan tekan ikon gambar bayi dan kanak-kanak tersebut untuk mengetahui contoh sajian seimbang secara interaktif.

Standard Pembelajaran

5.2.2 Memberi contoh sajian seimbang serta berkhasiat untuk hidangan makan tengah hari bayi dan kanak-kanak berdasarkan peringkat umur:

i) 6 hingga 8 bulan
ii) 9 hingga 11 bulan
iii) 1 hingga 2 tahun
iv) 3 hingga 4 tahun

Rajah 5.3 Contoh sajian seimbang untuk bayi dan kanak-kanak mengikut peringkat umur

Ciri Bayi dan Kanak-kanak yang Tidak Mendapat Makanan Seimbang

Tubuh perlu menerima semua zat yang diperlukan untuk membina badan yang kuat dan sihat. Pemakanan seimbang menjadikan fizikal bayi dan kanak-kanak itu lebih baik dan sihat berbanding dengan bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat zat keperluan makanan yang mencukupi. Bayi dan kanak-kanak yang mudah mendapat jangkitan tidak akan mencapai pertumbuhan yang optimum.

Standard Pembelajaran

5.2.3 Mengenal ciri bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat makanan seimbang.

5.2.4 Menerangkan konsep Piramid Makanan dan kegunaannya.

Kurus dan perutnya kembung disebabkan berlakunya malnutrisi khususnya protein. Nutrisi yang tidak teratur ini akan menyebabkan sel imuniti badan akan menurun.

Mudah dijangkiti penyakit akibat imuniti tubuh badan yang terjejas. Hal ini berlaku apabila kekurangan nutrien seperti zat besi, selenium, vitamin A, C, E, B6 dan asid folik.

Kegagalan membesar secara normal dari segi berat dan tinggi, perubahan tingkah laku, kekurangan daya tumpuan, lesu dan tidak bermaya.

Konsep Piramid Makanan dan Kegunaannya

Konsep Piramid Makanan dan kegunaannya diterang seperti berikut:

Piramid makanan menjadi panduan kepada pengasuh atau pendidik dalam pengambilan bahan makanan mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak.

Piramid makanan mempunyai gabungan lima kumpulan makanan yang diletakkan pada empat aras. Selain jenis kumpulan makanan, piramid makanan juga menyatakan jumlah sajian yang disarankan untuk diambil dalam sehari bagi setiap kumpulan makanan.

Gambar foto 5.3 Lima kumpulan makanan dalam Piramid Makanan

Model Piramid Makanan

Berikut merupakan model piramid makanan yang menjadi panduan kepada pendidik atau pengasuh dalam pengambilan bahan makanan mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak, secara khususnya:

Standard Pembelajaran

5.2.5 Membina model Piramid Makanan bagi pengambilan bahan makanan mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak.

5.2.6 Membuat pembentangan tentang justifikasi pemilihan makanan berdasarkan model yang dibina.

Lemak, minyak, garam dan gula
Makan sedikit

Susu dan produk tenusu
Makan sederhana

Ikan, ayam, daging dan kekacang
Makan sederhana

Buah-buahan
Makan banyak

Sayur-sayuran
Makan banyak



Nasi, mi, roti, bijirin dan hasil bijirin dan ubi-ubian
4 – 8 sajian sehari
Makan secukupnya

Gambar foto 5.4 Model piramid makanan

Pembentangan tentang justifikasi pemilihan bahan makanan berdasarkan model piramid boleh dibuat dalam bentuk:

- Peta minda
- *PowerPoint*
- Poster
- Kertas sebak

Rumusan

Bayi dan kanak-kanak perlu mendapat makanan seimbang dalam pemakanan seharian mereka. Makanan seimbang diperlukan oleh bayi dan kanak-kanak untuk tumbesaran dan juga untuk memelihara kesihatan. Hal ini kerana makanan seimbang mengandungi kesemua nutrien yang diperlukan oleh tubuh sepanjang proses tumbesaran.

AKTIVITI

1. Laksanakan aktiviti menggunakan kaedah *Gallery Walk*.
   (a) Sediakan satu Model Piramid Makanan dalam kumpulan kecil. Piramid Makanan yang dihasilkan perlulah mengambil kira bahan-bahan yang diperlukan mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak. Bentangkan hasil dapatan tersebut. Semasa pembentangan, murid lain boleh bersoal jawab dan memberi maklum balas kepada kumpulan yang membentang.
   (b) Hasilkan buku skrap menu sajian yang seimbang mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak. Kemudian pamerkan buku skrap tersebut di ruang pameran.
   (c) Bincangkan dalam kumpulan besar berkenaan kepentingan pemakanan yang seimbang kepada bayi dan kanak-kanak. Berpandukan dapatan hasil perbincangan secara individu, hasilkan poster kempen kesedaran pemakanan yang seimbang kepada bayi dan kanak-kanak.

LATIHAN

1. Anda dikehendaki membuat pemerhatian mengenai corak pengambilan makanan yang diambil oleh kanak-kanak berusia 4 tahun di TASKA. Kemudian lengkapkan maklumat tersebut berpandukan rajah di bawah.

REKOD PENGAMBILAN MAKANAN KANAK-KANAK

Nama kanak-kanak: _____
Umur kanak-kanak : _____
Tarikh : _____
Tempat : _____

Waktu Makan	Sarapan Pagi	Minum Pagi	Makan Tengah Hari	Minum Petang
Masa				
Jenis makanan yang dimakan				
Ulasan				

2. Berikan dua kebaikan aktiviti merekod pengambilan makanan kanak-kanak di TASKA.
3. Nyatakan tiga ciri kanak-kanak yang tidak mendapat makanan yang seimbang.

5.3 Perancangan Menu untuk Bayi dan Kanak-kanak

Perancangan menu merupakan salah satu aspek yang penting dalam penyediaan makanan untuk bayi dan kanak-kanak. Menu merupakan satu senarai lengkap untuk sesuatu sajian. Perancangan menu memerlukan kemahiran dan daya kreatif seseorang pengasuh atau pendidik untuk menyediakan hidangan yang berkhasiat, menarik dan menyelerakan. Menu yang dirancang perlulah bervariasi dan berbeza terutama dari segi tekstur dan bahan yang digunakan perlulah sesuai dan mengikut umur bayi dan kanak-kanak.

Definisi Menu Harian dan Menu Pusingan

Standard Pembelajaran

5.3.1 Menyatakan definisi menu dan perancangan menu.

Menu Harian

Menu yang disediakan untuk bayi dan kanak-kanak untuk hidangan seharian (Farhah, 2016).

Menu Pusingan

Menu yang disediakan untuk bayi dan kanak-kanak untuk dua atau lebih menu mingguan yang dirancang dan digunakan secara bergilir (Farhah, 2016).

INFO TAMBAHAN

Standard Operating Procedure atau biasa disebut dengan SOP merupakan suatu dokumen yang berkaitan dengan prosedur yang akan dijalankan secara kronologis untuk menyelesaikan suatu pekerjaan demi mendapatkan hasil kerja yang efektif dan efisien. SOP ini harus dimiliki oleh suatu perusahaan atau organisasi sebagai panduan untuk menjalankan tugas dan fungsi setiap bahagian yang ada.

SOP dalam pengurusan pemakanan seimbang bagi bayi dan kanak-kanak bermula dengan perancangan menu. Perancangan menu haruslah berdasarkan piramid makanan. Cara perolehan bahan, penyediaan, penyimpanan dan cara hidang perlu dipantau supaya makanan yang terhasil berkualiti dan mengikut SOP.

Kepentingan Merancang Menu

Standard Pembelajaran

5.3.2 Menjelaskan kepentingan perancangan menu.

1. Menyediakan sajian yang mengandungi nutrien yang diperlukan.
2. Menjimatkan tenaga, masa dan bahan makanan.
3. Mengikut anggaran belanjawan yang ditetapkan.
4. Menyediakan sajian yang berkhasiat, menarik dan menyelerakan.
5. Memberi peluang kepada kanak-kanak mencuba pelbagai jenis makanan.

Faktor yang Mempengaruhi Perancangan Menu

Standard Pembelajaran

5.3.3 Menerangkan faktor mempengaruhi perancangan menu untuk bayi dan kanak-kanak.

Jenis Hidangan

Jenis hidangan yang dirancang perlulah mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak. Perlulah memilih makanan yang segar, berkhasiat dan selamat untuk bayi dan kanak-kanak.

Keperluan dan Kegemaran

- Pilihan menu perlulah membekalkan nutrien untuk keperluan bayi dan kanak-kanak.
- Setiap individu mempunyai makanan kegemaran masing-masing. Aspek ini perlu juga dititikberatkan semasa merancang menu.

Pilihan Sajian

Menu perlulah dirancang supaya setiap sajian mempunyai keseimbangan dan variasi dari segi kaedah memasak, tekstur, rasa, warna dan bahan makanan.

- Perbezaan warna, rasa dan tekstur memberi variasi kepada sajian. Ia akan membuat makanan itu lebih menarik dan menyelerakan.
- Pelbagaikan bahan dalam sajian agar dapat memenuhi keperluan nutrien.
- Dalam pilihan sajian, mempelbagaikan kaedah memasak sangat digalakkan agar memberi kesan yang berbeza terhadap makanan yang dihidang.

Perbelanjaan

Perancangan menu perlu mengikut peruntukan perbelanjaan yang dibuat untuk mengelakkan pembaziran berlaku.

Kemudahan Fizikal dan Sumber Tenaga

Kemudahan dan sumber tenaga akan mempengaruhi perancangan menu. Kemudahan yang ada akan membolehkan makanan disedia, dimasak dan dihidang dengan sempurna.

INFO TAMBAHAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga mengaitkan pemakanan yang salah dengan 45 peratus daripada kematian kanak-kanak di seluruh dunia. Apabila pemakanan tidak dijaga, sistem imun badan merosot, keupayaan menangani penyakit serius juga akan turut berkurangan.

Menu Harian dan Menu Pusingan dengan Resepi yang Sesuai Mengikut Peringkat Umur Bayi dan Kanak-kanak di TASKA

Standard Pembelajaran

5.3.4 Menyediakan cadangan menu harian dan menu pusingan untuk pelaksanaan di TASKA.

5.3.5 Memilih resipi yang sesuai untuk bayi dan kanak-kanak mengikut peringkat umur.

Jadual 5.2 Menu harian dengan resepi yang sesuai mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak

Contoh Menu Harian
Isnin

Contoh menu harian untuk 6 hingga 8 bulan

Sarapan pagi 8:00 pagi	Minum pagi 10:00 pagi	Makan tengah hari 12:30 tengah hari	Minum petang 4:30 petang
Kentang lecek + air masak	Puri betik + air susu/air masak	Kentang lecek + air masak	Roti lembut + air masak

Contoh menu harian untuk 9 hingga 11 bulan

Sarapan pagi 8:00 pagi	Minum pagi 10:00 pagi	Makan tengah hari 12:30 tengah hari	Minum petang 4:30 petang
Bubur nasi + isi ayam kisar + air masak	Pisang lecek + air masak	Bubur nasi + isi ikan kukus + air masak	Kek lembut + susu

Contoh menu harian untuk 1 hingga 2 tahun

Sarapan pagi 8:00 pagi	Minum pagi 10:00 pagi	Makan tengah hari 12:30 tengah hari	Minum petang 4:30 petang
Bubur nasi ikan bilis + air susu	Buah pisang + air masak	Nasi ayam + buah tembikai + air masak	Donat + air coklat

Contoh menu harian untuk 3 hingga 4 tahun

Sarapan pagi 8:00 pagi	Minum pagi 10:00 pagi	Makan tengah hari 12:30 tengah hari	Minum petang 4:30 petang
Mi goreng + air susu	Puding mangga + air masak	Nasi putih + sup sayur + ayam goreng + buah oren + air masak	Kek pisang + susu

Jadual 5.3 Menu pusingan dengan resepi yang sesuai mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak

Contoh Menu Pusingan
3 hingga 4 tahun
Minggu 1 dan 3

	Sarapan pagi (8:30 pagi)	Minum pagi (10:30 pagi)	Makan tengah hari (12:30 tengah hari)	Minum petang (4:30 petang)
Isnin	Roti kaya + susu	Puding + air masak	Nasi putih + sup sayur + ayam goreng + buah tembikai + air sirap	Mi goreng + air masak
Selasa	Bubur ayam + air coklat	Buah tembikai + air masak	Nasi ayam + buah pisang + air masak	Biskut jagung + air coklat
Rabu	Roti canai + air coklat	Biskut coklat + air masak	Nasi putih + telur masak kicap sayur campur + buah anggur+ air masak	Roti coklat + susu
Khamis	Mi goreng + air masak	Donat + susu	Nasi putih + tomyam campur + buah oren + air sirap	Cucur bawang + air suam
Jumaat	Cucur bilis + air coklat	Buah epal + air masak	Bihun sup + buah betik + air oren	Sandwic tuna + air masak

Rancangan Kerja Penyediaan Makanan

Standard Pembelajaran

5.3.6 Menyediakan rancangan kerja penyediaan makanan untuk bayi dan kanak-kanak berdasarkan cadangan menu harian dan resipi yang dipilih.

Borang Rancangan Kerja Penyediaan Makanan					
Tajuk Aktiviti	Penyediaan makanan kanak-kanak (Sandwic Telur)				
Bidang Pembelajaran	Menyediakan rancangan kerja penyediaan makanan untuk kanak-kanak				
Hasil Pembelajaran	1. Menyediakan sandwic telur kepada kanak-kanak mengikut perancangan 2. Membuat anggaran kos hidangan yang disediakan				
Tarikh	3/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 hingga 4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	1. Boleh makan makanan pejal 2. Boleh makan sendiri				
Bilangan Kanak-kanak	8 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang makan				
Senarai Bahan dan Alat: 1. 8 keping roti 2. 4 biji telur 3. 1 biji bawang besar 4. 2 tangkai salad 5. 1/2 biji timun (dihiris nipis) 6. 1/2 biji tomato (dihiris nipis) 7. 4 sudu besar mayonis 8. 3 sudu besar marjerin untuk disapu kepada roti					
Langkah-langkah: 1. Bawang besar dicincang halus. 2. Telur yang telah direbus dan dilecek akan dicampur dengan mayonis. Gaul sebati kedua-dua bahan ini. 3. Sapukan permukaan roti dengan marjerin. 4. Ratakan 1/2 sudu besar telur lecek yang dicampur dengan mayonis ke atas roti. 5. Kemudian letakkan hirisan timun, tomato dan salad. 6. Tutup dengan roti yang sekeping lagi. Potong roti tersebut berbentuk segi tiga atau segi empat. 7. Hidangkan untuk kanak-kanak.					
Langkah kontingensi: • Sekiranya kanak-kanak tidak mahu makan makanan yang disediakan, pendidik memujuk untuk makan bersama-sama kanak-kanak lain dan pendidik juga sediakan hiasan yang boleh menarik minat kanak-kanak untuk makan.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti penyediaan makanan bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan untuk memasak serta ruang yang selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik perlu memastikan diri sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					
Penilaian Refleksi					
Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**				
Tarikh:	**Tarikh:**				

Anggaran Kos

Standard Pembelajaran

5.3.7 Mengira jumlah kos hidangan yang disediakan.

Berikut merupakan pengiraan jumlah kos hidangan yang disediakan:

Jadual 5.4 Pengiraan jumlah kos hidangan

Bil.	Senarai barang	Kuantiti	Kos Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Roti	8 keping	0.20	1.60
2.	Telur	4 biji	0.50	2.00
3.	Mayonis	4 sudu	0.20	0.80
4.	Marjerin	2 sudu	0.50	1.00
5.	Bawang besar	Sebiji	0.50	0.50
6.	Salad	2 tangkai	0.50	1.00
7.	Timun	Sebiji	0.50	0.50
8.	Tomato	Sebiji	0.50	0.50
			Jumlah	7.90

Rumusan

Pengetahuan pemilihan jenis makanan dan keperluan nutrien untuk bayi dan kanak-kanak amat penting semasa merancang menu. Penyediaan dan kaedah memasak perlulah dititik berat semasa merancang menu. Selain itu, aspek kebersihan dan keselamatan juga tidak boleh diambil ringan semasa mengendalikan penyediaan makanan kepada bayi dan kanak-kanak.

AKTIVITI

1. Anda diminta untuk menyatakan resipi yang sesuai bagi bayi dan kanak-kanak mengikut kumpulan umur.
   (a) Secara berkumpulan, rancang menu pusingan berpandukan maklumat berikut:
      (i) Bayi 6 hingga 12 bulan
      (ii) Kanak-kanak 1 hingga 2 tahun
      (iii) Kanak-kanak 3 hingga 4 tahun
   (b) Hasilkan kompilasi resipi hidangan makanan yang dipilih pada menu pusingan tersebut.

LATIHAN

1. Nyatakan definisi menu harian dan menu pusingan.
2. Apakah kepentingan perancangan menu dan berikan faktor-faktor yang mempengaruhinya?
3. Berikut adalah dua contoh menu tengah hari untuk kanak-kanak 1 hingga 2 tahun:

Menu A	Menu B
• Bubur nasi ikan bilis • Buah betik • Air masak	• Nasi goreng ayam • Buah tembikai • Susu

Bandingkan menu A dan menu B berpandukan maklumat di atas.

5.4 Penyediaan Makanan untuk Bayi dan Kanak-kanak

Penyediaan makanan untuk anak kecil sememangnya perkara yang sangat menggembirakan para ibu. Makanan disediakan dengan penuh kasih sayang, lahir dari hati seorang ibu. Makanan yang akan diberikan kepada si kecil semestinya daripada sumber terbaik.

Standard Pembelajaran

5.4.1 Menyediakan botol susu dan bancuhan susu formula untuk bayi mengikut sukatan yang betul dengan cara yang bersih serta selamat.

Cara Membasuh Botol Susu

1. Semua botol, puting, penutup dan gegelang penahan yang telah dibilas diletakkan ke dalam air sabun panas. Basuh dengan sempurna.
2. Gosokkan bahagian dalam botol tersebut dengan berus botol untuk mengasingkan semua kesan kotoran. Gosok dengan cermat di sekeliling leher botol. Pastikan semua ketulan susu yang berada di sekeliling puting betul-betul tanggal.
3. Kemudian sapukan garam di bahagian dalam puting dan gerakkan ke sekeliling dengan cara memicit dan mengurut hujungnya. Cara ini membantu untuk mengikis dan mengasingkan kesan susu.
4. Selepas itu, botol, puting dan peralatan lain dibilas dengan sempurna di bawah air yang mengalir.
5. Pastikan puting dan botol dalam keadaan yang baik dan buangkan jika sudah retak, rekah dan pecah. Bakteria boleh membiak di permukaan yang rosak dan terus bertahan hidup walaupun sudah melalui proses pembersihan dan pensterilan.

Sebelum Menyediakan Susu

1. Basuh tangan dengan teliti. Gunakan sabun kemudian bilas tangan dengan sempurna.

2. Periksa tin susu dan lihat tarikh luputnya. Jangan sekali-kali memberi susu yang telah tamat tempoh kepada bayi atau kanak-kanak.

3. Elakkan memilih tin susu yang telah kemek.

4. Jika kita simpan susu di dalam tin, pastikan bahagian penutup tin bersih daripada sebarang habuk. Pastikan bekas tersebut sentiasa tertutup rapat dan kalis udara.

Langkah-langkah Menyediakan Susu Formula

Langkah 1

Tuangkan air masak yang telah sejuk ke dalam botol susu.

Langkah 2



Kemudian tuangkan sedikit air panas sehingga air di dalam botol berkeadaan suam.

Langkah 3

Masukkan susu formula mengikut sukatan yang telah diberikan pada tin dengan menggunakan sudu yang dibekalkan.

Langkah 4

Tutup rapat penutup botol dan goncangkan botol sehingga susu larut.

Langkah 5

Uji suhu susu dengan menuangkan sedikit susu ke atas pergelangan tangan di sebelah dalam.

Kaedah Memasak Makanan Bayi dan Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

5.4.2 Menerangkan kaedah memasak yang sesuai untuk penyediaan makanan bayi dan kanak-kanak.

1 Membakar

- Kaedah memasak menggunakan ketuhar elektrik yang panas, ketuhar gas atau ketuhar yang diletakkan di atas dapur.
- Makanan dimasak melalui haba perolakan di dalam ketuhar.
- Contoh makanan: kek dan daging.

2 Menggoreng tanpa minyak

- Makanan dimasak di dalam kuali dan dibalik-balikkan supaya tidak hangus.
- Sesuai untuk makanan yang mempunyai lemak.
- Contoh makanan: kacang tanah dan roti.

3 Menggoreng dengan minyak

- Menggoreng dengan minyak panas yang menutup seluruh makanan yang digoreng.
- Contoh makanan: ayam goreng dan pisang goreng.

4 Mengukus

- Mengukus ialah kaedah memasak yang menggunakan wap daripada air mendidih.
- Kaedah ini mengambil masa memasak yang lama berbanding dengan kaedah menggoreng dan merebus.
- Contoh makanan: ikan dan kek.

5 Mereneh

- Mereneh ialah kaedah memasak makanan dalam air mendidih (100°C) dan dibiarkan masak secara mereneh sehingga lembut. Kaedah ini akan dapat mengurangkan kehilangan jus dan nutrien bagi makanan tersebut.
- Contoh makanan: telur dan sayur.

Penyediaan Peralatan dan Bahan Memasak Resipi Pilihan

Standard Pembelajaran

5.4.3 Menyediakan alatan memasak dan bahan masakan berdasarkan resipi yang dipilih.

5.4.4 Memasak mengikut kaedah yang betul bagi mengekalkan khasiat makanan untuk bayi dan kanak-kanak.

5.4.5 Menghidang makanan mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Berikut adalah antara resipi pilihan pengasuh dalam menyediakan makanan seimbang dan lengkap nutrisi untuk bayi dan kanak-kanak:

Bubur Nasi Ayam Lobak Merah

Bahan-bahan:

Isi ayam (direbus dan dicincang halus)
1 cawan beras
1 inci halia
3 biji bawang merah
2 biji bawang putih
1 batang lobak merah (potong dadu)
Minyak (untuk menumis)
Sedikit daun bawang dan daun sup
Sedikit garam
Air secukupnya

Cara-cara:

1. Tumbuk halus halia, bawang merah dan bawang putih. Panaskan minyak dan tumis sehingga wangi.
2. Masukkan beras yang sudah dibersihkan. Gaul sebati.
3. Masukkan air dan didihkan sehingga separuh masak.
4. Masukkan isi ayam dan sedikit garam. Kacau rata.
5. Masukkan lobak merah apabila nasi telah kembang dan lembut. Jika air cepat kering, tambahkan lagi air.
6. Hidangkan bubur dengan daun bawang dan daun sup.

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mempelajari resipi nasi ayam kukus.

Menilai Hasil Masakan

Bil	Aspek penilaian	Kriteria penilaian			Catatan
		1	2	3	
1.	Persediaan sebelum aktiviti				
2.	Pengelolaan semasa aktiviti				
3.	Kaedah memasak				
4.	Rupa dan warna masakan				
5.	Rasa dan aroma				
6.	Tekstur				
7.	Cara menghidang				
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Standard Pembelajaran

5.4.6 Menilai hasil masakan dari segi rupa, warna, rasa, aroma, tekstur, bentuk dan cara menghidang.

5.4.7 Menulis refleksi berdasarkan penilaian hidangan yang disediakan.

Penulisan Refleksi Penilaian Hidangan

Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti tentang adab makan yang dilaksanakan.

Jadual 5.5 Penulisan refleksi penilaian hidangan

Bil.	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak suka pada menu yang disediakan	Kanak-kanak mudah jemu pada menu yang dipilih	Pelbagaikan jenis menu
2.	Kanak-kanak boleh makan makanan yang dihidangkan mengikut kaedah penyediaan yang sesuai untuk mereka	Kanak-kanak tidak menyukai makanan yang dihidangkan kerana tidak mengikut citarasa mereka	Pemilihan kaedah penyediaan makanan perlulah sesuai dengan umur dan citarasa kanak-kanak
	Rumusan keseluruhan :	Penyediaan makanan untuk kanak-kanak berjalan dengan baik. Makanan yang seimbang telah dihidangkan kepada kanak-kanak mengikut umur.	

Rumusan

Makanan seimbang penting kepada bayi dan kanak-kanak untuk membantu proses tumbesaran. Makanan seimbang penting untuk memberi tenaga yang diperlukan oleh setiap kanak-kanak. Ia juga dapat membantu ketahanan badan kanak-kanak bagi mengelakkan daripada jangkitan penyakit serta dapat menyembuhkan luka atau penyakit dengan cepat. Selain itu, pemakanan yang seimbang juga penting dalam perkembangan otak kanak-kanak agar sihat dan cerdas. Cara penyediaan makanan untuk kanak-kanak juga memainkan peranan penting dalam menarik minat mereka untuk makan makanan yang dihidangkan.

AKTIVITI

1. Anda diminta untuk mengurus penyediaan makanan bagi aktiviti berkelah untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun. Dalam kumpulan yang besar:
   (a) Cadangkan dua resipi yang sesuai untuk aktiviti tersebut.
   (b) Pilih salah satu resipi pada jawapan (a) dan sediakan perancangan penyediaan makanan tersebut.
   (c) Menyediakan masakan berdasarkan perancangan.
   (d) Anda diminta untuk menilai hasil masakan tersebut dan membuat refleksi berpandukan maklumat di bawah:
   - Kaedah masakan
   - Pemilihan nutrien
   - Hasil masakan dari aspek rupa, rasa, warna, aroma, bentuk dan tekstur
   - Cara hidangan dan hiasan

LATIHAN

1. Anda dikehendaki membuat satu demonstrasi penyediaan susu formula bagi bayi berusia 6 bulan. Nyatakan langkah tersebut.
2. Sebagai pengasuh di TASKA Qadriena Sayangku, anda bertanggungjawab menyediakan makanan untuk bayi dan kanak-kanak di TASKA tersebut. Pada minggu lepas, anda telah menyediakan bubur nasi ikan bilis untuk bayi berumur 8 hingga 12 bulan.
   a. Cadangkan resipi selain bubur nasi ikan bilis untuk hidangan minggu ini untuk bayi tersebut.
   b. Namakan resipi yang dipilih.
   c. Lukis dan warnakan resipi yang dipilih. Labelkan bahan-bahan yang digunakan.
   d. Nyatakan dua sebab resipi tersebut dipilih.

5.5 Adab Makan

Adab makan merangkumi akhlak, tatacara, amalan dan nilai kesopanan yang perlu dipatuhi ketika makan mengikut agama dan budaya.

Adab Makan yang Baik dan Sesuai untuk Amalan di TASKA

Standard Pembelajaran

5.5.1 Menyenaraikan adab makan yang baik dan sesuai untuk amalan kanak-kanak di TASKA.

5.5.2 Menerangkan kepentingan kanak-kanak TASKA diasuh dengan adab dan tabiat makan yang baik.

1. Mencuci tangan sebelum dan selepas makan.
2. Beratur semasa mengambil makanan dan duduk dengan tertib di meja makan.
3. Membaca doa mengikut agama masing-masing.
4. Makan menggunakan tangan kanan.
5. Duduk ketika makan dan minum.
6. Makan dengan tertib.
7. Tidak gelojoh semasa makan.
8. Tidak digalakkan berbual.
9. Tidak bergurau semasa makan.
10. Tidak membazir makanan.
11. Mengemas meja selepas makan.

Kepentingan Pengasuhan Adab dan Tabiat Makan di TASKA

1. Melatih diri berdisiplin
2. Menjaga kebersihan
3. Membentuk akhlak dan keperibadian yang baik

Kepentingan Pengasuhan Adab dan Tabiat Makan di TASKA

Standard Pembelajaran

5.5.3 Menunjuk cara dan membimbing kanak-kanak peringkat umur tiga hingga empat tahun:

- Menyiapkan meja makan, menghidang makanan, makan dengan adab yang betul; dan
- Membersihkan meja selepas makan

5.5.4 Membimbing dan menggalakkan kanak-kanak makan dengan adab makan yang baik.

Bimbingan dan penyediaan menyiapkan meja makan

1. Memberi peluang anak-anak membantu menyiapkan meja makan.
2. Kanak-kanak diminta untuk melakukan kerja yang mudah seperti menyusun pinggan dan sudu.
3. Membimbing kanak-kanak beratur, mengambil makanan dan minuman masing-masing dan meletakkan di atas meja yang telah ditetapkan oleh pengasuh.
4. Kanak-kanak dilatih untuk amalkan adab makan yang baik. Galakkan kanak-kanak makan sendiri dan makan secara tertib.

Bimbingan dan penyediaan membersihkan meja makan

Selepas makan, kanak-kanak dilatih untuk meletakkan pinggan dan gelas yang telah digunakan ke tempat yang disediakan. Latih kanak-kanak mengelap meja selepas makan dengan membuat jadual tugasan secara bergilir.

Makan dengan Adab Makan yang Baik

Pendidik berperanan untuk mendidik, membimbing dan menggalakkan kanak-kanak makan dengan adab makan yang baik. Pendidik boleh menggunakan borang senarai semak untuk menilai tahap penguasaan kanak-kanak makan dengan adab yang baik.

Bil	Aspek penilaian	Kriteria penilaian		Catatan
		Ya	Tidak	
1.	Beratur mengambil makanan			
2.	Membasuh tangan sebelum makan			
3.	Membaca doa			
4.	Makan dengan menggunakan tangan kanan			
5.	Makan dengan tertib dan tidak berebut serta tidak bercakap semasa makan			
6.	Makan dengan mengunyah makanan sehingga lumat			
7.	Baca doa selepas makan atau ucapkan syukur			
8.	Tidak membazir makanan			
9.	Kemas meja selepas makan. Masukkan kerusi ke dalam meja			
10.	Membuang sisa makanan ke dalam tong sampah			
11.	Membasuh tangan selepas makan			
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik			

Refleksi Aktiviti Adab Makan

Standard Pembelajaran

5.5.5 Menulis refleksi berdasarkan aktiviti tentang adab makan yang dilaksanakan.

Jadual 5.6 Penulisan refleksi aktiviti adab makan

Bil.	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak berminat makan dengan adab makan yang baik	Minat tersebut tidak berkekalan	Sentiasa membimbing dan mengingatkan kanak-kanak tentang adab makan yang baik
2.	Kanak-kanak makan makanan yang dihidangkan dengan mengamalkan adab makan	Ada segelintir kanak-kanak yang tidak mengamalkan adab makan dengan baik dan sempurna	Menyediakan langkah dan kaedah yang mudah difahami oleh kanak-kanak dalam membimbing dan menggalakkan kanak-kanak makan dengan adab yang baik
Rumusan keseluruhan :	Bimbingan berjalan dengan baik dan boleh digalakkan lagi dengan penggunaan bahan bantu dan teknik membimbing yang menarik dan berkesan.		

Rumusan

Ibu bapa berperanan mengajar dan melatih anak-anak dengan mengamalkan adab makan sejak dari kecil lagi. Pendidik dan pengasuh di TASKA juga perlu memainkan peranan dan mengambil berat dalam mendidik dan membentuk anak-anak tentang adab makan.

AKTIVITI

1. Mengadakan lawatan ke TASKA berdekatan untuk membuat pemerhatian berkenaan adab makan dan cara kanak-kanak dibimbing berpandukan maklumat berikut:
   (a) Menyiapkan meja makan
   (b) Menghidangkan makanan
   (c) Makan dengan adab yang betul
   (d) Membersihkan dan mengemaskan meja selepas makan
2. Berpandukan hasil pemerhatian dari lawatan, laksanakan satu simulasi cara membimbing dan menggalakkan kanak-kanak makan dengan tertib.
3. Sediakan satu poster berkaitan adab dan etika makan kanak-kanak di TASKA. Pamerkan poster tersebut.

LATIHAN

1. Senaraikan adab makan yang baik dan sesuai diamalkan di TASKA.
2.

   Berpandukan ilustrasi di sebelah, jika anda sebagai pengasuh, apakah yang sepatutnya anda lakukan untuk mengelakkan terjadinya keadaan tersebut? Cadangkan cara untuk mengatasi masalah tersebut.
3. Berikan dua kebaikan kanak-kanak perlu diasuh tentang adab dan tabiat makan yang baik.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menyatakan kepentingan pengambilan makanan yang berkhasiat.			
Menerangkan lima jenis nutrien, fungsi dan sumber makanannya.			
Menerangkan kesan lebihan dan kekurangan nutrien.			
Menerangkan definisi pelawas, fungsi pelawas dan air.			
Menilai dan merumus kandungan nutrien pada label pembungkusan makanan bayi dan kanak-kanak.			
Membuat pembentangan tentang rumusan yang disediakan.			
Menghasilkan panduan amalan pemilihan dan pengambilan bahan makanan yang berkualiti, berkhasiat dan seimbang untuk kesihatan bayi dan kanak-kanak.			
Menyatakan definisi makanan seimbang.			
Memberi contoh sajian seimbang serta berkhasiat untuk hidangan makan tengah hari bayi dan kanak-kanak berdasarkan peringkat umur: i) 6 hingga 8 bulan ii) 9 hingga 11 bulan iii) 1 hingga 2 tahun iv) 3 hingga 4 tahun			
Mengenal ciri bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat makanan seimbang.			
Menerangkan konsep Piramid Makanan dan kegunaannya.			
Membina model Piramid Makanan bagi pengambilan bahan makanan mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak.			
Membuat pembentangan tentang justifikasi pemilihan makanan berdasarkan model yang dibina.			
Menyatakan definisi menu dan perancangan menu.			
Menjelaskan kepentingan perancangan menu.			
Menerangkan faktor mempengaruhi perancangan menu untuk bayi dan kanak-kanak.			
Menyediakan cadangan menu harian dan menu pusingan untuk pelaksanaan di TASKA.			
Memilih resipi yang sesuai untuk bayi dan kanak-kanak mengikut peringkat umur.			
Menyediakan rancangan kerja penyediaan makanan untuk bayi dan kanak-kanak berdasarkan cadangan menu harian dan resipi yang dipilih.			
Mengira jumlah kos hidangan yang disediakan.			
Menyediakan botol susu dan bancuhan susu formula untuk bayi mengikut sukatan yang betul dengan cara yang bersih dan selamat.			
Menerangkan kaedah memasak yang sesuai untuk penyediaan makanan bayi dan kanak-kanak.			
Menyediakan alatan memasak dan bahan masakan berdasarkan resipi yang dipilih.			
Memasak mengikut kaedah yang betul bagi mengekalkan khasiat makanan untuk bayi dan kanak-kanak.			
Menghidang makanan mengikut peringkat umur kanak-kanak.			
Menilai hasil masakan dari segi rupa, warna, rasa, aroma, tekstur, bentuk dan cara menghidang.			
Menulis refleksi berdasarkan penilaian hidangan yang disediakan.			

Modul 6 PERKEMBANGAN SAHSIAH, SOSIO-EMOSI DAN KEROHANIAN

Standard Kandungan

6.1 Pengenalan kepada Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian

6.2 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Nyanyian

6.3 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Main Peranan

6.4 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Pendidikan Kerohanian

6.5 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Lawatan

Pengenalan

Perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak yang terancang akan dapat membina kanak-kanak yang berjiwa seimbang, harmoni dalam amalan, sikap dan tindakan dalam kehidupan mereka. Emosi yang terkawal, tenang, sabar, berani mencuba dan berakhlak merupakan ciri yang sesuai dengan pembangunan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak. Oleh itu, TASKA hendaklah merancang dan menyediakan kemudahan seperti ruang, aktiviti dan pendekatan yang sesuai, selesa dan selamat mengikut tahap perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak bagi mencapai matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran bidang perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.

6.1 Pengenalan kepada Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian

Perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak dapat dipupuk dengan menyediakan persekitaran, bahan dan kaedah pendekatan yang menarik dan sesuai dengan tahap perkembangan dan minat kanak-kanak.

Standard Pembelajaran

6.1.1 Menyatakan definisi sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.

Definisi Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian

SAHSIAH

Sahsiah adalah ciri-ciri keseluruhan tingkah laku yang terdapat pada individu. Ciri ini pula secara langsung akan mempengaruhi perwatakan, perangai, konsep kendiri dan pemikiran individu dalam rutin kehidupan mereka (Mak Soon Sang, 2012). Sahsiah merupakan gabungan pelbagai sifat dalam diri kanak-kanak bagi menghasilkan tingkah laku, tindakan atau amalan kehidupan harian yang bersesuaian dengan keperluan dan kehendak masyarakat.

SOSIO-EMOSI

Sosio-emosi adalah gabungan daripada dua perkataan, sosial dan emosi. Perkembangan sosial adalah proses kanak-kanak mempelajari kemahiran komunikasi dan interaksi, agar dapat membina hubungan dengan persekitarannya. Emosi adalah jiwa batin manusia yang menggambarkan perasaan diri seperti gembira, suka atau marah. Pembinaan hubungan dengan persekitaran yang terdiri daripada keluarga, rakan atau masyarakat setempat supaya kanak-kanak dapat menyesuaikan diri dengan peraturan, adat resam, norma dan etika yang menjadi amalan.

EMOSI

Emosi adalah perkataan yang berasal dari Latin, *emorere*, yang bermaksud bergerak. Emosi merupakan satu perasaan dalaman yang kuat datang dalam pelbagai pernyataan seperti perasaan gembira, suka, marah, bimbang, terkejut atau cemburu. Tujuannya adalah untuk melepaskan perasaan bagi mendapat kepuasan diri. Emosi juga membawa maksud perasaan jiwa yang kuat yang ditunjukkan dalam perlakuan dan pergerakan.

KEROHANIAN

Kerohanian berasal daripada perkataan rohani yang bermaksud jiwa, roh atau batin. Imam al-Ghazali mendefinisikan kerohanian sebagai kesatuan insan secara sepadu yang merangkumi akal, nafsu, jiwa dan roh. Kerohanian atau spiritual adalah merupakan penerapan nilai-nilai keagamaan di dalam diri kanak-kanak bagi membina kekuatan dalaman. Antara contoh aspek kerohanian ialah kepercayaan kepada Tuhan, keyakinan kepada agama, berakhlak dan bersopan santun yang sentiasa dipupuk dalam kalangan kanak-kanak oleh ibu bapa, masyarakat dan pendidik.

Aktiviti Menggalakkan Perkembangan Sahsiah, Emosi, Sosio-emosi dan Nilai Kerohanian di TASKA

Standard Pembelajaran

6.1.2 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan sahsiah, emosi, sosio-emosi dan nilai kerohanian mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.

Jadual 6.1 menunjukkan beberapa contoh aktiviti yang menggalakkan perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan nilai kerohanian bayi dan kanak-kanak di TASKA, seperti berikut:

Jadual 6.1 Cadangan aktiviti yang sesuai untuk perkembangan sahsiah, emosi, sosio-emosi dan nilai kerohanian mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA

Bil.	Peringkat Umur	Cadangan Aktiviti
1.	0 hingga 12 bulan	• Dampingan, urutan dan belaian • Pendidik memodelkan perlakuan baik • Pelukan ketika menyusu • Bermain ibu jari • Perdengarkan bunyi yang berbeza • Komunikasi memujuk • Pergerakan wajah ekspresi emosi • Simulasi ikut arahan ringkas
2.	12 hingga 24 bulan 	• Bermain permainan *mobile* • Latihan tandas • Cuci tangan sebelum makan • Mengemas kelas • Menyimpan barang permainan • Beratur dan ikut giliran • Kanak-kanak berpeluang memilih alat permainan
3.	2 hingga 3 tahun	• Permainan patung berbulu lembut • Bercerita tentang keluarga • Main peranan tanggungjawab sebagai ibu, bapa atau adik-beradik • Bercerita didaktik • Perbualan pagi • Memadankan gambar • Soal jawab • Berlakon spontan
4.	3 hingga 4 tahun	• Mengajuk kata-kata hikmah • Menderma dan berkongsi • Simulasi sembahyang • Simulasi bantu orang tua • Menyayangi binatang seperti kucing, burung dan arnab • Lawatan • Gotong-royong mengemas TASKA • Nyanyian

Faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Sahsiah, Emosi dan Sosial Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

6.1.3 Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan sahsiah, emosi dan sosial kanak-kanak.

Faktor Keturunan

Faktor keturunan melibatkan ibu bapa, adik-beradik dan keluarga terdekat. Corak kehidupan dan pembinaan hubungan dalam kalangan mereka mempengaruhi perkembangan diri dan perbezaan individu dalam kalangan ahli keluarga. Layanan mesra dan penuh kasih sayang dapat membentuk konsep kendiri yang positif.

Faktor Budaya dan Kepercayaan Agama

Amalan agama dan budaya yang berlaku di rumah akan mempengaruhi tindakan dan perbuatan kanak-kanak. Selain itu, budaya yang diamalkan dalam kehidupan seharian dalam masyarakat atau komuniti kecil seperti sifat rajin, bertanggungjawab dan yakin diri juga akan mempengaruhi perkembangan sahsiah, emosi dan sosial kanak-kanak di TASKA.

Faktor Persekitaran

Persekitaran yang sihat dan selesa akan mempengaruhi diri kanak-kanak dalam pembinaan akhlak mulia. Pergaulan dengan rakan sebaya yang bermoral akan membantu pembentukan sahsiah, emosi dan sosial yang matang dan sesuai dengan keperluan komuniti. Malahan aspek lain di persekitaran seperti televisyen, akhbar, majalah dan aplikasi maya juga mempengaruhi tingkah laku, sikap dan komunikasi kanak-kanak.

Faktor Kesihatan

Terdapat kanak-kanak yang mudah tersinggung, kurang ceria, sensitif, tekanan dan menyendiri kerana sering sakit. Pemakanan yang bermutu dan mempunyai zat akan mengurangkan risiko diserang penyakit dan kegemukan. Pemeriksaan kesihatan secara berkala, dapat membantu perkembangan sahsiah, emosi dan sosial kanak-kanak secara seimbang dan matang.

Kepentingan Perkhidmatan Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

6.1.4 Menerangkan kepentingan perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak ke atas perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian mereka.

1. Membina rasa selamat dan tenteram
2. Melatih untuk menghormati perbezaan sesama manusia seperti perbezaan agama, keyakinan atau pandangan
3. Membina konsep kendiri yang tinggi kerana di TASKA bebas dan selamat beraktiviti
4. Meningkatkan semangat bekerja dalam kumpulan
5. Bertindak balas dengan betul dan bertatasusila
6. Membimbing untuk mengawal perasaan ketika beremosi
7. Membimbing dan mendidik supaya mematuhi peraturan dan arahan
8. Membentuk disiplin
9. Membentuk sahsiah yang baik

Rajah 6.1 Kepentingan perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak

Rumusan

Perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak di TASKA perlu dirancang, dilaksana dan dinilai dari semasa ke semasa. Pemahaman tentang konsep, kepentingan perkhidmatan dan faktor yang mempengaruhi perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian akan dapat menimbulkan kesedaran penghayatan pendidik terhadap kerjaya bidang asuhan kanak-kanak.

AKTIVITI

1. Bimbing dan latih kanak-kanak untuk menyanyikan lagu sambil melakukan pergerakan kreatif dan memakai kostum yang sesuai. Berikan hadiah kepada yang cemerlang.
2. Kenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Bentangkan di dalam kelas.
3. Buat simulasi seorang pendidik yang membimbing dan memujuk kanak-kanak yang sedang menangis kerana mencari ibunya. PAK 21

LATIHAN

1. Jelaskan pengertian kerohanian.
2. Berikan contoh aktiviti kerohanian yang boleh dilaksanakan di TASKA.
3. Sejauh manakah kepentingan perkhidmatan asuhan awal kanak-kanak dalam masyarakat?

6.2 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Nyanyian

Kanak-kanak suka mendengar dan melibatkan diri dalam aktiviti muzik. Terdapat juga kanak-kanak yang akan menyanyi sendirian ketika bermain. Oleh itu, pengalaman aktiviti muzik yang dirancang untuk kanak-kanak boleh memupuk perkembangan emosi mereka (Parlakian & Lerner, 2010). Hal ini kerana muzik sentiasa dianggap penting sebagai pengalaman setiap hari kanak-kanak di TASKA (Lagerlöf, Pernilla; Wallerstedt, Cecilia; Pramling & Niklas, 2013).

Kaedah Menyanyi bagi Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

6.2.1 Menyenaraikan kaedah menyanyi bagi kanak-kanak.

Terdapat pelbagai kaedah menyanyi bagi kanak-kanak dalam pembelajaran yang dapat membantu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.

Kaedah menyanyi secara langsung

- Dilakukan sama ada secara kumpulan, individu atau beramai-ramai di dalam kelas.
- Kanak-kanak berpeluang mendapat bimbingan langsung daripada pendidik untuk menyanyi mengikut seni kata yang disediakan.
- Kaedah langsung sesuai dijalankan ketika pendidik memperkenalkan sesebuah lagu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah hafalan

- Dijalankan oleh pendidik dalam kelas secara beransur-ansur atau keseluruhan lagu tersebut.
- Seni kata lagu yang pendek dan vokal yang sesuai akan memudahkan hafalan kanak-kanak.
- Hafalan boleh dilakukan keseluruhan lagu atau sebahagian daripada lagu, bergantung kepada kebolehan dan keupayaan kanak-kanak dalam kelas tersebut.

Kaedah pengulangan

- Mengulang-ulang seni kata lagu mengikut baris dalam setiap kali aktiviti nyanyian hingga kanak-kanak dapat mengingatinya.
- Pengulangan boleh dilakukan ketika aktiviti nyanyian atau dalam aktiviti lain yang berkaitan dengan tema yang dibincangkan oleh pendidik.
- Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai akan dapat membantu kanak-kanak untuk mengingat seni kata lagu tersebut.

Kaedah gabungan

- Melibatkan aktiviti nyanyian dengan aktiviti lain ketika pengajaran dan pembelajaran.
- Salah satu kaedah gabungan yang berkesan ialah menggabungkan aktiviti nyanyian dengan pergerakan kreatif.
- Ketika menyanyi, kanak-kanak akan melakukan pergerakan seperti bertepuk tangan, melompat dan berjalan seperti ayam.

Kaedah baris demi baris

- Kanak-kanak diajar menyanyi mengikut baris demi baris sehingga keseluruhan lagu, terutamanya lagu yang panjang dan banyak perbendaharaan kata.

Kaedah *Solfege*

- Kaedah penggunaan isyarat tangan untuk menyanyi yang melibatkan hafalan, khususnya mereka yang berkemampuan membaca nota muzik.
- Pengubahsuaian kaedah *solfege* mengikut persekitaran kanak-kanak akan membantu perkembangannya.

INFO TAMBAHAN

Solfege ialah sistem latihan vokal yang menggunakan nama tertentu bagi setiap not dalam sesuatu skel. Contohnya, *solfege* bagi muzik Barat ialah do, re, mi, fa, so, la, ti dan do.

Ciri Lagu Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

6.2.2 Menyatakan ciri-ciri lagu kanak-kanak berserta contoh tajuk lagu.

Rajah 6.2 Ciri lagu kanak-kanak

Kepentingan Aktiviti Nyanyian terhadap Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Kanak-kanak

- Menarik minat kanak-kanak untuk belajar
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang menggembirakan
- Memberikan peluang meluahkan perasaan
- Memantapkan kemahiran asas berbahasa
- Mengawal suara dan sebutan perkataan ketika berkomunikasi
- Meningkatkan daya intelektual
- Mengenali lagu dan bunyi yang didengari
- Menerapkan nilai murni melalui lagu
- Menerapkan amalan kerjasama ketika nyanyian berkumpulan

Standard Pembelajaran

6.2.3 Menerangkan kepentingan aktiviti nyanyian terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

6.2.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Nyanyian yang mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Nyanyian (memberi respons dalam lagu)				
Bidang Pembelajaran	Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Nyanyian				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-Kanak dapat menunjukkan ekspresi emosi dengan muka dan peralatan ketika gembira 2. Kanak-kanak menunjukkan kegembiraan apabila mendapat pujian pendidik				
Tarikh	8/9/2020	**Hari**	Selasa	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak sudah biasa menyanyi bersama keluarga				
Bilangan Kanak-kanak	6 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang belajar				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Topeng emotikon berwajah gembira 2. Lagu 'Kalau Rasa Gembira' 3. Pemain audio 4. Penanda lampu isyarat berwarna merah (tak gembira) dan hijau (gembira)					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik menyiapkan segala keperluan untuk aktiviti yang telah dirancang. 2. Kanak-kanak dan pendidik berbual tentang perasaan mereka hari itu. 3. Kanak-kanak dibahagi-bahagikan topeng emotikon dan penanda lampu isyarat. 4. Pendidik menerangkan kepada kanak-kanak aktiviti hari ini. **Perkembangan kandungan PdP:** 5. Kanak-kanak diperdengarkan audio lagu bertajuk "Kalau Saya Gembira" dan membaca lirik yang ditampal di papan hitam. 6. Kanak-kanak diberikan peluang untuk bergerak secara kreatif ketika mendengar lagu tersebut bersama-sama pendidik dengan memakai topeng emotikon. 7. Kanak-kanak dan pendidik menyanyi bersama-sama lagu 'Kalau Saya Gembira'. 8. Kanak-kanak dengan gembira mengikut pergerakan yang ditunjukkan oleh pendidik dengan sungguh-sungguh. 9. Kanak-kanak diberikan dua penanda lampu isyarat untuk nyatakan perasaan mereka. **Penutup:** 10. Kanak-kanak mengulangi lagi aktiviti nyanyian dan pergerakan. 11. Kanak-kanak menyatakan perasaan mereka dengan menunjukkan penanda lampu isyarat merah jika tidak gembira dan penanda lampu isyarat hijau jika gembira, selain wajah ceria mereka. 12. Pendidik merumuskan aktiviti yang telah dijalankan.					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti nyanyian bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang aktiviti nyanyian selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak berkeadaan sihat ketika menjalani aktiviti.					
Penilaian Refleksi					
Tandatangan Murid:		**Pengesahan Guru:**			
Tarikh:		**Tarikh:**			

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Kreatif

Bahan bantu mengajar
- Topeng emotikon
- Tanda lampu isyarat
- Rakaman audio atau video
- Poster lirik lagu

Ruang pembelajaran
- Ruang aktiviti pembelajaran (AP)
- Ruang luar bilik darjah

Langkah penyediaan bahan bantu mengajar (Poster lirik lagu)
1. Sediakan lirik lagu.
2. Buat draf garisan di kad manila.
3. Tuliskan lirik di atas draf garisan tersebut.
4. Hias poster dengan ilustrasi yang sesuai.
5. Gantung poster di ruang pembelajaran.

Standard Pembelajaran

6.2.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.

6.2.6 Melaksanakan aktiviti nyanyian berdasarkan perancangan.

Kalau Rasa Gembira

Kalau rasa gembira tepuk tangan
Kalau rasa gembira tepuk tangan
Kalau rasa gembira beginilah caranya
Kalau rasa gembira tepuk tangan

Kalau rasa gembira hentak kaki
Kalau rasa gembira hentak kaki
Kalau rasa gembira beginilah caranya
Kalau rasa gembira hentak kaki

Kalau rasa gembira petik jari
Kalau rasa gembira petik jari
Kalau rasa gembira beginilah caranya
Kalau rasa gembira petik jari

Kalau rasa gembira pusing-pusing
Kalau rasa gembira pusing-pusing
Kalau rasa gembira beginilah caranya
Kalau rasa gembira pusing-pusing

Kalau rasa gembira sebut Horay!
Kalau rasa gembira sebut Horay!
Kalau rasa gembira beginilah caranya
Kalau rasa gembira sebut Horay!

Pelaksanaan Aktiviti Nyanyian

Pelaksanaan aktiviti nyanyian hendaklah mengikut perancangan sebelum, semasa dan selepas nyanyian supaya mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan.

Sebelum
- Memilih lagu yang sesuai dengan usia kanak-kanak.
- Menyediakan bahan bantu mengajar yang relevan dengan lagu yang dipilih.
- Memastikan bahan bantu mengajar yang sesuai dan mencukupi.
- Lagu yang dipilih sesuai dengan objektif aktiviti.
- Memilih ruang yang sesuai dengan aktiviti yang dirancang.

Semasa
- Set induksi yang ada kaitan dengan aktiviti nyanyian.
- Memberi arahan yang jelas dalam aktiviti yang dilakukan.
- Menunjukkan poster lirik lagu yang jelas kepada kanak-kanak.
- Membimbing kanak-kanak dengan kaedah pemudahcaraan yang sesuai.
- Menggunakan bahan bantu mengajar seperti alat muzik sebagai tarikan.

Selepas
- Merumuskan aktiviti nyanyian yang telah dilakukan.
- Membuat pengukuhan dan aktiviti susulan jika perlu.
- Merekodkan pencapaian kanak-kanak dalam rekod pentaksiran murid.
- Mengemas barang-barang selepas aktiviti.
- Membersihkan ruang aktiviti supaya kemas seperti sediakala.

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Nyanyian dan Penambahbaikan

Standard Pembelajaran

6.2.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti nyanyian dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar

(iii) Kesesuaian penggunaan kaedah menyanyi

6.2.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti nyanyian.

Bil.	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh cadangan penambahbaikan Kesesuaian bahan bantu mengajar kurang menarik minat kanak-kanak kerana sekadar klip video lagu dari sebuah rancangan televisyen di barat. Sepatutnya contoh-contoh lagu yang dekat dengan dunia kanak-kanak di negara kita.
1.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti nyanyian	1	2	3	
2.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi	1	2	3	
3.	Memastikan bahan pengajaran selamat	1	2	3	
4.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
5.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran dalam bidang kerohanian	1	2	3	
6.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
7.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran bidang kerohanian	1	2	3	
8.	Memerhatikan respons kanak-kanak semasa melakukan aktiviti nyanyian	1	2	3	
9.	Penerangan yang jelas pada setiap langkah slot aktiviti pengajaran	1	2	3	
10.	Memberikan jawapan dan tindak balas yang sesuai kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
11.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
12.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
13.	Menulis refleksi	1	2	3	
14.	Melaksanakan penilaian sambutan setiap kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1.Lemah 2.Sederhana 3.Baik				

Penghasilan Koleksi Lagu Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

6.2.9 Menghasilkan koleksi lagu kanak-kanak dalam bentuk yang kreatif atau inovatif.

Antara lagu yang boleh diubah suai bagi menghasilkan koleksi lagu kanak-kanak dalam bentuk kreatif dan inovatif termasuklah:

- Lompat Si Katak Lompat
- Enjt-enjit Semut
- Geylang Si Paku Geylang
- Jong Jong Inai
- Senjakala
- Tepuk Amai-amai
- Buih Sabun
- *Twinkle Twinkle Little Star*

Rumusan

Aktiviti nyanyian dapat membantu pendidik menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang menggembirakan kepada kanak-kanak. Melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang tersusun rapi pula meninggalkan kesan kepada kanak-kanak khususnya dari aspek sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian. Kanak-kanak akan lebih yakin, dapat berinteraksi secara positif dan mempunyai emosi yang stabil dalam pergaulan mereka di TASKA.

AKTIVITI

1. Nyanyikan sebuah lagu kanak-kanak di dalam kelas. Kemudian nyanyikan bersama-sama dengan rakan di dalam kelas.
2. Buat simulasi pengajaran kaedah menyanyi berdasarkan lagu di bawah. Minta rakan anda menilai pengajaran tersebut menggunakan borang penilaian pelaksanaan perancangan pengajaran.



GAJAH

Gajah berkaki empat,
Gelek, Gelek,
Gajah belalai panjang,
Gelek, Gelek,
Gading dia panjang,
Tapi tidak makan orang,
Kalau adik ingin tahu,
Apa makanan gajah,
La, La, La, La...
Gajah makan tebu.

3. Hasilkan sebuah buku yang mengandungi koleksi 10 lagu kanak-kanak. Kemudian ubah suai tiga lagu yang terdapat dalam koleksi tersebut.

LATIHAN

1. Senaraikan aktiviti nyanyian kanak-kanak yang biasa dijalankan di TASKA.
2. Huraikan lagu kanak-kanak berikut:

Satu satu, saya sayang ibu!
Dua dua, saya sayang ayah!
Tiga tiga, sayang adik kakak!
Satu-dua-tiga, sayang semuanya!

3. Mengapakah pendidik perlu membuat penilaian aktiviti nyanyian dalam pengajaran?

6.3 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Main Peranan

Main peranan mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan menyeluruh kanak-kanak secara optimum. Secara umum, ibu bapa, pendidik dan masyarakat mengetahui bahawa bermain dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak dari aspek perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian, termasuk aktiviti seperti main peranan.

Senarai Aktiviti Main Peranan yang Sesuai Mengikut Peringkat Umur Kanak-kanak di TASKA

Standard Pembelajaran

6.3.1 Menyenaraikan aktiviti main peranan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.

6.3.2 Menerangkan kepentingan aktiviti main peranan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.

Jadual 6.2 Senarai aktiviti main peranan mengikut peringkat umur

Peringkat umur	Aktiviti main peranan
0 hingga 1 tahun	• Galakan tindak balas positif • Pegang dan usap • Ikut arahan mudah
1 hingga 2 tahun	• Galakan menceritakan buku yang dibaca • Main peranan ketika situasi gelap (malam atau siang) • Mengajuk gelaran dalam keluarga kepada rakan-rakan
2 hingga 3 tahun	• Main peranan sebagai penjaga giliran • Berlakon berkongsi permainan • Beri salam pada pendidik dan rakan-rakan
3 hingga 4 tahun	• Main peranan dalam pondok • Lakonan hidup berkeluarga • Mengemas TASKA

Kepentingan Aktiviti Main Peranan terhadap Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Kanak-kanak

Antara kepentingan aktiviti main peranan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.

- Meningkatkan minat dan rasa seronok
- Kanak-kanak bebas berinteraksi sesama mereka
- Dapat mengenal kekuatan dan kelemahan kanak-kanak
- Penghayatan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak
- Membentuk sahsiah yang positif
- Prihatin peranan orang dewasa
- Memupuk semangat kerjasama sesama rakan
- Mengembangkan kreativiti dan daya imaginasi

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

6.3.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Main Peranan yang mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Main Peranan (membantu orang tua)				
Bidang Pembelajaran	Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Main Peranan				
Hasil Pembelajaran	Ambil berat tentang orang lain (berempati)				
Tarikh	21/9/2020	**Hari**	Isnin	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak telah biasa menolong pendidik dan rakan di TASKA				
Bilangan Kanak-kanak	6 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang parkir di luar TASKA				
Senarai Bahan dan Alat: 2/! Kostum pakaian orang tua 2. Tongkat 3. Kereta kertas					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik menarik perhatian kanak-kanak dengan masuk ke ruang parkir di luar TASKA dengan memakai pakaian orang tua. Pendidik bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang pertolongan yang boleh diberikan kepada orang tua. 2. Pendidik menayangkan video mengenai bantuan yang diberikan kepada orang tua untuk melintas jalan. 3. Pendidik menerangkan tajuk hari ini iaitu mengambil berat kepada orang lain dengan membantunya. 4. Beberapa kanak-kanak dikenal pasti untuk memainkan peranan watak-watak yang ditentukan. **Perkembangan kandungan PdP:** 5. Kanak-kanak menonton video berkaitan bantuan yang diberikan kepada orang tua melintas jalan. 6. Kanak-kanak berada di tempat dan watak masing-masing sebagai orang tua, pembimbing dan pemandu kereta. 7. Kanak-kanak melakonkan aksi tersebut di ruang parkir TASKA dengan bantuan pendidik. **Penutup:** 8. Kanak-kanak diminta menyatakan pengajaran daripada cerita tersebut. 9. Pendidik merumuskan pengajaran dan pembelajaran hari ini. 10. Refleksi pendidik.					
Langkah kontingensi: • Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: • Kebersihan: bahan, alatan dan ruang yang digunakan sentiasa dibersihkan oleh pendidik. • Keselamatan: bahan dan alatan yang digunakan selamat kepada kanak-kanak. • Kesihatan: kanak-kanak dijaga daripada sebarang jangkitan penyakit dan gigitan serangga.					
Penilaian dan Refleksi					
Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**				
Tarikh:	**Tarikh:**				

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Kreatif atau Inovatif serta Ruang yang Sesuai

Standard Pembelajaran

6.3.4 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.

6.3.5 Melaksanakan aktiviti main peranan atau lakonan mengikut situasi seperti yang dirancang.

Bahan bantu mengajar
- Kostum main peranan
- Tongkat
- Kereta kertas

Ruang pembelajaran
- Ruang aktiviti pembelajaran (AP)
- Pentas boneka

Langkah penyediaan bahan bantu mengajar (Kereta kertas):
1. Sediakan kotak terpakai atau kad manila.
2. Lukis gambaran kereta 2D (pintu, cermin dan tayar).
3. Warnakan model kereta mengikut kesesuaian.
4. Sediakan tali dan ikatkan pada model kereta untuk dijadikan penyangkut pada bahu.

Gambar foto 6.1 Bahan bantu mengajar kereta kertas

Pelaksanaan Aktiviti Main Peranan Mengikut Situasi seperti yang Dirancang

Sebelum	Semasa	Selepas
• Menentukan situasi yang berlaku • Mengenal pasti kanak-kanak yang terlibat • Menentukan watak dan peranan kanak-kanak • Penyediaan bahan bantu mengajar • Penyediaan kostum yang sesuai • Pemilihan ruang yang selesa untuk aktiviti	• Pendidik membimbing aktiviti berjalan lancar • Pengelolaan kanak-kanak teratur • Pelibatan pendidik dalam aktiviti secara minimum • Menekankan aspek keselamatan • Memelihara aspek kesihatan	• Melakukan penilaian aktiviti • Menekankan kebaikan dari aspek kerohanian • Mengemas dan menyimpan peralatan • Menyusun kembali ruang seperti biasa

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Main Peranan dan Penambahbaikan

Standard Pembelajaran

6.3.6 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti main peranan dalam aspek:
(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas
(ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar

6.3.7 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

6.3.8 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti main peranan.

Berikut merupakan item-item yang perlu ada untuk melakukan penilaian dan cadangan penambahbaikan kepada aktiviti:

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Walaupun aktiviti berjalan lancar dengan pelibatan majoriti kanak-kanak dalam kelas, tetapi pelan kontingensi wajar dibuat kepada kanak-kanak yang kekok dan kurang yakin dengan peranan yang diberikan. Lebih baik kanak-kanak hanya memainkan satu watak sahaja dengan dibimbing oleh guru melalui tunjuk cara atau demonstrasi peranan yang patut dilakukan.
1.	Persediaan sebelum aktiviti main peranan	1	2	3	
2.	Kesesuaian kanak-kanak dengan watak dan peranan	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti main peranan yang mencukupi dan selamat	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dan kostum dengan yang digunakan	1	2	3	
5.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
6.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran dan selamat	1	2	3	
7.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti main peranan yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
8.	Ruang pengajaran yang sesuai	1	2	3	
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran bidang sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian	1	2	3	
10.	Memberikan penerangan yang sesuai pada setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
12.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
13.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
14.	Menulis refleksi aktiviti dan pengajaran	1	2	3	
15.	Mengemaskan dan membersihkan ruang	1	2	3	
16.	Melaksanakan penilaian berterusan terhadap pelibatan kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1.Lemah 2.Sederhana 3.Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Main Peranan

Jadual 6.3 Borang refleksi perlaksanaan aktiviti main peranan

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Tema yang sesuai dan menarik	Bahan bantu mengajar yang kurang menepati penerokaan tema	Tambah bahan bantu mengajar berkaitan tema
2.	Pergerakan guru berjaya menjadi titik tumpuan	Kostum berkaitan tema tidak membawa suasana yang mahu digambarkan	Pendidik boleh menggunakan kostum sebenar berkaitan tema
	Rumusan keseluruhan:	Perlu ditambahkan lagi bahan bantu mengajar yang mencukupi supaya semua kanak-kanak berpeluang menggunakannya secara maksimum.	

Rumusan

Main peranan dapat membantu perkembangan kanak-kanak secara seimbang dan harmonis. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian yang teliti dan rapi dapat mempercepat perkembangan tersebut secara berkesan. Main peranan adalah salah satu kaedah yang dapat digunakan dalam pelaksanaan aktiviti tersebut. Main peranan memang dapat mendorong kanak-kanak terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan di TASKA.

AKTIVITI

1. Dalam kumpulan, anda diminta membincangkan aktiviti main peranan dengan hasil pembelajarannya 'meminta maaf selepas melakukan kesalahan'. Bincangkan dari aspek berikut:

   (a) Perancangan sebelum aktiviti
   (b) Pelaksanaan semasa aktiviti
   (c) Tindakan selepas aktiviti

2. Lakukan penilaian dengan menggunakan borang penilaian keberkesanan aktiviti main peranan, mengenai keberkesanan penggunaan aktiviti main peranan di sebuah TASKA. Bincangkan dapatan tersebut di dalam kelas dengan bantuan pendidik.

LATIHAN

1. Jelaskan lima aktiviti main peranan di TASKA bagi kanak-kanak berusia 3 hingga 4 tahun.
2. Bincangkan kepentingan aktiviti main peranan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.
3. Huraikan peranan pendidik sebelum, semasa dan selepas aktiviti main peranan.

6.4 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Pendidikan Kerohanian

Pendidikan kerohanian mempunyai pengaruh besar kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak secara optimum. Secara umum, ibu bapa, guru dan masyarakat turut berperanan mendedahkan pendidikan kerohanian dalam kalangan kanak-kanak bagi membantu mereka dari aspek perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian, khususnya.

Aspek Kerohanian pada Diri Individu

Kerohanian merujuk kepada amalan dan kegiatan yang dilakukan oleh individu atau kumpulan yang berkaitan dengan tuntutan agama. Kerohanian juga sebagai rutin kehidupan yang telah menjadi satu kelaziman dalam kehidupan individu atau masyarakat yang membantu pengurusan kehidupan manusia.

Standard Pembelajaran

6.4.1 Menyenaraikan aspek kerohanian pada diri individu.

6.4.2 Menerangkan kepentingan pendidikan kerohanian terhadap kanak-kanak.

Rajah 6.3 Aspek kerohanian diri

Kepentingan Pendidikan Kerohanian

Rajah 6.4 Kepentingan pendidikan kerohanian

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

6.4.3 Merancang aktiviti kerohanian untuk amalan kanak-kanak.

Berikut ialah rancangan aktiviti kerohanian untuk amalan kanak-kanak dalam satu sesi pengajaran di dalam kelas:

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Pendidikan Kerohanian (Aktiviti Kerohanian untuk Amalan Kanak-kanak)				
Bidang Pembelajaran	Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Pendidikan Kerohanian				
Hasil Pembelajaran	Mensyukuri kebesaran Tuhan				
Tarikh	25/9/2020	**Hari**	Jumaat	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak telah mendapat pendedahan tentang amalan agama dalam kalangan ahli keluarga mereka				
Bilangan Kanak-kanak	6 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang belajar				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Gambar pemandangan alam 2. Carta 3. Lembaran kerja					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik menyiapkan segala keperluan untuk aktiviti yang telah dirancang. 2. Kanak-kanak dan pendidik berbual tentang perasaan mereka hari ini. 3. Pendidik menerangkan kepada kanak-kanak aktiviti hari ini. **Perkembangan kandungan PdP:** 4. Pendidik memperdengarkan audio bunyi kehidupan (burung) dan bukan hidupan (kereta). 5. Kanak-kanak diberikan peluang menamakan benda-benda yang dijadikan oleh Tuhan di TASKA dengan bimbingan pendidik. 6. Pendidik mengaitkan benda-benda yang dijadikan oleh Tuhan sebagai salah satu cara mengagumi kebesaran Tuhan. 7. Kanak-kanak diminta menyatakan cara lain untuk bersyukur kepada kebesaran Tuhan. 8. Menggunakan carta, pendidik dan kanak-kanak bersoal jawab tentang cara mensyukuri kebesaran Tuhan. 9. Kanak-kanak diberikan lembaran kerja untuk tandakan contoh-contoh amalan bersyukur dengan kebesaran Tuhan. **Penutup:** 10. Kanak-kanak diminta menyatakan pengajaran daripada aktiviti tersebut. 11. Pendidik merumuskan pengajaran dan pembelajaran hari ini. 12. Refleksi pendidik.					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: • Kebersihan: pastikan ruang pembelajaran yang bersih dan selamat digunakan. • Keselamatan: kanak-kanak dikawal daripada menggunakan bahan bantu mengajar secara merbahaya.					
Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**				
Tarikh:	**Tarikh:**				

Pelaksanaan Aktiviti Pendidikan Kerohanian

Standard Pembelajaran

6.4.4 Melaksanakan aktiviti kerohanian berdasarkan perancangan.

6.4.5 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti kerohanian.

Antara langkah yang pendidik atau pengasuh perlu ambil perhatian untuk menjalankan pelaksanaan aktiviti kerohanian berdasarkan perancangan.

- Memilih topik yang bersesuaian mengikut peringkat umur kanak-kanak.
- Menyediakan RPA dan bahan pembelajaran sesuai untuk kanak-kanak.
- Memastikan bahan pembelajaran mencukupi.
- Mengatur masa dengan sebaik mungkin pada setiap aktiviti bersama kanak-kanak.
- Menetapkan peraturan yang sesuai dengan aktiviti belajar.
- Memberikan pujian kepada kanak-kanak jika berjaya menyelesaikan masalah.
- Membuat pentaksiran berkala.
- Mencatat refleksi akhir setiap aktiviti yang dilaksanakan.

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Kerohanian

Jadual 6.4 Borang refleksi pelaksanaan aktiviti pendidikan kerohanian

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1	Aktiviti dapat berjalan dengan lancar melalui perancangan teliti dan rapi mengikut perancangan yang dibuat	Sebahagian daripada kanak-kanak tidak terlibat dalam aktiviti yang dijalankan kerana tidak membawa peralatan yang sesuai	Penerangan yang jelas hendaklah disampaikan kepada ibu bapa supaya mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan
	Rumusan keseluruhan:	Aktiviti yang dijalankan dapat menimbulkan kesedaran kepada ibu bapa dan penjaga melalui pelibatan mereka sebagai petugas aktiviti.	

Pembentangan Hasil Aktiviti Kerohanian yang Dilaksanakan

Pembentangan tentang hasil aktiviti pendidikan kerohanian yang dilaksanakan boleh dibuat dalam bentuk:

Pembentangan dan Cadangan Kaedah Penerapan Aktiviti Pendidikan Kerohanian

Berikut merupakan aspek yang perlu ada untuk melakukan penilaian dan cadangan penambahbaikan kepada aktiviti:

Standard Pembelajaran

6.4.6 Membuat pembentangan hasil aktiviti kerohanian yang dilaksanakan.

6.4.7 Mencadangkan kaedah yang lebih berkesan untuk penerapan nilai kerohanian dalam diri kanak-kanak.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Aktiviti berjalan dengan lancar dan aktif. Namun penggunaan kaedah penerangan yang dilaksanakan oleh pendidik kurang sesuai dengan tahap usia kanak-kanak. Penggunaan kaedah tunjuk cara adalah lebih sesuai kerana kanak-kanak boleh mempraktikkan secara langsung aktiviti yang dirancang oleh pendidik.
1.	Persediaan sebelum aktiviti dirancang dengan teliti	1	2	3	
2.	Aktiviti sesuai dengan kanak-kanak	1	2	3	
3.	Sumber dan aktiviti yang dirancang adalah sesuai	1	2	3	
4.	Matlamat aktiviti kerohanian sesuai dengan perkembangan kerohanian kanak-kanak	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran yang mencukupi	1	2	3	
6.	Memastikan bahan pengajaran yang selamat				
7.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
8.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran	1	2	3	
9.	Menjelaskan kepada kanak-kanak peraturan dalam aktiviti kerohanian yang dirancang	1	2	3	
Semasa					
10.	Ruang aktiviti yang sesuai	1	2	3	
11.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk mengikuti aktiviti bidang pendidikan kerohanian	1	2	3	
12.	Memberikan penerangan yang sesuai pada setiap aktiviti	1	2	3	
13.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
14.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
15.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
16.	Menulis refleksi	1	2	3	
17.	Mengemas dan membersihkan ruang atau tempat	1	2	3	
18.	Melaksanakan penilaian pelibatan kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1.Lemah 2.Sederhana 3.Baik				

Rumusan

Penekanan aspek kerohanian dalam pendidikan asuhan kanak-kanak dapat membina akhlak dan moral yang baik serta mulia dalam kalangan kanak-kanak. Perancangan dan pelaksanaan yang teliti akan menjamin kejayaan matlamat yang telah ditentukan.

AKTIVITI

1. Membincangkan kepentingan menghormati pegangan agama yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak di TASKA dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
2. Secara berkumpulan, buat pembentangan di dalam kelas mengenai satu aktiviti kerohanian yang pernah dijalankan di sekolah anda. PAK 21
3. Bincangkan satu kaedah pengajaran kerohanian yang berkesan di TASKA. Anda boleh merujuk daripada buku atau Internet bagi perbincangan tersebut.

LATIHAN

1. Senaraikan aspek kerohanian dalam diri individu.
2. Berikan contoh aktiviti kerohanian yang sesuai untuk kanak-kanak berusia 3 hingga 4 tahun.
3. Huraikan satu penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dalam aktiviti kerohanian di TASKA.

6.5 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Melalui Lawatan

Aktiviti perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian yang dirancang dengan teliti dan rapi akan dapat menarik minat kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran di TASKA. Lawatan adalah salah satu aktiviti yang menarik dan dapat menarik minat kanak-kanak. Pelibatan kanak-kanak, pendidik dan ibu bapa dalam aktiviti lawatan membantu perkembangan sosial, sosio-emosi dan kerohanian yang menyeluruh dan seimbang dalam kalangan kanak-kanak.

Standard Pembelajaran

6.5.1 Menyenaraikan tempat lawatan yang sesuai untuk kanak-kanak TASKA.

6.5.2 Menerangkan kepentingan aktiviti lawatan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.

Tempat Lawatan yang Sesuai untuk Kanak-kanak TASKA

Lawatan merupakan rombongan kanak-kanak yang mengunjungi sesuatu tempat yang ada kaitan dengan bidang pengalaman, pengajaran dan pembelajaran mereka di TASKA. Secara langsung, aktiviti lawatan akan dapat memberikan kesempatan kepada kanak-kanak untuk memerhati, mengklasifikasi dan meneroka pengalaman dan pengetahuan sebenar di luar TASKA. Aktiviti lawatan juga dapat membantu perkembangan emosi, rohani dan intelek, sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tempat Lawatan yang Sesuai

Lawatan dapat membantu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak. Terdapat banyak tempat lawatan yang sesuai dengan kanak-kanak. Berikut ialah contoh tempat yang boleh dilawati:

○ TASKA dan TADIKA	○ Taman bunga
○ Zoo	○ Dusun
○ Taman burung	○ Stesen kereta api
○ Muzium Negara	○ Stesen ETS
○ Petrosains	○ Stesen Komuter
○ Pusat Sains Negara	○ Masjid
○ Perpustakaan	○ Pejabat pos

Kepentingan Aktiviti Lawatan terhadap Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian Kanak-kanak

Aktiviti lawatan yang dirancang dengan teliti dan teratur akan dapat membantu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak di TASKA. Berikut ialah kepentingan aktiviti lawatan kepada kanak-kanak di TASKA:

Memberi pendedahan dan pengalaman langsung

Lawatan dapat memberikan pendedahan sebenar tentang sesebuah tempat yang dilawati oleh kanak-kanak. Kanak-kanak dapat mengetahui tentang ciri-ciri, keadaan fizikal dan persekitaran tempat yang dilawati. Mereka mendapat pengalaman langsung tentang aktiviti yang dijalankan di sesebuah tempat seperti zoo, planetarium atau muzium.

Membanding dan membeza benda dalam dan luar TASKA

Membanding dan membezakan antara objek ciptaan manusia dengan alam ciptaan Tuhan. Kepercayaan mereka akan bertambah teguh sebagai kanak-kanak yang berpegang kepada kehendak agama dalam kehidupan.

Mengukuhkan ingatan

Di TASKA, pendidik kerap mengingatkan kanak-kanak kebaikan menjaga kebersihan diri mereka dan alam sekitar. Ketika lawatan, mereka terus diasuh untuk patuh kepada peraturan seperti membuang sampah ke dalam tong sampah dan makan secara beradab.

Mempelbagaikan aktiviti

Aktiviti lawatan dapat dijadikan tarikan untuk kanak-kanak minat kepada PdP di TASKA. Kepelbagaian aktiviti dengan pendekatan yang berbeza akan mengurangkan rasa bosan dan menarik minat kanak-kanak kepada pengetahuan baharu yang dipelajari oleh mereka.

Eratkan hubungan dengan komuniti

Pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam aktiviti lawatan akan dapat meningkatkan hubungan antara TASKA dengan komuniti. Perhubungan yang erat akan memperkukuh lagi pelibatan ibu bapa dalam aktiviti di TASKA.

Meningkatkan sosialisasi

Hubungan dalam kalangan kanak-kanak akan bertambah akrab kerana kanak-kanak bekerja secara kumpulan dan berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan lain pada sesi refleksi. Mereka juga belajar bertimbang rasa, bertolak ansur dan bekerjasama dalam satu kumpulan.

Perancangan Aktiviti Lawatan

Standard Pembelajaran

6.5.3 Merancang aktiviti lawatan:

(i) Sebelum
(ii) Semasa
(iii) Selepas

Aktiviti lawatan hanya dapat mencapai matlamat dan objektif yang dirancang jika dibuat secara teliti dan teratur. Berikut ialah panduan perancangan sebelum, semasa dan selepas lawatan:

Sebelum Lawatan

- Pemilihan tempat yang mempunyai kaitan dengan bidang sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.
- Mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang mengikuti lawatan.
- Mendapatkan kebenaran daripada pemilik tempat yang hendak dilawati.
- Menyediakan kenderaan yang sesuai dengan jumlah kanak-kanak.
- Menjelaskan kepada kanak-kanak mengenai latar belakang tempat yang hendak dilawati.
- Memberitahu tempat, tarikh dan kos bayaran yang dikenakan bagi setiap kanak-kanak.
- Menjelaskan peraturan atau langkah-langkah keselamatan semasa lawatan.

Semasa Lawatan

- Memberi penerangan lanjut kepada kanak-kanak mengenai tempat lawatan.
- Membahagikan kanak-kanak kepada beberapa kumpulan kecil untuk tujuan keselamatan.
- Memberikan peluang pelibatan aktif kanak-kanak semasa lawatan.
- Melaksanakan kawalan terhadap kanak-kanak bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku.
- Menggalakkan kanak-kanak untuk bertanya berkaitan tempat yang dilawati.

Selepas Lawatan

- Perbincangan ringkas tentang manfaat daripada aktiviti lawatan.
- Membantu kanak-kanak melaporkan aktiviti lawatan secara grafik.
- Kanak-kanak dibimbing untuk merumuskan aktiviti lawatan tersebut.
- Memberikan aktiviti susulan kepada kanak-kanak.

INFO TAMBAHAN

Pihak pengurusan TASKA perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum sesuatu aktiviti lawatan dijalankan. Pihak TASKA juga perlu menyediakan insurans lawatan kepada semua pihak yang terlibat dalam lawatan.

Kertas Cadangan untuk Mengadakan Lawatan

Standard Pembelajaran

6.5.4 Menyediakan kertas cadangan untuk mengadakan lawatan mengikut format yang betul.

Perancangan untuk mengadakan lawatan hendaklah disediakan dengan teliti. Kertas cadangan lawatan yang lengkap dan jelas, dapat membantu pihak pengurusan TASKA untuk membuat keputusan memberikan kebenaran untuk sesuatu aktiviti lawatan. Berikut ialah panduan penyediaan kertas kerja lawatan sebelum dibentangkan kepada pengurusan TASKA:

1. **Pengenalan**
   Latar belakang aktiviti yang ingin dijalankan.

2. **Matlamat**
   Nyatakan matlamat umum lawatan dengan mengaitkan latar belakang kanak-kanak dan bidang berkaitan.

3. **Objektif**
   Senaraikan objektif utama lawatan tersebut dalam membantu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak di TASKA.

4. **Tempat**
   Lokasi yang ingin dilawati.

5. **Tarikh**
   Pilih tarikh yang sesuai. Ambil kira faktor cuaca dan iklim setempat.

6. **Masa (Jadual)**
   Bermula sebelah pagi dan berakhir sebelah petang.

7. **Hari**
   Hari bersekolah atau hujung minggu.

8. **Sasaran**
   Kanak-kanak TASKA.

9. **Program Penuh**
   Buat jadual penuh lawatan tersebut dengan pemilik tempat yang dilawat.

10. **Ahli Jawatankuasa**
    Melibatkan pendidik, pengasuh dan ibu bapa atau penjaga.

11. **Kewangan**
    Nyatakan penajaan, yuran dan sumbangan untuk menampung lawatan tersebut.

12. **Penutup**
    Harapan TASKA hasil daripada aktiviti lawatan tersebut.

Penilaian Kertas Cadangan Lawatan

Standard Pembelajaran

6.5.5 Menilai kertas cadangan yang dihasilkan berdasarkan senarai semak.

Penilaian kertas cadangan lawatan boleh dibuat dengan menyemak butiran penting kertas cadangan lawatan berdasarkan senarai semak yang disediakan di Jadual 6.5. Senarai semak ini akan dapat membantu pendidik untuk meneliti status perkara yang telah ditentukan supaya lawatan dapat berjalan dengan lancar dan selamat.

Jadual 6.5 Senarai semak kertas cadangan lawatan

Bil	Perkara	Status		Catatan
		Ya	Tidak	
1.	Matlamat lawatan digariskan dengan jelas			Kertas cadangan lengkap dari segi matlamat, objektif dan jawatankuasa yang terlibat. Namun aspek kewangan perlu diberi perhatian dari segi kos dan pembiayaan.
2.	Objektif lawatan berkaitan dengan bidang dalam kurikulum			
3.	Surat-surat kebenaran telah dihantar kepada pihak yang berkenaan			
4.	Tarikh yang sesuai dan mengikut takwim TASKA			
5.	Masa yang ditentukan relevan			
6.	Sasaran melibatkan kanak-kanak TASKA			
7.	Tag pengenalan diri disediakan			
8.	Program penuh diperincikan supaya dapat dirujuk pendidik, kanak-kanak dan ibu bapa			
9.	Ahli jawatankuasa terdiri daripada pengasuh dan ibu bapa penjaga			
10.	Ahli jawatankuasa dinyatakan tugas secara spesifik			
11.	Kewangan dinyatakan secara jelas untuk menampung kos lawatan			
12.	Kenderaan yang sesuai dengan bilangan			
13.	Kenderaan yang sesuai dengan keselamatan			
14.	Kenderaan yang sesuai dengan kos			
15.	Makanan dan minuman disediakan sepanjang lawatan			
16.	Yuran peserta berpatutan			
17.	Insurans disediakan sebagai langkah keselamatan kepada kanak-kanak			
18.	Peti kecemasan disediakan			

Lawatan ke Pusat Sains Negara

Anjuran

TASKA Simpang Lima, Sungai Merab

Pengenalan	Kertas kerja lawatan ke Pusat Sains Negara ini dilakukan adalah bertujuan bagi mendapatkan kelulusan dan peruntukan dana daripada pihak pengurusan TASKA SIMPANG LIMA SUNGAI MERAB, KAJANG, SELANGOR.
Matlamat	Pusat Sains Negara ialah sebuah pusat yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya sains dalam dunia global yang berorientasi sains dan teknologi. Pusat Sains Negara menyediakan persekitaran dan pelbagai kemudahan pembelajaran sains yang menggembirakan kanak-kanak. Terdapat banyak bahan-bahan pameran sains yang interaktif dan menarik. Selain itu, aktiviti yang dijalankan ketika lawatan dapat menanamkan minat yang mendalam dalam kalangan kanak-kanak bagi menghayati sains dalam kehidupan mereka. Aktiviti lawatan ke Pusat Sains Negara akan dapat menyemarakkan budaya mencintai sains dengan lebih berkesan dalam kalangan kanak-kanak ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran Awal Sains di TASKA.
Objektif	1. Memberikan pendedahan hasil ciptaan sains dalam kehidupan. 2. Meningkatkan minat kanak-kanak dalam bidang sains.
Tempat	Pusat Sains Negara, Persiaran Bukit Kiara Bukit Damansara, Bukit Kiara, 50662 Kuala Lumpur.
Tarikh/Hari	Khamis, 5 November 2020
Masa	7:30 pagi hingga 3:00 petang
Sasaran	Sasaran melibatkan 10 orang kanak-kanak TASKA, 3 orang pendidik, 2 orang wakil ibu bapa atau penjaga

Bil	Nama	Umur
1.	Aliya binti Muhammad Zulkifli	4 tahun
2.	Husna Izzati binti Mohd Bakar	4 tahun
3.	Nur Aisyah binti Samian	4 tahun
4.	Siti Nuraien binti Md Asraf Hossain	4 tahun
5.	Iman bin Mohd Yusof	3 tahun
6.	Nurul Nazihah binti Abdul Aziz	3 tahun
7.	Nurul Izzah Khadijah binti Malik	4 tahun
8.	Nursyakirah binti Abdullah	4 tahun
9.	Nurfarhana Aishah binti Mohd Yasin	4 tahun
10.	Muhammad Ishak bin Muhammad Mohamad	3 tahun

Bil.	Nama	Umur
1.	Siti Rakiah binti Haji Mohd Nor	45 tahun/pendidik
2.	Zakiah binti Mohd Abu Bakar	41 tahun/pendidik
3.	Dayang Salwa binti Sulaiman	40 tahun/pendidik
4.	Marsila binti Haji Abdul Rahman	34 tahun/Ibu waris
5.	Samihah binti Mohd Ibrahim	43 tahun/Ibu waris

Tentatif Program	7:30 pagi — Sarapan pagi dan berkumpul di pekarangan parkir TASKA 8:00 pagi — Bertolak ke Pusat Sains Negara 9:30 pagi — Tiba di Pusat Sains Negara 9:45 pagi — Melawat di sekitar kawasan Pusat Sains Negara 1:30 petang — Solat zohor dan makan tengah hari 3:00 petang — Bertolak pulang ke TASKA
Ahli Jawatankuasa Pelaksana	**PENASIHAT PROGRAM** Puan Siti Rakiah binti Mohd Nor **PENYELARAS PROGRAM** Zakiah binti Abu Bakar **BENDAHARI** Dayang Salwa binti Sulaiman **AJK MAKANAN** Marsila binti Haji Abdul Rahman **AJK KENDERAAN** Samihah binti Mohd Ibrahim **AJK CENDERAHATI** Muhammad Fattah bin Khairuddin Nabilah binti Mohd Yatim **AJK AKTIVITI** Norashikin binti Mohd Malek Nurul Hana binti Ishak Abu Bakar bin Abdullah

Kewangan:

i. Anggaran Pendapatan

Bil.	Perkara	Harga (RM)	Jumlah (RM)
1.	Peruntukan TASKA	80	80
2.	Yuran Individu	20	300
Jumlah Keseluruhan			**380**

ii. Anggaran Perbelanjaan

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Pengangkutan Tol Minyak	**80** 20 60
2.	Makanan (Makan tengah hari RM6 × 15)	**120**
3.	Tiket masuk Pusat Sains Negara (a) Tempat umum (RM6 × 5) (Harga kanak-kanak – percuma) (Harga dewasa – RM6) (b) *Dinasour Encounter* (RM6 × 15)	**150** 30 120
	Lain-lain perbelanjaan	**30**
Jumlah Keseluruhan		**380**

Penutup	Diharapkan kertas kerja untuk lawatan ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak agar program lawatan ini dapat dijayakan dengan sebaik mungkin serta mampu mencapai objektif yang telah digariskan.

Disediakan oleh,

ZAKIAH BINTI ABU BAKAR
Penyelaras Program

Disemak dan disahkan oleh,

SITI RAKIAH BINTI MOHD NOR
Penasihat Program

Dokumentasi Bahan atau Maklumat Tempat Lawatan yang Sesuai untuk Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

6.5.6 Menghasilkan dokumentasi bahan atau maklumat tempat lawatan yang sesuai untuk kanak-kanak.

Dokumentasi bahan atau maklumat tempat lawatan yang sesuai untuk kanak-kanak boleh dihasilkan dengan memenuhi aspek seperti berikut:

- Mengenal pasti tempat lawatan.
- Meninjau ciri dan keadaan persekitaran tempat lawatan.
- Mendapatkan maklumat tambahan tempat lawatan daripada tokoh dan penduduk sekitar.
- Menentukan jenis dokumentasi yang mahu dilaksanakan sama ada bentuk video, audio atau lakaran grafik.
- Bahan untuk dijilid telah disemak dari segi fakta, bahasa dan kesesuaian ilustrasi.
- Pendokumentasian bahan untuk edaran ibu bapa, kanak-kanak atau komuniti setempat.

Rumusan

Aktiviti lawatan adalah merupakan sebahagian daripada teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak jika dirancang dengan teliti dan teratur. Penyediaan kertas kerja, penilaian menggunakan senarai semak dan pelibatan komuniti ibu bapa atau penjaga dalam aktiviti lawatan akan dapat mencapai matlamat dan objektif lawatan tersebut secara kolektif. Jaringan antara TASKA dan komuniti setempat dalam aktiviti lawatan memperkukuh lagi pelibatan ibu bapa atau penjaga dalam aktiviti TASKA, sebagai institusi pendidikan masyarakat.

6

AKTIVITI

1. Buat penilaian kertas kerja lawatan menggunakan senarai semak yang telah disediakan.
2. Senaraikan dua tempat yang berpotensi untuk menjadi tempat lawatan di kawasan persekitaran anda.
   (a) Kemudian lakarkan dalam bentuk pelan lokasi untuk menjadi panduan kepada mereka yang mahu melawat ke kawasan itu.
   (b) Hasilkan satu klip video ringkas yang bertujuan mempromosi tempat yang dicadangkan itu.

LATIHAN

1. Senaraikan keistimewaan salah satu tempat lawatan berhampiran tempat tinggal anda.
2. Jelaskan kepentingan aktiviti lawatan dalam membantu perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.
3. Mengapakah pendidik perlu mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak TASKA dalam aktiviti lawatan?

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	☹
Menyatakan definisi sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.			
Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan sahsiah, emosi, sosio-emosi dan nilai kerohanian mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.			
Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan sahsiah, emosi dan sosial kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak ke atas perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian mereka.			
Menyenaraikan kaedah menyanyi bagi kanak-kanak.			
Menyatakan ciri lagu kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti nyanyian terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Nyanyian mengikut format.			
Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif.			
Melaksanakan pengajaran di ruangan yang sesuai.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti nyanyian dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas. ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar. iii) Kesesuaian penggunaan kaedah menyanyi.			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti nyanyian.			
Menghasilkan koleksi lagu kanak-kanak dalam bentuk yang kreatif atau inovatif.			
Menyenaraikan aktiviti main peranan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.			
Menerangkan kepentingan aktiviti main peranan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Main Peranan mengikut format.			
Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif serta ruang yang sesuai.			
Melaksanakan aktiviti main peranan atau lakonan mengikut situasi seperti yang dirancang.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti main peranan dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas. ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu.			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti main peranan.			
Menyenaraikan aspek kerohanian pada diri individu.			
Menerangkan kepentingan pendidikan kerohanian terhadap kanak-kanak.			
Merancang aktiviti kerohanian untuk amalan kanak-kanak.			

6

Modul 7

PERKEMBANGAN BAHASA, KOMUNIKASI DAN LITERASI AWAL

Standard Kandungan

7.1 Pengenalan kepada Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal

7.2 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Bercerita

7.3 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Membaca

7.4 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Menulis

Pengenalan

Bahasa menurut Kamus Dewan (2005) adalah satu sistem lambang bunyi suara yang diguna pakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan kelompok manusia. Bahasa juga adalah suatu sistem lambang pertuturan yang mengandungi leretan bunyi-bunyian yang dituturkan dan diamalkan oleh ahli masyarakat sebagai alat untuk berhubung. Bahasa juga membolehkan kanak-kanak menyusun dan menyatakan idea atau pengalamannya (Mahzan Arshad, 2012). Sementara itu, komunikasi pula adalah satu bentuk hubungan untuk menyampaikan maklumat atau mesej sama ada secara lisan atau bukan lisan. Literasi awal kanak-kanak pula merujuk kepada kebolehan atau kemampuan kanak-kanak untuk membaca, menulis dan celik huruf. Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak boleh dikesan mengikut peringkat umur mereka.

7.1 Pengenalan kepada Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal

Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak dapat dipupuk dengan menyediakan persekitaran, bahan dan kaedah pendekatan yang menarik dan sesuai dengan tahap perkembangan dan minat kanak-kanak.

Aktiviti Galakan Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal

Standard Pembelajaran

7.1.1 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.

Berikut adalah antara aktiviti yang dapat menggalakkan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak di TASKA:

Jadual 7.1 Aktiviti galakan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal

Peringkat Umur	Ciri Perkembangan	Aktiviti
0 hingga 12 bulan	• Kerap menangis • Suka mendengar suara manusia • Boleh mengeluarkan bunyi kukur seperti konsonan c, k dan g • Boleh memberi reaksi dengan menggeleng dan senyum • Boleh membunyikan suku kata mudah seperti ma-ma dan da-da • Memahami suku kata ringkas seperti tak boleh dan minum • Boleh meniru dan mengulang suara yang didengar	• Menyanyi lagu atau nasyid ketika mendodoi kanak-kanak untuk tidur • Menyebutkan perkataan dengan lengkap dan betul • Berbual-bual dengan kanak-kanak
1 hingga 2 tahun	• Boleh menyebut suku kata dengan jelas seperti mama • Boleh berbual • Mengulang suku kata dan menunjukkan kefahaman terhadap perkataan	• Menyanyi lagu mudah dan diulang-ulang • Berbual dengan kanak-kanak menggunakan alat bantu • Lembaran kerja padanan suku kata
2 hingga 3 tahun	• Boleh berkomunikasi dengan ayat ringkas • Boleh bercerita	• Menggalakkan kanak-kanak bercerita • Membetulkan kesilapan ayat kanak-kanak dalam berkomunikasi
3 hingga 4 tahun	• Penggunaan bahasa yang semakin baik • Penggunaan perbendaharaan kata yang bertambah banyak • Belajar membina ayat yang sesuai jika mahu menyampaikan sesuatu	• Latih tubi • Main peranan menggunakan ayat yang betul • Silangkata

Faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

7.1.2 Menerangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.

7.1.3 Berkomunikasi dengan jelas dalam bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.

Berikut adalah antara faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak:

1. Keluarga

Bilangan ahli keluarga yang ramai mempengaruhi perkembangan bahasa. Keluarga yang mempunyai ekonomi yang stabil dapat mendorong kanak-kanak berkembang dalam keadaan selamat dan mempunyai keupayaan dalam amalan bahasa yang baik.

2. Persekitaran

Persekitaran yang menyediakan kemudahan seperti buku, *e-book* tablet dan alat bantu mengajar akan merangsang dan mempercepat kefahaman dan perkembangan. Apalagi jika mereka yang berbahasa secara betul akan mempengaruhi kemahiran berbahasa kanak-kanak kerana mempunyai keyakinan dan perbendaharaan kata yang luas.

3. Usia

Semakin meningkat umur, kanak-kanak semakin matang dan berani berkomunikasi menggunakan perbendaharaan kata yang semakin bertambah.

4. Kecerdasan

Kanak-kanak yang mempunyai kecerdasan yang tinggi lebih mudah memahami sesuatu perkataan dan dapat mengaitkan dengan persekitaran ketika berkomunikasi. Bagi yang kurang matang akan lambat menguasai kemahiran berbahasa.

5. Dorongan

Jika dorongan seperti kata pujian, belaian atau penghargaan diberikan secara tekal, kanak-kanak semakin meningkatkan aspek penguasaan kemahiran berbahasa.

Panduan Berkomunikasi dengan Kanak-kanak

Beberapa panduan yang perlu diketahui pendidik untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak.

- Bina hubungan dengan kanak-kanak
- Dampingi kanak-kanak dengan kasih sayang dan kemesraan
- Gunakan bahasa yang sopan dan lemah lembut
- Gunakan bahasa yang difahami oleh kanak-kanak
- Duduk sepadan dengan ketinggian kanak-kanak
- Bercakaplah dengan jelas dari segi sebutan huruf dan nada
- Gunakan alat bantuan yang sesuai bagi memudahkan kefahaman kanak-kanak
- Empati ketika berkomunikasi
- Kekalkan hubungan mata ketika berkomunikasi

Rumusan

Aktiviti perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak dapat dirancang dengan baik sekiranya disesuaikan dengan tahap pemikiran kanak-kanak. Terdapat faktor lain yang turut mendorong perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak seperti keluarga, persekitaran, kecerdasan dan dorongan. Oleh itu, pendidik hendaklah menunjukkan amalan berbahasa yang baik ketika berkomunikasi dengan kanak-kanak supaya dapat dicontohi oleh mereka dalam kehidupan harian.

AKTIVITI

1. Jemput seorang pendidik di TASKA berhampiran sekolah anda untuk berkongsi ilmu dan pengalaman tentang pelaksanaan aktiviti bahasa, komunikasi dan literasi kanak-kanak Sediakan senarai semak pemerhatian perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak.

2. Lakukan pemerhatian kepada seorang kanak-kanak di TASKA atau di rumah dan catatkan jumlah perkataan yang tidak sesuai digunakan dalam percakapan mereka selama 10 minit dalam perbualan tersebut. Bentangkan dan bincangkan dalam kelas anda.

3. Rakam simulasi perbualan antara anda dengan kanak-kanak. Kemudian bincangkan dalam kelas, kekuatan dan kelemahan penggunaan bahasa dalam komunikasi tersebut. PAK 21

LATIHAN

1. Senaraikan aktiviti yang menggalakkan perkembangan bahasa bagi kanak-kanak berumur 3 hingga 4 tahun.

2. Bincangkan faktor persekitaran yang mempengaruhi perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.

3. Mengapakah kita perlu berkomunikasi dengan jelas dari segi sebutan huruf dan nada kepada kanak-kanak?

7.2 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Bercerita

Bercerita telah terbukti membantu kanak-kanak dalam memupuk kemahiran literasi awal, kemahiran bertutur dan memahami bahasa. Malah, ibu bapa, pendidik dan pengasuh adalah antara mereka yang sangat berperanan dalam menerapkan aktiviti bercerita kepada mereka. Kanak-kanak dalam lingkungan usia 2 hingga 3 tahun biasanya sudah mula didedahkan dan boleh mengikuti aktiviti bercerita.

Kepentingan Aktiviti Bercerita

Kepentingan aktiviti bercerita dalam perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak ialah:

- Proses bimbingan pengetahuan, ilmu dan kemahiran yang santai dan menyeronokkan.
- Meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap perkataan, perbendaharaan kata dan idea.
- Kanak-kanak berpeluang meluahkan perasaan, sama ada takut, gembira atau sedih.
- Meningkatkan daya imaginasi kanak-kanak melalui penaakulan idea ketika menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.
- Memupuk nilai murni melalui pengajaran (didaktik) cerita.
- Mengembangkan potensi dan bakat diri melalui aktiviti lakonan dan main peranan.
- Mendorong minat kanak-kanak untuk terus belajar.

Standard Pembelajaran

7.2.1 Menyatakan kepentingan aktiviti bercerita terhadap perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.

INFO TAMBAHAN

Bercerita adalah satu kaedah atau cara pengajaran bagi membantu perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak. Bercerita adalah satu proses dinamik yang melibatkan pengisahan, penuturan atau pembacaan kisah, pengalaman, cerita atau periwayatan tentang sesuatu sama ada secara lisan atau visual yang bertujuan membantu perkembangan potensi berbahasa kanak-kanak secara sistematik. Kamus Dewan (2005) mendefinisikan cerita adalah jalinan dan susunan mengenai kejadian dan hal-hal yang berlaku sama ada benar ataupun merupakan khayalan pencerita sahaja. Bercerita merupakan suatu kaedah mengajar yang membolehkan pendidik menyampaikan isi pelajarannya melalui penggunaan teknik bercerita.

Konsep Cerita Kanak-kanak

Cerita kanak-kanak adalah satu konsep penuturan atau pengisahan tentang sesuatu peristiwa, kejadian atau cerita rekaan kepada kanak-kanak yang bertujuan untuk menghibur dan memberi pengajaran.

Cerita kanak-kanak seperti cerita haiwan, cerita fantasi, cerita pahlawan atau tokoh, cerita sejarah, cerita lagenda, cerita asal usul atau cerita kenegaraan memang dapat menarik perhatian kanak-kanak jika disampaikan mengikut kaedah dan teknik yang sesuai.

Standard Pembelajaran

7.2.2 Menerangkan konsep cerita kanak-kanak dalam aspek: .

(i) Jenis

(ii) Ciri-ciri

(iii) Teknik

(iv) Kaedah

Jenis Cerita Kanak-kanak

Cerita haiwan atau binatang

Berkisar tentang cerita haiwan dengan watak utamanya ialah haiwan. Contohnya:

- Arnab dengan Kura-kura
- Sang Kancil dengan Buaya
- *The Lion King*
- Anjing dengan Bayang-bayang

Cerita pahlawan dan tokoh

Cerita tentang keperwiraan pahlawan seseorang. Misalnya:

- Cerita Tok Janggut
- Cerita Dato Bahaman
- Cerita Tun Perak
- Cerita Tokoh Timur Tengah

Cerita Asal-usul

Cerita berkaitan asal-usul sesebuah tempat, negeri, benda atau seseorang. Contohnya:

- Cerita Asal Usul Singapura
- Cerita Asal Usul Nama Pokok
- Cerita Asal Usul Gagak

Cerita fantasi

Cerita rekaan atau ciptaan yang berunsur magis. Contohnya:

- Si Tanggang
- Cinderella
- Puteri Gunung Ledang
- Aladdin dengan Lampu Ajaib

Cerita Kenegaraan- lambang dan mercu tanda negara

- Cerita Puteri Gunung Ledang
- Leftenan Adnan
- Perang Naning
- Bukit Kepong

Cerita Lagenda

Cerita yang berdasarkan latar belakang sejarah dan ketokohan seseorang yang ditokok tambah.

- Mahsuri
- Mat Kilau
- Hang Jebat
- Hang Tuah

Cerita Sejarah

Cerita berkaitan sejarah tempatan, negeri atau ketokohan seseorang.

- Singapura dilanggar Todak
- Sejarah Pembukaan Melaka

Ciri Cerita Kanak-kanak

Tema

- Relevan dengan peringkat usia kanak-kanak
- Cerita mengandungi nilai murni
- Tema cerita bersifat universal
- Tema cerita yang menarik minat dan menyeronokkan

Isi cerita

- Bermanfaat dan memberikan faedah kepada kanak-kanak
- Isi cerita yang menarik dan menggembirakan
- Mengembangkan sifat ingin tahu
- Kaya dengan unsur-unsur suspens, gembira, menakutkan dan fantasi

Plot

- Cerita tidak berangkai-rangkai dan mudah difahami kanak-kanak
- Jalan cerita mudah dan ringkas
- Mengandungi jalinan dan kesinambungan
- Dapat digambarkan secara imaginasi oleh kanak-kanak

Bahasa

- Bahasa yang mudah difahami
- Laras bahasa yang sesuai dengan usia kanak-kanak
- Menggunakan perkataan yang diulang-ulang
- Menggunakan ayat yang mudah

Watak

- Kanak-kanak telah biasa dengan watak-watak dalam cerita
- Memaparkan watak baik dan dapat dicontohi secara konsisten
- Watak yang tidak terlalu banyak dalam cerita dan realistik
- Kanak-kanak dapat mengenali watak dalam penceritaan

Teknik bercerita

Suara

- Berkebolehan mempelbagaikan intonasi suara mengikut suasana dan watak
- Penuturan huruf vokal dan konsonan hendaklah jelas didengari
- Boleh menggunakan kepelbagaian variasi suara untuk mengekspresi perasaan
- Cekap menuturkan dialog bagi persembahan yang berkesan
- Sebutan perkataan dan ayat jelas supaya jadi model ikutan

Gerak badan

- Pergerakan anggota badan bersesuaian dengan pergerakan watak dalam cerita
- Boleh guna alat bantu dalam gerakan anggota badan

Mimik muka

- Mimik muka selaras dengan perasaan dalam cerita
- Mimik muka hendaklah menggambarkan suasana sebenar watak

Nyanyian dan puisi

- Nyanyian, puisi atau syair boleh diselitkan dalam penceritaan
- Nyanyian atau puisi boleh bertindak sebagai pembugar rasa
- Nyanyian dan puisi sesuai dengan penceritaan
- Nyanyian boleh diiringi oleh muzik

Komunikasi dua hala

- Ada hubungan kontak mata dengan kanak-kanak
- Komunikasi lisan dan bukan lisan pencerita menjadi tarikan pendengar
- Wujudkan komunikasi kanak-kanak dengan pendidik dan pendidik dengan kanak-kanak

Jeda

- Berhenti sebentar untuk beri kesan cerita
- Kanak-kanak akan lebih fokus
- Kanak-kanak digalakkan berfikir
- Pertanyaan dan perbualan santai boleh dilakukan

Kaedah bercerita

1. **Tanpa penggunaan bahan bantu atau secara lisan**

2. **Bercerita secara lisan**
   Kanak-kanak memahami, menghayati dan mendengar cerita yang disampaikan secara lisan oleh pencerita. Suara dan gerak pencerita banyak bantu mempermudah pemahaman kanak-kanak.

   Menggunakan bahan bantu mengajar seperti:
   - Buku bergambar
   - Buku besar
   - *Busy book*
   - Kad imbasan
   - Teka-teki
   - Bahan maujud
   - Lakonan
   - Boneka
   - Pentas boneka

Buku bergambar

- Memilih buku yang mempunyai tema yang sesuai dengan kefahaman kanak-kanak.
- Penggunaan gerak badan, mimik muka dan manipulasi suara penting dalam menarik minat kanak-kanak.
- Kembangkan cerita tersebut supaya menarik dan ada kaitan dengan kanak-kanak.
- Buku mempunyai gambar yang berwarna dan menarik.
- Mempunyai suku kata.
- Muka surat mengikut kesesuaian umur kanak-kanak (jika umur kanak-kanak kecil, maka kurangkan muka surat dan jika umur kanak-kanak besar, maka muka surat boleh dilebihkan).

Buku besar

- Buku besar dapat menarik minat dan fokus kanak-kanak kepada pencerita.
- Buku besar yang berilustrasi membantu pemahaman kanak-kanak.
- Boleh dibaca berulang-ulang.
- Boleh dibuat secara *shared reading*.

Busy Book

- Pilih *busy book* buatan tangan yang diperbuat daripada kapas.
- Pelbagai aktiviti psikomotor tangan boleh dijalankan.
- Tunjukkan contoh aktiviti menggunakan *busy book*.
- Bahan hendaklah mencukupi.
- Aktiviti boleh dibuat secara berkumpulan.

Kad Imbasan

- Kad imbasan digunakan ketika penceritaan.
- Perkataan tertentu di kad imbasan membantu kemahiran menyebut.
- Ilustrasi menarik meningkatkan minat kanak-kanak.
- Kad imbasan bersaiz sederhana dan dapat dilihat kanak-kanak dengan jelas.

Teka-teki

- Bercerita sambil soal jawab dalam bentuk teka-teki.
- Teka-teki yang mudah dan kritis.
- Boleh berbincang dan berimaginasi mencari jawapan.

INFO TAMBAHAN

Shared Reading ialah membaca buku cerita berulang kali kepada sekumpulan kanak-kanak beberapa hari untuk menimbulkan rasa seronok dalam membaca dan membina pengetahuan.
(PERMATA, 2016)

Bahan maujud

- Menggunakan bahan maujud yang terdapat di dalam bilik.
- Bahan maujud boleh terdiri daripada pensel, wisel, tali, kerusi atau meja.
- Bahan maujud di luar bilik juga boleh digunakan seperti bunga, kayu dan pasu.
- Boleh timbulkan persoalan dan soal jawab.

Lakonan

- Aktiviti lakonan ketika penceritaan.
- Menghidupkan suasana yang seakan-akan realiti.
- Memberi watak kepada kanak-kanak.
- Boleh dirancang atau secara spontan.

Boneka

- Penyediaan skrip berdasarkan objektif cerita.
- Pemilihan jenis boneka yang sesuai seperti boneka jari, tangan, tali atau *shadow puppets*.
- Boleh libatkan kanak-kanak.
- Penggunaan bahasa mengikut tahap usia kanak-kanak.

Pentas Boneka

- Penyediaan pentas boneka yang sesuai.
- Objektif cerita yang jelas.
- Penggunaan alatan yang menyeronokkan.
- Persembahan secara individu atau bersama-sama kanak-kanak.

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

7.2.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Bercerita yang mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Bercerita (memberi respons dalam cerita)				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Bercerita				
Hasil Pembelajaran	Kanak-kanak dapat mendengar dan memberi respons terhadap cerita yang didengar				
Tarikh	15/9/2020	**Hari**	Selasa	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak biasa memberikan respons atau reaksi				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang belajar				

Senarai Bahan dan Alat:
1. Kostum arnab
2. Rakaman audio suasana di dalam hutan
3. Carta bergambar
4. Papan tanda merah dan hijau

Langkah Pelaksanaan

Permulaan:
1. Pendidik masuk ke kelas memakai kostum arnab dan kanak-kanak meneka jenis binatang tersebut.
2. Kanak-kanak diberi peluang menyentuh, mencium dan bertanya pendidik berkaitan kostum yang dipakai. Pendidik memberikan papan tanda merah dan hijau. Merah menandakan mereka tidak suka dan hijau menunjukkan mereka suka, ketika pendidik bercerita, kanak-kanak boleh mengangkat salah satu papan tanda itu bagi menyatakan perasaan mereka ketika pendidik bercerita.

Perkembangan kandungan PdP:
3. Pendidik memulakan cerita, dengan perdengarkan bunyi di dalam hutan. Kanak-kanak memberi pelbagai reaksi, takut, suka dan teruja.
4. Pendidik memulakan cerita arnab dengan kura-kura yang berlumba lari dengan bantuan carta bergambar.
5. Semasa bercerita, pendidik menunjukkan unsur suspens, nada sombong dan dialog bersahaja antara arnab dengan kura-kura. Kanak-kanak yang mengangkat papan tanda diberikan peluang menyatakan perasaan mereka.
6. Kanak-kanak bersoal jawab dengan guru.

Penutup:
7. Pendidik merumuskan cerita.

Langkah kontingensi:
- Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.

Pengawasan:
1. Kebersihan: bahan, alatan dan ruang yang digunakan hendaklah dibersihkan selepas digunakan.
2. Keselamatan: memastikan bahan, alatan dan ruang dalam keadaan selamat sebelum digunakan.
3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi

Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**
Tarikh:	**Tarikh:**

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Sesuai

Standard Pembelajaran

7.2.4 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.

Antara cadangan bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif serta ruang yang sesuai untuk aktiviti bercerita.

Bahan bantu mengajar
- Kostum arnab
- Rakaman audio suasana dalam hutan
- Carta bergambar
- Papan tanda merah dan hijau
- Topeng arnab

Ruang aktiviti pembelajaran (AP)
- Ruang belajar
- Ruang aktiviti
- Ruang luar kelas

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar
1. Lukis satu bulatan bersaiz muka kanak-kanak. Tambah dua pasang telinga seperti arnab di bawah.
2. Lukis dua bulatan kecil berbentuk mata.
3. Ilustrasikan topeng mengikut kriteria arnab (misai, mulut, hidung).
4. Tebuk dua lubang di kiri dan kanan topeng.
5. Ikat tali pada kedua lubang tersebut.



Gambar foto 7.1 Bahan bantu mengajar topeng muka arnab

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Bercerita

Aktiviti bercerita perlu dirancang dengan teliti supaya mencapai objektif penceritaan. Berikut ialah panduan rancangan pelaksanaan aktiviti bercerita:

Standard Pembelajaran

7.2.5 Melaksanakan aktiviti bercerita berdasarkan perancangan.

Sebelum cerita

- Rancang pelaksanaan aktiviti bercerita menggunakan borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti yang disediakan untuk rujukan dan panduan. Isi semua maklumat yang telah disenaraikan.
- Pilih cerita yang sesuai dengan tajuk yang dirancang dalam rancangan kerja tahunan. Sekiranya tema yang dipilih adalah haiwan, pilihlah tajuk berkaitan haiwan di darat atau di laut.
- Bahagian isi atau kandungan penting yang menjadi objektif pembelajaran, perlu dikuasai dulu dan perlu diulang-ulang sehingga benar-benar dihayati.
- Penguasaan bahagian-bahagian penting bagi membolehkan pendidik mengetahui kehendak cerita dan disampaikan kepada kanak-kanak, menerapkan nilai murni dalam cerita yang hendak disampaikan.

Semasa bercerita

- Set induksi yang menarik akan dapat mendorong kanak-kanak memberikan perhatian kepada cerita yang disampaikan secara berterusan. Misalnya pendidik memakai pakaian binatang seperti Sang Kancil akan dapat menarik perhatian kanak-kanak di samping mencabar pemikiran mereka untuk mendapat kepastian.
- Nada dan gaya yang sesuai dengan cerita dapat mewujudkan suasana cerita yang hendak disampaikan. Pelbagai intonasi boleh digunakan misalnya jeritan binatang, ngauman harimau dan kepetahan suara sang kancil ketika berdialog dalam cerita yang disampaikan.
- Elemen nilai murni merentasi kurikulum boleh disepadukan ketika menyampaikan cerita. Antara elemen nilai murni yang sesuai dalam cerita binatang misalnya ialah bekerjasama, baik hati, tolong-menolong dan berhemah.

Selepas bercerita

- Secara lisan atau tulisan, kanak-kanak diberikan peluang menyatakan pengajaran daripada aktiviti bercerita dengan bimbingan.
- Kanak-kanak juga diberikan peluang untuk menceritakan kembali episod tertentu dalam cerita tersebut bagi mengukuhkan kefahaman dan kemahiran berbahasa mereka.
- Kanak-kanak juga boleh diberikan peluang untuk melakonkan watak-watak tertentu daripada aktiviti bercerita tersebut. Kanak-kanak boleh menggunakan perkataan sendiri dalam lakonan tersebut untuk menunjukkan penghayatan mereka.
- Bersoal jawab tentang watak-watak dalam penceritaan yang menarik dalam aktiviti bercerita tersebut di samping mencadangkan penambahbaikan aktiviti akan datang.

Penilaian dan Cadangan Penambahbaikan

Berikut merupakan item-item yang perlu ada untuk melakukan penilaian dan cadangan penambahbaikan kepada aktiviti:

Standard Pembelajaran

7.2.6 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti bercerita dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar

(iii) Kesesuaian penggunaan teknik dan kaedah bercerita

7.2.7 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.



Gambar foto 7.2 Topeng muka haiwan

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Pendidik hendaklah menyediakan bahan bantu mengajar yang mencukupi dan lebih besar supaya dapat gambaran yang lebih jelas kepada kanak-kanak. Sesi penerangan pendidik boleh diperbaiki dengan menggunakan bahasa dan intonasi yang lebih mudah dan sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Libatkan semua peringkat umur kanak-kanak untuk mengemas dan membersihkan ruang.
1.	Persediaan sebelum aktiviti bercerita dirancang dengan teliti	1	2	3	
2.	Aktiviti bercerita sesuai dengan kanak-kanak	1	2	3	
3.	Sumber dan bahan bantu mengajar dalam aktiviti bercerita dirancang sesuai dan menarik	1	2	3	
4.	Kaedah dan teknik bercerita yang diamalkan menarik	1	2	3	
5.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
6.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran dan selamat	1	2	3	
7.	Menjelaskan kepada kanak-kanak peraturan dalam aktiviti bercerita yang dirancang	1	2	3	
Semasa					
8.	Ruang aktiviti bercerita yang sesuai	1	2	3	
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk mengikuti aktiviti bercerita	1	2	3	
10.	Memberikan penerangan yang sesuai pada setiap aktiviti bercerita	1	2	3	
11.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak	1	2	3	
12.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
13.	Aktiviti bercerita disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
14.	Menulis refleksi aktiviti bercerita yang dijalankan	1	2	3	
15.	Mengemas dan membersihkan ruang atau tempat	1	2	3	
16.	Melaksanakan penilaian berterusan terhadap pelibatan kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1.Lemah 2.Sederhana 3.Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Bercerita

Standard Pembelajaran

7.2.8 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti bercerita.

Jadual 7.2 Contoh refleksi pelaksanaan aktiviti bercerita

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak terlibat secara aktif ketika sesi penceritaan dengan memberi reaksi yang pelbagai	Pergerakan pendidik yang terhad kerana susunan kerusi dan meja menyebabkan pendidik tidak dapat mendampingi setiap kanak-kanak	Tingkatkan pelibatan kanak-kanak dalam sesi penceritaan di samping susunan ruang yang fleksibel yang memudahkan pergerakan pendidik dan kanak-kanak
	Rumusan keseluruhan:	Kaedah bercerita dapat menarik tumpuan dan perhatian kanak-kanak dalam pembelajaran.	

Rumusan

Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak melalui kaedah bercerita memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang teliti bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Aspek definisi, aktiviti yang sesuai, kesediaan kanak-kanak, perancangan pelaksanaan, penyediaan bahan bantu mengajar, pelaksanaan pengajaran, penilaian keberkesanan dan refleksi perlu diambil kira bagi mendapatkan hasil pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan sediakan sebuah *busy book* untuk kanak-kanak. Dengan bantuan guru, buat pameran *busy book* di TASKA. Dapatkan maklum balas daripada pendidik, ibu bapa atau komuniti sekitar berkenaan *busy book* yang dipamerkan.

2. Tonton satu klip video berkaitan aktiviti bercerita yang dijalankan oleh pendidik di sebuah TASKA. Tuliskan refleksi anda berkaitan kandungan video yang ditonton.

3. Sediakan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk satu sesi pengajaran bidang bahasa, komunikasi dan literasi awal di TASKA. Jalankan aktiviti bercerita dengan menggunakaan bahan bantu mengajar tersebut.

LATIHAN

1. Terangkan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal di TASKA dengan memberikan contoh yang sesuai.

2. Bincangkan kepentingan aktiviti bercerita terhadap perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal di TASKA.

3. Sejauh manakah aktiviti bercerita yang dirancang dan dilaksanakan oleh pendidik dapat membantu perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak?

7.3 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Membaca

Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal melalui membaca amat penting diketahui oleh pengasuh atau pendidik dalam membantu perkembangan kemahiran tersebut dalam kalangan kanak-kanak di TASKA. Kemahiran prabacaan dan awal bacaan merupakan kemahiran asas bahasa yang perlu dikuasai kanak-kanak sebelum kemahiran lain seperti menulis. Kesediaan kanak-kanak untuk membaca dapat dikaji melalui pelbagai sikap dan amalan yang ditunjukkan oleh kanak-kanak seperti minat kepada buku, suka meniru atau suka mengajuk sesuatu bunyi.

Maksud Prabacaan dan Awal Bacaan

Standard Pembelajaran

7.3.1 Menyatakan maksud prabacaan dan awal bacaan.

7.3.2 Mengenal tahap kesediaan membaca kanak-kanak.

7.3.3 Menerangkan faktor yang mempengaruhi kesediaan membaca kanak-kanak.

Prabacaan adalah proses awal kesediaan kanak-kanak untuk membaca melalui penyediaan pengalaman bahasa dalam aspek mengenal dan mengecam huruf serta bunyi.

Awal bacaan pula bermaksud kemampuan, kebolehan atau keupayaan kanak-kanak untuk membunyikan atau menuturkan huruf, suku kata, perkataan dan ayat-ayat mudah dalam rutin kehidupan harian mereka.

Mengenal Tahap Kesediaan Membaca Kanak-kanak

Tahap kesediaan membaca adalah peringkat kesediaan kanak-kanak untuk membaca yang boleh dikesan melalui tindakan, perlakuan dan amalan mereka.

Berikut ialah tahap kesediaan membaca kanak-kanak:

- Minat buku
- Minat orang dewasa membaca buku
- Meniru bunyi yang didengar
- Kaitkan bunyi dengan benda sebenar

Mengenal Tahap Kesediaan Membaca Kanak-kanak

Faktor Kesediaan Membaca Kanak-kanak

Fizikal kanak-kanak

Peluang kemudahan

Emosi

Kecerdasan dan perkembangan kognitif

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

7.3.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Membaca yang mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Menceritakan Semula				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Membaca				
Hasil Pembelajaran	Membaca suku kata, perkataan mudah dan ayat tunggal				
Tarikh	21/9/2020	**Hari**	Isnin	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak telah belajar membaca dan menutur suku kata mudah				
Bilangan Kanak-kanak	10 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang belajar				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Buku besar 2. Gambar bersiri					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Sebelum sesi, pendidik menyediakan bahan rujukan dan tentukan ruang pembelajaran yang sesuai. 2. Sebagai permulaan, kanak-kanak diminta menamakan buku cerita dan menceritakan bahan yang pernah dibaca. **Perkembangan kandungan PdP:** 1. Sebagai pengembangan langkah, pendidik membaca cerita dengan menggunakan gambar bersiri bertajuk SAYA SUKA BUKU. 2. Kanak-kanak dilibatkan dengan membaca secara beramai-ramai dan secara individu. 3. Pertandingan menceritakan semula cerita tanpa melihat teks. **Penutup:** 4. Pendidik merumuskan pembelajaran.					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: bahan, alatan dan ruang yang digunakan dalam aktiviti membaca hendaklah dibersihkan selepas digunakan. 2. Keselamatan: memastikan bahan, alatan dan ruang bagi aktiviti membaca dalam keadaan selamat sebelum digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					
Penilaian dan Refleksi					
Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**				
Tarikh:	**Tarikh:**				

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Kreatif

Standard Pembelajaran

7.3.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.

Antara bahan bantu mengajar yang kreatif serta ruang yang sesuai yang boleh disediakan oleh pendidik.

Bahan bantu mengajar
- *Puzzle*
- Perisian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Kad padanan

Ruang yang sesuai
- Ruang belajar
- Ruang aktiviti

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar
1. Kad padanan abjad kecil dan besar boleh dibuat menggunakan kad manila.
2. Lakarkan garisan menegak dan melintang pada kad manila berukuran 3x4 inci.
3. Menggunakan pen bermata besar, tuliskan huruf abjad kecil dan besar pada setiap kotak yang ada.
4. Potong kad manila menggunakan gunting bagi setiap kotak yang tertulis huruf abjad.
5. Asingkan kad tersebut kepada dua bahagian iaitu abjad berhuruf besar dan kecil.
6. Kad padanan abjad huruf besar dan kecil boleh digunakan dalam aktiviti padanan abjad.

Gambar foto 7.3 Bahan bantu mengajar kad padanan

Pelaksanaan Aktiviti Prabacaan dan Awal Bacaan

Standard Pembelajaran

7.3.6 Melaksanakan aktiviti prabacaan dan awal bacaan berdasarkan perancangan.

Rancangan pelaksanaan aktiviti prabacaan dan awal bacaan perlu dirancang dengan teliti. Berikut ialah pelaksanaan aktiviti prabacaan dan awal bacaan kanak-kanak dalam satu sesi pembelajaran:

Pelaksanaan Aktiviti Prabacaan

Sebelum	Semasa	Selepas
• Merancang aktiviti prabacaan yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak. • Penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan mencukupi. • Pemilihan ruang aktiviti prabacaan yang kondusif.	• Set induksi yang dapat menarik minat kanak-kanak. • Pemilihan ruang aktiviti prabacaan yang selesa. • Menerangkan aktiviti prabacaan yang jelas kepada kanak-kanak. • Penggunaan bahan bantu mengajar yang optimum. • Memberikan bimbingan dan dorongan yang baik kepada kanak-kanak.	• Merumuskan aktiviti prabacaan yang dijalankan. • Memberikan pengukuhan yang sesuai. • Mengemas dan membersihkan ruang aktiviti. • Menilai dan merekodkan penguasaan kemahiran prabacaan kanak-kanak.

Pelaksanaan Aktiviti Awal Bacaan

Sebelum	Semasa	Selepas
• Merancang aktiviti bacaan yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak. • Penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan mencukupi. • Pemilihan ruang aktiviti prabacaan yang kondusif.	• Set induksi yang dapat mencabar pemikiran kritis kanak-kanak. • Memilih ruang aktiviti awal bacaan yang selesa. • Penerangan aktiviti awal bacaan yang lengkap dan jelas. • Penggunaan bahan bantu mengajar yang optimum. • Memberikan bimbingan dan dorongan yang baik kepada kanak-kanak secara individu atau berkumpulan.	• Merumuskan aktiviti awal bacaan yang telah dilaksanakan. • Memberikan pengukuhan yang sesuai. • Mengemas dan membersihkan ruang aktiviti awal bacaan. • Menilai dan merekodkan penguasaan kemahiran awal bacaan kanak-kanak.

Penilaian Keberkesanan dan Penambahbaikan Aktiviti Prabacaan dan Awal Bacaan

Standard Pembelajaran

7.3.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti membaca dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar

7.3.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Wujudkan persekitaran aktiviti yang mesra pembelajaran, selesa dan selamat supaya kanak-kanak mudah capai bahan bantu yang akan digunakan. Tingkatkan kemahiran fasilitator dalam kalangan pendidik terhadap kanak-kanak dengan mempelbagaikan strategi dan teknik dampingan (*Attending*).
1.	Persediaan sebelum aktiviti membaca dirancang dengan teliti	1	2	3	
2.	Aktiviti membaca sesuai dengan kanak-kanak	1	2	3	
3.	Sumber dan bahan bantu mengajar dalam aktiviti membaca dirancang sesuai dan menarik	1	2	3	
4.	Kaedah dan teknik membaca yang diamalkan menarik	1	2	3	
5.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
6.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran dan selamat	1	2	3	
7.	Menjelaskan kepada kanak-kanak peraturan dalam aktiviti membaca yang dirancang	1	2	3	
Semasa					
8.	Ruang aktiviti membaca yang sesuai	1	2	3	
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk mengikuti aktiviti membaca	1	2	3	
10.	Memberikan penerangan yang jelas pada setiap aktiviti membaca	1	2	3	
11.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak	1	2	3	
12.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
13.	Aktiviti membaca disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
14.	Menulis refleksi aktiviti membaca yang dijalankan	1	2	3	
15.	Susulan aktiviti membaca yang sesuai	1	2	3	
16.	Melaksanakan penilaian berterusan terhadap pelibatan kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1.Lemah 2.Sederhana 3.Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Membaca

Standard Pembelajaran

7.3.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti membaca.

Refleksi aktiviti membaca yang dijalankan boleh dinyatakan dalam format di bawah. Berikut ialah contoh borang refleksi yang telah diisi oleh pendidik selepas aktiviti membaca:

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan kendiri
1	Pengasuh berjaya mencapai objektif pembelajaran dengan jayanya	Ketika aktiviti, suasana bising dan kurang terkawal	Saya perlu memberikan arahan yang jelas kepada kanak-kanak hingga akhir aktiviti supaya keadaan terkawal dan tertib
	Rumusan keseluruhan:	Aktiviti berjaya kerana pelibatan menyeluruh daripada kanak-kanak.	

Rumusan

Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal akan dapat membantu perkembangan kanak-kanak secara normal. Memahami kesediaan tahap pembacaan kanak-kanak dapat membantu tugas perkembangan ini dengan berkesan.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, lakukan pemerhatian ke atas kanak-kanak dari aspek kesediaan membaca. Bincangkan dapatan mengenai perbezaan kesediaan membaca dalam kalangan kanak-kanak.
2. Lakukan penilaian keberkesanan aktiviti membaca yang dijalankan oleh rakan anda di sebuah TASKA. Rakamkan pengajaran tersebut. Kemudian, bincangkan dapatan maklumat tersebut dan berikan cadangan penambahbaikan jika terdapat kelemahan.
3. Sediakan rakaman pelbagai bunyi untuk didengari dan ditiru oleh kanak-kanak.

LATIHAN

1. Jelaskan perbezaan prabacaan dan awal bacaan dalam kalangan kanak-kanak.
2. Huraikan tahap kesediaan membaca kanak-kanak di TASKA.
3. Huraikan keberkesanan aktiviti membaca dalam aspek persediaan sebelum, semasa dan selepas pengajaran.

7.4 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Menulis

Standard Pembelajaran

7.4.1 Menyatakan maksud pratulis dan awal tulisan.

7.4.2 Menyenaraikan aktiviti pratulis dan awal tulisan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal melalui menulis merupakan kemahiran asas yang penting sebelum kanak-kanak dapat menulis dengan baik. Penguasaan yang mantap dan kukuh dalam kemahiran pratulis dan awal tulis akan dapat membantu kanak-kanak berbahasa bersesuaian dengan perkembangan dan pertumbuhan mereka. Aktiviti pratulis dan awal tulisan yang dirancang dengan teratur dan berperingkat akan dapat memudahkan kanak-kanak menguasai kemahiran tersebut.

Maksud Pratulis dan Awal Tulisan

Pratulis adalah satu peringkat yang dialami oleh kanak-kanak dalam menyediakan diri mereka untuk mewujudkan lambang-lambang bunyi khusus yang telah diamalkan oleh masyarakat seperti huruf abjad, angka, simbol dan sebagainya.

Awal tulisan pula bermaksud peringkat atau tahap permulaan pembentukan huruf dalam kalangan kanak-kanak, sesuai dengan perkembangan literasi mereka.

Aktiviti Pratulis dan Awal Tulisan

Aktiviti pratulis dan awal tulisan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak boleh disenaraikan seperti berikut:

Aktiviti Pratulis

Menggenggam alat tulis



1 hingga 12 bulan

Menconteng

2 hingga 3 tahun

Membuat corak

3 hingga 4 tahun

Aktiviti Awal Tulisan

Menulis di udara

3 hingga 4 tahun

Menyambung titik-titik huruf



3 hingga 4 tahun

Menyalin huruf dari kad

3 hingga 4 tahun

Kesediaan Kemahiran Kanak-kanak dalam Pratulis dan Awal Tulisan

Standard Pembelajaran

7.4.3 Mengenal kesediaan kemahiran kanak-kanak dalam pratulis dan awal tulisan.

Pratulis

- Kesediaan otot yang sesuai untuk aktiviti contengan
- Koordinasi mata dan tangan



Kesediaan pratulis bagi kanak-kanak ialah:

- Kesediaan otot yang sesuai untuk aktiviti contengan
- Koordinasi mata dan tangan
- Kebolehan memegang alat tulis
- Telah terbiasa dengan sumber bahan bercetak

INFO TAMBAHAN

Mulakan aktiviti pratulis dengan menekankan kemahiran jari dan koordinasi mata, misalnya dengan menjalankan aktiviti menguatkan otot jari tangan seperti mengoyak kertas dan menguli tanah liat, doh dan sebagainya.

Awal Tulisan

- Mengenal huruf
- Biasa dengan sumber bahan bercetak



Kesediaan awal tulisan bagi kanak-kanak ialah:

- Berpengalaman pegang alat menulis dan melakar
- Menulis dengan betul
- Kemahiran meniru grafik, huruf atau simbol
- Keinginan terlibat dalam aktiviti menulis

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

7.4.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Menulis yang mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Kemahiran Pratulis				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Melalui Menulis				
Hasil Pembelajaran	Kanak-kanak boleh memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis				
Tarikh	24/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Koordinasi psikomotor halus dan kasar kanak-kanak berfungsi normal dalam aktiviti permainan bebas				
Bilangan Kanak-kanak	10 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang belajar				

Senarai Bahan dan Alat:
1. Pensel
2. Kertas A4
3. Pemadam

Langkah Pelaksanaan

Permulaan:
1. Kanak-kanak menulis secara bebas di udara.
2. Kanak-kanak dibahagikan sebatang pensel untuk aktiviti penulisan.
3. Kanak-kanak ditanya kegunaan pensel.

Perkembangan kandungan PdP:
4. Kanak-kanak diajar tunjukcara memegang pensel yang betul.
5. Setiap kanak-kanak dibimbing oleh pendidik memegang pensel yang betul.
6. Di dalam kelas, kanak-kanak menulis secara bebas di kertas yang disediakan.
7. Kemudian kanak-kanak diminta menulis di kertas A4 yang diberikan.
8. Pendidik membimbing pemegangan pensel yang betul ketika menulis.

Penutup:
9. Pendidik rumuskan cara pemegangan pensel yang betul.

Langkah kontingensi:
- Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.

Pengawasan:
1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas.
2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan.
3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi

Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**
Tarikh:	**Tarikh:**

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar serta Ruang yang Sesuai

Standard Pembelajaran

7.4.5 Menyediakan bahan bantu mengajar serta ruang yang sesuai.

Bahan bantu mengajar

- Pasir suci
- Salinan buku kerja pratulis dan awal tulisan
- Kertas sebak
- Sebekas air
- *Playdough*

Ruang pembelajaran

- Ruang aktiviti pembelajaran

Langkah penyediaan bahan bantu mengajar

1. Sediakan tepung gandum, air, garam, beberapa pewarna dan sedikit minyak.
2. Masukkan tepung dan garam. Kacau sehingga sebati.
3. Bahagikan adunan mengikut jumlah warna yang dimahukan.
4. Adun satu persatu bahagian dengan air dan pewarna.
5. Uli doh bersama sedikit minyak.
6. Simpan doh di dalam bekas kedap udara dan guna apabila diperlukan.

Gambar foto 7.4 Bahan bantu mengajar *playdough*

Pelaksanaan Aktiviti Pratulis dan Awal Tulisan

Standard Pembelajaran

7.4.6 Melaksanakan aktiviti pratulis dan awal tulisan berdasarkan perancangan.

Pelaksanaan aktiviti pratulis dan awal tulisan hendaklah mengikut perancangan sebelum, semasa dan selepas supaya mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan.

Pelaksanaan Aktiviti Pratulis

Sebelum	Semasa	Selepas
• Memilih aktiviti pratulis yang sesuai dengan tahap usia kanak-kanak. • Menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai. • Perancangan kaedah penyampaian yang memudahkan kefahaman. • Aktiviti pratulis yang dipilih sesuai dengan objektif pengajaran. • Ruang pembelajaran yang selesa dan selamat.	• Menyampaikan penerangan yang jelas. • Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik. • Membimbing kanak-kanak dalam aktiviti yang dijalankan. • Memberikan dorongan dan peneguhan. • Menunjukkan simulasi dan contoh dalam aktiviti menulis yang dijalankan.	• Membuat pengukuhan dan aktiviti susulan jika perlu. • Merumuskan aktiviti pratulis yang telah dilakukan. • Merekodkan pencapaian kanak-kanak dalam rekod pentaksiran. • Menyimpan bahan bantu mengajar selepas aktiviti pratulis. • Membersihkan ruang aktiviti pratulis.

Pelaksanaan Aktiviti Awal Tulisan

Sebelum	Semasa	Selepas
• Pemilihan aktiviti awal tulisan yang sesuai dengan usia kanak-kanak. • Penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik. • Perancangan kaedah penyampaian yang berperingkat. • Aktiviti awal tulisan yang dipilih sesuai dengan objektif pengajaran. • Ruang pembelajaran yang selesa dan selamat.	• Menyampaikan penerangan aktiviti awal tulisan yang jelas. • Penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik. • Membimbing kanak-kanak dalam aktiviti awal tulisan yang dijalankan. • Memberikan dorongan dan peneguhan. • Menunjukkan simulasi dan contoh dalam aktiviti menulis yang dijalankan.	• Membuat pengukuhan dan aktiviti awal tulisan susulan jika perlu. • Merumuskan aktiviti awal tulisan yang telah dilakukan. • Merekodkan pencapaian kanak-kanak dalam rekod pentaksiran. • Menyimpan bahan bantu mengajar selepas aktiviti awal tulisan. • Membersihkan ruang aktiviti awal tulisan.

Penilaian Keberkesanan Aktiviti Pratulis dan Awal Tulisan dan Cadangan Penambahbaikan

Standard Pembelajaran

7.4.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti dalam aspek:
(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas
(i) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar

7.4.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Kanak-kanak terlibat secara aktif dalam aktiviti menulis yang dirancang dan dilaksanakan oleh pengasuh. Penggunaan bahan bantu mengajar yang besar dan dapat dilihat oleh semua kanak-kanak memudahkan lagi kefahaman kanak-kanak dan dibuktikan dalam aktiviti yang dijalankan. Namun pemilihan ruang yang sempit dan panas di dalam bilik darjah mengurangkan keselesaan kanak-kanak ketika menjalankan aktiviti.
1.	Persediaan sebelum aktiviti pratulis dan awal tulisan dirancang dengan teliti	1	2	3	
2.	Aktiviti menulis sesuai dengan kanak-kanak	1	2	3	
3.	Sumber dan bahan bantu mengajar dalam aktiviti menulis dirancang sesuai dan mencukupi	1	2	3	
4.	Kaedah dan teknik menulis yang diamalkan menarik	1	2	3	
5.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
6.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran dan selamat	1	2	3	
7.	Menjelaskan kepada kanak-kanak peraturan dalam aktiviti menulis yang dirancang	1	2	3	
Semasa					
8.	Ruang aktiviti menulis yang sesuai	1	2	3	
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk mengikuti aktiviti menulis	1	2	3	
10.	Memberikan penerangan yang jelas pada setiap aktiviti menulis	1	2	3	
11.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak	1	2	3	
12.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
13.	Pelibatan kanak-kanak aktif	1	2	3	
Selepas					
14.	Menulis refleksi aktiviti menulis yang dijalankan	1	2	3	
15.	Susulan aktiviti menulis yang sesuai	1	2	3	
16.	Melaksanakan penilaian berterusan terhadap pelibatan kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1.Lemah 2.Sederhana 3.Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Menulis

Standard Pembelajaran

7.4.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti menulis.

Jadual 7.5 Borang refleksi pelaksanaan aktiviti menulis

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak berminat dengan aktiviti yang dilakukan	Minat tersebut tidak bertahan lama	Nyanyian pendidik bersama kanak-kanak dilakukan berselang-seli
2.	Kanak-kanak berjaya memegang pensel dengan bimbingan	Pensel yang tidak mencukupi, menyebabkan bimbingan tidak dapat dilakukan menyeluruh	Sediakan peralatan yang cukup dan berfungsi
	Rumusan keseluruhan:	Pengajaran berjalan dengan baik dan boleh diaktifkan lagi dengan pengunaan bahan bantu mengajar secara maksimum.	

Rumusan

Perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal melalui kemahiran menulis memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang teliti bagi memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Aspek definisi, aktiviti yang sesuai, kesediaan kanak-kanak, perancangan pelaksanaan, penyediaan bahan bantu mengajar, pelaksanaan pengajaran, penilaian keberkesanan dan refleksi perlu diambil kira bagi mendapatkan hasil pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

AKTIVITI

1. Rancang pelaksanaan aktiviti pratulis yang menggunakan krayon sebagai bahan utama.
2. Tonton satu klip video pengajaran bahasa di sebuah TASKA. Gunakan borang keberkesanan penilaian aktiviti awal tulisan sebagai asas perbincangan refleksi di dalam kelas tentang pengajaran guru dalam video yang ditonton.
3. Secara berkumpulan, bincangkan kesediaan kanak-kanak dalam kemahiran pratulis.

LATIHAN

1. Nyatakan maksud pratulis dan awal tulisan.
2. Bagaimanakah anda menjalankan aktiviti awal tulisan dengan berkesan?
3. Cikgu Farhana ditukarkan di sebuah TASKA di kawasan pedalaman kerana mengikut suaminya yang bekerja di sebuah agensi nelayan di situ. Kebanyakan kanak-kanak adalah terdiri daripada keluarga nelayan. Terdapat 10 orang kanak-kanak berusia 4 tahun di TASKA tersebut. Cikgu Farhana ingin mengajar aktiviti pratulis.

   Berdasarkan pernyataan, bincangkan langkah pengajaran yang sesuai digunakan oleh Cikgu Farhana bagi melaksanakan aktiviti pratulis tersebut.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	☹
Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.			
Menerangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.			
Berkomunikasi dengan jelas dalam bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.			
Menyatakan kepentingan aktiviti bercerita terhadap perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.			
Menerangkan konsep cerita kanak-kanak dalam aspek: i) Jenis ii) Ciri-ciri iii) Teknik iv) Kaedah			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Bercerita yang mengikut format.			
Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.			
Melaksanakan aktiviti bercerita berdasarkan perancangan.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti bercerita dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar iii) Kesesuaian penggunaan teknik dan kaedah bercerita			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti membaca.			
Menyatakan maksud prabacaan dan awal bacaan.			
Mengenal tahap kesediaan membaca kanak-kanak.			
Menerangkan faktor yang mempengaruhi kesediaan membaca kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Membaca yang mengikut format.			
Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.			
Melaksanakan aktiviti prabacaan dan awal bacaan berdasarkan perancangan.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti membaca dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti membaca.			
Menyatakan maksud pratulis dan awal tulisan.			
Menyenaraikan aktiviti pratulis dan awal tulisan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.			
Mengenal kesediaan kemahiran kanak-kanak dalam pratulis dan awal tulisan.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Menulis yang mengikut format.			





ASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Tingkatan 5

Modul 8 : Perkembangan Fizikal

Modul 9 : Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik

Modul 10: Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran

Modul 11 : Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif

Modul 12 : Pengurusan dan Pentadbiran TASKA

Modul 13 : Keusahawanan dan Program Kerjaya

MODUL 8 PERKEMBANGAN FIZIKAL

Standard Kandungan

8.1 Pengenalan kepada Perkembangan Fizikal Bayi dan Kanak-kanak

8.2 Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Fizikal

8.3 Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Manipulatif

Pengenalan

Perkhidmatan awal kanak-kanak adalah mengikut peringkat umur bayi. Di Malaysia, kategori umur lahir hingga empat tahun adalah kategori Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), manakala empat hingga enam tahun adalah kategori Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA). Dua perkhidmatan ini berbeza dari segi peruntukan perundangan, kategori umur, objektif penubuhan serta kemudahan prasarana mengikut kesesuaian umur kanak-kanak. Empat agensi bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan ini, iaitu Kementerian Pendidikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pertubuhan Perlindungan Kanak-kanak Malaysia (PPKM), TADIKA dan TASKA swasta. Kepentingan pendidikan awal yang berkualiti sangat penting dan perlu menjadi sasaran utama kelangsungannya kerana pendidikan bermula pada peringkat awal kanak-kanak. Anak-anak mencerminkan pemimpin akan datang.

8.1 Pengenalan kepada Perkembangan Fizikal Bayi dan Kanak-kanak

Bayi dan kanak-kanak berkembang menerusi beberapa aspek yang saling berhubung kait antara satu sama lain iaitu perkembangan fizikal, kognitif, emosi, rohani dan sosial. Perkembangan fizikal didefinisikan sebagai suatu proses yang dialami oleh kanak-kanak yang melibatkan perubahan dari segi perkembangan kemahiran psikomotor dan memerlukan pelibatan penggunaan anggota badan kanak-kanak terbabit.

Standard Pembelajaran

8.1.1 Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan fizikal bayi dan kanak-kanak.

Faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Fizikal Bayi dan Kanak-kanak



Rajah 8.1 Faktor yang mempengaruhi perkembangan fizikal bayi dan kanak-kanak

Maksud Kemahiran Motor Kasar dan Motor Halus

Standard Pembelajaran

8.1.2 Menjelaskan maksud:
(i) Kemahiran Motor Kasar
(ii) Kemahiran Motor Halus

8.1.3 Mengukur ketinggian serta berat badan kanak-kanak pada peringkat umur 1 hingga 4 tahun dan merekodkan data diperoleh.

Kemahiran Motor Kasar

Kemahiran motor kasar adalah kemahiran yang melibatkan pergerakan yang besar seperti gerakan anggota tangan, lengan, kaki atau keseluruhan bahagian badan. Kemahiran motor kasar adalah satu kemahiran yang membantu seseorang individu untuk bergerak di sekelilingnya. Contohnya, merangkak, berdiri dan berjalan (Noramy, 2019).

Kemahiran Motor Halus

Motor halus merujuk kepada kemahiran yang melibatkan pengawalan otot-otot kecil pada tangan, pergelangan tangan, jari-jari tangan, kaki, jari-jari kaki, bibir dan lidah. Selain itu, juga melibatkan gabungan koordinasi pergerakan otot-otot kecil dengan organ-organ deria. Contohnya pergerakan otot di jari-jari tangan dengan mata (Noramy, 2019).

Mengukur Ketinggian dan Berat Kanak-kanak

Jadual 8.1 Rekod berat dan ketinggian kanak-kanak

REKOD BERAT DAN KETINGGIAN KANAK-KANAK

Tarikh:
Hari:
Masa:

Bil	Nama	Umur	Berat (kg)	Tinggi (cm)	Ulasan

Menganalisis Data Perkembangan Fizikal Kanak-kanak

Data ketinggian berat dan ketinggian kanak-kanak dianalisis dengan menggunakan rekod yang telah dicatat. Analisis boleh ditunjukkan dengan menggunakan:

Carta pai

Graf bar


Carta alir

Standard Pembelajaran

8.1.4 Menganalisis data berdasarkan aspek perkembangan fizikal kanak-kanak.

8.1.5 Menyediakan laporan perkembangan fizikal kanak-kanak berdasarkan analisis yang dilaksanakan.

LAPORAN PERKEMBANGAN FIZIKAL KANAK-KANAK

NAMA: SAYYID MUHAMMAD THAQIF BIN SHAIFFUL AKMAL
UMUR : 3 TAHUN
TAHUN : 2020

REKOD BERAT KANAK-KANAK (kg)

JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
9	10	10	11	11	12	12	13	14	14	15	16

REKOD TINGGI KANAK-KANAK (cm)

JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
73	73	74	74	75	76	77	78	78	79	79	80



Ulasan/catatan pendidik:

.....

Tandatangan pendidik

Tarikh: .....

.....

Tandatangan ibu bapa

Tarikh: .....

Rajah 8.2 Laporan perkembangan fizikal kanak-kanak

Rumusan

Perkembangan fizikal saling berkait antara tumbesaran tubuh badan dengan perkembangan otak kanak-kanak. Perkembangan fizikal ini juga mempunyai tahap-tahap perkembangan tertentu yang menunjukkan peningkatan perkembangan seseorang kanak-kanak dalam tempoh mencapai umur dewasa. Oleh itu, kita akan didedahkan mengenai proses tumbesaran kanak-kanak dan kita juga dapat mengetahui pelbagai perlakuan kanak-kanak mengikut peningkatan dan tahap umur mereka dari masa ke masa.

AKTIVITI

1. Anda diminta membuat lawatan ke TASKA berdekatan. Lakukan aktiviti *hands-on*, mengukur dan merekod ketinggian dan berat badan kanak-kanak pada peringkat umur 1 hingga 4 tahun.

   (a) Sediakan analisis data berdasarkan aspek perkembangan fizikal kanak-kanak yang diperoleh hasil lawatan tersebut.

   (b) Bentangkan analisis data perkembangan fizikal kanak-kanak dengan menggunakan kaedah TMK atau kaedah lain yang sesuai.

LATIHAN

1. Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan fizikal bayi dan kanak-kanak.

2. Senaraikan aktiviti dan bahan yang boleh digunakan untuk perkembangan motor kasar dan motor halus oleh bayi dan kanak-kanak dalam perkembangan fizikal. Lengkapkan jadual di bawah:

Umur	Motor Kasar		Motor Halus	
	Contoh Aktiviti	Bahan/alatan	Contoh Aktiviti	Bahan/alatan
0 hingga 12 bulan				
1 hingga 2 tahun				
3 hingga 4 tahun				

8.2 Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Fizikal

Perkembangan fizikal kanak-kanak dapat dipupuk melalui permainan fizikal. Pada peringkat bayi dan kanak-kanak permainan fizikal amat digalakkan untuk membantu perkembangan fizikal mereka. Permainan yang melibatkan pergerakan fizikal seperti lompat dan berlari dapat merangsang dan memperkukuh kemahiran motor kasar kanak-kanak. Kelemahan penguasaan kemahiran fizikal sedikit sebanyak mengganggu perkembangan bayi dan kanak-kanak tersebut.

Standard Pembelajaran

8.2.1 Menyatakan maksud permainan fizikal dan kemahiran motor kasar.

8.2.2 Menyenaraikan aktiviti motor kasar mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Maksud Permainan Fizikal dan Kemahiran Motor Kasar

Permainan fizikal bermaksud sebarang permainan yang memerlukan pergerakan aktif anggota badan dan melibatkan penggunaan kemahiran motor kasar (Ismail, 2018).

Kemahiran motor kasar adalah kebolehan yang diperlukan bagi mengawal otot-otot besar di badan kita yang digunakan untuk berjalan, berlari, merangkak dan aktiviti-aktiviti lain. Kemahiran motor kasar berkembang dalam tempoh yang singkat dan kebanyakan kemahiran motor kasar ini berkembang semasa masih kanak-kanak (Singh, 2018).

Senarai Aktiviti Motor Kasar Mengikut Peringkat Umur Kanak-kanak

Jadual 8.2 Senarai aktiviti motor kasar mengikut peringkat umur kanak-kanak

Umur	Jenis Aktiviti	
0 hingga 1 tahun	• Memusingkan kepala kanan ke kiri • Meniarap • Bayi akan mengangkat kepala dan bahu sebelum mereka boleh duduk, berdiri dan berjalan • Merangkak	
1 hingga 2 tahun	• Berlari • Menaiki tangga • Menendang bola • Melompat menggunakan dua atau sebelah kaki • Berjalan tanpa melihat kaki	
2 hingga 4 tahun	• Melompat ke hadapan dan ke belakang • Memanjat • Berbasikal • Berjalan • Melontar dan menyambut bola • Membaling pundi kacang ke arah sasaran	

Kepentingan Aktiviti Motor Kasar terhadap Perkembangan Fizikal Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

8.2.3 Menerangkan kepentingan aktiviti motor kasar terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak.

8.2.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.

Berikut adalah kepentingan aktiviti motor kasar terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak:

- Membantu pertumbuhan tubuh badan menjadi sihat
- Membantu meningkatkan daya kecergasan kanak-kanak
- Memupuk kesejahteraan hidup dan kesedaran tentang gaya hidup yang sihat
- Membantu membina koordinasi mata-tangan, mata-kaki dan tangan-kaki
- Meningkatkan keupayaan pergerakan kanak-kanak

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Menjalankan Aktiviti Motor Kasar (Membaling bola)				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Fizikal				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak dapat memahami arahan 2. Kanak-kanak dapat membaling bola ke arah sasaran dengan bimbingan				
Tarikh	3/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak pernah melakukan aktiviti balingan				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti fizikal				

Senarai Bahan dan Alat:

1. Bola
2. Bakul
3. Gelung rotan

Langkah Pelaksanaan

Permulaan:

1. Kanak-kanak duduk di ruang perbualan pagi di dalam bulatan.
2. Pendidik menerangkan mengenai aktiviti yang akan dijalankan.
3. Pendidik bersoal jawab dengan kanak-kanak mengenai bahan-bahan yang ada disekeliling mereka.
4. Pendidik membuat senaman ringan bersama kanak-kanak sebelum memulakan aktiviti.

Perkembangan kandungan PdP:

5. Pendidik menerangkan kepada kanak-kanak mengenai aktiviti membaling bola yang akan dijalankan.
6. Pendidik mengajar kanak-kanak cara balingan yang betul secara ansur maju.
7. Pendidik meletakkan sebuah bakul, kanak-kanak dikehendaki membaling bola ke arah bakul tersebut. Kanak-kanak berdiri di dalam gelung rotan dan membaling bola ke dalam bakul.
8. Semua kanak-kanak mencuba aktiviti membaling bola ke dalam bakul.
9. Pendidik memberi semangat dan dorongan kepada kanak-kanak.

Penutup:

10. Pada akhir aktiviti, pendidik mengadakan pertandingan antara kanak-kanak.
11. Kanak-kanak disediakan beberapa biji bola berlainan warna dan mereka dikehendaki membaling bola tersebut mengikut warna bakul.
12. Kanak-kanak yang dapat membuat balingan bola paling banyak mengikut warna bakul dikira pemenang.
13. Pendidik mengucapkan tahniah kepada pemenang dan berterima kasih kepada semua kanak-kanak.

Langkah kontingensi:

Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.

Pengawasan:

1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti membaling bola dijalankan di tempat yang bersih dan kemas.
2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan alatan untuk aktiviti motor kasar serta ruang yang digunakan selamat untuk kanak-kanak.
3. Kesihatan: pendidik perlu memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia untuk melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi

Tandatangan Murid: **Pengesahan Guru:**

Tarikh: ..... **Tarikh:** .....

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai contoh aktiviti melalui permainan fizikal.

Peralatan dan Ruang untuk Aktiviti Motor Kasar

Standard Pembelajaran

8.2.5 Menyediakan peralatan dan ruang yang sesuai untuk aktiviti motor kasar.

8.2.6 Melaksanakan aktiviti motor kasar bersama-sama kanak-kanak berdasarkan perancangan.



Gelung rotan ➡ Ruang aktiviti

Buaian ➡ Ruang permainan

Tali skip ➡ Ruang parkir

Bola ➡ Padang

Basikal ➡ Laluan berbasikal dalam kawasan TASKA

Trampolin ➡ Ruang permainan

Gelongsor ➡ Padang permainan

Gambar foto 8.1 Peralatan dan ruang aktiviti motor kasar

Pelaksanaan Aktiviti Motor Kasar

Antara pelaksanaan yang murid boleh lakukan ialah:

- Memilih topik yang bersesuaian mengikut peringkat umur kanak-kanak
- Menyediakan RPA dan bahan pembelajaran sesuai untuk kanak-kanak
- Memastikan bahan pembelajaran mencukupi
- Mengatur masa dengan sebaik mungkin di setiap aktiviti bersama kanak-kanak
- Menetapkan peraturan yang sesuai dengan aktiviti belajar
- Memberikan pujian kepada kanak-kanak jika berjaya menyelesaikan masalah
- Membuat pentaksiran berkala
- Mencatat refleksi akhir setiap aktiviti yang dilaksanakan

Penilaian Keberkesanan Aktiviti Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Fizikal

Standard Pembelajaran

8.2.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti motor kasar dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

8.2.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh cadangan penambahbaikan Pemilihan aktiviti dan penyediaan bahan bantu aktiviti perlu mengambil kira tahap umur dan pendedahan kanak-kanak yang terlibat. Pendidik juga perlu bijak dalam merancang aktiviti dan memilih bahan bantu yang sesuai serta selamat untuk kanak-kanak.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran yang selamat	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi aktiviti dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan penilaian sambutan setiap kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Rumusan

Perkembangan fizikal melalui permainan amat penting kepada kanak-kanak. Hal ini kerana belajar sambil bermain bagi kanak-kanak akan dapat membantu mereka berkembang dari segi emosi, fizikal, dan sosial. Kanak-kanak menggerakkan motor kasar dan motor halus secara tidak langsung semasa bermain. Permainan biasanya melibatkan aktiviti fizikal yang berhubung rapat dengan perkembangan kanak-kanak dari aspek motor kasar dan motor halus serta pergerakan badan mereka. Oleh itu, kanak-kanak seharusnya diberi peluang dan hak untuk bermain bagi memenuhi keperluan mereka. Sebagai pendidik, kita perlu memilih atau menyediakan aktiviti permainan untuk perkembangan fizikal kanak-kanak.

AKTIVITI

1. Anda ingin mengadakan aktiviti permainan fizikal untuk kanak-kanak berumur 3 hingga 4 tahun. Bahagikan kepada beberapa kumpulan dan sediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) permainan fizikal (motor kasar). Laksanakan aktiviti secara simulasi.
   - Persediaan sebelum, semasa dan selepas
   - Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan
   - Nilai keberkesanan aktiviti berdasarkan contoh borang penilaian
   - Catatkan cadangan penambahbaikan untuk aktiviti ini
2. Menonton klip video berkaitan aktiviti fizikal. Nilaikan aktiviti tersebut: PAK 21
   - Nilai keberkesanan aktiviti berdasarkan contoh borang penilaian
   - Catatkan cadangan penambahbaikan untuk aktiviti ini
   - Bentangkan penilaian
3. Reka satu permainan fizikal yang kreatif dan inovatif untuk kanak-kanak dan pamerkan untuk ulasan guru dan rakan sebaya.

LATIHAN

1. TASKA Si Manjaku ingin mengadakan sukaneka tahunan untuk kanak-kanak. Anda ditugaskan untuk merancang aktiviti sukaneka untuk kanak-kanak mengikut umur. Lengkapkan jadual di bawah:

No	Nama acara	Umur kanak-kanak	Bahan/alatan	Langkah-langkah aktiviti

2. Nyatakan langkah keselamatan sebelum, semasa dan selepas acara sukaneka dijalankan.
3. Berikan dua kebaikan sukaneka kepada kanak-kanak.

8.3 Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Manipulatif

Permainan manipulatif merupakan salah satu kaedah yang berkesan dalam membantu perkembangan fizikal kanak-kanak. Permainan ini merupakan aktiviti permainan yang berhubungan dengan asas perkembangan anak-anak pada usia kecil. Permainan manipulatif penting dalam merangsang dan mengukuhkan perkembangan motor halus kanak-kanak.

Standard Pembelajaran

8.3.1 Menyatakan maksud permainan manipulatif dan kaitannya dengan kemahiran motor halus.

8.3.2 Menyenaraikan aktiviti motor halus yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Permainan Manipulatif dan Kemahiran Motor Halus

Permainan Manipulatif

Permainan manipulatif adalah satu bentuk pengendalian permainan pembelajaran yang memerlukan kanak-kanak untuk membina atau membentuk sesuatu dengan menyambung bahagian tertentu permainan tersebut. Permainan ini membantu kanak-kanak untuk membina kemahiran motor halusnya terutama koordinasi tangan, otak dan mata kanak-kanak (Mirawati, 2017).

Kemahiran Motor Halus

Kemahiran motor halus adalah kemahiran yang melibatkan pengawalan otot-otot kecil pada tangan, pergelangan tangan, jari-jari tangan, kaki, jari kaki, bibir dan lidah. Motor halus juga melibatkan koordinasi pergerakan otot kecil dan organ deria seperti pergerakan pada jari tangan dan koordinasinya dengan mata (Puteh, 2016).

Aktiviti Motor Halus Mengikut Peringkat Umur Kanak-kanak

Jadual 8.3 Senarai untuk aktiviti motor halus mengikut peringkat umur kanak-kanak

Umur	Jenis Aktiviti
0 hingga 1 tahun	• Main alas *play mate* • Main *soft toys* • Mainan genggaman (*rattle*) • Permainan *mobile*
1 hingga 2 tahun	• Main *soft toys* • Main susun blok • Main *puzzle* • Main *zipper board* • Menconteng kertas • Main pasir
3 hingga 4 tahun	• Mengutip objek • Menyusun blok secara menegak • Membuka tali kasut • Makan menggunakan sudu • Menuang air ke dalam bekas

Kepentingan Aktiviti Motor Halus terhadap Perkembangan Fizikal Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

8.3.3 Menerangkan kepentingan aktiviti motor halus terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak.

Rajah 8.3 Kepentingan aktiviti motor halus terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR ini untuk mendapatkan contoh aktiviti permainan manipulatif dan kemahiran motor halus.

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

8.3.4 Menyediakan rancangan pelaksanaan aktiviti mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Menjalankan Aktiviti Motor Halus (Memasukkan tali ke dalam butang)				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Fizikal Melalui Permainan Manipulatif				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak dapat memahami arahan 2. Kanak-kanak dapat memasukkan tali ke dalam butang dengan bimbingan				
Tarikh	10/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak sudah boleh memegang tali dan butang.				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti fizikal				

Senarai Bahan dan Alat:
1. Tali yang sesuai untuk kanak-kanak
2. Butang warna-warni
3. Bekas atau kotak untuk menyimpan

Langkah Pelaksanaan

Permulaan:
1. Pendidik membawa kanak-kanak ke ruang aktiviti.
2. Pendidik memperkenalkan diri kepada kanak-kanak.
3. Pendidik menunjukkan dan memperkenalkan bahan-bahan aktiviti memasukkan tali ke dalam butang dan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memegang dan merasa struktur benang tersebut.

Perkembangan kandungan PdP:
4. Pendidik menunjukkan cara-cara untuk memasukkan tali ke dalam lubang butang.
5. Pendidik memberi peluang pada kanak-kanak mencuba memasukkan tali ke dalam butang dahulu sebelum melakukan aktiviti tersebut.
6. Pendidik menggalakkan kanak-kanak untuk berkongsi peralatan dengan kawan-kawan.
7. Pendidik menggalakkan kanak-kanak untuk membantu antara satu sama lain.
8. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang berjaya dan memberi sokongan kepada yang masih mencuba.

Penutup:
9. Pendidik mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak kerana berjaya mengikut aktiviti pada hari ini.
10. Pendidik bertanya kepada kanak-kanak perasaan mereka setelah tamat melakukan aktiviti tersebut.
11. Setiap kanak-kanak diberikan stiker yang bertulis *VERY GOOD.*

Langkah kontingensi:

Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.

Pengawasan:
1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat untuk menjalankan aktiviti memasukkan tali ke dalam butang adalah bersih untuk kanak-kanak.
2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang untuk aktiviti memasukkan tali ke dalam butang adalah selamat untuk kanak-kanak.
3. Kesihatan: pendidik perlu memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi

Tandatangan Murid: **Pengesahan Guru:**

Tarikh: ..... **Tarikh:** .....

Bahan dan Alat Bantu Mengajar serta Ruang untuk Aktiviti Permainan Manipulatif

Standard Pembelajaran

8.3.5 Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar serta ruang yang sesuai.

Doh ➡ Ruang aktiviti

Tali kasut ➡ Ruang aktiviti

Manik dan benang
➡ Ruang aktiviti

Kertas warna
➡ Ruang aktiviti

Pasir
➡ Ruang padang luar TASKA

Pelaksanaan Aktiviti Motor Halus

Standard Pembelajaran

8.3.6 Melaksanakan aktiviti motor halus bersama-sama kanak-kanak berdasarkan perancangan.

Sebelum

- Rancang pelaksanaan aktiviti motor halus menggunakan format borang yang disediakan untuk rujukan dan panduan. Isi semua maklumat yang telah disenaraikan.
- Pilih aktiviti yang sesuai dengan tajuk yang dirancang dalam rancangan tahunan. Aktiviti yang dipilih juga perlu mengikut umur kanak-kanak.

Semasa

- Set induksi yang menarik akan dapat mendorong kanak-kanak memberikan perhatian kepada aktiviti yang dijalankan. Misalnya, pendidik memberikan semua kanak-kanak memegang butang tali yang digunakan.
- Kanak-kanak diberikan pilihan untuk memilih warna yang mereka sukai.
- Pendidik menerangkan dengan jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.
- Pendidik menunjuk cara aktiviti memasukkan tali ke dalam butang yang dijalankan.
- Kanak-kanak dibimbing oleh pendidik untuk memasukkan tali ke dalam butang.
- Kanak-kanak digalakkan untuk berkongsi dan membantu antara satu sama lain.
- Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang berjaya.
- Kanak-kanak yang tidak berjaya akan dibimbing dan dibantu sehingga berjaya.

Selepas

- Kanak-kanak akan diberi peneguhan seperti stiker *GOOD* atas kejayaan memasukkan tali ke dalam butang.
- Kanak-kanak juga diberikan peluang untuk menceritakan perasaan selepas menjalankan aktiviti.
- Kanak-kanak diminta untuk sama-sama mengemas semula bahan dan alatan yang digunakan selepas aktiviti.

Borang Penilaian Keberkesanan Aktiviti dan Cadangan Penambahbaikan Aktiviti

Standard Pembelajaran

8.3.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti motor halus dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

8.3.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh cadangan penambahbaikan Pendidik memastikan tunjuk cara bagi memasukkan tali ke dalam lubang butang dilakukan secara individu. Hal ini bagi memastikan kanak-kanak terlibat dapat memahami kemahiran yang perlu dikuasai.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran yang selamat	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Sentiasa membimbing dan memberi dorongan kepada kanak-kanak	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi aktiviti dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan penilaian berterusan terhadap sambutan setiap kanak-kanak	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Permainan Manipulatif

Standard Pembelajaran

8.3.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti permainan manipulatif.

Jadual 8.6 Contoh refleksi pelaksanaan aktiviti permainan manipulatif

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak berminat kerana aktiviti *hands-on*. Aktiviti menggunakan bahan sebenar	Kebarangkalian butang-butang tercicir jika kanak-kanak tidak dibimbing untuk aktiviti memasukkan tali ke dalam lubang butang	Penyediaan butang yang pelbagai warna dan bentuk boleh menjadi tarikan yang menarik
	Rumusan keseluruhan :	Pengasuh perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah yang timbul tidak berulang lagi.	

Rumusan

Perkembangan kemahiran manipulatif kanak-kanak bermula sejak mereka dilahirkan dan seiring dengan perkembangan motor halus dan juga motor kasar. Perkembangan fizikal kanak-kanak melalui permainan manipulatif melibatkan penguasaan koordinasi mata dan tangan kanak-kanak. Hal ini amat penting untuk perkembangan kanak-kanak dan juga membantu kanak-kanak berinteraksi dengan persekitaran dan mereka dapat meneroka sesuatu yang baru dalam pembelajaran seharian mereka.

8

AKTIVITI

1. Anda diminta menghasilkan alat permainan manipulatif untuk kanak-kanak berumur 3 hingga 4 tahun. Bahagikan kepada beberapa kumpulan dan sediakan rancangan menghasilkan bahan tersebut (RPA) berpandukan maklumat berikut:
   - Nama bahan bantu
   - Bahan dan alatan
   - Langkah-langkah
   - Keistimewaan
2. Ciptakan poster untuk mempromosi permainan yang dihasilkan.
3. Dalam kumpulan, jalankan simulasi menunjuk cara dan membimbing kanak-kanak untuk melakukan kemahiran koordinasi mata dan tangan seperti:
   - Menuang air ke dalam bekas
   - Memasang butang baju
   - Membuat kolaj
   - Memasukkan tali ke dalam butang

LATIHAN

1. Anda dikehendaki menjalankan aktiviti menghasilkan doh bersama kanak-kanak. Sediakan lakaran gambar rajah langkah-langkah menghasilkan doh. Lakaran tersebut perlulah mengandungi maklumat berikut:
   - Tajuk
   - Bahan dan alatan
   - Langkah-langkah penyediaan

   (a) Berikan dua kebaikan permainan doh kepada kanak-kanak.

   (b) Senaraikan lima aktiviti lain yang sesuai untuk permainan manipulatif kepada kanak-kanak selain daripada bermain doh.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan fizikal bayi dan kanak-kanak.			
Menjelaskan maksud: i) Kemahiran Motor Kasar ii) Kemahiran Motor Halus			
Mengukur ketinggian serta berat badan kanak-kanak pada peringkat umur 1 hingga 4 tahun dan merekodkan data diperoleh.			
Menganalisis data berdasarkan aspek perkembangan fizikal kanak-kanak.			
Menyediakan laporan perkembangan fizikal kanak-kanak berdasarkan analisis yang dilaksanakan.			
Menyatakan maksud permainan fizikal dan kaitannya dengan kemahiran motor kasar.			
Menyenaraikan aktiviti motor kasar yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti motor kasar terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.			
Menyediakan peralatan dan ruang yang sesuai untuk aktiviti motor kasar.			
Melaksanakan aktiviti motor kasar bersama-sama kanak-kanak berdasarkan perancangan.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti motor kasar dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti permainan fizikal.			
Menyatakan maksud permainan manipulatif dan kaitannya dengan kemahiran motor halus.			
Menyenaraikan aktiviti motor halus yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti motor halus terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.			
Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar serta ruang yang sesuai.			
Melaksanakan aktiviti motor halus bersama-sama kanak-kanak berdasarkan perancangan.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti motor halus dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti permainan manipulatif.			

8

MODUL 9

PERKEMBANGAN AWAL MATEMATIK DAN PEMIKIRAN LOGIK

Standard Kandungan

9.1 Pengenalan kepada Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik

9.2 Awal Matematik

9.3 Pemikiran Logik

Pengenalan

Kanak-kanak belajar melalui persekitaran yang kaya dengan pelbagai konsep awal matematik. Konsep awal matematik, seperti besar-kecil, tinggi-rendah, laju-perlahan, sangat membantu kanak-kanak mempelajari kemahiran awal matematik dan pemikiran logik.

9.1 Pengenalan kepada Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik

Definisi Awal Matematik dan Pemikiran Logik

Standard Pembelajaran

9.1.1 Menyatakan maksud awal matematik dan pemikiran logik.

Maksud Awal Matematik

- Bagi kanak-kanak kecil, konsep awal matematik adalah pemahaman tentang bentuk, kuantiti, ruang, dimensi atau kedudukan, corak, masa, awal nombor, perwakilan nombor dan operasi nombor.
- Awal matematik sangat penting untuk membina asas pemikiran matematik dan logik.

Kemahiran awal matematik merangkumi konsep-konsep asas seperti:

- Bentuk (*Shapes*) dan Ruang
- Kedudukan (*Space and Position*)
- Saiz, Susunan, Seriasi (*Seriation*), *One-To-One Correspondence*
- Ukuran
- Kuantiti
- Awal Nombor
- Operasi Nombor, Jarak dan Masa

Maksud Pemikiran Logik

- Pemikiran logik adalah pemikiran yang berasaskan penaakulan (*reasoning*).
- Kemahiran untuk berfikir secara logik, menggunakan maklumat dan memberi sebab dan akibat.
- Membolehkan kanak-kanak memahami dunia persekitarannya dan menyelesaikan masalah.
- Kanak-kanak mengalami proses berfikir yang berasaskan penaakulan iaitu memberi sebab atau alasan kepada sesuatu perkara atau memikirkan kesan atau akibat sesuatu perkara.

Faktor Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

9.1.2 Menjelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak.

Persekitaran

Ibu bapa dan pendidik sangat berperanan dalam menyediakan persekitaran yang mencabar untuk kanak-kanak belajar tentang konsep awal matematik dan pemikiran logik

Asuhan Keluarga

Keluarga yang mempunyai pengetahuan berkaitan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak sangat memberi kesan kepada kemajuan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik

Komunikasi

Pendidik perlu memberi maklum balas dan jawapan bagi setiap pertanyaan kanak-kanak secara rasional dan berhemah

Permainan dan Peraturan

Kanak-kanak belajar melalui bermain. Permainan mendedahkan pelbagai konsep awal matematik dan pemikiran logik secara tidak langsung

Deria Awal

Kanak-kanak belajar melalui pancaindera. Pembelajaran akan lebih berkesan jika pancaindera digunakan secara menyeluruh dan maksimum

Rajah 9.1 Faktor perkembangan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak

Kaedah Menggalakkan Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik

- Mewujudkan persekitaran yang mesra matematik
- Mengajar menggunakan pengalaman sebenar kanak-kanak
- Belajar melalui bermain (*puzzle*, permainan blok dan belon air)
- Menggunakan gajet untuk mempamerkan permainan interaktif dan video
- Memberikan pujian atau motivasi apabila kanak-kanak memberikan jawapan yang betul
- Memberikan respons positif kepada pertanyaan kanak-kanak
- Bermain permainan berpusatkan matematik dan kanak-kanak

Standard Pembelajaran

9.1.3 Menerangkan kaedah untuk menggalakkan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.

9.1.4 Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang kreatif atau inovatif untuk aktiviti awal matematik dan pemikiran logik.

Bahan dan Alat Bantu Mengajar Aktiviti Awal Matematik dan Pemikiran Logik

Jadual 9.1 Bahan dan alat bantu mengajar yang kreatif atau inovatif untuk aktiviti awal matematik dan pemikiran logik

Aktiviti	Contoh Alat Bantu	Alat Bantu
Pengasingan (*sorting*)	• Butang • Cawan plastik berwarna • Lego	• Menggunakan pelbagai bentuk mainan berwarna dan meminta kanak-kanak mengasingkan mengikut bentuk • Mainan juga boleh dipelbagaikan saiz untuk melihat proses pemikiran logik kanak-kanak
Memadan 	• Stoking • Kasut • Baju dan seluar	• Memberikan beberapa pasang objek kepada kanak-kanak untuk dipasangkan • Padanan satu dengan satu: Kasut dengan kasut. • Padanan warna kasut. • Padanan bersesuaian: kasut dengan stoking

Aktiviti	Contoh Alat Bantu	Alat Bantu
Menganggar	• Gelas-air • Mangkuk-kekacang • Sudu-gula	• Menggunakan ukuran bukan piawai – Menganggar isipadu air yang perlu untuk memenuhi satu gelas – Menganggar sukatan untuk memenuhkan mangkuk dengan kekacang – Menganggar bilangan sudu yang mencukupi untuk membancuh air
Gajet dan Permainan Interaktif	• *Fun Learning for Mathematics* • *Jumps-start*	• Menggunakan gajet dan permainan matematik terkini • Memaparkan video dan solusi kepada sesuatu permasalahan • Pendidik menggunakan permainan interaktif yang menarik dan lengkap berserta lagu untuk tarik perhatian kanak-kanak • Menyelesaikan masalah menggunakan jaringan Internet

Rumusan

Penyediaan bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif adalah mempengaruhi perkembangan awal matematik dan pemikiran logik. Di samping itu, kaedah penggunaan bahan bantu mengajar turut menggalakkan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik. Hal ini memerlukan pelibatan yang baik daripada pendidik dan pengasuh dalam mendapatkan maklumat terkini untuk mengikut peredaran zaman supaya kanak-kanak tidak ketinggalan.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, lakukan pencarian maklumat berkaitan tajuk berikut:
   - Bahan bantu mengajar yang boleh digunakan untuk mengajar perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.

   Bentangkan hasil dapatan dengan menggunakan perisian *PowerPoint*.
2. Secara berkumpulan, lakukan pemerhatian aktiviti awal matematik di TASKA yang berhampiran. Bentang refleksi pemerhatian tersebut.
3. Bincangkan kaedah yang boleh menggalakkan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.

LATIHAN

1. Cadangkan contoh aktiviti kemahiran awal matematik di dalam aktiviti permainan.
2. Bagaimana aktiviti bermain air mampu meningkatkan kemahiran kreatif untuk aktiviti awal matematik dan pemikiran logik?
3. Berdasarkan bahan bantu seperti cermin, lego dan blok, huraikan aktiviti pemikiran logik yang boleh dilaksanakan.

9.2 Awal Matematik

Awal matematik adalah asas untuk membantu kanak-kanak menjalani kehidupan dengan lebih sistematik dan memudahkan kanak-kanak untuk memahami konsep matematik yang lebih tinggi. Pengalaman yang diberikan adalah merangkumi pengetahuan tentang konsep pranombor, nombor, operasi nombor yang mudah, nilai wang, konsep waktu, bentuk dan ruang.

Standard Pembelajaran

9.2.1 Menyenaraikan aktiviti awal matematik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Aktiviti Awal Matematik

Beberapa aktiviti awal matematik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.

6 hingga 12 bulan

Permainan sensori (sentuh, rasa atau hidu)

Tepuk tangan dan gerakan (*spatial*)

Pantulan cermin

1 hingga 2 tahun

Menyusun mengikut ciri sepunya (warna, saiz, bentuk)

Mengecap corak

Main blok

2 hingga 3 tahun

Menyusun objek mengikut urutan menaik dan menurun

Mengenal konsep nombor 1-5

Menyukat

3 hingga 4 tahun

Permainan jual beli

Menambah dan mengira

Tic Tac Toe

Gambar foto 9.1 Contoh senarai aktiviti awal matematik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak

Kepentingan Aktiviti Awal Matematik kepada Perkembangan Kognitif Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

9.2.2 Menerangkan kepentingan aktiviti awal matematik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak.

Pendedahan awal tentang kesedaran matematik adalah sangat penting kepada kanak-kanak. Antara kepentingan aktiviti awal matematik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak ialah:

- Membina kebolehan *spatial* (posisi objek dalam ruang)
- Meningkatkan penguasaan kemahiran kuantiti
- Merangsang perkembangan sensori kanak-kanak melalui aktiviti menyeronokkan
- Meningkatkan pengetahuan kanak-kanak terhadap fungsi persekitaran mereka
- Meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah melalui aktiviti
- Melatih otak kanak-kanak untuk menaakul secara logik dan rasional
- Kanak-kanak belajar melalui bermain secara semula jadi dan tanpa paksaan
- Memberi peluang mengembangkan kemahiran mengelas, membanding, membilang dan operasi nombor
- Meningkatkan perasaan ingin tahu dan suka meneroka

Rajah 9.2 Kepentingan aktiviti awal matematik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Melakukan perancangan perlukan ketelitian. Murid boleh merujuk contoh borang di bawah untuk menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti.

Standard Pembelajaran

9.2.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Menyusun Blok				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Awal Matematik				
Hasil Pembelajaran	1. Meningkatkan rasa ingin tahu agar semakin mendalam 2. Minat untuk mencuba perkara baru				
Tarikh	29/9/2020	**Hari**	Selasa	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak sudah memahami konsep asas tinggi-rendah				
Bilangan Kanak-kanak	6 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti luar				

Senarai Bahan dan Alat:
1. Blok silinder yang berbeza ketinggian
2. Blok bongkah yang berbeza ketinggian

Langkah Pelaksanaan

Permulaan:
1. Pendidik meminta kanak-kanak berkumpul dan mengambil tempat duduk masing-masing di ruang perbualan pagi (*morning circle*).
2. Kanak-kanak dan pendidik bersoal jawab berkaitan blok yang ditunjukkan oleh pendidik.
3. Pendidik mengaitkan set induksi dengan isi pelajaran pada hari tersebut.

Perkembangan kandungan PdP:
4. Pendidik menunjukkan dua blok yang berbeza ketinggian.
5. Bincang secara sumbang saran perbezaan blok tersebut.
6. Minta kanak-kanak mengambil dua blok lain yang berbeza ketinggian.
7. Rangsang kanak-kanak menjelaskan blok yang tinggi dan rendah.
8. Ulang aktiviti dengan menyusun blok mengikut ketinggian secara menaik.
9. Aktiviti dilakukan secara berkumpulan.

Penutup:
10. Kanak-kanak dibahagikan kepada dua kumpulan. Lakukan aktiviti secara pertandingan dengan menyusun blok mengikut ketinggian secara menaik.
11. Kumpulan yang berjaya menyiapkan susunan blok paling awal adalah pemenang.
12. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang berjaya menyiapkan susunan paling awal. Pendidik juga memberikan motivasi kepada kumpulan yang kurang berjaya.

Langkah kontingensi:

Kanak-kanak yang pemalu dipujuk dan diberi bimbingan untuk menyusun blok.

Pengawasan:
1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas.
2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan.
3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi	
Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**
Tarikh:	**Tarikh:** .....

Pelaksanaan Aktiviti Awal Matematik

Standard Pembelajaran

9.2.4 Melaksanakan aktiviti awal matematik berdasarkan perancangan.

Sebelum

- Memastikan pengetahuan sedia ada kanak-kanak untuk topik yang diajar sesuai.
- Memilih bahan yang sesuai untuk mengajar konsep tinggi.
- Memastikan ruang aktiviti yang sesuai.

Semasa

- Memastikan kanak-kanak memberi perhatian semasa pengajaran.
- Mengatur masa dengan sebaik mungkin.
- Melaksanakan aktiviti mengikut perancangan.

Selepas

- Melakukan penilaian yang bersesuaian dengan aktiviti.
- Memastikan kawasan aktiviti dikemas secara bersama-sama.

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Awal Matematik

Standard Pembelajaran

9.2.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti awal matematik dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

9.2.6 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Pendidik perlu memastikan bahan bantu mengajar mencukupi dan aktiviti dilaksanakan di ruang yang sesuai. Pendidik juga perlu memberi respons yang baik kepada setiap persoalan daripada kanak-kanak terutamanya yang berkaitan awal matematik.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran matematik dan selamat	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Cetusan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
Selepas					
14.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
15.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Awal Matematik

Standard Pembelajaran

9.2.7 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti awal matematik.

Jadual 9.2 Penulisan refleksi pelaksanaan aktiviti awal matematik

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak berminat melakukan aktiviti bermain blok	Ruang luar yang luas dan pendidik perlu sentiasa memantau pergerakan kanak-kanak	Setkan ruang keselamatan dan hadkan penggunaan ruang ketika beraktiviti
2.	Kanak-kanak seronok dengan aktiviti dan menunjukkan respons yang aktif melalui pertanyaan	Pendidik sukar mengaitkan aktiviti dengan konsep awal matematik	Pendidik perlu tingkatkan penguasaan konsep awal matematik
	Rumusan keseluruhan :	Pengasuh perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah yang timbul tidak berulang lagi.	

Rumusan

Aktiviti awal matematik yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak sangat membantu kepada perkembangan kognitif kanak-kanak. Sehubungan itu, pendidik perlu menyediakan RPA yang sesuai supaya pengajaran dapat dijalankan dengan berkesan. Refleksi penting dan perlu dijadikan rutin untuk pendidik melakukan penambahbaikan terhadap aktiviti yang telah dijalankan.

AKTIVITI

1. Anda ingin mengajar mengenal nombor 1 hingga 5 bagi kanak-kanak berumur 3 tahun. Secara berkumpulan, buat Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) awal matematik.
   a. Laksanakan aktiviti tersebut.
   b. Nilai keberkesanan aktiviti tersebut.
   c. Catatkan cadangan penambahbaikan untuk aktiviti ini.
2. Berdasarkan contoh aktiviti awal matematik berikut, rancang dan bentang pelaksanaan aktiviti mengikut format yang disediakan secara berkumpulan, mengikut kesesuaian bilangan murid.

Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3	Aktiviti 4	Aktiviti 5
Mengumpul objek mengikut bentuk	Menyusun objek mengikut urutan menaik atau menurun	Mengumpul objek mengikut ciri sepunya	Memadan satu dengan satu	Mengenal siri dan pola

3. Sediakan RPA yang sesuai bagi aktiviti mengecam simbol dalam aktiviti seharian.

LATIHAN

1. Terangkan tiga kepentingan aktiviti awal matematik dan kepentingannya kepada perkembangan kognitif kanak-kanak.
2. Huraikan contoh aktiviti awal matematik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak berikut:
   (a) 6 hingga 12 bulan
   (b) 1 hingga 2 tahun
3. Huraikan kepentingan mengadakan menulis refleksi pelaksanaan awal matematik.

9.3 Pemikiran Logik

Pemikiran logik ialah proses berfikir yang berasaskan penaakulan (*reasoning*) iaitu memberikan sebab atau alasan kepada sesuatu perkara atau memikirkan kesan atau akibat daripada sesuatu perkara.

Standard Pembelajaran

9.3.1 Menyenaraikan aktiviti pemikiran logik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.

Aktiviti Pemikiran Logik

6 hingga 12 bulan

Bermain air

Bayang–bayang

1 hingga 2 tahun

Kad imbasan

Puzzle bersaiz besar

2 hingga 3 tahun



Mencampur warna

Menghasilkan aiskrim

3 hingga 4 tahun

Bermain alat pancing magnet

Tiup belon

Gambar foto 9.2 Senarai aktiviti pemikiran logik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak

Kepentingan Aktiviti Pemikiran Logik terhadap Perkembangan Kognitif Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

9.3.2 Menerangkan kepentingan aktiviti pemikiran logik terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak.

Rajah 9.3 Kepentingan aktiviti pemikiran logik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Melaksanakan perancangan memerlukan ketelitian. Murid boleh merujuk contoh di bawah untuk menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti.

Standard Pembelajaran

9.3.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aiskrim Goyang				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Pemikiran Logik				
Hasil Pembelajaran	1. Meningkatkan rasa ingin tahu agar semakin mendalam 2. Minat untuk mencuba perkara baru				
Tarikh	29/9/2020	**Hari**	Selasa	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak mengenali sifat aiskrim				
Bilangan Kanak-kanak	6 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti luar				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Susu berperisa 2. Ais 3. Plastik aiskrim 4. Plastik hitam 5. Lagu 'Baby Shark' 6. Pembesar suara					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik meminta kanak-kanak berkumpul dan mengambil tempat duduk masing-masing di ruang perbualan pagi (morning circle). 2. Kanak-kanak bercerita tentang pengalaman mereka membeli aiskrim. 3. Pendidik mengaitkan set induksi dengan isi pelajaran pada hari tersebut. **Perkembangan kandungan PdP:** 4. Pendidik menunjukkan demonstrasi kepada kanak-kanak cara membuat aiskrim langkah demi langkah terlebih dahulu. 5. Kanak-kanak akan memerhatikan pendidik sebelum melakukan aktiviti secara individu. 6. Pendidik membantu kanak-kanak yang memerlukan bantuan. **Penutup:** 7. Kanak-kanak tersebut akan menggoyangkan susu berperisa yang telah dimasukkan ke dalam plastik aiskrim dan mengikatnya. 8. Seterusnya, kanak-kanak memasukkan plastik aiskrim yang telah diisi susu ke dalam plastik hitam yang berisi ais. 9. Pendidik memasang lagu 'Baby Shark' dan kanak-kanak mulai menggoyangkan aiskrim masing-masing. 10. Kanak-kanak akan berhenti menggoyang apabila lagu tamat, kemudian pendidik akan bertanya kepada kanak-kanak perubahan sifat susu dan sebabnya. 11. Kanak-kanak akan menikmati aiskrim yang dibuat bersama pendidik. 12. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang berjaya menjawab soalan dengan tepat.					
Langkah kontingensi: Kanak-kanak yang pemalu dipujuk dan dibimbing untuk melakukan aktiviti bersama-sama.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					

Penilaian dan Refleksi	
Tandatangan Murid:	**Pengesahan Guru:**
Tarikh:	**Tarikh:** .....

Pelaksanaan Aktiviti Pemikiran Logik

Standard Pembelajaran

9.3.4 Melaksanakan aktiviti pemikiran logik berdasarkan perancangan.

Sebelum

- Memastikan pengetahuan sedia ada kanak-kanak untuk topik yang diajar sesuai.
- Memilih bahan yang sesuai untuk mengajar konsep cecair kepada pepejal (pembekuan).
- Memastikan ruang aktiviti yang sesuai.
- Kanak-kanak dapat meramal hasil daripada menggoyang air susu.

Semasa

- Kanak-kanak boleh melakukan aktiviti seperti yang telah ditunjukkan oleh pendidik.
- Memastikan kanak-kanak memberi perhatian semasa pengajaran.
- Mengatur masa dengan sebaik mungkin.
- Melaksanakan aktiviti mengikut perancangan.

Selepas

- Kanak-kanak menikmati aiskrim bersama-sama pendidik.
- Pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas.

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Pemikiran Logik

Standard Pembelajaran

9.3.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti pemikiran logik dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

9.3.6 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Memastikan bahan bantu mengajar sesuai dengan objektif dan aktiviti. Pendidik juga perlu memastikan semua kanak-kanak mempunyai kesediaan untuk belajar supaya pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran mesra pembelajaran pemikiran logik dan selamat	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Cetusan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
17.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Pemikiran Logik

Standard Pembelajaran

9.3.7 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti pemikiran logik.

Rajah 9.4 Aspek penulisan refleksi

Jadual 9.3 Contoh penulisan refleksi berdasarkan aktiviti yang dilaksanakan

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak suka melakukan aktiviti yang melibatkan pergerakan motor	Ruang luar yang luas dan pendidik perlu sentiasa memantau pergerakan kanak-kanak	Setkan ruang keselamatan dan hadkan penggunaan ruang ketika beraktiviti
2.	Kanak-kanak seronok dengan aktiviti dan menunjukkan respons yang aktif melalui pertanyaan	Susu berperisa kurang mencukupi kerana semasa proses pergerakan, banyak berlaku tumpahan	Boleh gantikan bahan kepada *plastic seal* yang lebih utuh untuk aktiviti menggoyangkan aiskrim
	Rumusan keseluruhan:	Pengajaran berjalan dengan lancar. Pendidik dapat mencipta suasana aktiviti pemikiran logik yang menyeronokkan dan mencetuskan rasa ingin tahu kanak-kanak ketika melaksanakan aktiviti.	

Rumusan

Aktiviti pemikiran logik sangat penting untuk perkembangan kognitif kanak-kanak. Penyediaan dan pelaksanaan aktiviti perlu sesuai dengan tahap kesediaan kanak-kanak. Hal ini penting bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Amalan penulisan refleksi sangat penting untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran seterusnya.

AKTIVITI

1. Sediakan satu contoh RPA mengikut butiran seperti berikut.

   Tajuk aktiviti: Jom Buat Donat
   Bidang pembelajaran: Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik
   Hasil pembelajaran: Meningkatkan rasa ingin tahu dan minat untuk mencuba perkara baru

   (a) Sediakan penilaian keberkesanan aktiviti pemikiran logik mengikut format yang telah dipelajari.
   (b) Catatkan cadangan penambahbaikan pada borang penilaian keberkesanan aktiviti.

9

LATIHAN

1. Nyatakan ciri bahan bantu yang menjadi tarikan kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran pemikiran logik.
2. Berikan empat contoh aktiviti dan nyatakan *reasoning* bagi aktiviti tersebut.
3. Berikan dua sebab elemen kekuatan dan kelemahan adalah penting bagi proses pengajaran dan pembelajaran dalam refleksi.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menyatakan maksud awal matematik dan pemikiran logik.			
Menjelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak.			
Menerangkan kaedah untuk menggalakkan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.			
Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang kreatif atau inovatif untuk aktiviti awal matematik dan pemikiran logik.			
Menyenaraikan aktiviti awal matematik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti awal matematik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.			
Melaksanakan aktiviti awal matematik berdasarkan perancangan.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti awal matematik dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti awal matematik.			
Menyenaraikan aktiviti pemikiran logik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti pemikiran logik terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.			
Melaksanakan aktiviti pemikiran logik berdasarkan perancangan.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti pemikiran logik dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti pemikiran logik.			

9

MODUL 10 PERKEMBANGAN DERIA DAN PEMAHAMAN DUNIA PERSEKITARAN

Standard Kandungan

10.1 Pengenalan kepada Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran

10.2 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Fizikal

10.3 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Hidupan

10.4 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Bahan

10.5 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Semesta

Pengenalan

Modul ini menghuraikan tentang proses perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kepada bayi dan kanak-kanak. Di samping itu, murid dapat menyatakan fokus pembelajaran bagi bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak. Murid perlu mengetahui jenis bahan dan peralatan yang bersesuaian digunakan oleh kanak-kanak di TASKA yang memberi faedah untuk kegunaan dalam aktiviti pembelajaran. Akhir sekali, murid dapat membuat perancangan dan menyediakan sudut pembelajaran di TASKA berdasarkan konsep 3E.

10.1 Pengenalan Kepada Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran

Pada usia lahir hingga empat tahun merupakan waktu kritikal kepada bayi dan kanak-kanak untuk mengembangkan keupayaan mereka terutamanya perkembangan deria yang diterokai melalui dunia persekitaran.

Standard Pembelajaran

10.1.1 Menamakan deria dan fungsi deria bayi dan kanak-kanak.

10.1.2 Menyatakan maksud dunia persekitaran pada diri bayi dan kanak-kanak.

Organ Deria dan Fungsinya

Kulit	• Deria sentuhan • Bergerak balas terhadap rangsangan panas, sejuk, tekanan, sentuhan dan sakit
Lidah	• Deria merasa • Bergerak balas terhadap rangsangan yang masam, masin, manis dan pahit
Mata	• Deria penglihatan • Peka terhadap rangsangan cahaya
Telinga	• Deria pendengaran • Bergerak balas terhadap gelombang bunyi sama ada kuat atau perlahan
Hidung	• Deria menghidu • Bergerak balas terhadap rangsangan yang wangi dan berbau busuk

Imbas halaman AR ini dan tekan ikon bayi dan kanak-kanak untuk mengetahui fungsi organ deria secara interaktif.

Dunia Persekitaran Bayi dan Kanak-kanak

- Dunia persekitaran bermaksud kesemua keadaan atau situasi yang terdapat di sekeliling kanak-kanak.
- Keadaan dan situasi ini termasuklah aspek fizikal yang terdiri daripada manusia, haiwan, tumbuhan dan segala bentuk elemen dan kejadian semulajadi yang terdapat di dunia dan atmosfera.

Empat Fokus Pembelajaran



Rajah 10.1 Empat fokus pembelajaran bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bagi kanak-kanak

Standard Pembelajaran

10.1.3 Menyatakan empat fokus pembelajaran bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bagi kanak-kanak.

10.1.4 Menerangkan kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bayi dan kanak-kanak.

Kepentingan Aktiviti Pembelajaran untuk Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Bayi dan Kanak-kanak

Rajah 10.2 Kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bayi dan kanak-kanak

Perancangan dan Penyediaan Sudut Awal Sains Berdasarkan Konsep 3E

Standard Pembelajaran

10.1.5 Merancang dan menyediakan sudut Awal Sains TASKA berdasarkan konsep 3E.

10.1.6 Menilai kesesuaian bahan dan alat yang dipamerkan di sudut Awal Sains TASKA untuk kanak-kanak menggunakan kesemua deria mereka.

Apa yang perlu ada pada Sudut Awal Sains di TASKA:

- Alat manipulatif (bongkah, *puzzle*, prisma, kanta, magnet, alat mengukur dan lain-lain)
- Alat berasaskan sensori dan deria

Apakah itu konsep 3E?

Konsep 3E menggalakkan kanak-kanak untuk melakukan penerokaan, membuat eksperimen dan mengalami sendiri sesuatu fenomena yang dipelajari.

EXPLORE + *EXPERIMENT* + *EXPERIENCE* = **KONSEP 3E**

Menilai Kesesuaian Bahan dan Alat di Sudut Awal Sains

Bahan dan alat yang dipamerkan di sudut Awal Sains haruslah dinilai dari segi:

- Selamat digunakan oleh kanak-kanak
- Tiada bucu yang tajam pada alat manipulatif
- Saiz alat dan bahan adalah sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak
- Alat dan bahan telah disanitasi dengan menggunakan pembasmi kuman

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pengisian sudut Awal Sains.

Rumusan

Mengenali organ deria bayi dan kanak-kanak yang merupakan alat eksplorasi mereka untuk meneroka alam sekeliling mereka adalah asas utama pelajaran ini. Pendidik dan pengasuh perlu mengenali empat fokus pembelajaran perkembangan deria dan persekitaran dunia bagi bayi dan kanak-kanak. Hal ini membantu mereka dalam mengenal pasti alat dan bahan yang sesuai untuk diletakkan di sudut Awal Sains TASKA dan TADIKA.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, dapatkan maklumat empat fokus pembelajaran bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bagi kanak-kanak.
   (a) Bentangkan carian tersebut dengan menggunakan TMK atau kaedah lain yang sesuai. PAK 21
2. Secara berkumpulan, rancang dan sediakan satu sudut Awal Sains TASKA berdasarkan konsep 3E.
3. Bincangkan aktiviti untuk membina sikap sayangi alam sekitar dan menjaga kelestarian alam sekitar dalam diri kanak-kanak.

LATIHAN

1. Nyatakan maksud dunia persekitaran pada diri bayi dan kanak-kanak.
2. Berikan tiga kepentingan aktiviti pembelajaran yang berkonsepkan 3E kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bayi dan kanak-kanak.
3. Nyatakan aspek dan keperluan pematuhan penilaian kesesuaian bahan dan alat dalam penyediaan sudut awal sains.

10.2 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Fizikal

Standard Pembelajaran

10.2.1 Menyatakan definisi alam fizikal.

10.2.2 Menyenaraikan aktiviti alam fizikal yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.

10.2.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam fizikal terhadap perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.

Kanak-kanak terdedah dengan alam fizikal yang sangat mempengaruhi perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak. Pendidik dan pengasuh perlu peka dari aspek penyediaan aktiviti dan bahan bantu yang bersesuaian untuk perkembangan dan pertumbuhan yang optimum.

Definisi Alam Fizikal

Alam fizikal ialah kejadian alam seperti hujan, angin dan panas. Ia juga termasuk dengan meneroka bentuk, saiz, corak, pergerakan dan tekanan (Rahman, 2018).

Senarai Aktiviti Alam Fizikal yang Sesuai Mengikut Peringkat Umur Kanak-kanak 2 hingga 4 Tahun

- Menyentuh permukaan kasar dan halus
- Membezakan basah dan kering
- Mengenal bentuk
- Menghubung kait cahaya dan bayang
- Meniru pergerakan kenderaan bermotor
- Mengecam jarak dan ukuran
- Mengenal bahan yang tenggelam dan timbul
- Membezakan tinggi dan rendah

Kepentingan Aktiviti Alam Fizikal

Rajah 10.3 Kepentingan aktiviti alam fizikal

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

10.2.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Tenggelam Timbul				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak dapat memahami arahan 2. Kanak-kanak dapat mengelaskan bahan mengikut kategori				
Tarikh	10/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak pernah melihat bahan-bahan yang disediakan untuk aktiviti ini				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Sudut Awal Sains				
Senarai Bahan dan Alat 1. Pensel 2. Pembaris 3. Klip kertas 4. Sudu 5. Garpu 6. Butang warna-warni 7. Besen lutsinar berisi air 8. Dua bekas kosong berlabel 'tenggelam' dan 'timbul' 9. Cebisan kertas 10. Batang aiskrim 11. Cawan plastik 12. Mangkuk plastik					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik membawa kanak-kanak ke ruang aktiviti. 2. Pendidik memperkenalkan diri kepada kanak-kanak. 3. Pendidik menunjuk dan memperkenalkan bahan-bahan aktiviti tenggelam timbul dan memberi peluang pada kanak-kanak untuk memegang dan merasa bahan tersebut. **Perkembangan kandungan PdP:** 4. Pendidik menyediakan satu besen lutsinar yang berisi air. 5. Pendidik memasukkan satu persatu bahan ke dalam besen. 6. Pendidik meminta kanak-kanak memerhati dan menyatakan apa yang dilihat. 7. Pendidik menyatakan bahan yang berada di dasar besen adalah tenggelam manakala bahan yang berada di permukaan adalah timbul. 8. Pendidik meminta kanak-kanak menyatakan bahan yang tenggelam dan timbul. 9. Kanak-kanak menyatakan bahan yang tenggelam dan timbul. 10. Pendidik menyediakan dua bekas untuk kanak-kanak mengasingkan bahan tenggelam dan timbul. **Penutup:** 11. Pendidik membuat refleksi pengajaran dengan menyoal kanak-kanak tentang pelajaran pada hari ini. 12. Pendidik mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak kerana berjaya mengikuti aktiviti tersebut. 13. Pendidik bertanya kepada kanak-kanak mengenai perasaan mereka setelah tamat melakukan aktiviti tersebut. 14. Setiap kanak-kanak diberikan stiker yang bertulis VERY GOOD.					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					
Penilaian dan Refleksi					
Tandatangan Murid:			**Pengesahan Guru:**		
Tarikh: _____			**Tarikh:** _____		

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Sesuai

Standard Pembelajaran

10.2.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai.

10.2.6 Melaksanakan aktiviti alam fizikal berdasarkan perancangan.

- Besen yang berisi air
- Dua besen berlabel 'tenggelam' dan 'timbul'
- Pensel
- Pembaris
- Cebisan kertas
- Batang aiskrim
- Cawan plastik
- Mangkuk plastik
- Klip kertas
- Sudu
- Garpu
- Butang warna-warni

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

1. Sediakan besen yang berisi air.
2. Sediakan dua bekas berlabel 'tenggelam' dan 'timbul'.
3. Sediakan bahan maujud mengikut perancangan.
4. Kanak-kanak memasukkan ke dalam besen satu persatu bahan maujud yang disediakan.
5. Kelaskan bahan tenggelam dan timbul mengikut bekas yang telah dilabelkan.

Gambar foto 10.1 Bahan bantu mengajar aktiviti tenggelam timbul

Pelaksanaan Aktiviti Alam Fizikal

Sebelum

- Memastikan pengetahuan sedia ada kanak-kanak untuk topik yang diajar sesuai.
- Memilih bahan yang sesuai untuk mengajar konsep tenggelam-timbul.
- Memastikan ruang aktiviti yang sesuai.

Semasa

- Memastikan kanak-kanak memberi perhatian semasa pengajaran.
- Mengatur masa dengan sebaik mungkin.
- Melaksanakan aktiviti mengikut perancangan.

Selepas

- Melakukan refleksi pengajaran.
- Memastikan kawasan aktiviti dikemas secara bersama-sama.

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti

Penilaian keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam fizikal boleh dilakukan dengan merujuk contoh di bawah.

Standard Pembelajaran

10.2.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam fizikal dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar

10.2.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh cadangan penambahbaikan Penyediaan aktiviti pengajaran perlu mengambil kira kesesuaian bahan bantu dan kaedah yang digunakan. Pendidik perlu bijak menerapkan kemahiran sains dalam pengajaran dan pembelajaran.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra pembelajaran sains	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Cetusan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
17.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Alam Fizikal

Standard Pembelajaran

10.2.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam fizikal.

Jadual 10.1 Contoh penulisan refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti alam fizikal

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1.	Kanak-kanak berminat melakukan aktiviti *hands-on* tenggelam timbul	Ruang yang tidak sesuai untuk aktiviti basah	Pendidik menyediakan ruang yang sesuai untuk aktiviti basah
2.	Kanak-kanak memiliki sikap ingin tahu yang tinggi	Bilangan bahan aktiviti yang terhad menyebabkan perebutan masih berlaku	Menyediakan kuantiti bahan aktiviti yang bersesuaian dengan bilangan kanak-kanak
	Rumusan keseluruhan:	Pendidik perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah yang timbul tidak berulang lagi.	

Rumusan

Kefahaman berkaitan alam fizikal membolehkan pendidik menyediakan perancangan pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian merangkumi aktiviti dan penyediaan bahan bantu. Aktiviti alam fizikal sangat penting untuk perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak. Berdasarkan aktiviti yang telah dilaksanakan, mereka mampu melakukan penilaian dan menambah baik aktiviti pengajaran seterusnya.

AKTIVITI

1. Rancang satu sudut alam fizikal di kelas TASKA berdasarkan konsep 3E dan bentangkan dengan menggunakan kaedah TMK atau kaedah lain yang lebih sesuai. Secara berkumpulan, laksanakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti secara simulasi. PAK 21

   Berdasarkan simulasi, nilaikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti tersebut dalam aspek:

   (a) Persediaan sebelum, semasa dan selepas.

   (b) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar.

   (c) Catat cadangan penambahbaikan di ruang catatan.

LATIHAN

1. Nyatakan kepentingan aktiviti alam fizikal.
2. Sediakan RPA yang sesuai dengan aktiviti alam fizikal.
3. Nyatakan contoh aktiviti yang sesuai untuk menunjukkan sikap menyayangi alam sekitar dan menjaga kelestarian alam sekitar dalam diri kanak-kanak.

10.3 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Hidupan

Persekitaran kanak-kanak kaya dengan alam hidupan. Alam hidupan mempunyai perkaitan dengan perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak. Pendidik perlu menyediakan aktiviti dan persekitaran yang bersesuaian supaya persekitaran itu kaya untuk diteroka oleh kanak-kanak bagi meningkatkan pengalaman dan pengetahuan mereka.

Standard Pembelajaran

10.3.1 Menyatakan definisi alam hidupan.

10.3.2 Menyenaraikan aktiviti alam hidupan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.

10.3.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam hidupan terhadap perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.

Definisi Alam Hidupan

Kanak-kanak dapat mengenal benda hidup dan bukan hidup merangkumi perbezaan dan ciri-cirinya. Kanak-kanak juga dapat mengenal tubuh manusia dan membuat penerokaan terhadap ciri-ciri haiwan (Kurikulum PERMATA Negara, 2016).

Aktiviti Alam Hidupan

Antara aktiviti alam hidupan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun yang dapat disenaraikan adalah seperti berikut:

1. Melakar bentuk badan rakan
2. Berkebun dan bercucuk tanam
3. Melakukan aktiviti menjelajah persekitaran (*Nature Walk*)
4. Lawatan sambil belajar seperti:
   (a) Taman Bunga
   (b) Zoo Negara
   (c) Muzium Negara
   (d) Taman Rama-rama
   (e) Aquaria KLCC

Gambar foto 10.2 Aktiviti dalam alam hidupan

Kepentingan Aktiviti Alam Hidupan

1. Mengenal pasti jenis alam hidupan di sekeliling melalui aktiviti penerokaan
2. Mengenal dan dapat menamakan anggota badan berserta fungsinya
3. Dapat membezakan objek hidup dan bukan hidup
4. Mengenal pasti jenis makanan dan tempat tinggal haiwan

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

10.3.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Tanam Tauge				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran				
Hasil Pembelajaran	1. Menambahkan pemahaman tentang alam hidupan seperti sayur-sayuran 2. Meningkatkan kemahiran psikomotor halus kanak-kanak 3. Meningkatkan kemahiran bereksperimen dalam melakukan pemerhatian proses menanam pucuk tauge				
Tarikh	10/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 hingga 4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak pernah terlibat bercucuk tanam dengan ibu bapa atau penjaga				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Sudut Awal Sains				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Cawan plastik 2. Kacang hijau 3. Bekas air 4. Kapas 5. Sayur-sayuran 6. Kad bertulis nama sayur					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Kanak-kanak duduk di ruangan pembelajaran. 2. Pendidik bertanyakan tema untuk minggu ini pada kanak-kanak. (Tema: Alam Hidupan - Sayur-sayuran) 3. Pendidik menunjukkan beberapa jenis sayur kepada kanak-kanak. 4. Kanak-kanak diberi peluang untuk meneroka tekstur sayur dan memegang sayur tersebut. **Perkembangan kandungan PdP:** 5. Kanak-kanak duduk dalam bentuk separa bulatan di ruangan perbualan pagi. 6. Pendidik kenalkan sayur tauge. 7. Kanak-kanak menyentuh tekstur tauge. 8. Pendidik menunjukkan satu contoh tumbuhan tauge yang sudah ditanam. 9. Kanak-kanak mendengar penerangan yang diberikan oleh pendidik. 10. Kanak-kanak mengambil bahan yang diperlukan di atas meja yang disediakan oleh pendidik. 11. Pendidik mengarahkan kanak-kanak untuk meletakkan kapas yang telah direndam air ke dalam cawan plastik. 12. Kanak-kanak kemudian mengambil tiga biji kacang hijau dan meletakkan di atas kapas yang lembap tersebut. 13. Pendidik mengasuh kanak-kanak supaya berhati-hati semasa merendam kapas di dalam air untuk mengelakkan air tertumpah. 14. Kanak-kanak meletakkan bekas tersebut di kawasan yang terdedah dengan cahaya matahari. 15. Pendidik menulis nama setiap kanak-kanak pada cawan plastik. **Penutup:** 16. Pendidik membuat refleksi pengajaran dengan menyoal kanak-kanak tentang pelajaran pada hari ini. 17. Pendidik mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak kerana berjaya mengikuti aktiviti tersebut. 18. Pendidik bertanya kepada kanak-kanak perasaan mereka setelah tamat melakukan aktiviti tersebut. 19. Setiap kanak-kanak diberikan stiker yang bertulis *VERY GOOD*.					

Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.
Penilaian dan Refleksi
Tandatangan Murid: **Pengesahan Guru:**
Tarikh: ..... **Tarikh:** .....

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Sesuai

- Cawan plastik
- Kacang hijau
- Bekas air
- Kapas
- Kad bertulis nama sayur
- Sayur-sayuran sebenar seperti sawi, kacang buncis dan tauge

Standard Pembelajaran

10.3.5 Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti alam hidupan.

10.3.6 Melaksanakan aktiviti alam hidupan berdasarkan perancangan.

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

1. Kenalkan kepada kanak-kanak ciri sayur yang disediakan. Contoh: berdaun, mempunyai urat, berisi kacang dan warna.
2. Terangkan kepada kanak-kanak tauge terhasil daripada semaian kacang hijau.
3. Lembapkan kapas dengan sejumlah air.
4. Masukkan kapas lembap ke dalam bekas cawan plastik atau bekas lain yang bersesuaian.
5. Taburkan tiga biji kacang hijau di atas kapas. Letak di tempat yang redup. Lihat selepas satu hari.

Gambar foto 10.3 Bahan bantu mengajar aktiviti tanam tauge

Pelaksanaan Aktiviti Alam Hidupan

Sebelum	Semasa	Selepas
• Memastikan pengetahuan sedia ada kanak-kanak untuk topik yang diajar sesuai • Memilih bahan yang sesuai untuk mengajar konsep bercucuk tanam • Memastikan ruang aktiviti yang sesuai	• Memastikan kanak-kanak memberi perhatian semasa pengajaran • Mengatur masa dengan sebaik mungkin • Melaksanakan aktiviti mengikut perancangan	• Melakukan refleksi pengajaran • Memastikan kawasan aktiviti dikemas secara bersama-sama

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti

Gambar foto 10.4 Sayur tauge

Standard Pembelajaran

10.3.7 Menilai keberkesanan dalam pelaksanaan aktiviti hidupan dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

10.3.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh cadangan penambahbaikan Penyediaan aktiviti pengajaran perlu mengambil kira kesesuaian bahan bantu dan kaedah yang digunakan. Pendidik perlu bijak menerapkan kemahiran sains dalam pengajaran dan pembelajaran.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra pembelajaran	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Cetusan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
17.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik					

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Alam Hidupan

Standard Pembelajaran

10.3.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam hidupan.

Jadual 10.2 Contoh penulisan refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti alam hidupan

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1	Kanak-kanak berminat melakukan aktiviti *hands-on* menanam tauge	Penggunaan kacang hijau berkualiti rendah yang menyebabkan ia tidak bercambah dengan baik	Pengasuh memastikan bahan adalah berkualiti untuk aktiviti pengajaran
2	Kanak-kanak memiliki sikap ingin tahu yang tinggi	Proses percambahan yang lama menyebabkan kanak-kanak menjadi kurang sabar	Penerangan daripada pendidik yang jelas tentang proses percambahan yang memakan masa
	Rumusan keseluruhan:	Pengasuh perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah yang timbul tidak berulang lagi.	

Rumusan

Alam hidupan mendedahkan kanak-kanak kepada persekitaran mereka terutamanya hidupan lain seperti tumbuhan dan haiwan. Dengan penjanaan kreativiti daripada pendidik dan pengasuh, kanak-kanak dapat mengenali alam hidupan dengan lebih seronok, santai dan selamat. Pendedahan ini diharapkan mampu menerapkan kanak-kanak agar mencintai dan menjaga kelestarian alam sekitar.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan, sediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti alam hidupan.
2. Berdasarkan aktiviti berikut, huraikan konsep 3E yang terdapat dalam aktiviti ini.
   (a) Menyusun daun mengikut saiz, bentuk atau warna.
   (b) Memerhati urat daun menggunakan kanta.
   (c) Menanam bawang merah atau sayuran dan melihat atau mencatat pertumbuhannya.
3. Hasilkan satu bahan bantu mengajar yang bersesuaian berdasarkan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti yang telah anda hasilkan.

LATIHAN

1. Senaraikan aktiviti alam hidupan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.
2. Huraikan dua kepentingan aktiviti alam hidupan terhadap perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.
3. Cadangkan aktiviti yang sesuai bagi alam hidupan dengan menggunakan bahan bantu mengajar berikut:
   - kad bergambar haiwan jinak
   - kad bergambar haiwan buas

10.4 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Bahan

Awal Sains menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka alam sekitar mereka dengan menggunakan organ deria dan peralatan mudah. Dalam proses pembelajaran sains secara inkuiri, kanak-kanak memperoleh dan menguasai kemahiran seperti memerhati, membanding, meramal, berkomunikasi, mengelas dan mengukur.

Standard Pembelajaran

10.4.1 Menyatakan definisi alam bahan.

10.4.2 Menyenaraikan aktiviti alam bahan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.

10.4.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam bahan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.

Definisi Alam Bahan

Alam bahan adalah bahan-bahan yang ada di persekitaran meliputi bahan pepejal, cecair dan gas. Contohnya batu, kayu, tanah, tepung, gula, garam, sabun, kertas, kain dan lain-lain. Alam bahan di sini merujuk kepada kesesuaian bahan untuk pengajaran kepada kanak-kanak bawah empat tahun (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2016).

Aktiviti Alam Bahan yang Sesuai

1 hingga 2 tahun
- Memahami konsep asas tentang air, pasir, bahan makanan dan lain-lain
- Aktiviti tenggelam timbul

2 hingga 3 tahun
- Mengelaskan objek berdasarkan ciri-ciri
- Menyata dan menamakan objek mengikut kumpulan

3 hingga 4 tahun
- Eksperimen bahan menyerap
- Eksperimen bahan larut dan tidak larut

Rajah 10.4 Aktiviti alam bahan yang sesuai mengikut peringkat umur

Kepentingan Aktiviti Alam Bahan kepada Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

10.4.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam bahan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.

Rajah 10.5 Kepentingan aktiviti alam bahan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

10.4.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Pelangi Cantik				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak dapat menghasilkan pelangi melalui aktiviti tiupan buih sabun dengan bimbingan pendidik 2. Kanak-kanak dapat menyatakan warna-warna yang kelihatan pada buih-buih sabun yang ditiup				
Tarikh	8/9/2020	**Hari**	Selasa	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak pernah melihat pelangi				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti luar				
Senarai bahan dan alat: 1. Sabun	2. Besen berisi air			3. Straw	
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik membawa kanak-kanak ke ruang aktiviti. 2. Pendidik memperkenalkan diri kepada kanak-kanak. 3. Pendidik menunjukkan dan memperkenalkan bahan-bahan aktiviti iaitu sabun, besen berisi air dan straw serta memberi peluang pada kanak-kanak untuk menyentuh bahan tersebut. **Perkembangan kandungan PdP:** 4. Pendidik menunjukkan cara-cara untuk menghasilkan buih daripada sabun dan meniup buih sabun ke arah cahaya matahari untuk menghasilkan warna-warna pelangi. 5. Pendidik memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengocak air sabun dan membentuk buih dengan menggunakan straw. 6. Bimbing kanak-kanak hingga mereka berjaya meniup buih sabun bagi membentuk warna-warna pelangi. 7. Pendidik menggalakkan kanak-kanak untuk membantu antara satu sama lain. 8. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang berjaya dan memberi sokongan kepada yang masih mencuba. 9. Catatan: Konsep 3E berlaku melalui aktiviti ini. – *Experiment,* berlaku semasa kanak-kanak melakukan aktiviti meniup buih sabun. – *Experience,* pendidik perlu mengaitkan aktiviti semasa dengan pengalaman yang pernah dilalui oleh kanak-kanak semasa aktiviti seharian. – *Explore*, pendidik perlu beri peluang kepada kanak-kanak untuk mencuba pelbagai cara dalam menghasilkan buih cara tiupan yang dapat membentuk warna-warna pelangi. **Penutup:** 10. Pendidik mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak kerana berjaya mengikuti aktiviti pada hari ini. 11. Pendidik bertanya kepada kanak-kanak perasaan mereka setelah tamat melakukan aktiviti tersebut. 12. Setiap kanak-kanak diberikan stiker yang bertulis *VERY GOOD.*					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti tersebut bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					
Penilaian dan Refleksi					
Tandatangan Murid:			**Pengesahan Guru:**		
Tarikh:			**Tarikh:**		

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Sesuai

- Sabun
- Besen air
- Alat peniup

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

1. Masuk dan kocakkan tiga sudu besar sabun mandi bayi (cecair) ke dalam besen yang berisi air untuk membentuk buih.
2. Masukkan alat peniup ke dalam buih sabun.
3. Tiup buih ke arah cahaya matahari. Warna pelangi akan kelihatan pada buih.

Gambar foto 10.5 Bahan bantu mengajar aktiviti buih pelangi

Standard Pembelajaran

10.4.5 Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai.

10.4.6 Melaksanakan aktiviti alam bahan berdasarkan perancangan.

10.4.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam bahan dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

10.4.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Pelaksanaan Aktiviti Alam Bahan

Sebelum

- Memastikan pengetahuan sedia ada kanak-kanak untuk topik yang diajar sesuai
- Memilih bahan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti menghasilkan pelangi
- Memastikan ruang aktiviti yang sesuai

Semasa

- Memastikan kanak-kanak memberi perhatian semasa pengajaran
- Mengatur masa dengan sebaik mungkin
- Melaksanakan aktiviti mengikut perancangan

Selepas

- Melakukan refleksi pengajaran
- Memastikan kawasan aktiviti dikemas secara bersama-sama
- Kanak-kanak mengaitkan aktiviti dengan pengalaman yang telah dilalui

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Alam Bahan

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Penyediaan aktiviti pengajaran adalah seperti
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	memastikan bahan yang digunakan mencukupi untuk setiap kanak-kanak. Pendidik juga perlu memastikan aspek keselamatan kanak-kanak semasa melakukan aktiviti, contoh lantai yang licin semasa aktiviti kerana penggunaan sabun. Aktiviti perlu dilakukan ketika ada sinar matahari untuk penghasilan warna-warna pelangi.
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra pembelajaran sains	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Cetusan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
17.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik					

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Alam Bahan

Standard Pembelajaran

10.4.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam bahan.

Jadual 10.3 Contoh refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti alam bahan

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1	Kanak-kanak berminat dengan aktiviti *hands-on*. Aktiviti menggunakan bahan sebenar	Ruang aktiviti akan becak dan licin kerana penggunaan sabun. Pendidik perlu sentiasa memastikan keselamatan kanak-kanak supaya tidak tergelincir atau jatuh	Pengasuh sentiasa mengelap sabun yang ada di lantai untuk mengelakkan kanak-kanak tergelincir
Rumusan keseluruhan:	Pengasuh perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah yang timbul tidak berulang lagi.		

Rumusan

Meneroka persekitaran memberi peluang kepada murid mengenali alam bahan yang ada di persekitaran mereka. Alam bahan merupakan antara kandungan pembelajaran dalam bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran. Rancangan Pelaksanaan Aktiviti berjaya dihasilkan mengikut kesesuaian umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun berdasarkan format yang telah dipelajari. Di samping itu, murid mampu memberi cadangan penambahbaikan untuk aktiviti seterusnya berdasarkan penilaian pengajaran dan refleksi yang telah dilakukan.

AKTIVITI

1. Bincang dalam kumpulan aktiviti alam bahan yang boleh dilakukan bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun. Bentangkan hasil perbincangan.
   (a) Nyatakan ciri bahan yang sesuai untuk aktiviti tersebut.
   (b) Bentangkan hasil perbincangan.
2. Senaraikan contoh aktiviti mengelas bagi aktiviti alam bahan.
   (a) Boleh membezakan pelbagai rasa (masam, masin, manis, pahit, panas, sejuk).
   (b) Bau (busuk, wangi, bau buah-buahan).
   (c) Membina bangunan menggunakan bongkah.
   (d) Membezakan jarak dan ruang.

10

LATIHAN

1. Tulis refleksi berdasarkan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan.
2. Nyatakan bahan bantu mengajar yang sesuai bagi topik alam bahan untuk kanak-kanak berusia 2 tahun.
3. Senaraikan contoh aktiviti mengelas bagi aktiviti alam bahan.

10.5 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran Melalui Aktiviti Alam Semesta

Aktiviti Kempen Cintai Alam Sekitar dan Projek Kitar Semula adalah kesedaran tentang alam semesta. Modul ini memberi kesedaran kepentingan penjagaan alam semesta untuk kehidupan. Kesedaran alam semesta sangat mempengaruhi kanak-kanak mencintai alam dan keagungan Pencipta.

Standard Pembelajaran

10.5.1 Menyatakan definisi alam semesta.

10.5.2 Menyenaraikan aktiviti alam semesta yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.

10.5.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam semesta kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.

Definisi Alam Semesta

Semua benda yang terdapat dalam alam, seperti bukit, gunung, gunung berapi, lautan, sungai, tasik, paya, langit, awan, hujan, pelangi, matahari dan bulan (Zurida, 2003).

Aktiviti Alam Semesta

Penjimatan air dan tenaga

2 hingga 3 tahun

Gotong royong membersihkan ruang TASKA

2 hingga 3 tahun

Projek Kitar Semula

3 hingga 4 tahun

Kempen Cintai Alam Sekitar

3 hingga 4 tahun

Gambar foto 10.6 Aktiviti alam sekitar

10

Kepentingan Aktiviti Alam Semesta

Kepentingan Aktiviti Alam Semesta

Membina kepekaan dan kesedaran tentang kewujudan alam semesta - bumi, bulan, matahari, bintang dan planet.

Contoh: menonton video tentang bumi dan alam semesta

Meningkatkan penghayatan terhadap alam sekitar dan kebesaran Tuhan.

Contoh: menonton video keindahan persekitaran

Membina sifat ingin tahu, suka meneroka dan menyelesaikan masalah.

Contoh: aktiviti *Nature Walk*

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

10.5.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Model Bintang, Bumi, Matahari dan Bulan				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran				
Hasil Pembelajaran	1. Pemahaman tentang alam angkasa seperti langit, bulan, bintang, matahari dan sebagainya 2. Meningkatkan penghayatan terhadap alam sekitar dan kebesaran Tuhan				
Tarikh	9/9/2020	**Hari**	Rabu	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak pernah melihat bulan dan matahari				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang belajar				

Senarai Bahan dan Alat:
1. Video 'Bintang-bintang di Langit'
2. Surat khabar
3. 3 saiz bola yang berbeza
4. Kotak terpakai
5. Tali
6. Gam
7. Warna air

Langkah Pelaksanaan

Permulaan:
1. Kanak-kanak duduk di ruang aktiviti pembelajaran dan bersedia untuk sesi pembelajaran.
2. Kanak-kanak menonton dan menyanyikan lagu "Bintang-bintang di Langit" bersama-sama.
3. Kanak-kanak bersoal jawab tentang lagu tersebut bersama pendidik.
4. Pendidik mengaitkan lagu dengan pembelajaran hari ini iaitu berkaitan bintang, bumi dan matahari.

Perkembangan kandungan PdP:
5. Kanak-kanak membaca dan mengeja perkataan bumi, bintang, bulan dan matahari dengan bimbingan pendidik.
6. Kanak-kanak membuat simulasi pergerakan 'bulan berputar mengelilingi bumi' dan 'bumi berputar mengelillingi matahari'.
7. Pendidik menunjukkan contoh model bulan, bintang, bumi dan matahari yang telah siap.
8. Kanak-kanak mendengar penerangan yang diberi oleh pendidik.
9. Kanak-kanak diberi bahan untuk membuat model bulan, bintang, matahari dan bumi.
10. Kanak-kanak mula membuat model dengan bimbingan pendidik

Penutup:
11. Pendidik mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak kerana berjaya mengikut aktiviti pada hari ini.
12. Pendidik bertanya kepada kanak-kanak perasaan mereka setelah tamat melakukan aktiviti tersebut.
13. Setiap kanak-kanak diberikan stiker yang bertulis VERY GOOD.

Langkah kontingensi:
Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.

Pengawasan:
1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti bersih dan kemas.
2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang selamat untuk digunakan.
3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi

Tandatangan Murid: **Pengesahan Guru:**

Tarikh: ..... **Tarikh:** .....

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang Kreatif

Standard Pembelajaran

10.5.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dari bahan terbuang dan alatan yang sesuai.

10.5.6 Melaksanakan aktiviti alam semesta berdasarkan perancangan.

Bahan bantu mengajar ketika aktiviti alam semesta hendaklah mengikut kesesuaian dan keperluan. Antara bahan bantu mengajar termasuk:

- Video 'Bintang-bintang di Langit'
- Surat khabar
- 3 saiz bola yang berbeza
- Kotak terpakai
- Tali
- Gam
- Warna air

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar
1. Kertas surat khabar dikoyak membentuk cebisan kecil.
2. Tambah gam pada cebisan kertas.
3. Tampal cebisan kertas dengan kemas di keliling bola.
4. Susun bola yang sudah siap ditampal dengan kertas. Keringkan.
5. Warnakan mengikut model yang telah disediakan oleh guru.

Gambar foto 10.7 Bahan bantu mengajar model matahari

Pelaksanaan Aktiviti Alam Semesta

Sebelum	Semasa	Selepas
• Memastikan pengetahuan sedia ada kanak-kanak untuk topik yang diajar sesuai • Memilih bahan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti menghasilkan pelangi • Memastikan ruang aktiviti yang sesuai	• Memastikan kanak-kanak memberi perhatian semasa pengajaran • Mengatur masa dengan sebaik mungkin • Melaksanakan aktiviti mengikut perancangan	• Melakukan refleksi pengajaran • Memastikan kawasan aktiviti dikemas secara bersama-sama • Kanak-kanak mengaitkan aktiviti dengan pengalaman yang telah dilalui

Penilaian Keberkesanan Aktiviti Alam Semesta dan Cadangan Penambahbaikan

Gambar foto 10.8 Kanak-kanak memegang replika planet bumi

Standard Pembelajaran

10.5.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam semesta dalam aspek:

(i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas

(ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar

10.5.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Pendidik perlu memastikan kanak-kanak bersedia untuk melakukan aktiviti pengajaran dan memastikan bahan bantu mengajar yang disediakan mencukupi supaya setiap kanak-kanak berpeluang untuk melakukan aktiviti. Pendidik juga perlu memastikan pelibatan setiap kanak-kanak semasa melakukan aktiviti simulasi.
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra pembelajaran sains	1	2	3	
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Cetusan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
14.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
17.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

Refleksi Pelaksanaan Aktiviti Alam Semesta

Standard Pembelajaran

10.5.9 Menghasilkan dokumentasi karya kreatif dari bahan terbuang.

Jadual 10.4 Contoh refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti alam semesta

Bil	Kekuatan	Kelemahan	Penambahbaikan
1	Kanak-kanak berminat dengan aktiviti model alam semesta	Minat tersebut tidak berkekalan	Buat nyanyian selingan bersama kanak-kanak
2	Kanak-kanak berjaya menghasilkan model alam semesta	Seorang kanak-kanak tidak berjaya menyiapkan tugasan kerana kesuntukan masa	Kurangkan aktiviti melukis dan menggunting
	Rumusan keseluruhan:	Pendidik perlu peka dengan keperluan kanak-kanak di TASKA supaya masalah yang timbul tidak berulang lagi.	

Dokumentasi Karya Kreatif Bahan Terbuang

Dokumentasi Portfolio
Hasil karya kanak-kanak didokumentasikan di dalam fail portfolio hasil kerja murid.

Pusat Hasil Kerja
Mempamerkan hasil karya kanak-kanak pada papan kenyataan hasil karya.

Dokumentasi Gambar dan Video
Hasil karya didokumentasikan melalui gambar dan video.

Rumusan

Alam semesta merupakan kandungan pembelajaran dalam bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran. Pelajaran ini juga membolehkan murid meneroka alam semesta seperti bumi, bulan, bintang dan matahari. Perancangan aktiviti pengajaran perlu mengikut kesesuaian tahap umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun. Namun, penambahbaikan pengajaran boleh dilakukan melalui penilaian dan refleksi pengajaran yang telah dipelajari.

AKTIVITI

1. Menonton video berkaitan kepentingan air, udara dan matahari kepada hidupan di dunia. PAK 21
2. Melakukan aktiviti lapangan di taman, pantai, air terjun, sungai atau hutan sambil menikmati dan memberi komen tentang keindahan alam.
3. Mencipta dan menyanyikan lagu kanak-kanak yang memuji keindahan alam dan keagungan Penciptanya.

LATIHAN

1. Nyatakan definisi alam semesta.
2. Cadangkan dua aktiviti alam semesta yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.
3. Terangkan kepentingan aktiviti alam semesta kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menamakan deria dan fungsi deria bayi dan kanak-kanak.			
Menyatakan maksud dunia persekitaran pada diri bayi dan kanak-kanak.			
Menyatakan empat fokus pembelajaran bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bagi kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bayi dan kanak-kanak.			
Merancang dan menyediakan sudut Awal Sains TASKA berdasarkan konsep 3E.			
Menilai kesesuaian bahan dan alat yang dipamerkan di sudut Awal Sains TASKA untuk kanak-kanak menggunakan kesemua deria mereka.			
Menyatakan definisi alam fizikal.			
Menyenaraikan aktiviti alam fizikal, hidupan, bahan dan semesta yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.			
Menerangkan kepentingan aktiviti alam fizikal terhadap perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.			
Menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai.			
Melaksanakan aktiviti alam fizikal berdasarkan perancangan.			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam fizikal.			
Menyatakan definisi alam hidupan.			
Menerangkan kepentingan aktiviti alam hidupan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.			
Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti alam hidupan.			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam hidupan.			
Menyatakan definisi alam bahan.			
Menerangkan kepentingan aktiviti alam bahan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.			
Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai.			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menyatakan definisi alam semesta.			
Menerangkan kepentingan aktiviti alam semesta kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.			
Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dari bahan terbuang dan alatan yang sesuai.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam semesta dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar			
Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.			
Menghasilkan dokumentasi karya kreatif dari bahan terbuang.			

MODUL 11

PERKEMBANGAN ESTETIKA DAN DAYA KREATIF

Standard Kandungan

11.1 Pengenalan kepada Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif

11.2 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Lukisan

11.3 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Kraf Tangan

11.4 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Permainan Perkusi

11.5 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Pergerakan Kreatif

Pengenalan

Modul ini merupakan pengenalan kepada perkembangan estetika dan daya kreativiti terhadap kanak-kanak TASKA. Di samping itu, modul ini juga menerangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak dan aktiviti kreativiti yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak TASKA.

11.1 Pengenalan Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif

Definisi Estetika dan Daya Kreatif

Estetika

Merupakan ilmu pengetahuan mengenai proses dan aturan dalam penciptaan suatu karya seni, yang diharapkan boleh menimbulkan perasaan positif bagi orang yang melihat dan merasakannya (Munawaroh, 2017).

Daya Kreatif

Merupakan suatu kemampuan dalam menciptakan perkara baharu atau cara-cara baharu yang berbeza daripada sesuatu yang sudah ada sebelumnya (Yasin, 2019).

Standard Pembelajaran

11.1.1 Menyatakan definisi estetika dan daya kreatif.

11.1.2 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai dengan perkembangan estetika dan daya kreativiti mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.

Aktiviti Perkembangan Estetika dan Daya Kreativiti

0 hingga 1 tahun

- Mendengar muzik (*nursery rhymes*, zikir) dan meniru bunyi muzik
- Menconteng
- Meniru perlakuan yang mudah

1 hingga 2 tahun

- Melukis
- Mewarna
- Meniru perlakuan dan gaya

2 hingga 3 tahun

- Menyanyi
- Menari ikut rentak muzik dan guna peralatan
- Menyatakan bentuk, warna dan konsep mengikut tahap kefahaman

3 hingga 4 tahun

- Melakonkan watak atau main peranan
- Bercerita sambil main muzik atau guna bahan dan peralatan
- Melakukan penulisan atau penciptaan kreatif

Rajah 11.1 Aktiviti perkembangan estetika dan daya kreativiti

Faktor Perkembangan Estetika dan Daya Kreativiti Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

11.1.3 Menerangkan faktor mempengaruhi perkembangan estetika dan daya kreativiti kanak-kanak.

11.1.4 Merancang dan menyediakan sudut untuk mempamerkan hasil daya kreativiti kanak-kanak.

Persekitaran: Persekitaran yang kondusif dan menyokong perkembangan kreativiti dan estetika kanak-kanak melalui penyediaan bahan dan sokongan ibu bapa

Pengetahuan sedia ada: Pengalaman sedia ada dalam diri kanak-kanak diubah menjadi pengetahuan dalam kognitif mereka. Pengetahuan ini akan mengukuhkan perkembangan estetika dan kreativiti kanak-kanak

Umur: Perkembangan kreativiti dan estetika banyak dipengaruhi oleh peringkat umur kanak-kanak dan tahap penguasaan mereka pada usia tertentu

Galakan ibu bapa: Galakan dan perhatian ibu bapa memberikan impak yang sangat besar terhadap perkembangan kreativiti dan estetika kanak-kanak kerana ibu bapa adalah individu yang akan memerhatikan perkembangan kanak-kanak sejak kecil lagi

Peranan Guru: Guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan kanak-kanak berjaya menguasai perkembangan kreativiti dan estetika melalui proses PdP dan interaksi seharian di dalam kelas

Sudut Mempamerkan Kreativiti Kanak-kanak

Sudut pameran hasil daya kreatif kanak-kanak perlulah dirancang dengan teliti. Sudut yang dirancang atau disediakan perlulah berpandukan aspek berikut:

- Menyatakan tema atau tajuk pameran
- Bahan yang dipamer adalah hasil kanak-kanak dan ia sesuai untuk dipamerkan
- Menyusun atur ruang, perabot atau bahan pameran yang sesuai dengan tema dan sesuai dengan umur kanak-kanak. Susunan perlulah kemas dan tersusun
- Info bahan yang dipamer perlu dinyatakan dan dilabelkan
- Ruang, bahan dan alatan yang dipamerkan perlulah selamat untuk kanak-kanak
- Persembahan pameran perlulah kreatif dan asli

Penilaian Kesesuaian Sudut Pameran

Standard Pembelajaran

11.1.5 Menilai kesesuaian sudut pameran yang disediakan.

11.1.6 Kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan estetika dan kreatif kanak-kanak.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
1.	Tema atau tajuk yang sesuai untuk pameran	1	2	3	Contoh penulisan penambahbaikan Menyediakan Sudut Maklum Balas pelawat pameran. Maklum balas tersebut adalah untuk mengetahui tahap kepuasan pelawat dan dapatan hasil pameran. Selain itu, hasil maklum balas adalah untuk penambahbaikan setiap kelemahan bagi meningkatkan mutu pameran pada masa akan datang.
2.	Susun atur	1	2	3	
3.	Kekemasan perabot dan bahan pameran	1	2	3	
4.	Bahan yang dipamerkan sesuai dan bertepatan	1	2	3	
5.	Info bahan yang dipamer	1	2	3	
6.	Kreativiti dan persembahan	1	2	3	
7.	Inovatif dan kreatif	1	2	3	
8.	Keaslian	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

11

Kepentingan Aktiviti Pembelajaran Perkembangan Estetika dan Kreatif Kanak-kanak

1 Melatih kanak-kanak membina idea sendiri

Kreativiti dapat membantu kanak-kanak berimaginasi tinggi dan melangkaui batas pemikiran biasa. Kanak-kanak akan menghasilkan idea yang asli dan tulen tanpa meniru atau menciplak idea orang lain.

2 Kanak-kanak akan lebih berkeyakinan

Kanak-kanak akan lebih berdikari untuk menyelesaikan sesuatu masalah mengikut kreativiti mereka sendiri tanpa meminta bantuan daripada orang lain.

3 Dapat melatih kanak-kanak minat mengkaji dan menyelidik

Kanak–kanak yang kreatif akan berusaha untuk mencari sesuatu penemuan baru mengenai hubungan antara idea mereka dengan bahan.

Rajah 11.2 Kepentingan aktiviti pembelajaran perkembangan estetika dan kreatif kanak-kanak

Rumusan

Pelaksanaan aktiviti estetika dan daya kreatif memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kanak-kanak. Hal ini kerana setiap aktiviti yang dijalankan akan memberi peluang untuk kanak-kanak menyampaikan perasaan, kebolehan dan keupayaan mereka dalam pelbagai cara. Malah aktiviti ini akan menggalakkan mereka untuk berfikir dan belajar membuat keputusan. Hasilnya, mereka akan gembira dengan hasil kerja atau hasil aktiviti yang dijalankan.

AKTIVITI

1. Dalam kumpulan, anda diminta untuk menyediakan sudut untuk mempamerkan hasil kreativiti kanak-kanak.
2. Setiap murid hendaklah menilai sudut pameran yang dihasilkan berpandukan borang di bawah:

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					
1.	Keaslian	1	2	3	
2.	Bahan yang dipamer	1	2	3	
3.	Info bahan yang dipamer	1	2	3	
4.	Susun atur dan kekemasan	1	2	3	
5.	Persembahan pameran yang kreatif dan inovatif	1	2	3	
	Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

3. Bentangkan hasil penilaian tersebut dengan memberi hujah kepentingan perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

LATIHAN

1. Lengkapkan jadual di bawah.

Peringkat umur	Contoh aktiviti estetika dan daya kreatif
1 hingga 2 tahun	
3 hingga 4 tahun	

2. Berikan faktor yang mempengaruhi perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.
3. Terangkan kepentingan aktiviti estetika dan daya kreatif kepada kanak-kanak.

11

11.2 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Lukisan

Perkembangan estetika dan daya kreatif melalui lukisan dapat membantu mengembangkan bakat dan kreativiti kanak-kanak. Karya seni biasanya terhasil daripada imaginasi atau ilham pemikiran kanak-kanak itu sendiri. Aktiviti melukis dapat memberi peluang kepada kanak-kanak menunjukkan kreativiti, menyerlahkan bakat dan potensi serta memberi kebebasan dan keseronokan kepada kanak-kanak untuk meluahkan perasaan dan imaginasi melalui lukisan.

Standard Pembelajaran

11.2.1 Menyenaraikan aktiviti melukis untuk merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

11.2.2 Menerangkan kepentingan aktiviti melukis kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

Aktiviti Melukis untuk Merangsang Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Kanak-kanak

Gambar foto 11.1 Aktiviti melukis merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak

Aktiviti melukis mampu merangsang perkembangan estetika dan daya kreativiti kanak-kanak. Hal ini kerana aktiviti seperti ini akan dapat membantu kanak-kanak mengasah kreativiti mereka. Kanak-kanak juga dapat meluahkan perasaan mereka ketika aktiviti ini dilakukan. Oleh itu, aktiviti ini membantu dalam meningkatkan perkembangan estetika dan daya kreativiti kanak-kanak.

Kepentingan Aktiviti Melukis kepada Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Kanak-kanak

- Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meluahkan perasaan dalam pelbagai cara.
- Mendidik kanak-kanak untuk menzahirkan emosi mereka melalui lukisan.
- Menggalakkan kanak-kanak berfikir.
- Meningkatkan daya imaginasi kanak-kanak terhadap persekitaran semula jadi.
- Mendidik kanak-kanak cara berkomunikasi dengan dan tanpa bahasa, serta membantu kanak-kanak untuk meneroka perkembangan pengetahuan mereka.

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

11.2.3 Menyediakan rancangan pelaksanaan aktiviti mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Mewarna (Tema Buah-Buahan)				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Lukisan				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak dapat menguasai deria rasa seperti masam, manis dan pahit 2. Kanak-kanak dapat menjawab soalan mudah mengenai buah-buahan 3. Kanak-kanak dapat mewarna buah-buahan				
Tarikh	17/3/2020	**Hari**	Selasa	**Masa**	10:30 - 11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 hingga 4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	1. Kanak-kanak sudah pandai memegang pensel 2. Kanak-kanak sudah mengenal warna				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti fizikal				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Buah-buah yang maujud 2. Gambar buah-buahan 3. Pensel warna					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik meminta kanak-kanak berkumpul dan mengambil tempat duduk masing-masing di ruang perbualan pagi (*morning circle*). 2. Kanak-kanak akan disoal berkaitan buah-buahan. 3. Pendidik menunjukkan kepada kanak-kanak gambar buah-buahan yang manis, masam dan pahit. 4. Kanak-kanak diminta membuat mimik muka berdasarkan rasa buah-buahan tersebut. 5. Pendidik meminta kanak-kanak menyebut nama dan merasa buah-buahan. 6. Pendidik mengaitkan set induksi dengan isi pelajaran pada hari tersebut. **Perkembangan kandungan PdP:** 7. Pendidik menunjuk cara mewarna kepada kanak-kanak. 8. Kanak-kanak mewarna mengikut pilhan warna yang sesuai. 9. Pendidik mengawasi kanak-kanak semasa melakukan aktiviti. 10. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak yang berjaya melakukan aktiviti. **Penutup:** 11. Kanak-kanak mempamerkan hasil kerja mereka. 12. Pendidik mengucapkan terima kasih kerana berjaya melakukan aktiviti.					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti mewarna bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang mewarna selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					
Penilaian dan Refleksi					
Tandatangan Murid:			**Pengesahan Guru:**		
Tarikh:			**Tarikh:**		

Penyediaan Bahan dan Alatan Melukis yang Sesuai serta Ruang untuk Aktiviti

Bahan dan alatan serta ruang yang boleh disediakan oleh pengasuh atau pendidik untuk aktiviti melukis.

Standard Pembelajaran

11.2.4 Menyediakan bahan dan alatan melukis yang sesuai serta ruang untuk aktiviti.

11.2.5 Melaksanakan berdasarkan perancangan.

Gambar foto 11.2 Bahan dan alatan untuk aktiviti melukis

Pelaksanaan Aktiviti Melukis

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR ini untuk melihat sudut estetika dan daya kreatif.

Aktiviti melukis dan mewarna perlu dirancang supaya mencapai objektif. Berikut ialah panduan rancangan pelaksanaan aktiviti untuk kanak-kanak:

Sebelum

- Rancang pelaksanaan aktiviti melukis dan mewarna untuk kanak-kanak menggunakan format borang yang disediakan sebagai rujukan dan panduan.
- Pilih aktiviti yang sesuai dengan tajuk yang dirancang dalam rancangan tahunan. Aktiviti yang dipilih juga perlu mengikut umur kanak-kanak.

Semasa

- Set induksi yang menarik akan dapat mendorong kanak-kanak memberikan perhatian kepada aktiviti yang dijalankan. Misalnya pendidik memberi kanak-kanak merasa buah-buahan sebelum mereka melukis dan mewarna gambar buah-buahan.
- Kanak-kanak diberikan pilihan untuk memilih gambar buah-buahan yang disukai oleh mereka.
- Pendidik menerangkan aktiviti melukis dan mewarna dengan jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.
- Pendidik menunjuk cara aktiviti melukis dan mewarna dijalankan.
- Kanak-kanak dibimbing oleh pendidik.
- Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak semasa melukis dan mewarna.

Selepas

- Kanak-kanak akan diberi peneguhan seperti ucapan syabas dan tepukan atas kejayaan melukis dan mewarna gambar buah-buahan.
- Kanak-kanak juga diberikan peluang untuk menceritakan mengenai buah-buahan yang telah siap diwarna.
- Hasil kerja kanak-kanak dipamerkan.
- Kanak-kanak diminta untuk sama-sama mengemas semula bahan dan alatan yang digunakan selepas aktiviti.

Penilaian Hasil Seni Lukis Bersama Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

11.2.6 Menilai hasil seni lukis bersama kanak-kanak.

Menilai hasil seni lukis yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Penilaian berpandukan borang di bawah:

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Penyediaan aktiviti pengajaran perlu memastikan kanak-kanak bersedia untuk melakukan aktiviti pengajaran dan memastikan bahan bantu mengajar yang disediakan mencukupi supaya setiap kanak-kanak berpeluang untuk melakukan aktiviti. Pendidik juga perlu
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan teknik	1	2	3	
4.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan kaedah	1	2	3	
5.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
6.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
7.	Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra pembelajaran estetika dan daya kreatif	1	2	3	

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian Bulatkan			Cadangan penambahbaikan
8.	Merangka peraturan sesuai untuk aktiviti yang dijalankan	1	2	3	memastikan pelibatan setiap kanak-kanak semasa melakukan aktiviti simulasi.
Semasa					
9.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
10.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	
11.	Memberikan penerangan di setiap langkah slot aktiviti	1	2	3	
12.	Memberikan jawapan dan respons yang baik kepada setiap pertanyaan kanak-kanak dengan baik	1	2	3	
13.	Menimbulkan perasaan ingin tahu kanak-kanak melalui pertanyaan berunsur KBAT	1	2	3	
Selepas					
15.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
16.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
17.	Melaksanakan tindakan susulan kepada kanak-kanak yang kurang memahami konsep	1	2	3	
Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik					

Pendokumentasian Aktiviti Melukis dan Mewarna

Standard Pembelajaran

11.2.7 Mendokumentasikan aktiviti melukis dan mewarna bersama-sama kanak-kanak.

Aktiviti melukis dan mewarna boleh didokumentasikan kepada dua cara iaitu:

1. Dokumentasi hasil lukisan dengan membuat buku skrap

(a) Hasil lukisan boleh didokumentasi dengan menghasilkan buku skrap.

(b) Contoh maklumat yang perlu ada pada buku skrap:

- Muka surat
- Pendahuluan
- Nama teknik lukisan yang dihasilkan
- Bahan-bahan dan alatan yang digunakan
- Langkah-langkah penyediaan
- Hasil lukisan
- Keistimewaan atau kesesuaian
- Penutup

2. Dokumentasi dengan menggunakan komputer atau ICT

- Dokumentasi penghasilan aktiviti lukisan juga boleh menggunakan kaedah aplikasi *Powerpoint* atau video rakaman.

Rumusan

Aktiviti seni kreatif melalui lukisan akan memberi peluang untuk kanak-kanak merealisasikan imaginasi mereka di dalam pelbagai cara. Antaranya aktiviti seni seperti melukis dan mewarna. Peranan pendidik sangat penting dalam membentuk kreativiti kanak-kanak. Kanak-kanak juga diberi peluang untuk melahirkan perasaan dan memperkembang daya kreativiti mereka mengikut kreativiti masing-masing. Pelibatan aktif kanak-kanak juga akan berupaya menggalakkan perkembangan kognitif dan psikomotor kanak-kanak, di samping memupuk nilai estetika.

AKTIVITI

1. Sediakan RPA yang lengkap mengikut format untuk aktiviti melukis yang sesuai mengikut umur kanak-kanak.
   (a) Jalankan aktiviti yang telah dirancang.
   (b) Nilaikan hasil seni lukis kanak-kanak berpandukan borang penilaian.
   (c) Sediakan sudut pameran hasil lukisan kanak-kanak tersebut.

LATIHAN

1. Senaraikan aktiviti melukis yang boleh merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.
2. Sediakan satu kain rentang untuk Pertandingan Mewarna Sempena Sambutan Hari Kanak-kanak peringkat daerah. Kain rentang yang dihasilkan perlulah mengandungi maklumat di bawah:
   (a) Tarikh, masa dan hari
   (b) Tajuk
   (c) Tempat
   (d) Syarat-syarat
   (e) Grafik dan warna yang sesuai
3. Terangkan kepentingan aktiviti melukis kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

11.3 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Kraf Tangan

Perkembangan estetika dan daya kreatif melalui kraf tangan merujuk kepada perkembangan kreatif dan ekspresi melalui imaginasi dan pemikiran kanak-kanak. Perkembangan ini penting untuk membantu kanak-kanak dalam membina keyakinan diri dan mengenali potensi diri.

Standard Pembelajaran

11.3.1 Menyenarai aktiviti kraf tangan untuk merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

Aktiviti Kraf Tangan

Antara aktiviti kraf tangan yang dapat merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak ialah seperti:

Origami

Boneka

Anyaman

Bingkai gambar

Kolaj

Gambar foto 11.3 Perkembangan estetika dan daya kreatif melalui kraf tangan

Kepentingan Aktiviti Kraf Tangan kepada Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

11.3.2 Menerangkan kepentingan aktiviti kraf tangan kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

11.3.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.

Kepentingan aktiviti kraf tangan kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak diterangkan seperti berikut:

- Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk merealisasikan imaginasi mereka melalui penghasilan kraf tangan.
- Memberi peluang kepada kanak-kanak meneroka dengan pelbagai bahan mewarna, melukis, bentuk, saiz dan fungsi sesuatu bahan dalam penghasilan sesuatu kraf tangan.
- Aktiviti kraf tangan secara *hands-on* dapat merangsang minat murid untuk melaksanakan aktiviti dan sekali gus mengukuhkan keyakinan di dalam diri kanak-kanak.
- Penyepaduan aktiviti kraf tangan dengan nilai estetika seperti warisan budaya, persekitaran dan keindahan alam dapat mengukuhkan daya ingatan kanak-kanak terhadap pengalaman pembelajaran mereka.
- Merangsang perasaan ingin tahu mengenai perubahan yang sentiasa berlaku di persekitaran mereka dan mengaplikasikan pengalaman tersebut dalam penghasilan kraf tangan.

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Menjalankan Aktiviti Kraf Tangan (Anyaman Tikar)				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Kraf Tangan				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak mengenal pasti bentuk anyaman 2. Kanak-kanak dapat memilih dan mengaplikasi bahan sesuai untuk hasilkan anyaman tikar 3. Kanak-kanak dapat menguasai kemahiran menganyam tikar				
Tarikh	10/9/2020	**Hari**	Khamis	**Masa**	10:30 - 11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak pernah melihat anyaman tikar				
Bilangan Kanak-kanak	5 orang				
Ruang	Ruang aktiviti fizikal				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Kertas putih A4 2. Kertas warna A4 3. Gunting					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik membawa kanak-kanak ke ruang aktiviti dan sediakan bahan dan alatan. 2. Pendidik bermesra terlebih dahulu dengan kanak-kanak sambil bertanya khabar dan berbual mengenai diri kanak-kanak. 3. Pendidik menunjukkan contoh hasil anyaman tikar kepada kanak-kanak dan mengaitkan dengan aktiviti yang akan dijalankan. **Perkembangan kandungan PdP:** 4. Pendidik memperkenalkan bahan-bahan yang perlu digunakan untuk membuat anyaman tikar. 5. Pendidik menunjukkan contoh cara membuat anyaman tikar. 6. Pendidik memerhati dan membimbing kanak-kanak dalam melakukan anyaman tikar. **Penutup:** 7. Kanak-kanak menunjukkan hasil kerja mereka di hadapan rakan yang lain. 8. Kanak-kanak diberikan pujian dan tepukan.					

Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti kraf tangan anyaman tikar bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang aktiviti kraf tangan anyaman tikar selamat untuk digunakan. 3. Kesihatan: pendidik perlu memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.
Penilaian dan Refleksi
Tandatangan Murid: **Pengesahan Guru:**
Tarikh: ..... **Tarikh:** .....

Penyediaan Bahan dan Alatan Kraf Tangan

Kraf tangan boleh dibuat daripada barang terpakai. Antara bahan dan alatan tersebut ialah:

Standard Pembelajaran

11.3.4 Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti kraf tangan.

11.3.5 Melaksanakan aktiviti kraf tangan berdasarkan perancangan.

Gambar foto 11.4 Penyediaan bahan dan alatan kraf tangan

Pelaksanaan Aktiviti Kraf Tangan

Aktiviti anyaman tikar perlu dirancang dengan teliti supaya mencapai objektif. Berikut ialah panduan rancangan pelaksanaan aktiviti anyaman tikar untuk kanak-kanak:

Sebelum

- Rancang pelaksanaan aktiviti anyaman tikar untuk kanak-kanak menggunakan format borang yang disediakan untuk rujukan dan panduan.
- Pilih aktiviti yang sesuai dengan tajuk yang dirancang dalam rancangan tahunan. Aktiviti yang dipilih juga perlu mengikut umur kanak-kanak.

Semasa

- Set induksi yang menarik akan dapat mendorong kanak-kanak memberikan perhatian kepada aktiviti yang dijalankan. Misalnya pendidik menunjukkan contoh anyaman tikar kepada kanak-kanak.
- Kanak-kanak diberikan pilihan untuk memilih warna yang disukai.
- Pendidik menerangkan aktiviti anyaman tikar dengan jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.
- Pendidik menunjuk cara bagaimana aktiviti anyaman tikar dijalankan.
- Kanak-kanak dibimbing oleh pendidik untuk membuat anyaman tikar.
- Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak semasa menganyam tikar.

Selepas

- Kanak-kanak akan diberi peneguhan seperti pujian dan tepukan atas kejayaan menghasilkan anyaman tikar.
- Hasil kerja kanak-kanak dipamerkan kepada rakan-rakan yang lain.
- Kanak-kanak diminta untuk sama-sama mengemas semula bahan dan alatan yang digunakan selepas aktiviti.

Pendokumentasian Aktiviti Kraf Tangan Bersama-sama Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

11.3.7 Mendokumentasikan aktiviti kraf tangan bersama kanak-kanak.

Aktiviti kraf tangan kanak-kanak dapat didokumentasikan dengan kaedah berikut:

1. **Dokumentasi hasil aktiviti kraf tangan bersama kanak-kanak dengan membuat buku skrap**
   (a) Penghasilan kraf tangan bersama kanak-kanak boleh didokumentasi dengan menghasilkan buku skrap.
   (b) Contoh maklumat yang perlu ada pada buku skrap:
   - Muka surat
   - Pendahuluan
   - Nama teknik kraf tangan yang dihasilkan
   - Bahan-bahan dan alatan yang digunakan
   - Langkah-langkah penyediaan
   - Hasil kraf tangan
   - Keistimewaan atau kesesuaian
   - Penutup
2. **Dokumentasi dengan menggunakan komputer atau ICT**
   - Dokumentasi penghasilan kraf tangan juga boleh menggunakan kaedah aplikasi *PowerPoint* atau video rakaman.

AKTIVITI

Standard Pembelajaran

11.3.6 Menilai aspek kreativiti kraf tangan yang dihasilkan oleh kanak-kanak.

1. Dalam kumpulan, sediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) menghasilkan kraf tangan bahan terbuang bersama kanak-kanak mengikut format.

2. Jalankan aktiviti menghasilkan kraf tangan dengan kanak-kanak mengikut perancangan yang disediakan. Kemudian nilaikan aspek kreativiti kraf tangan yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut. Penilaian mengikut format di bawah:

   Jadual penilaian hasil kraf tangan yang dihasilkan oleh kanak-kanak:

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian Bulatkan		
1	Bahan terbuang yang digunakan	1	2	3
2	Kreativiti	1	2	3
3	Kekemasan	1	2	3
4	Ketahanan	1	2	3
5	Keselamatan dan kesesuaian	1	2	3
Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik				

3. Dokumentasikan pelaksanaan aktiviti kraf tangan yang dijalankan bersama-sama kanak-kanak dalam bentuk rakaman video. PAK 21

LATIHAN

1. Senaraikan aktiviti kraf tangan yang merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.
2. Anda diminta untuk menghasilkan kraf tangan dengan menggunakan bahan terbuang. Pilih satu daripada bahan terbuang di bawah. Hasilkan kraf tangan untuk kanak-kanak.

(a) Berikan nama kraf tangan yang dihasilkan.
(b) Lakarkan kraf tangan yang akan dihasilkan dan labelkan bahan yang digunakan.
(c) Berikan tiga kelebihan kraf tangan tersebut.

11.4 Perkembangan Estetika Dan Daya Kreatif Melalui Permainan Perkusi

Perkembangan estetika dan daya kreatif melalui permainan perkusi merupakan keupayaan kanak-kanak untuk memproses maklumat dan menghasilkan sesuatu yang baru dan asli. Kanak-kanak juga akan memperoleh pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam penggunaan alat perkusi. Kreativiti kanak-kanak dapat dilihat melalui penerokaan dan pelibatan kanak-kanak semasa aktiviti dijalankan.

Standard Pembelajaran

11.4.1 Menyatakan definisi perkusi dan permainan perkusi.

11.4.2 Menyenaraikan bahan dan peralatan aktiviti permainan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak.

Definisi Perkusi dan Permainan Perkusi

Definisi perkusi
Perkusi merupakan alat muzik yang dimainkan dengan cara dipukul, ditabuh, digoyang, digosok atau menggunakan cara lain dengan menggunakan alat seperti tongkat ataupun dengan tangan kosong sehingga alat tersebut bergetar dan menghasilkan bunyi (Riyandi, 2015).

Definisi permainan perkusi
Permainan perkusi merupakan aktiviti yang menggunakan alat muzik untuk melakukan sesuatu upacara atau persembahan. Permainan perkusi adalah asas kepada permainan muzik yang lebih besar seperti orkestra. Bentuk persembahan menyerupai sebuah orkestra sebenar iaitu pemain berbaris mengikut kumpulan alat dan seorang konduktor akan mengawal persembahan (Emilia, 2014).

Senarai Bahan dan Peralatan Aktiviti Permainan Perkusi

Berikut adalah antara bahan dan peralatan aktiviti permainan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak:

Dram

Simbal

Marakas

Tamborin

Kayu Tik Tok

Kastanet

Loceng

Kerincing

Gambar foto 11.5 Peralatan aktiviti permainan perkusi

Kepentingan Aktiviti Permainan Perkusi terhadap Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Kanak-kanak

- Melatih kanak-kanak dalam koordinasi mata, pendengaran dan psikomotor.
- Menggalakkan kanak-kanak meneroka dan mengeksperimen pelbagai alat muzik termasuk penggunaan anggota tubuh badan mereka.
- Memupuk amalan kerjasama dan mendengar arahan kepada kanak-kanak ketika menggunakan alat perkusi.
- Membantu menguatkan daya tumpuan kanak-kanak dengan menggunakan alat perkusi.

Standard Pembelajaran

11.4.3 Menerangkan kepentingan aktiviti permainan perkusi terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

11.4.4 Mereka cipta dan menghasilkan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak.

Reka Cipta dan Penghasilan Perkusi yang Sesuai untuk Kanak-kanak

Nama alat permainan: Marakas Kreatif

Bahan dan alatan:
- Botol plastik
- Butang
- Gelung tisu
- Manik
- Kertas warna
- Gam
- Gunting

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

1. Bersihkan dan buang label pada botol.
2. Masukkan manik atau butang ke dalam botol.
3. Tutup kepala botol dengan penutup. Pastikan ditutup dengan kemas.
4. Lekatkan gelung tisu pada kepala botol menggunakan gam.
5. Balut kertas warna pada gelung tisu.
6. Hias marakas mengikut kreativiti.
7. Pastikan marakas kukuh dan selamat untuk dimainkan.



Rajah 11.3 Lakaran marakas kreatif

Pendokumentasian Penghasilan Perkusi dalam Bentuk Media yang Kreatif

Penghasilan perkusi boleh didokumentasikan dalam bentuk berikut:

1. **Dokumentasi hasil ciptaan perkusi dengan membuat buku skrap**
   (a) Penghasilan perkusi boleh didokumentasikan dengan menghasilkan buku skrap.
   (b) Contoh maklumat yang perlu ada pada buku skrap:
   - Muka surat
   - Pendahuluan
   - Nama penghasilan perkusi yang dihasilkan
   - Bahan-bahan dan alatan yang digunakan
   - Langkah-langkah penyediaan
   - Hasil penghasilan perkusi
   - Keistimewaan atau kesesuaian
   - Penutup
2. **Dokumentasi dengan menggunakan komputer atau ICT**
   - Dokumentasi penghasilan perkusi juga boleh menggunakan kaedah aplikasi *PowerPoint* atau video rakaman.

Standard Pembelajaran

11.4.5 Memainkan perkusi:
(i) Mengikut tempo laju dan lambat
(ii) Dengan ekspresi kuat dan lembut
(iii) Dengan *beat* yang konstan
(iv) Dengan iringan muzik
(v) Mengiringi lagu

11.4.6 Mendokumentasikan penghasilan perkusi dalam bentuk media yang kreatif.

Rumusan

Perkembangan estetika dan daya kreatif melalui alat perkusi dapat dijalankan dalam pelbagai aktiviti bersama kanak-kanak antaranya melalui nyanyian, pergerakan, pendengaran, penciptaan dan permainan alat perkusi. Ia bukan sahaja untuk berhibur malah akan turut menyumbangkan kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh yang meliputi perkembangan intelek, emosi dan juga fizikal.

AKTIVITI

1. Anda diminta menghasilkan alat perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak daripada bahan terbuang. Lakarkan gambar rajah alat perkusi yang hendak dihasilkan. Labelkan bahan-bahan digunakan dan warnakan dengan kreatif.
2. Dalam kumpulan, rancang dan jalankan aktiviti:
   (a) Memainkan perkusi dengan iringan muzik tradisional
   (b) Menyanyikan lagu kanak-kanak dengan iringan perkusi
   (c) Membuat persembahan pergerakan kreatif menggunakan perkusi yang dihasilkan
3. Dokumentasi penghasilan perkusi dalam bentuk media yang kreatif.

LATIHAN

1. Berikan definisi perkusi dan permainan perkusi.
2. Terangkan kepentingan aktiviti permainan perkusi kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.
3. Hujahkan sejauh manakah alat perkusi dapat membantu perkembangan daya kreatif kanak-kanak.

11.5 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Pergerakan Kreatif

Perkembangan estetika dan daya kreatif melalui pergerakan kreatif merupakan aktiviti yang melibatkan pergerakan kanak-kanak secara aktif dalam suasana pembelajaran muzik. Kanak-kanak diberi peluang untuk meluahkan perasaan dan emosi mereka semasa aktiviti dijalankan. Aktiviti ini dapat membantu perkembangan kanak-kanak dari aspek emosi, kognitif dan sosial.

Standard Pembelajaran

11.5.1 Menyatakan definisi pergerakan kreatif.

11.5.2 Menyenaraikan contoh aktiviti pergerakan kreatif yang sesuai untuk kanak-kanak.

11.5.3 Menerangkan kepentingan aktiviti pergerakan kreatif terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

Definisi Pergerakan Kreatif

Pergerakan kreatif merupakan kombinasi antara pergerakan anggota badan, irama dan daya kreativiti untuk melahirkan insan yang kreatif dan mempunyai daya ekspresi. Dengan kata lain, pergerakan kreatif bermaksud suatu tafsiran idea, perasaan atau tanggapan idea yang dapat dilakukan secara simbolik ketika melakukan pergerakan. Pergerakan kreatif dapat dilakukan secara bersendirian, berpasangan atau berkumpulan. Setiap pergerakan yang ditonjolkan adalah mengikut interpretasi dan penilaian kendiri (Muhamad, 2017).

Aktiviti Pergerakan Kreatif Kanak-kanak

Berikut adalah contoh aktiviti pergerakan kreatif yang sesuai untuk kanak-kanak:

- Mengikut pergerakan gaya haiwan dan kenderaan
- Menggunakan reben, gelung rotan dan belantan
- Menari mengikut irama
- Mengikut bunyi peralatan perkusi
- Mengikut lagu dan muzik

Kepentingan Aktiviti Pergerakan Kreatif

Kepentingan aktiviti pergerakan kreatif terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak diterangkan seperti berikut:

- Mempertajam imaginasi, kreativiti dan sensitiviti kanak-kanak dalam mencipta dan melakukan pergerakan kreatif
- Membina kesedaran dan apresiasi kanak-kanak terhadap bentuk yang indah dan seni dalam gerak tari
- Membina keyakinan diri, kepastian dan kepuasan dalam diri kanak-kanak ketika menyelesaikan masalah yang berhubung dengan prinsip-prinsip asas mengenai corak pergerakan
- Membina keyakinan diri, kepastian dan kepuasan di dalam diri kanak-kanak ketika menyelesaikan masalah yang berhubung dengan prinsip-prinsip asas mengenai corak pergerakan
- Pergerakan kreatif membantu mengukuhkan kemahiran mendengar dan mengekspresi melalui pergerakan

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

11.5.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti					
Tajuk Aktiviti	Aktiviti Pergerakan Kreatif				
Bidang Pembelajaran	Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif Melalui Pergerakan Kreatif				
Hasil Pembelajaran	1. Kanak-kanak mengenal pasti jenis pergerakan kreatif 2. Kanak-kanak dapat memilih dan mengaplikasi bahan sesuai untuk aktiviti 3. Kanak-kanak dapat menguasai pergerakan kreatif				
Tarikh	23/9/2020	**Hari**	Isnin	**Masa**	10:30 - 11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 hingga 4 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	1. Kanak-kanak sudah boleh melakukan pergerakan 2. Kanak-kanak boleh mendengar dengan baik				
Bilangan Kanak-kanak	10 orang				
Ruang	Ruangan aktiviti				
Senarai Bahan dan Alat: 1. Speaker 2. Video 'Kalau Rasa Gembira' 3. Projektor					
Langkah Pelaksanaan					
Permulaan: 1. Pendidik bermesra dan berbual sambil bertanya khabar dengan kanak-kanak. 2. Pendidik menerangkan aktiviti yang akan dijalankan kepada kanak-kanak. 3. Pendidik mula memasang video lagu 'Kalau Rasa Gembira' dan meminta kanak-kanak menonton pergerakan yang ditunjukkan pada tayangan projektor. **Perkembangan kandungan PdP:** 4. Pendidik memasang video lagu 'Kalau Rasa Gembira' untuk kali kedua dan meminta kanak-kanak cuba mengikut bersama pergerakan yang dibuat oleh pengasuh. 5. Pendidik juga meminta kanak-kanak ikut menyanyi bersama-sama sambil membuat pergerakan mengikut tayangan projektor. 6. Pendidik memberi galakan dan bimbingan yang berterusan kepada kanak-kanak dalam membuat pergerakan kreatif. **Penutup:** 7. Pendidik memberi pujian kepada kanak-kanak. 8. Pendidik ucapkan terima kasih kepada kanak-kanak.					
Langkah kontingensi: Sekiranya kanak-kanak tidak mahu melakukan aktiviti, pendidik memberi dorongan kepada kanak-kanak supaya melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan-rakannya.					
Pengawasan: 1. Kebersihan: pendidik hendaklah sentiasa memastikan bahan, alatan dan ruang serta tempat aktiviti pergerakan kreatif yang dijalankan bersih dan kemas. 2. Keselamatan: pendidik memastikan bahan dan peralatan serta ruang yang selamat digunakan untuk aktiviti pergerakan kreatif. 3. Kesihatan: pendidik perlu memastikan kanak-kanak sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.					
Penilaian dan Refleksi					
Tandatangan Murid:			**Pengesahan Guru:**		
Tarikh:			**Tarikh:**		

Penyediaan Bahan dan Alatan yang Sesuai untuk Aktiviti Pergerakan Kreatif

Standard Pembelajaran

11.5.5 Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai dengan aktiviti.

11.5.6 Menunjuk cara dan melaksana aktiviti pergerakan kreatif.

Berikut adalah antara bahan dan alatan yang sesuai dengan aktiviti pergerakan kreatif:

Bahan

Radio



VCD

Komputer

Alat

Gelung

Tali

Alat perkusi

Gambar foto 11.6 Penyediaan bahan dan alatan untuk aktiviti pergerakan kreatif

Tunjuk Cara dan Pelaksanaan Aktiviti Pergerakan Kreatif

Aktiviti pergerakan kreatif perlu dirancang dengan teliti supaya mencapai objektif. Berikut ialah panduan rancangan pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif untuk kanak-kanak:

Sebelum

- Rancang pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif untuk kanak-kanak menggunakan format borang yang disediakan untuk rujukan dan panduan.
- Pilih aktiviti yang sesuai dengan tajuk yang dirancang dalam rancangan tahunan. Aktiviti yang dipilih juga perlu mengikut umur kanak-kanak.

Semasa

- Set induksi yang menarik akan dapat mendorong kanak-kanak memberikan perhatian kepada aktiviti yang dijalankan. Misalnya pendidik menunjukkan tayangan video kepada kanak-kanak.
- Tayangan video itu hendaklah berkaitan dengan aktiviti yang akan dijalankan.
- Pendidik menerangkan aktiviti pergerakan kreatif dengan jelas dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.
- Pendidik menunjuk cara aktiviti itu dijalankan.
- Kanak-kanak perlu membuat pergerakan sambil menyanyi lagu 'Kalau Rasa Gembira'.
- Kanak-kanak dibimbing oleh pendidik untuk melakukan pergerakan.
- Kanak-kanak diberi peluang untuk membuat pergerakan kreatif sehingga mereka berjaya lakukan dengan baik.
- Kanak-kanak membuat persembahan pergerakan kreatif yang dipelajari secara beramai-ramai.
- Pendidik memberi pujian kepada semua kanak-kanak yang membuat pergerakan sambil menyanyi lagu 'Kalau Rasa Gembira'.

Selepas

- Kanak-kanak diberi peneguhan seperti stiker *VERY GOOD* dan tepukan atas kejayaan menjayakan aktiviti seperti dirancang.
- Pendidik mengucapkan terima kasih kepada kanak-kanak atas kerjasama menjayakan aktiviti.
- Kanak-kanak diminta untuk sama-sama mengemas semula bahan dan alatan yang digunakan selepas aktiviti.

Penilaian dan Penambahbaikan Pergerakan Kreatif

Standard Pembelajaran

11.5.7 Menilai dan menambah baik pergerakan kreatif yang dihasilkan.

Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif yang dihasilkan oleh kanak-kanak.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh penulisan penambahbaikan Penyediaan aktiviti pengajaran perlu memastikan kanak-kanak bersedia untuk melakukan aktiviti pengajaran dan memastikan bahan bantu mengajar yang disediakan
1.	Persediaan sebelum aktiviti	1	2	3	
2.	Kesesuaian bahan bantu mengajar dengan aktiviti	1	2	3	
3.	Memastikan bahan pengajaran mencukupi dan selamat	1	2	3	
4.	Menentukan objektif sesuai mengikut tahap usia kanak-kanak	1	2	3	
5.	Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra pembelajaran estetika dan daya kreatif	1	2	3	
Semasa					
6.	Memastikan kanak-kanak bersedia untuk menerima pengajaran	1	2	3	
7.	Memerhatikan tindak balas kanak-kanak semasa melakukan aktiviti	1	2	3	

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
8.	Memberikan penerangan di setiap langkah aktiviti	1	2	3	mencukupi supaya setiap kanak-kanak berpeluang untuk melakukan aktiviti. Pendidik juga perlu memastikan pelibatan setiap kanak-kanak semasa melakukan aktiviti simulasi.
9.	Aktiviti disertai oleh kanak-kanak secara aktif	1	2	3	
Selepas					
10.	Menulis refleksi kendiri dan pengajaran	1	2	3	
11.	Melaksanakan pentaksiran kepada setiap kanak-kanak	1	2	3	
12.	Memberi peneguhan dan penghargaan kepada kanak-kanak	1	2	3	
Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik					

Rumusan

Pergerakan kreatif merupakan elemen yang penting dalam membantu perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. Mempelajari pergerakan kreatif dapat membantu kanak-kanak menunjuk bakat kreatif dan potensi mereka yang berbeza. Di samping itu, melalui pergerakan juga akan dapat memberikan mereka peluang untuk berinteraksi dan bersosial.

11

AKTIVITI

1. Rancang aktiviti senamrobik secara berkumpulan untuk kanak-kanak 3 hingga 4 tahun. Sediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti yang lengkap mengikut format.
   (a) Dalam kumpulan, lakukan demonstrasi pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif berdasarkan RPA yang telah disediakan.
   (b) Jalankan aktiviti senamrobik bersama kanak-kanak, lakukan penilaian terhadap aktiviti tersebut mengikut cadangan penambahbaikan berdasarkan contoh borang yang telah dipelajari.

LATIHAN

1. Berikan definisi pergerakan kreatif.
2. Senaraikan bahan dan alatan yang sesuai dengan aktiviti yang dijalankan untuk aktiviti pergerakan kreatif. Lengkapkan jadual di bawah:

Nama aktiviti pergerakan kreatif	Bahan dan alatan yang digunakan

3. Terangkan kepentingan aktiviti pergerakan kreatif kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menyatakan definisi estetika dan daya kreatif.			
Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk perkembangan estetika dan daya kreatif mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.			
Menerangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Merancang dan menyediakan sudut untuk mempamerkan hasil daya kreativiti kanak-kanak.			
Menilai kesesuaian sudut pameran yang disediakan.			
Menghuraikan kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Menyenaraikan aktiviti melukis untuk merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti melukis kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.			
Menyediakan bahan dan alatan melukis yang sesuai serta ruang untuk aktiviti.			
Melaksanakan berdasarkan perancangan.			
Menilai hasil seni lukis bersama kanak-kanak.			
Mendokumentasikan aktiviti melukis dan mewarna bersama-sama kanak-kanak.			
Menyenaraikan aktiviti kraf tangan untuk merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti kraf tangan terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti kraf tangan.			
Melaksanakan aktiviti kraf tangan berdasarkan perancangan.			
Mendokumentasikan aktiviti kraf tangan bersama-sama kanak-kanak.			
Menyatakan definisi perkusi dan permainan perkusi.			
Menyenaraikan bahan dan peralatan aktiviti permainan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti permainan perkusi terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Mereka cipta dan menghasilkan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak.			
Memainkan perkusi mengikut tempo laju dan lambat, dengan ekspresi kuat dan lembut, dengan beat yang konstan, dengan iringan muzik dan mengiringi lagu.			
Mendokumentasikan penghasilan perkusi dalam bentuk media yang kreatif.			
Menyatakan definisi pergerakan kreatif.			
Menyenaraikan contoh aktiviti pergerakan kreatif yang sesuai untuk kanak-kanak.			
Menerangkan kepentingan aktiviti pergerakan kreatif terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.			
Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.			
Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai dengan aktiviti.			
Menunjuk cara dan melaksanakan aktiviti pergerakan kreatif.			
Menilai dan menambah baik pergerakan kreatif yang dihasilkan.			

11

MODUL 12 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TASKA

Standard Kandungan

12.1 Pengurusan Rekod TASKA
12.2 Pengurusan Ruang Pembelajaran
12.3 Penyediaan Alat Permainan Bayi dan Kanak-kanak
12.4 Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti
12.5 Pemeliharaan Alam Sekitar

Pengenalan

Sebagai seorang pendidik atau pengasuh, terdapat beberapa perkara asas berkaitan pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (APAK) dalam aspek pengurusan dan pentadbiran perlu diambil tahu dan berupaya untuk mengingatinya. Pada masa yang sama, memahami, menterjemahkan dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang APAK supaya dapat diaplikasikan dalam situasi yang dihadapi berkaitan aspek pengurusan dan pentadbiran TASKA. Pendidik atau pengasuh juga haruslah berkebolehan menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik. Penilaian terhadap pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi perlu dilakukan dengan berkesan supaya dapat mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif. Oleh itu, idea secara kreatif atau inovatif dapat dizahirkan dalam bentuk yang *tangible*, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

12.1 Pengurusan Rekod TASKA

Penyimpanan dan penyelenggaraan rekod merupakan elemen yang penting dalam membantu melancarkan pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi atau perniagaan. Pengurusan rekod TASKA adalah bertujuan untuk menyimpan catatan mengenai segala aktiviti yang dijalankan di TASKA selain membantu meningkatkan sistem fail dan pentadbiran. Rekod ini bertindak sebagai sumber maklumat dan rujukan yang akan menjadi asas kepada perancangan di TASKA.

Standard Pembelajaran

12.1.1 Menyenaraikan jenis rekod yang terdapat di TASKA berdasarkan kategori kanak-kanak, kakitangan dan pengurusan.

12.1.2 Menerangkan fungsi dan kepentingan setiap jenis rekod.

12.1.3 Mengenal pasti cara penyimpanan dan penyelenggaraan rekod yang sistematik.

Jenis Rekod, Fungsi dan Kepentingan Rekod di TASKA

Jadual 12.1 Jenis rekod, fungsi dan kepentingan rekod di TASKA

Perkara	Jenis rekod	Fungsi dan Kepentingan Rekod
Rekod kanak-kanak	1. Rekod Peribadi 2. Rekod Kedatangan 3. Rekod Kesihatan 4. Rekod Kemajuan/Perkembangan 5. Rekod Hasil Kerja 6. Rekod Log Harian	• Penyelia dan pengasuh dapat mengetahui dan memastikan bilangan kehadiran kanak-kanak dan sebab ketidakhadiran. • Mereka juga dapat merancang jadual dan tugas pekerja, memastikan dan menjamin kegiatan TASKA berjalan dengan lancar serta bilangan pekerja mencukupi dengan bilangan kanak-kanak.
Rekod kakitangan	1. Rekod Peribadi 2. Rekod Kedatangan 3. Rekod Kesihatan 4. Rekod Pelantikan 5. Rekod Gaji 6. Rekod Elaun 7. Rekod Insentif 8. Rekod Cuti dan Latihan	• Memastikan data peribadi kakitangan TASKA direkodkan sebagai rujukan pihak yang berkenaan. • Meninjau prestasi kakitangan TASKA melalui rekod kedatangan, rekod cuti dan latihan serta rekod pelantikan kakitangan TASKA.
Rekod pengurusan	1. Rekod TASKA 2. Rekod Inventori 3. Rekod Kewangan 4. Rekod Pelawat 5. Rekod Perancangan Tahunan, Bulanan dan Mingguan	• Melaksanakan perancangan secara efektif dan tersusun. • Menjelaskan hala tuju TASKA. • Menentukan keputusan yang perlu dibuat. • Mengukur prestasi organisasi.

Cara Penyimpanan dan Penyelenggaraan Rekod yang Sistematik

Jadual 12.2 Cara penyimpanan dan penyelenggaraan rekod yang sistematik

Cara penyimpanan rekod	Cara penyelenggaraan rekod
Pengurus TASKA melabel setiap jenis fail yang berkaitan Rekod TASKA mengikut kategori	Melakukan proses pengasingan rekod yang tidak diperlukan
Memastikan setiap borang, surat makluman dan rekod diletakkan pada fail yang berkaitan	Senarai semak tarikh penyelenggaraan rekod bulanan disediakan
Setiap rekod diasingkan mengikut pengelasan fail seperti sulit, terhad dan terbuka	Melakukan pengemaskinian secara berkala bagi memastikan rekod sentiasa dikemas kini

Merekod Maklumat Kanak-kanak, Kakitangan dan Pengurusan TASKA

Standard Pembelajaran

12.1.4 Merekod maklumat kanak-kanak, kakitangan dan pengurusan TASKA berdasarkan format yang betul.

TASKA Comel Kasih
No 10 Jalan Melati Indah, 68000 Kuala Lumpur
Tel: 019-2222222

Dokumen yang perlu disertakan
a. 2 salinan sijil lahir
b. 1 salinan KP ibu dan bapa
1 salinan slip gaji ibu dan bapa

Yuran Bulanan: _____

Tarikh Daftar: _____

A. Butir-Butir peribadi kanak-kanak

Nama anak: _____

Tarikh lahir: _____ Umur: _____ tahun _____ bulan _____

No surat lahir: _____ No Mykid: _____

Jantina: Lelaki/Perempuan Keturunan: _____ Agama: _____

Alamat rumah: _____

_____

No tel H/P: _____ (bapa) _____ (ibu) _____ (penjaga)

Penyakit-penyakit berat yang pernah dihidapi/alahan kepada makanan dan ubat-ubatan pada tubuh badan (jika ada):-

_____

_____

B. Maklumat ibu bapa/penjaga

Nama bapa: _____

Tarikh lahir: _____ No KP: _____

Kelulusan akademik tertinggi: _____

Pekerjaan: _____ Pendapatan: _____

Rajah 12.1 Borang maklumat kanak-kanak

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR ini untuk mendapatkan borang maklumat kanak-kanak yang penuh.

Nama ibu: _____

Tarikh lahir: _____ No KP: _____

Kelulusan akademik tertinggi: _____

Pekerjaan: _____ Pendapatan: _____

Nama majikan: _____

Alamat pejabat: _____

_____

No tel. pejabat: _____

C. Nama orang yang perlu dihubungi sekiranya berlaku kecemasan selain daripada ibu bapa

Nama: _____

Alamat: _____

_____

Pekerjaan: _____ No. tel: _____

Pertalian persaudaraan: _____

Segala maklumat yang diberi oleh saya di halaman 1 dan 2 adalah benar-benar belaka.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Hubungan dengan kanak-kanak : _____ (IBU/BAPA/PENJAGA) *Potong mana yang tidak berkenaan

Tarikh : _____

D. Bayaran Pendaftaran/Bayaran Pendaftaran Tahunan

Tarikh daftarkan anak: _____

Masa jagaan: Jam _____ hingga _____

Kadar yuran bulanan: _____ (dibayar pada awal bulan)

Yuran pendaftaran: _____

Yuran bulanan: _____

Jumlah: _____

Tarikh: _____

Rajah 12.1 Borang maklumat kanak-kanak

REKOD PERIBADI PEKERJA

Nama : _____

Jawatan : _____

No KP : _____

Jantina : _____

Bangsa : _____

Agama : _____

Warganegara : _____

Status perkahwinan : _____

Alamat rumah : _____

_____ No. Telefon : _____

Orang boleh dihubungi ketika kecemasan : _____

No. Telefon : _____ Hubungan : _____

Kelayakan akademik : _____

Pengalaman bekerja dalam bidang kanak-kanak :

1. _____
2. _____
3. _____

Kursus yang pernah dihadiri:

1. _____
2. _____
3. _____

Rajah 12.2 Rekod peribadi pekerja

BUKU PELAWAT TASKA MANJA 2020

Bil	Masa	Nama pelawat	Agensi/Alamat	Urusan/Tujuan	Pendidik/pengasuh yang berurusan	Tandatangan
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
10.						
11.						
12.						
13.						
14.						
15.						

Rajah 12.3 Rekod buku pelawat TASKA Manja 2020

PERANCANGAN TAHUNAN TASKA SAYANG QADRIENA 2020

TARIKH	MASA	AKTIVITI
JANUARI	9:00 pagi - 11:00 pagi	Hari suai kenal khusus untuk ibu bapa yang baru mendaftar untuk mengenali pendidik dan melihat persekitaran TASKA
MAC	9:00 pagi - 11:00 pagi	Program kesihatan dan kebersihan
APRIL	9:00 pagi - 11:00 pagi	Program *Green Day*
MEI	9:00 pagi - 11:00 pagi	Sambutan Hari Guru
SEPANJANG TAHUN	3:00 petang - 4:30 petang	Sambutan Majlis Hari Jadi untuk ibu bapa yang terlibat mengikut tarikh lahir anak masing-masing
JUN & NOVEMBER	3:00 petang - 4:30 petang	Perjumpaan dua kali setahun mengenai perkembangan kanak-kanak antara umur 2 hingga 4 tahun
OGOS	2:00 petang - 4:30 petang	Sambutan Hari Raya Aidilfitri Sambutan Hari Merdeka
OKTOBER	9:00 pagi - 11:00 pagi	Sukaneka
DISEMBER	10:00 pagi - 2:00 petang	Hari Terbuka TASKA khusus untuk pendaftaran baru dan perancangan aktiviti 2021

Rajah 12.4 Perancangan tahunan

REKOD KEWANGAN TASKA ANAKKU TASNIM

BULAN:_____

REKOD KUTIPAN YURAN

NO	NAMA	JUMLAH YURAN BULANAN	NAMA PENJAGA	LEBIHAN MASA	NO RESIT	TARIKH	CATATAN

REKOD PERBELANJAAN HARIAN TASKA

HARI:_____ **TARIKH:**_____

NO	PERKARA	KUANTITI	JUMLAH	NO RESIT	CATATAN

Rajah 12.5 Rekod kewangan

INVENTORI BARANG

Tempat/Lokasi : _____

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti

a) Disediakan oleh:

_____
Tandatangan

Nama: _____
Jawatan: _____
Tarikh: _____

b) Disahkan oleh:

_____
Tandatangan

Nama: _____
Jawatan: _____
Tarikh: _____

1. Disediakan oleh Pengusaha atau Pengurus.
2. Orang yang mengesahkan ialah orang yang bertanggungjawab atas aset berkenaan contohnya:
   (a) Lokasi bilik – disahkan oleh pengasuh.
   (b) Lokasi pejabat – disahkan oleh orang yang menguruskan ruang pejabat.
3. Dikemas kini apabila terdapat perubahan kuantiti, lokasi atau penjaga yang bertanggungjawab.

Rajah 12.6 Inventori barang TASKA

Kaedah yang Selamat untuk Menyimpan Rekod TASKA

Standard Pembelajaran

12.1.5 Mengusulkan kaedah yang selamat untuk penyimpanan rekod di TASKA.

Rekod TASKA boleh disimpan melalui dua kaedah iaitu:

Penyimpanan secara manual

- Rekod pengurusan TASKA disimpan ke dalam fail secara manual.
- Fail akan dilabel menggunakan nombor atau warna mengikut jenis rekod yang terdapat di TASKA, berdasarkan kategori untuk memudahkan pencarian.
- Maklumat di dalam fail disusun mengikut kumpulan umur bayi dan kanak-kanak.
- Contoh: semua jenis fail rekod di TASKA seperti rekod kehadiran, rekod kakitangan dan lain-lain.

Penyimpanan menggunakan komputer atau ICT

- Pengurusan penyimpanan rekod di TASKA juga boleh memilih untuk menggunakan kaedah pendokumentasian.
- Maklumat pelanggan dimasukkan melalui perisian komputer iaitu aplikasi dalam talian dan kemudian terus disimpan di dalam komputer.
- Pengurusan sebegini dapat menjimatkan penggunaan ruang dan memudahkan pencarian maklumat dengan cepat.
- Contoh: laman web *National Child Data Centre (NCDC).*

Rumusan

Pengurusan rekod yang baik dan sistematik dapat membantu dalam menentukan kelancaran pentadbiran sesebuah TASKA. Rekod-rekod di TASKA perlulah lengkap dan mengikut SOP yang ditetapkan. Pengurusan dan pentadbiran yang berkesan akan dapat menghasilkan TASKA yang berkualiti dan cemerlang.

AKTIVITI

1. Membuat lawatan ke TASKA berhampiran dan mengenal pasti rekod yang disediakan oleh TASKA. Bincangkan dalam kumpulan hasil lawatan tersebut dan buat pembentangan.
   (a) Dalam kumpulan, rangka format merekod dengan menggunakan komputer.
   (b) Buat latihan merekod maklumat kanak-kanak dan kakitangan TASKA dengan menggunakan format yang telah dirangka.
   (c) Buat perbandingan antara merekod menggunakan kaedah manual dengan kaedah komputer atau perisian. Bincangkan.

LATIHAN

1. Senaraikan jenis-jenis rekod yang terdapat di TASKA. Isikan jadual di bawah:

Perkara	Jenis-jenis Rekod
Kanak-kanak	
Kakitangan	
Pengurusan	

2. Penyimpanan rekod yang sistematik dan teratur akan membantu pengurusan TASKA. Bincangkan.
3. Cadangkan dan terangkan satu kaedah pengurusan rekod TASKA yang baik dan berkesan.

12.2 Pengurusan Ruang Pembelajaran

TASKA ialah sebuah premis untuk menjaga, mengasuh dan mendidik kanak-kanak dengan sebaik mungkin. TASKA yang baik dan berkualiti ialah TASKA yang menyediakan kemudahan yang lengkap, selamat dan selesa kepada kanak-kanak termasuk penyediaan ruang pembelajaran. Pengasuh bertanggungjawab memastikan setiap ruang pembelajaran sesuai dan selamat untuk pergerakan kanak-kanak. Setiap ruang yang disediakan hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sudah ditetapkan sama ada oleh pihak pengurusan TASKA atau agensi yang terlibat dengan pendaftaran sesebuah TASKA dan juga mempunyai kelengkapan yang mencukupi mengikut fungsi setiap ruang pembelajaran untuk kanak-kanak.

Standard Pembelajaran

12.2.1 Menamakan empat jenis ruang pembelajaran mengikut aktiviti di TASKA.

12.2.2 Menjelaskan kepentingan disediakan ruang pembelajaran yang kondusif di TASKA.

Jenis Ruang Pembelajaran

Ruang bahasa, komunikasi dan literasi awal

Ruang motor halus

Ruang motor kasar



Ruang main dan meniru peranan

Rajah 12.7 Jenis ruang pembelajaran

Kepentingan Ruang Pembelajaran yang Kondusif di TASKA

Standard Pembelajaran

12.2.2 Menjelaskan kepentingan disediakan ruang pembelajaran yang kondusif di TASKA.

12.2.3 Menerangkan panduan penyediaan ruang pembelajaran untuk kanak-kanak.

- Memudahkan interaksi antara kanak-kanak dengan kanak-kanak dan pendidik dengan kanak-kanak.
- Memberikan keselesaan semasa kanak-kanak bergerak dalam ruang pembelajaran semasa aktiviti dijalankan.
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa serta keadaan fizikal ruang pembelajaran yang bersih, kemas dan teratur.
- Membangkitkan semangat belajar sambil kanak-kanak bermain dalam ruang pembelajaran.
- Proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan dan menggembirakan kanak-kanak.
- Memotivasikan kanak-kanak supaya bersedia untuk belajar, mengurus kanak-kanak supaya mempunyai disiplin diri serta menggerakkan persediaan kanak-kanak dengan aktiviti dan interaksi positif.

Panduan Penyediaan Ruang Pembelajaran untuk Kanak-kanak

Setiap kanak-kanak mempunyai gaya belajar, keperluan, minat dan latar belakang yang berbeza. Justeru, pendidik perlu bijak menyusun atur ruang mengikut ruang aktiviti agar dapat memenuhi setiap keperluan kanak-kanak dan memastikan setiap kanak-kanak beroleh ilmu pengetahuan yang sewajarnya dalam pembelajaran yang menggembirakan.

1 Selesa, mendapat cahaya yang cukup dan peredaran udara yang baik	**2** Susun atur peralatan memudahkan pergerakan kanak-kanak	**3** Ruang pembelajaran diwujudkan di dalam dan di luar kelas
4 Pelbagai guna	**5** Sentiasa bersih, ceria, menarik dan selamat	**6** Ruang dan susun atur boleh diubah mengikut situasi dan aktiviti pembelajaran

Lakaran dan Label Pelan Lantai Ruang Aktiviti TASKA

Standard Pembelajaran

12.2.4 Melakar dan melabel pelan lantai ruang aktiviti di dalam dan di luar TASKA.

Contoh lakaran dan label pelan lantai ruang aktiviti di dalam dan di luar TASKA.



Rajah 12.8 Lakaran dan label pelan lantai ruang aktiviti TASKA

Lakaran Ruang Permainan Luar



Rajah 12.9 Lakaran ruang permainan luar

Lakaran Pelan Lantai serta Pemilihan Perabot, Peralatan dan Bahan

Standard Pembelajaran

12.2.5 Melengkapkan pelan lantai ruang pembelajaran dengan lakaran perabot, peralatan dan bahan yang berkaitan.

Berikut merupakan antara lakaran pelan lantai serta pemilihan perabot, peralatan dan bahan mengikut ruang berkenaan:



Rajah 12.10 Ruang komunikasi dan perkembangan bahasa



Rajah 12.11 Ruang manipulatif, matematik dan pemikiran logik



Rajah 12.12 Ruang seni kreatif, muzik dan pergerakan



Rajah 12.13 Ruang manipulatif dan motor halus



Rajah 12.14 Ruang main peranan dan perkembangan sosio-emosi



Rajah 12.15 Ruang permainan luar dan padang



Rajah 12.16 Ruang dapur dan ruang makan

Justifikasi Kedudukan Susun Atur Perabot Mengikut Ruang

Standard Pembelajaran

12.2.7 Memberi justifikasi tentang kedudukan susun atur perabot dalam ruang berkenaan.

Setiap ruang yang diwujudkan perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

Jadual 12.3 Justifikasi kedudukan susun atur perabot mengikut ruang

RUANG	JUSTIFIKASI
Ruang aktiviti pembelajaran	• Penyusunan bahan dan peralatan di dalam bilik perlu berlabel dengan kemas, menarik, rapi dan sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran semasa. • Keadaan fizikal bilik hendaklah sentiasa menarik dan bersih. • Ruang yang disediakan dapat merangsang kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. • Perabot seperti meja, kerusi, almari dan rak penyimpanan barang perlulah sesuai, selamat dan mengikut saiz kanak-kanak. • Menyediakan bahan yang sesuai mengikut umur, perkembangan dan bidang pembelajaran kanak-kanak.
Ruang permainan luar	• Peralatan mainan di kawasan yang selamat (tiada bucu tajam dan sesuai dengan semua peringkat umur kanak-kanak). • Peralatan mainan perlu diselenggara tiga bulan sekali.
Ruang tidur	• Keluasan yang bersesuaian. • Pengudaraan dan pencahayaan yang baik. • Katil untuk bayi perlu memiliki ciri keselamatan seperti berpagar. • Katil untuk kanak-kanak perlu memiliki ciri keselamatan dan mudah untuk diselenggara. • Menyediakan tempat simpanan khusus.
Ruang dapur	• Keluasan yang bersesuaian. • Pengudaraan dan pencahayaan yang baik. • Dibina dengan material lantai yang tidak licin. • Perabot, kedudukan dapur untuk memasak dan alatan tajam serta berbahaya mestilah pada kedudukan tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak. • Menyediakan peralatan yang berfungsi seperti peti sejuk. • Menyediakan tempat penyimpanan bahan makanan kering dan selamat (bebas daripada lipas, lalat dan tikus). • Menyediakan ruang khusus untuk penyediaan susu dan penyediaan makanan bayi. • Menyediakan bekas pembuangan sampah bertutup.
Ruang tandas	• Dibina dengan material lantai yang tidak menakung air dan tidak licin. • Kemudahan yang disediakan perlulah memiliki ketinggian dan saiz yang sesuai untuk kegunaan kanak-kanak seperti sinki dan mangkuk tandas. • Menyediakan bekas pembuangan lampin pakai buang yang bertutup dan berplastik sampah. • Menyediakan fasiliti sudut penyimpanan perkakas sanitasi yang tidak mudah dicapai oleh kanak-kanak.
Ruang stor	• Keluasan yang bersesuaian. • Pengudaraan dan pencahayaan yang baik. • Menyediakan sudut penyimpanan yang tersusun dan bertutup. • Pastikan semua ruang penyimpanan berlabel.

Rumusan

Ruang pembelajaran yang kondusif akan menyediakan kemudahan yang lengkap. Secara tidak langsung, hal ini dapat menimbulkan keterujaan seterusnya meningkatkan minat kanak-kanak terhadap proses pembelajaran di TASKA. Di samping itu, ia juga dapat memberi keselesaan kepada kanak-kanak sewaktu aktiviti pembelajaran dijalankan. Untuk mewujudkan suasana yang ceria dan menarik, pengusaha dan pendidik di TASKA perlulah sentiasa mencari idea untuk membuat penambahbaikan terhadap ruang pembelajaran dan kualiti TASKA.

AKTIVITI

Standard Pembelajaran

12.2.6 Membuat pembentangan lakaran pelan lantai serta pemilihan perabot, peralatan dan bahan.

1. Dalam kumpulan, anda diminta untuk menyediakan pelan lantai TASKA. Sediakan pelan lantai yang lengkap berpandukan maklumat berikut:
   - Nama ruang
   - Label perabot, peralatan dan bahan

   a) Bentangkan hasil lakaran pelan lantai tersebut.

2. Bincangkan justifikasi tentang kedudukan susun atur perabot dalam ruang berkenaan.

LATIHAN

1. Anda bercadang untuk membuka TASKA di satu kawasan perumahan yang baru.
   (a) Sediakan satu pelan lantai.
   (b) Warna dan labelkan pelan lantai tersebut.

2. Berpandukan pelan lantai tersebut,
   (a) Pilih salah satu ruang dan sediakan lakaran pelan lantai dalam bentuk 2D.
   (b) Pelan lantai ruang yang dipilih perlulah dilabelkan perabot, peralatan dan bahan.
   (c) Warnakan mengikut kreativiti.
   (d) Terangkan tiga keistimewaan ruang tersebut untuk kanak-kanak.

3. Berikan aspek-aspek penting yang perlu diambil berat dalam menentukan kedudukan dan susun atur perabot dalam setiap ruang TASKA.

12.3 Penyediaan Alat Permainan Bayi dan Kanak-kanak

Penyediaan dan pemilihan alat permainan merupakan aspek yang penting dalam membantu perkembangan bayi dan kanak-kanak secara seimbang dan menyeluruh. Pemilihan alat permainan perlulah mengikut kesesuaian peringkat umur bayi dan kanak-kanak serta permainan yang sesuai dengan aktiviti yang akan dijalankan.

Standard Pembelajaran

12.3.1 Menyatakan kepentingan alat permainan terhadap bayi dan kanak-kanak.

12.3.2 Menerangkan ciri alat permainan yang sesuai mengikut umur bayi dan kanak-kanak.

Kepentingan Alat Permainan terhadap Bayi dan Kanak-kanak

BAYI

- Merangsang keseluruhan perkembangan bayi
- Menimbulkan sikap meneroka dunia sekeliling
- Membantu pembentukan emosi dan sikap
- Membantu perkembangan psikomotor

KANAK-KANAK

- Membantu perkembangan fizikal kanak-kanak
- Melahirkan rasa ingin tahu
- Mengenal warna dan bentuk daripada alat permainan yang pelbagai
- Meluahkan perasaan dengan cara yang baik

Rajah 12.17 Kepentingan alat permainan terhadap bayi dan kanak-kanak

Ciri Alat Permainan yang Sesuai Mengikut Peringkat Umur Bayi dan Kanak-kanak

Jadual 12.4 Ciri alat permainan yang sesuai mengikut peringkat umur bayi kanak-kanak

Umur	Ciri Alat Permainan	Contoh Permainan
0 hingga 1 tahun	1. Bersifat lembut 2. Permainan yang berbentuk rangsangan sensori 3. Bersaiz besar	1. *Teether* (boleh digigit untuk '*sensory seeking*' sekitar oral motor) 2. Cermin 3. *Rattle* 4. Mainan tekan-tekan (*cause and effect toys*) - piano atau lampu 5. Mainan berlampu untuk rangsangan visual 6. Mainan berbunyi untuk rangsangan auditori 7. *Soft toys*
2 hingga 3 tahun	1. Permainan berbentuk fizikal yang merangsang kemahiran motor 2. Permainan merangkumi kemahiran motor kasar, halus, kognitif, visual, sosial dan pengalaman sensori	Kemahiran motor kasar: • Bola (baling, sambut, sepak) • Trampolin untuk melompat Kemahiran motor halus: • Blok susunan menegak dan meniru bentuk • Penyepit (sebarang jenis penyepit untuk *finger manipulation*) • Manik dan tali

		Kognitif: • *Matching game* • Permainan konstruktif • *Puzzle* Sensori: • *Playdough* atau Theraputty • Pasir • Tepung Sosial: • Patung jari • Permainan masak-masak • *Teddy Bear*
3 hingga 4 tahun	1. Permainan bersifat kesenian dan kraf 2. Permainan yang merangsang untuk menyelesaikan masalah koordinasi mata dan tangan 3. Permainan menggalakkan penggunaan imaginasi	1. Origami 2. Blok dan set pembinaan 3. Teka-teki

Jenis Permainan yang Sesuai dengan Ruang dan Aktiviti

Standard Pembelajaran

12.3.3 Mengenal pasti jenis permainan yang sesuai dengan ruang dan aktiviti.

Jadual 12.5 Jenis permainan yang sesuai dengan ruang dan aktiviti

Jenis Permainan	Alat Permainan	Ruang	Aktiviti
Motor Halus	Mainan manipulatif, butang dan tali, main doh	Ruang manipulatif dan motor halus	• Memasukkan benang ke dalam butang • Anyaman tikar
Motor Kasar	Mainan di luar, main bola, *skipping* dan berbasikal	Ruang permainan luar dan padang	• Permainan berebut kerusi • Sukaneka
Kognitif	Mainan *puzzle* dan blok	Ruang matematik dan pembelajaran logik	• Menyusun *puzzle* ABC • Menyusun blok mengikut warna dan bentuk
Sosial	Mainan tradisional dan *soft toys*	Ruang main peranan dan perkembangan sosio-emosi	• Bermain masak-masak • Bermain jual-beli
Kreativiti	Mainan bunyi-bunyian, main sambil bergerak ikut muzik	Ruang seni kreatif, muzik dan pergerakan	• Menari rentak *chicken dance* • Menari dengan reben
Literasi	Mainan *puzzle* dan kad imbasan	Ruang komunikasi dan perkembangan bahasa	• Bercerita menggunakan boneka tangan • Bermain kad imbasan

Mereka Bentuk dan Menghasilkan Alat Permainan

Standard Pembelajaran

12.3.4 Mereka bentuk dan menghasilkan alat permainan yang sesuai bagi merangsang perkembangan bayi dan kanak-kanak berdasarkan aktiviti motor halus, motor kasar, kognitif, sosial, kreativiti dan literasi.

Contoh alat permainan: *Soft Toys* "Ikan Si Comel". Bahan-bahan yang perlu disediakan:

Bahan-bahan:

- Kain *felt*
- Kapas
- Kad manila
- Gam UHU
- Gunting
- Benang jahit
- Loceng
- Pen penanda
- Jarum

Langkah-langkah:

1



Lukiskan gambar ikan pada kad manila. Kemudian guntingkan untuk dijadikan pola.

2



Letakkan pola ikan di atas kain *felt*. Guntingkan kain felt mengikut pola ikan, lebihkan 1 cm. Guntingkan sebanyak dua keping.

3



Susunkan kain *felt* yang berbentuk ikan tadi dengan kedudukan satu di atas dan satu di bawah dengan kedudukan yang sama.

4



Jahitkan tepi *soft toys* dengan kemas. Tinggalkan sedikit ruang untuk masukkan kapas ke dalam *soft toys*.

5

Setelah siap, masukkan kapas melalui bahagian yang terbuka. Kemudian jahitkan loceng dan bahagian terbuka dengan kemas.

6

Tampalkan kain *felt* berbentuk huruf ejaan 'IKAN'. Kemudian pastikan *soft toys* ikan yang siap kukuh dan selamat untuk dimain oleh kanak-kanak.

Kesesuaian *Soft Toys* untuk Bayi dan Kanak-kanak

Standard Pembelajaran

12.3.5 Menghuraikan kesesuaian alat permainan yang disediakan mengikut umur bayi dan kanak-kanak.

12.3.6 Menghasilkan dokumentasi aktiviti mereka bentuk dan menghasilkan alat permainan bayi atau kanak-kanak.

Rajah 12.18 Kesesuaian *Soft Toys* untuk bayi dan kanak-kanak

Pendokumentasian Aktiviti Mereka Bentuk dan Menghasilkan Alat Permainan Bayi atau Kanak-kanak

Terdapat dua kaedah boleh digunakan untuk pendokumentasian aktiviti:

1. **Dokumentasi hasil aktiviti dengan membuat buku skrap**
   (a) Penghasilan alat permainan boleh didokumentasikan dalam bentuk buku skrap.

2. **Dokumentasi menggunakan komputer atau ICT**
   (a) Dokumentasi penghasilan kraf tangan juga boleh menggunakan kaedah aplikasi *PowerPoint* atau video rakaman.

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR ini untuk mengetahui maklumat yang perlu ada pada buku skrap.

Rumusan

TASKA yang peka terhadap kepentingan bermain dalam perkembangan kanak-kanak akan menyediakan aktiviti pembelajaran lengkap dengan bahan atau alat permainan yang mencukupi. Hal ini adalah bagi memenuhi keperluan kanak-kanak agar mereka boleh meneroka, mencuba dan berinteraksi dengan persekitaran mengikut tahap perkembangan masing-masing. Alat atau bahan yang disediakan perlulah bersesuaian dengan umur, tema dan rancangan pengajaran serta konsep yang hendak diperkenalkan kepada kanak-kanak.

AKTIVITI

1. Berpandukan jadual, hasilkan satu alat permainan yang sesuai bagi merangsang perkembangan bayi dan kanak-kanak berdasarkan aktiviti:

Kumpulan A (6 bulan hingga 1 tahun)	Kumpulan B (2 hingga 3 tahun)	Kumpulan C (3 hingga 4 tahun)
• Motor halus • Kognitif	• Kreativiti • Motor kasar	• Literasi • Sosial

   (a) Huraikan aspek kesesuaian alat permainan yang dihasilkan.
   (b) Bentangkan.

2. Sediakan satu tempat pameran dan cara mempromosikan hasil ciptaan alat permainan untuk jualan.
   (a) Sediakan satu brosur untuk mempromosikan hasil ciptaan tersebut.

LATIHAN

1. Anda terpilih untuk menyertai pertandingan mencipta alat permainan bayi dan kanak-kanak di peringkat daerah sempena Sambutan Hari Kanak-kanak.
   (a) Lakarkan alat permainan yang dipilih.
   (b) Warna dan labelkan bahan-bahan yang digunakan.

2. Sediakan kos anggaran untuk menghasilkan alat permainan tersebut.

3. Berikan tiga cara untuk mempromosikan alat permainan tersebut.

12.4 Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti

Pelibatan ibu bapa dan komuniti penting dalam membantu pengurusan pihak TASKA. Mereka juga dapat membantu pihak TASKA dalam meningkatkan dan menggalakkan perkembangan kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan. Apabila ibu bapa dan komuniti melibatkan diri dalam pengurusan TASKA anak-anak, mereka akan dapat memahami dan memberikan kerjasama yang terbaik kepada pihak TASKA. Hal ini akan dapat mengelakkan sebarang kekeliruan atau salah faham antara pengasuh, pendidik dan ibu bapa.

Standard Pembelajaran

12.4.1 Menyenarai aktiviti melibatkan ibu bapa dan komuniti di TASKA.

12.4.2 Menerangkan kepentingan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan awal.

12.4.3 Menjelaskan cabaran dan halangan yang dihadapi TASKA untuk berkolaboratif bersama-sama ibu bapa dan komuniti.

Senarai Aktiviti Melibatkan Ibu Bapa dan Komuniti di TASKA

1. Taklimat pendaftaran
2. Perjumpaan hari terbuka
3. Sambutan perayaan dan peristiwa istimewa
4. Mesyuarat berkala
5. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)
6. Jualan amal
7. Gotong royong
8. Lawatan

Kepentingan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak

Kepentingan Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak

- Ibu bapa memahami perkembangan anak-anak dan seterusnya mengetahui sejauh mana perkembangan anak-anak mereka di TASKA.
- Ibu bapa dapat membina silaturahim yang baik dengan pendidik. Ini memudahkan pihak TASKA untuk mendapatkan kerjasama dan maklum balas berterusan daripada ibu bapa.
- Wujud kesinambungan pembelajaran di TASKA dengan amalan di rumah iaitu perkara yang diperoleh atau yang dipelajari oleh anak-anak ketika di TASKA, dapat diteruskan di rumah dengan bantuan, galakan dan dorongan daripada ibu bapa.

Cabaran dan Halangan Berkolaboratif Bersama-sama Ibu Bapa dan Komuniti

1. **Kesukaran Pelibatan Ibu Bapa**
   - Ibu bapa yang tidak dapat meluangkan masa bersama-sama untuk memberi kerjasama dan sokongan terhadap aktiviti anak-anak di TASKA akan menyukarkan pihak TASKA melaksanakan sesuatu program atau aktiviti kepada kanak-kanak.
2. **Ibu Bapa Kurang Memahami Kurikulum TASKA**
   - Terdapat sesetengah ibu bapa yang kurang memahami tentang kurikulum TASKA akan merasakan setiap program atau aktiviti yang dijalankan terhadap anak-anak akan menyusahkan mereka.
3. **Ibu Bapa Kurang Pengetahuan Tentang Perkembangan Kanak-kanak**
   - Kanak-kanak akan jadi terbantut perkembangan mereka jika ibu bapa mereka tidak endah dan peka terhadap keperluan anak-anak.

Penyediaan Kertas Cadangan untuk Mengadakan Program di TASKA dengan Kerjasama Pihak Ibu Bapa dan Komuniti

Standard Pembelajaran

12.4.4 Menyediakan kertas cadangan untuk mengadakan program di TASKA dengan kerjasama pihak ibu bapa dan komuniti.

FORMAT PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN

1	**TAJUK CADANGAN KERTAS KERJA** Tajuk hendaklah jelas dan menggambarkan objektif program.
2	**PENGENALAN** Nyatakan secara ringkas tentang tajuk aktiviti atau program bagi kertas kerja yang hendak dihasilkan.
3	**RASIONAL/TUJUAN/OBJEKTIF** Nyatakan secara jelas tujuan aktiviti atau program yang disediakan sama ada untuk kelulusan, makluman, untuk siapa dikemukakan dan apakah objektif atau matlamat ingin dicapai.
4	**KUMPULAN SASARAN** Nyatakan kumpulan sasar yang akan menyertai program ini.
5	**SUMBER PERBELANJAAN** Nyatakan sumber perbelanjaan.
6	**PENERANGAN TENTANG PROJEK** Nyatakan secara jelas tujuan butiran mengenai tarikh, masa, tempat, peserta atau kumpulan sasar, yuran atau bayaran yang dikenakan dan kerjasama atau bantuan agensi luar, bahagian, unit, persatuan atau kelab lain.
7	**JAWATANKUASA PELAKSANA** Melampirkan carta organisasi pelaksana, jawatan, peranan dan bidang tugas AJK.
8	**TENTATIF PROGRAM** Nyatakan secara jelas tentang tentatif program termasuk upacara perasmian dan penutup serta penceramah dan tajuk ceramah (jika berkenaan).
9	**ANGGARAN KEWANGAN** Nyatakan secara terperinci dan logik anggaran pendapatan, perbelanjaan dan sumber pembiayaan dengan terperinci.
10	**PENUTUP** Nyatakan terima kasih dan mohon pertimbangan untuk diluluskan.

Rajah 12.19 Contoh format penyediaan kertas cadangan

Pembentangan Cadangan Program yang Disediakan

Standard Pembelajaran

12.4.5 Membuat pembentangan cadangan program yang disediakan.

Pembentangan boleh dibuat dengan menggunakan kaedah:

- Menggunakan *PowerPoint*
- Menggunakan kertas sebak
- Menggunakan risalah
- Menggunakan tayangan video

Cadangan program yang disediakan:

1. Sukaneka
2. Sambutan hari lahir
3. Gotong-royong
4. Sambutan hari raya
5. Sambutan hari keluarga
6. Sambutan hari guru

Rajah 12.20 Cadangan program yang disediakan

Standard Pembelajaran

12.4.6 Menghasilkan kertas cadangan yang telah ditambah baik berdasarkan maklum balas dari pihak berkaitan.

Program Sukaneka dan Sambutan Hari Lahir
Bulan Mei-Julai TASKA Mutiara Hati Bersama KFC Taman Melawati

Pengenalan

Program ini adalah julung kali diadakan di TASKA Mutiara Hati. Hal ini adalah untuk memberi penghargaan kepada kanak-kanak yang menyambut ulang tahun kelahiran bagi bulan kelahiran Mei hingga Julai dan diraikan bersama dengan aktiviti sukaneka. Program ini dapat dijalankan dengan kerjasama KFC Taman Melawati.

Rasional

1. Memberi penghargaan kepada kanak-kanak.
2. Memberi peluang kanak-kanak menunjukkan potensi dalam acara sukaneka.
3. Menjalinkan hubungan baik antara pendidik dan ibu bapa.

Objektif

1. Memberi motivasi kepada kanak-kanak dan ibu bapa tentang pentingnya pendidikan awal kanak-kanak.
2. Memberi pendedahan kepada kanak-kanak suasana di sukaneka.
3. Membina kekuatan dan keyakinan diri kanak-kanak serta dorongan dan sokongan daripada pendidik.

Kumpulan Sasaran

30 orang kanak-kanak di TASKA Mutiara Hati

Sumber Perbelanjaan

- Pihak pengurusan TASKA Mutiara Hati
- Sumbangan ibu bapa
- Tajaan KFC

Tarikh: 28 Julai 2020
Tempat: Taman Rekreasi Taman Melawati
Masa: 9:00 pagi – 12:00 tengah hari
Hadir bersama: KFC Taman Melawati

JAWATAN KUASA INDUK

Program Sukaneka dan Sambutan Hari Lahir Bulan Mei-Julai TASKA Mutiara Hati Bersama KFC Taman Melawati

Pengurus: En.Yusof bin Haji Saad
Penyelia: Pn. Azizah binti Mahmud
Setiausaha: Cik Noradilah binti Nuh

Jawatankuasa Kecil Pelaksana
Penyambut Tetamu dan Siar Raya: Cik Suraya binti Ali
Bacaan Doa dan Persediaan Tempat: Ustaz Zamri bin Don
Buku Program dan Latar Pentas: Cik Norhayati binti Kadir
Hadiah dan Sijil: Cik Salmah binti Azlan
Jurufoto dan Persediaan Pentas: Cik Amira binti Saad
Juruacara Majlis: Pihak KFC Taman Melawati
Disiplin dan Keselamatan Kanak-kanak: Semua pendidik TASKA Mutiara Hati

TENTATIF PROGRAM

8:00 – 9:00 pagi	: Pendaftaran kanak-kanak dan ibu bapa
9:00 pagi	: Kanak-kanak berkumpul di Taman Reakreasi Taman Melawati
	: Bacaan doa daripada Ustaz Zamri bin Don
9:30 pagi	: Majlis sambutan bermula dengan ucapan alu-aluan daripada pengusaha TASKA
9:50 pagi	: - Upacara pemotongan kek
	- Sukaneka yang dikendalikan oleh pihak TASKA
11:00 pagi	: Penyampaian hadiah hari lahir dan pemenang sukaneka
11:30 pagi	: Jamuan
12:00 tengah hari	: Majlis bersurai

ANGGARAN PERBELANJAAN

Sukaneka TASKA Mutiara Hati dan Sambutan Hari Lahir Mei-Julai 2020 Bersama KFC Taman Melawati

Kategori Hadiah & Perbelanjaan	Jumlah Unit	Anggaran Perbelanjaan
Hadiah	30 unit 30 × RM10.00 Hadiah hari lahir 12 × RM10.00	RM300.00 RM120.00
Jamuan	Kanak-kanak 30 orang × RM10.00 Pendidik, kakitangan dan ibu bapa 45 orang × RM10.00	RM300.00 RM450.00
	Jumlah Anggaran	**RM 1170.00**

Disediakan oleh,
.....
(CIK NORADILAH BINTI NUH)
Setiausaha

Disahkan oleh,
.....
(EN. YUSOF BIN HAJI SAAD)
Pengurus

Rajah 12.21 Contoh kertas cadangan program yang ditambah baik

Rumusan

Kejayaan kanak-kanak bukan hanya bergantung kepada pendidik di TASKA sahaja. Kerjasama ibu bapa dan juga komuniti amat penting dalam membantu menjayakan setiap program di TASKA dan secara tidak langsung akan membantu dalam melahirkan kanak-kanak yang cemerlang. Wujudnya kerjasama dan keprihatinan daripada ibu bapa dan komuniti kepada TASKA akan dapat membantu mempertingkatkan perkembangan dan pencapaian kanak-kanak.

AKTIVITI

1. Dalam kumpulan, senaraikan beberapa program di TASKA yang melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat. Sediakan peta minda cadangan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.
   (a) Pilih satu aktiviti hasil perbincangan di (1). Sediakan kertas kerja atau kertas cadangan untuk program atau projek tersebut.
   (b) Laksanakan program yang telah dirancang. Nilaikan program tersebut. Bentangkan keberhasilan program dan berikan penambahbaikan jika ada.

LATIHAN

1. Berikan tiga kepentingan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam perkembangan pendidikan awal kanak-kanak.
2. Jelaskan cabaran dan halangan yang dihadapi pada masa kini oleh pihak TASKA untuk bekerjasama dengan ibu bapa.
3. Nyatakan dan huraikan medium perhubungan yang boleh digunakan untuk memudahkan perhubungan antara ibu bapa dan pihak TASKA.

12.5 Pemeliharaan Alam Sekitar

Peranan TASKA dalam Melindungi Alam Sekitar

Standard Pembelajaran

12.5.1 Menyenaraikan peranan TASKA dalam melindungi alam sekitar.

12.5.2 Menerangkan kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Rajah 12.22 Peranan TASKA dalam melindungi alam sekitar

Kepentingan Pemeliharaan Alam Sekitar

Memastikan manusia hidup dalam keadaan selesa dengan keadaan alam sekitar yang bersih dan terjaga	Pemeliharaan alam sekitar akan dapat menjamin keseimbangan ekosistem	Pemeliharaan alam sekitar dapat menghindari kepupusan flora dan fauna	Memastikan bahawa bekalan keperluan asas manusia tidak terjejas	Alam sekitar yang bersih dapat mengelakkan pembiakan serangga yang mampu membawa penyakit

Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

12.5.3 Menyediakan kertas perancangan membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang.

Borang Rancangan Pelaksanaan Aktiviti

Tajuk Aktiviti	Penyediaan Kertas Perancangan Membuat Bahan Bantu Mengajar				
Bidang Pembelajaran	Pemeliharaan Alam Sekitar				
Hasil Pembelajaran	1. Menerapkan nilai cinta akan alam sekitar kepada kanak-kanak 2. Menggalakkan kanak-kanak untuk mengaplikasi konsep kitar semula dalam kehidupan seharian				
Tarikh	16/9/2020	**Hari**	Rabu	**Masa**	10:30-11:00 pagi
Umur Kanak-kanak	3 tahun				
Pengetahuan Sedia Ada	Kanak-kanak sudah boleh bermain alat permainan				
Bilangan Kanak-kanak	2 orang				
Ruang Aktiviti	Ruang aktiviti				

Senarai Bahan dan Alat:
1. Botol plastik
2. Penutup botol
3. Lidi
4. Gelang getah
5. Gam UHU

Langkah Pelaksanaan

1. Tanggalkan label dan bersihkan botol dengan menggunakan sabun. Keringkan.
2. Buatkan lubang di sisi botol yang saling berlawanan untuk dijadikan tempat memasang roda. Buatkan dua lubang di sisi kiri dan dua lubang di sisi kanan.
3. Pasangkan dua batang lidi pada lubang-lubang yang dibuat tadi.
4. Sediakan empat biji penutup botol yang sama warna. Penutup ini akan dijadikan sebagai roda.
5. Buatkan lubang kecil pada tengah-tengah penutup asal botol. Kemudian masukkan dua utas gelang getah dan simpulkan pada lubang tersebut.
6. Potong bahagian atas botol lain dan gunting sehingga membentuk bilah kipas. Buatkan lubang kecil pada penutup botol tersebut dan kemudian masukkan lidi. Letakkan penahan daripada penutup botol yang dipotong kecil pada bahagian tengah lidi.
7. Pastikan hujung gelang getah yang satu lagi dipasangkan pada hujung lidi tersebut. Kemaskan supaya tidak longgar.
8. Letakkan bilah kipas tadi pada dasar botol utama.
9. Setelah selesai, pastikan permainan yang dihasilkan kukuh dan selamat untuk dimainkan oleh kanak-kanak.

Langkah kontingensi:
Tiada kerana tiada pelibatan daripada kanak-kanak.

Pengawasan:
1. Kebersihan: guru hendaklah sentiasa memastikan bahan terpakai dan terbuang serta ruang aktiviti bersih dan kemas.
2. Keselamatan: guru memastikan bahan terpakai dan terbuang serta ruang selamat untuk digunakan.
3. Kesihatan: guru perlu memastikan murid sihat daripada sebarang penyakit berjangkit dan sedia melakukan aktiviti.

Penilaian dan Refleksi

Tandatangan Murid: **Pengesahan Guru:**

Tarikh: ..... **Tarikh:** .....

Penghasilan Bahan Bantu Mengajar Berdasarkan Kertas Perancangan

Standard Pembelajaran

12.5.4 Menghasilkan bahan bantu mengajar berdasarkan kertas perancangan.

Bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang hendaklah mengikut kesesuaian dan keperluan. Antara bahan yang diperlukan ialah:

- Botol plastik
- Penutup botol
- Lidi
- Gelang getah
- Gunting
- Gam UHU

Langkah Penyediaan Bahan Bantu Mengajar

1. Tanggalkan label dan bersihkan botol dengan menggunakan sabun. Keringkan.
2. Buatkan lubang di sisi botol yang saling berlawanan untuk dijadikan tempat memasang roda. Buatkan dua lubang di sisi kiri dan dua lubang di sisi kanan.
3. Pasangkan dua batang lidi pada lubang-lubang yang dibuat tadi.
4. Sediakan empat biji penutup botol yang sama warna. Penutup ini akan dijadikan sebagai roda.
5. Buatkan lubang kecil pada tengah-tengah penutup asal botol. Kemudian masukkan dua utas gelang getah dan simpulkan pada lubang tersebut.
6. Potong bahagian atas botol lain dan gunting sehingga membentuk bilah kipas. Buatkan lubang kecil pada penutup botol tersebut dan kemudian masukkan lidi. Letakkan penahan daripada penutup botol yang dipotong kecil pada bahagian tengah lidi.
7. Pastikan hujung gelang getah yang satu lagi dipasangkan pada hujung lidi tersebut. Kemaskan supaya tidak longgar.
8. Letakkan bilah kipas tadi pada dasar botol utama.
9. Setelah selesai, pastikan permainan yang dihasilkan kukuh dan selamat untuk dimainkan oleh kanak-kanak.



Rajah 12.23 Bahan bantu mengajar daripada bahan terbuang

Pembentangan tentang Keistimewaan Bahan Bantu

Standard Pembelajaran

12.5.5 Membuat pembentangan tentang keistimewaan bahan bantu yang dihasilkan.

12.5.6 Menghasilkan dokumentasi hasil aktiviti membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terbuang.

Pembentangan boleh dibuat dengan menggunakan kaedah:

Menggunakan *PowerPoint* → Menggunakan kertas sebak

Keistimewaan bahan bantu yang dihasilkan:

- Kos yang murah dan berpatutan
- Kukuh
- Mudah dihasilkan
- Warna dan bentuk yang menarik
- Dapat membantu perkembangan fizikal dan sosial kanak-kanak
- Bahan yang selamat untuk kanak-kanak

Pendokumentasian Hasil Aktiviti Membuat Bahan Bantu Mengajar daripada Bahan Terbuang

1. Dokumentasi hasil aktiviti dengan membuat buku skrap

(a) Penghasilan alat permainan daripada bahan terbuang boleh didokumentasi dengan menghasilkan buku skrap.

1. Muka surat
2. Pendahuluan (latar belakang tentang alatan mainan yang dihasilkan)
   i. Latar belakang
   ii. Matlamat
   iii. Permasalahan (isu tentang kekurangan alat mainan yang sesuai)
3. Nama permainan yang dihasilkan dengan menggunakan bahan terbuang
4. Bahan-bahan dan alatan yang digunakan
   i. Menyenaraikan kuantiti bahan yang digunakan
   ii. Alatan yang digunakan
   iii. Kos yang terlibat
   iv. Sumber bahan
5. Langkah-langkah penyediaan
   i. Mencatatkan setiap langkah secara kreatif penyediaan alat permainan yang dihasilkan dalam buku skrap mengikut urutan
6. Gambar alat permainan
7. Keistimewaan atau kesesuaian
   i. Kebaikan
   ii. Keunikan
8. Penutup

2. Dokumentasi menggunakan komputer atau ICT

(a) Dokumentasi penghasilan alat permainan daripada bahan terbuang juga boleh menggunakan aplikasi *PowerPoint* atau video rakaman.

3. Dokumentasi dengan membuat pameran inovasi

(a) Pameran ini dilaksanakan dengan mempamerkan setiap ciptaan alat permainan yang terhasil daripada bahan terbuang.

Kreativiti Semasa Membuat Bahan Bantu Mengajar daripada Bahan Terpakai atau Terbuang

Standard Pembelajaran

12.5.7 Menzahirkan kreativiti semasa membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang.

1. Pemilihan bahan utama daripada bahan terpakai atau bahan terbuang yang pelbagai.

Bahan terbuang atau terpakai	Cadangan produk
Botol minuman	Kereta
Kotak	Gitar
Tin minuman	Dram
Surat khabar	Bakul
Penutup botol	*Mobile*

2. Penggunaan bahan terbuang yang lain sebagai bahan tambahan atau hiasan.
   - Butang
   - Kain perca
   - Batang aiskrim
   - Penutup botol
   - CD terpakai
3. Reka bentuk atau inovasi bahan bantu yang telah terhasil.
4. Kepelbagaian kegunaan bahan bantu yang dihasilkan.

Rumusan

Kesedaran masyarakat dalam penjagaan alam sekitar perlu dimulakan dari awal usia kanak-kanak. Mendidik anak-anak dari peringkat awal amat penting supaya dapat menimbulkan rasa sayang akan alam. Pihak TASKA, ibu bapa dan komuniti perlu mendidik anak-anak dalam memelihara alam sekitar yang merupakan tanggungjawab kita bersama. Kita hendaklah sama-sama berusaha untuk membina satu kehidupan yang lebih berkualiti, bersih dan indah dengan menghargai dan memelihara alam sekitar.

AKTIVITI

1. Dalam kumpulan, ciptakan satu bahan bantu daripada bahan terbuang.
   (a) Sediakan satu pembentangan menggunakan TMK tentang bahan bantu yang dihasilkan berdasarkan maklumat berikut:
   - Nama bahan bantu
   - Bahan terbuang yang digunakan
   - Bahan dan peralatan yang digunakan
   - Langkah-langkah penyediaan
   - Keistimewaan bahan bantu yang dihasilkan

   (b) Bentangkan hasil TMK di dalam kelas.

LATIHAN

1. Nyatakan peranan TASKA dalam melindungi alam sekitar dan terangkan kepentingan pemeliharaan alam sekitar.
2. Bentuk kumpulan dan senaraikan aktiviti yang boleh dijalankan di TASKA untuk pemeliharaan alam sekitar. Terangkan kepentingan aktiviti ini kepada kanak-kanak.
3. Bina satu Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) untuk menjalankan aktiviti pemeliharaan alam sekitar bersama-sama kanak-kanak.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menyenaraikan jenis rekod yang terdapat di TASKA berdasarkan kategori kanak-kanak, kakitangan dan pengurusan			
Menerangkan fungsi dan kepentingan setiap jenis rekod.			
Mengenal pasti cara penyimpanan dan penyelenggaraan rekod yang sistematik.			
Merekod maklumat kanak-kanak, kakitangan dan pengurusan TASKA berdasarkan format yang betul.			
Mengusulkan kaedah yang selamat untuk penyimpanan rekod di TASKA.			
Menamakan empat jenis ruang pembelajaran mengikut aktiviti di TASKA.			
Menjelaskan kepentingan disediakan ruang pembelajaran yang kondusif di TASKA.			
Menerangkan panduan penyediaan ruang pembelajaran untuk kanak-kanak.			
Melakar dan melabel pelan lantai ruang aktiviti di dalam dan di luar TASKA.			
Melengkapkan pelan lantai ruang pembelajaran dengan lakaran perabot, peralatan dan bahan yang berkaitan.			
Membuat pembentangan lakaran pelan lantai serta pemilihan perabot, peralatan dan bahan.			
Memberi justifikasi tentang kedudukan susun atur perabot dalam ruang berkenaan.			
Menyatakan kepentingan alat permainan terhadap bayi dan kanak-kanak.			
Menerangkan ciri alat permainan yang sesuai mengikut umur bayi dan kanak-kanak.			
Mengenal pasti jenis permainan yang sesuai dengan ruang dan aktiviti.			
Mereka bentuk dan menghasilkan alat permainan yang sesuai bagi merangsang perkembangan bayi dan kanak-kanak berdasarkan aktiviti motor halus, motor kasar, kognitif, sosial, kreativiti dan literasi			
Menghuraikan kesesuaian alat permainan yang disediakan mengikut umur bayi dan kanak-kanak.			
Menghasilkan dokumentasi aktiviti mereka bentuk dan menghasilkan alat permainan bayi atau kanak-kanak.			
Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk melibatkan ibu bapa dan komuniti di TASKA.			
Menerangkan kepentingan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan awal kanak-kanak.			
Menjelaskan cabaran dan halangan yang dihadapi TASKA untuk berkolaboratif bersama-sama ibu bapa dan komuniti.			
Menghasilkan kertas cadangan yang telah ditambah baik berdasarkan maklum balas daripada pihak berkaitan.			
Menyenaraikan peranan TASKA dalam melindungi alam sekitar.			
Menerangkan kepentingan pemeliharaan alam sekitar.			
Menyediakan kertas perancangan membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang.			
Menghasilkan bahan bantu mengajar berdasarkan kertas perancangan.			
Membuat pembentangan tentang keistimewaan bahan bantu yang dihasilkan.			
Menghasilkan dokumentasi hasil aktiviti membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terbuang.			
Menzahirkan kreativiti semasa membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang.			

MODUL 13

KEUSAHAWANAN DAN PROGRAM KERJAYA

Standard Kandungan

13.1 Pengenalan kepada Perniagaan dan Keusahawanan

13.2 Prosedur Memulakan Perniagaan

13.3 Celik Kewangan

13.4 Projek Keusahawanan

Pengenalan

Keusahawanan merupakan bidang baharu tetapi telah berkembang dengan pesat semenjak akhir tahun 1970-an. Keusahawanan merujuk kepada kaedah melancarkan serta mengendalikan sesuatu perniagaan. Untuk menjadi usahawan yang berjaya, murid perlu mengetahui ciri keusahawanan yang ingin diceburi. Keusahawanan yang berjaya dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu yang berkait dengan kekuatan dan kelemahan bidang perniagaan tersebut. Usahawan yang berjaya perlu bijak memilih perniagaan yang ingin diceburi di samping mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi, kreatif dan inovatif serta mahir membuat keputusan.

13.1 Pengenalan kepada Perniagaan dan Keusahawanan

Definisi Peniaga, Perniagaan, Usahawan dan Keusahawanan

Standard Pembelajaran

13.1.1 Menyatakan definisi peniaga, perniagaan, usahawan dan keusahawanan.

13.1.2 Menjelaskan ciri usahawan yang berjaya.

13.1.3 Menerangkan kelebihan peranan seorang usahawan.

13.1.4 Menyediakan maklumat usahawan yang berjaya.

Peniaga

Peniaga ialah orang yang menjalankan kegiatan jual beli barangan atau melakukan kegiatan perkhidmatan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.

Perniagaan

Perniagaan adalah sebuah organisasi yang sah dan diiktiraf untuk menyediakan barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada pelanggan.

Usahawan

Usahawan ditakrifkan sebagai individu yang mengendalikan sesebuah perniagaan dan mengambil risiko perniagaan yang dijalankan.

Keusahawanan

Keusahawanan ditakrifkan sebagai perilaku atau gaya usahawan bertindak terhadap peluang, memulakan perniagaan, mengembangkan dan mempertahankan daya maju perniagaan yang telah diterokainya.

Ciri dan Maklumat Usahawan yang Berjaya

- Mempunyai kemahiran berkomunikasi
- Boleh menyelesaikan masalah
- Inovatif
- Bijak membuat keputusan yang tepat
- Kreatif
- Bijak merancang perniagaan

Kelebihan Peranan Seorang Usahawan

- 8 Mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan
- 9 Memenuhi kehendak dan keperluan komuniti
- : Menyumbang kepada pembangunan ekonomi
- ; Meningkatkan taraf hidup
- < Mengkaji dan menguji penemuan dan ciptaan baharu

Kekuatan dan Kelemahan Diri Menjadi Seorang Usahawan yang Berjaya

Standard Pembelajaran

13.1.5 Menilai kekuatan dan kelemahan diri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

13.1.6 Merumuskan faktor yang menyumbang kepada kejayaan seorang usahawan.

Kekuatan

- Boleh berdikari
- Memupuk bakat kepimpinan dan disiplin diri yang tinggi
- Kepuasan bekerja
- Kurang tekanan kerja

Kelemahan

- Jadual dan masa bekerja yang tidak menentu
- Menanggung risiko kegagalan sendirian
- Pengurusan yang kurang cekap
- Kurang modal dan kos tetap yang tinggi

Faktor yang Menyumbang kepada Kejayaan Seorang Usahawan

- Perancangan yang teliti
- Minat
- Sentiasa meningkatkan kemahiran
- Sanggup belajar daripada kegagalan
- Berani dan sanggup menghadapi masalah atau risiko

Rumusan

Keusahawanan dan program kerjaya memerlukan murid memahami definisi peniaga, perniagaan, usahawan dan keusahawanan. Pemahaman tentang definisi ini membolehkan murid menjelaskan ciri usahawan yang berjaya di samping menerangkan kelebihan peranan seorang usahawan. Malahan murid mampu menyediakan maklumat usahawan yang berjaya. Kefahaman ini mendorong mereka menilai kekuatan dan kelemahan diri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

AKTIVITI

1. Menjemput usahawan memberi ceramah.
2. Mendapatkan maklumat usahawan yang berjaya menggunakan TMK semasa membuat pembentangan.
3. Mengumpulkan dan membentangkan maklumat daripada pelbagai bidang keusahawanan.

LATIHAN

1. Terangkan definisi keusahawanan.
2. Nyatakan ciri usahawan yang berjaya.
3. Bincangkan peranan dan peluang keusahawanan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

13.2 Prosedur Memulakan Perniagaan

Pengetahuan untuk memulakan perniagaan adalah sangat penting kerana ini merupakan faktor kejayaan perniagaan yang ingin diceburi. Empat komponen utama iaitu objektif perniagaan, strategi perniagaan, strategi pelaksanaan dan anggaran belanjawan adalah keperluan utama untuk memastikan kejayaan perniagaan yang diceburi.

Standard Pembelajaran

13.2.1 Menamakan pelbagai bentuk organisasi perniagaan.

13.2.2 Menyatakan ciri organisasi perniagaan dari aspek:

(i) Milikan

(ii) Sumber Modal

(iii) Liabiliti

Bentuk Organisasi Perniagaan

Berikut merupakan bentuk-bentuk organisasi perniagaan yang terdapat di Malaysia:

Ciri Organisasi Perniagaan dari Aspek Milikan, Sumber Modal dan Liabiliti

Jadual 13.1 Ciri organisasi perniagaan dari aspek milikan, sumber modal dan liabiliti

	Milikan Tunggal	Perkongsian	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Berhad	Koperasi
Milikan	Dimiliki oleh seorang sahaja	Bilangan ahli 2 – 20 orang	Bilangan ahli 2 - 50 orang	Bilangan ahli sekurang-kurangnya dua orang dan bilangan maksimumnya tidak terhad	Bilangan ahli tidak kurang daripada 100 orang ahli dan tiada had jumlah maksimum
Sumber Modal	Modal diperoleh daripada simpanan sendiri atau sumbangan ahli keluarga	Modal diperoleh daripada sumbangan rakan kongsi	Modal diperoleh daripada penjualan syer kepada ahli syarikat	Modal diperoleh daripada penjualan syer kepada orang ramai	Modal diperoleh melalui penjualan saham kepada ahli-ahlinya dan pungutan yuran daripada ahli
Liabiliti	Liabiliti yang tidak terhad, melibatkan harta peribadi	Liabiliti yang tidak terhad, melibatkan harta peribadi	Liabiliti adalah terhad, tidak melibatkan harta peribadi	Liabiliti adalah terhad, tidak melibatkan harta peribadi	Liabiliti terhad kepada modal yang disumbangkan

Cara Memulakan Perniagaan

Standard Pembelajaran

13.2.3 Menerangkan cara memulakan perniagaan:

(i) Perniagaan Baharu

(ii) Ambil Alih Perniagaan

(iii) Francais

Asas memulakan perniagaan

- Mengikuti program dan latihan
- Memulakan perancangan perniagaan, lokasi perniagaan, nama atau jenis perniagaan dan pendaftaran
- Mendapatkan pembiayaan kewangan
- Memohon nama perniagaan
- Memasarkan dan mempromosikan produk atau perkhidmatan
- Mendaftar perniagaan
- Menstabilkan dan memajukan perniagaan

(i) Perniagaan Baharu



Rajah 13.1 Carta alir cara memulakan perniagaan baharu

(ii) Ambil Alih Perniagaan

Membeli perniagaan orang lain, mengganti atau mewarisi perniagaan keluarga yang telah sedia wujud dengan mengambil alih pengurusannya atau menjadi rakan kongsi perniagaan.

Kewangan perniagaan
- Membuat kajian awal kedudukan kewangan.
- Memastikan perniagaan kukuh.

Faedah yang diminati
- Mengenal pasti kelebihan yang boleh didapati.
- Contoh: aset tanah dan bangunan yang boleh dimajukan.

Masalah yang dihadapi
- Mengkaji dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh perniagaan tersebut.

Potensi berkembang
- Mengkaji potensi perniagaan tersebut untuk berkembang maju.

Persaingan yang akan dihadapi
- Kaji pesaing yang wujud.
- Kaji kelemahan dan kekuatan pesaing untuk mengatur rancangan atau strategi untuk mengatasinya.

Warisan
- Perniagaan yang diwarisi daripada keluarga.
- Jenis perniagaan ini biasanya kukuh dan telah lama wujud.

(iii) Francais

Ilham bagi "perniagaan francais" ditakrif sebagai kaedah meluaskan perniagaan dan mengedar barang serta perkhidmatan melalui perhubungan perlesenan. Dalam kata lebih tepat, perniagaan francais adalah perniagaan di mana pemilik atau pemberi francais (francaisor) menjual hak perniagaan mereka yang merangkumi logo, nama dan model kepada outlet runcit pihak ketiga atau pengusaha pihak ketiga, yang juga dikenali sebagai "francaisi" atau pemegang francais. Perniagaan francais adalah kaedah biasa bagi meluaskan perniagaan. Kita dengan mudah mendapat contoh model perniagaan francais di negara kita dengan melihat kepada McDonalds dan Subway.

Ketahui bajet anda
Terdapat yuran pendahuluan dan keperluan kewangan tertentu bagi francaisi.

↓

Selidiki perniagaan francais yang tepat
Melakukan penyelidikan di laman sesawang, hadiri majlis francais atau menghubungi francaisor dan francaisi yang lain.

↓

Laksanakan ketekunan wajar
Menilai dan menyemak pelbagai faktor sebelum memperoleh sesebuah francais.

1. Terokai peluang yang tersedia.
2. Selidik sistem francais dengan mendalam.
3. Fahami kekangan operasi.
4. Temui wakil-wakil sistem francais.
5. Kunjungi francais lain.
6. Berunding dengan para profesional.
7. Fahami peraturan dan ketetapan berkanun perniagaan.

Empat Komponen Utama Rancangan Perniagaan

Terdapat empat komponen utama rancangan perniagaan.

Objektif perniagaan	Strategi perniagaan
Mendokumentasikan idea-idea perniagaan yang dijana di samping mengenal pasti masalah-masalah yang berpotensi serta mencari penyelesaian	Menjadikan perancangan sebagai tanda aras
Strategi pelaksanaan	**Anggaran belanjawan**
Menilai semula kemajuan dan objektif perniagaan untuk masa hadapan	Mencari sumber kewangan atau pelabur luar

Standard Pembelajaran

13.2.4 Mengenal pasti empat komponen utama rancangan perniagaan.

13.2.5 Menjelaskan tujuan dan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan.

Tujuan dan Kepentingan Penyediaan Rancangan Perniagaan

Tujuan rancangan perniagaan
- Sebagai garis panduan untuk mengurus perniagaan
- Menilai dan mengkaji prestasi perniagaan
- Memudahkan kawalan
- Memaksimumkan sumber untuk meningkatkan produktiviti
- Memberi keyakinan kepada pihak luar

Rajah 13.2 Tujuan dan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan

Kepentingan rancangan perniagaan

Usahawan	Pihak Luar
• Memberi peluang kepada usahawan untuk melihat dan menilai idea perniagaan atau projek perniagaannya dengan teliti, secara objektif dan kritis. • Membantu usahawan membuat anggaran keperluan dan pengagihan sumber perniagaan dengan baik dan berkesan. • Menjadikan garis panduan untuk mengurus perniagaan seharian. • Menerangkan tugas dan tanggungjawab kakitangan serta kehendak dan jangkaan perniagaan. • Menjadikan asas cadangan bagi permohonan pembiayaan.	• **Jurubank atau pegawai bank**: Untuk menilai potensi cadangan projek berhubung dengan permohonan pembiayaan perniagaan. • **Pembekal**: Untuk mendapat gambaran yang jelas akan idea dan kedudukan kewangan perniagaan bagi tujuan menilai sama ada akan memberi kemudahan kredit atau tidak. • **Kakitangan**: Untuk memahami matlamat dan tujuan perniagaan bagi membolehkan mereka melakukan kerja-kerja seperti yang diharapkan. • **Pelanggan**: Bagi menilai kemampuan perniagaan sama ada dapat menawarkan produk atau perkhidmatan yang lebih selamat dan meyakinkan. • **Pelabur:** Untuk menilai maklumat perniagaan dan memberi keyakinan yang tinggi kepada bakal pelabur atau pelabur untuk membuat pelaburan dengannya.

Isu, Cabaran dan Kaedah Penyelesaian bagi Memulakan Perniagaan

Antara isu, cabaran dan kaedah penyelesaian bagi memulakan perniagaan.

Isu dan Cabaran
- Pembinaan pasukan
- Kewangan
- Pesaing
- Risiko
- Pemasaran
- Perancangan

Kaedah Penyelesaian
- Selidik kekuatan & kelemahan pesaing
- Pastikan kewangan kukuh
- Tingkatkan kemahiran dengan menghadiri kursus
- Berani mengambil risiko
- Ketahui kehendak pasaran
- Perancangan yang teliti

Standard Pembelajaran

13.2.6 Menghuraikan isu, cabaran dan kaedah penyelesaian bagi memulakan perniagaan.

13.2.7 Menyediakan rancangan perniagaan yang mudah untuk penubuhan TASKA.

Garis Panduan Kertas Cadangan Perniagaan yang Mudah untuk Penubuhan TASKA

CONTOH FORMAT KERTAS CADANGAN PENUBUHAN TASKA

1. TUJUAN

1.1 Kertas Cadangan ini disediakan bertujuan untuk memohon kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mempertimbangkan dan meluluskan penubuhan TASKA.

2. LATAR BELAKANG

2.1 TASKA ini ditubuhkan bagi memenuhi keperluan penjagaan anak-anak di bawah umur 4 tahun bagi perumahan Taman Bunga Raya, Bandar Baru Bangi.

3. OBJEKTIF

3.1 Objektif penubuhan TASKA Genius Mega adalah seperti berikut:

(i) memberikan asuhan dan didikan awal kanak-kanak selaras dengan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang membolehkan kanak-kanak berkembang secara holistik dengan membangunkan potensi kanak-kanak sendiri;

(ii) memberikan kemudahan asuhan anak-anak kepada ibu bapa bagi kawasan perumahan Taman Bunga Raya dan taman yang berhampiran, menghantar anak mereka ke TASKA bagi mendapatkan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti.

4. HAK MILIK

4.1 Perkongsian
Siti Nur Aisya binti Haris (60%)
Rohana binti Azmi (40%)

5. PELAKSANAAN

5.1 Lokasi
TASKA ini berada di lot tepi rumah teres Taman Bunga Raya. (Lampiran 1-Pelan lokasi)

5.2 Premis
Premis ini berkeluasan ___ meter persegi dan boleh memuatkan seramai ___ orang kanak-kanak dalam satu masa dengan kadar 3.5 meter persegi seorang (Lampiran 2-Pelan lantai). Walau bagaimanapun premis ini memerlukan pengubahsuaian bagi mewujudkan ruang yang 'Mesra Kanak-kanak'.

5.3 Kumpulan Sasar
Kanak-kanak yang akan diambil di TASKA ini adalah terdiri daripada anak-anak komuniti Taman Bunga Raya dan juga taman-taman berhampiran.

5.4 Kadar Yuran
Cadangan kadar yuran adalah mengikut ketetapan berikut:
Yuran pendaftaran: RM100
- 2 bulan hingga 6 bulan: RM600
- 6 bulan hingga 2 tahun: RM450
- 2 tahun hingga 4 tahun: RM400

5.5 Anggaran Perbelanjaan
Anggaran pendapatan setahun jika anggaran bilangan kanak-kanak 20 orang

Jenis Yuran	Jumlah
Yuran pendaftaran (sekali sahaja)	RM100
Yuran peralatan pembelajaran (sekali sahaja)	RM300
JUMLAH	RM400

Jenis Yuran	Jumlah
Yuran pengasuhan (sebulan RM400)	RM400 x 20 orang = RM8 000
Anggaran pendapatan setahun yuran pengasuhan	RM8 000 x 12 bulan = RM96 000

Anggaran perbelanjaan sebulan

Perkara	Jumlah
Gaji pekerja (3 orang)	3 x RM1 000 = RM3 000
Lain-lain	RM500
Sewa premis	RM1 200
Bil dan utiliti	RM300
Makanan	RM1 500
JUMLAH	RM6 500
PERBELANJAAN SEBULAN	RM8 000 - RM6 500 = RM1 500 (baki)

5.6 Kaedah Pengendalian Pusat Asuhan

Pihak pengurusan akan melantik penyelia dan pengasuh yang berpengalaman dan mematuhi semua peraturan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

5.7 Tempoh Pelaksanaan dan Perakuan Pendaftaran
Carta perbatuan tempoh penubuhan hingga bermula operasi TASKA hendaklah disediakan.
Operasi TASKA akan dikendalikan oleh pengusaha swasta atau dikendalikan sendiri dan keperluan pendaftaran akan dilakukan dengan JKM.

5.8 Tempoh Masa Operasi
Tempoh masa operasi adalah ____ jam
(Lampiran 3-Jadual Operasi)

5.9 Penubuhan Jawatankuasa TASKA
Pihak Pengurusan akan menubuhkan satu Jawatankuasa TASKA yang mempunyai peranan dan

tanggungjawab seperti berikut:

(i) Bertindak sebagai 'One Stop Centre' bagi pengusaha, ibu bapa dan kanak-kanak;
(ii) Memantau pengendalian TASKA agar selari dengan kehendak Akta dan Peraturan; dan
(iii) Menilai keberkesanan asuhan dan didikan awal kanak-kanak dari semasa ke semasa.

5.10 Promosi Pasaran

TASKA Genius Mega mengadakan beberapa strategi untuk mempromosikan perkhidmatan asuhan yang ditawarkan:

1. Pengedaran brosur ke rumah
2. Tajaan program komuniti
3. Subsidi yuran pengasuhan (pada yang layak)

5.11 Pengalaman Mengendalikan TASKA

TASKA Genius Mega dikendalikan oleh penyelia dan pengasuh yang berpengalaman. TASKA ini mempunyai beberapa cawangan dan ini adalah cawangan yang keempat. Hal ini membuktikan TASKA Genius Mega sangat berkepakaran dalam bidang asuhan kanak-kanak.

6. IMPLIKASI KEWANGAN

6.1 Dianggarkan penubuhan TASKA ini memerlukan peruntukan kewangan sebanyak RM51,000.00 bagi tujuan pengubahsuaian premis, pembelian peralatan dan perabot, penyediaan tempat aktiviti luar dan dalam premis (Lampiran 4-Anggaran Perbelanjaan Pengubahsuaian Premis Dan Pembelian Peralatan atau Perabot).

7. PENUTUP

7.1 Penubuhan TASKA ini amat penting bagi memenuhi keperluan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak bagi anak-anak di komuniti Taman Bunga Raya dan taman berhampiran.

Lampiran 1 - Pelan Lokasi

Pelan Lokasi TASKA Genius Mega



Lampiran 2 - Pelan Lantai

Pelan Lantai Premis TASKA Genius Mega

5.2 : Bangunan - Pelan Lantai

ARAS SATU



ARAS BAWAH



Lampiran 3 - Jadual Operasi

Jadual Operasi TASKA Genius Mega

Masa	Keterangan
6:00 pagi	Kedatangan pengasuh.
	Menyediakan alat bantu dan ruang aktiviti.
7:00 pagi	Menyambut kanak-kanak dan membuat pemeriksaan fizikal.
	Aktiviti mengikut jadual kanak-kanak.
2:00 petang	Pertukaran syif pengasuh.
	Aktiviti mengikut jadual kanak-kanak.
6:00 petang	Waktu pulang kanak-kanak.
6:30 petang	Mengemas dan membuat kerja pembersihan TASKA. Menyediakan aktiviti untuk keesokan hari
7:00 malam	Tutup.

Rajah 13.3 Contoh format kertas cadangan penubuhan TASKA

IMBAS DI SINI

Imbas kod QR ini untuk mengetahui cadangan belanjawan TASKA.

Langkah Membuat Keputusan yang Betul dalam Penyediaan Rancangan Perniagaan

Standard Pembelajaran

13.2.8 Mengamalkan langkah membuat keputusan yang betul dalam penyediaan rancangan perniagaan.

Langkah 1	Kenal pasti isu atau masalah yang menjadi punca untuk membuat keputusan.
Langkah 2	Kumpulkan maklumat untuk membuat keputusan berdasarkan fakta dan data.
Langkah 3	Kenal pasti alternatif pelbagai penyelesaian.
Langkah 4	Menilai kebolehlaksanaan, kesesuaian dan keinginan untuk mengetahui alternatif yang terbaik.
Langkah 5	Pilih antara alternatif atau kombinasi alternatif.
Langkah 6	Mengambil tindakan dengan mengenal pasti sumber-sumber yang diperlukan.
Langkah 7	Semak dan menilai keputusan untuk keberkesanan.

Rumusan

Prosedur untuk memulakan perniagaan memerlukan pengetahuan tentang bentuk-bentuk organisasi perniagaan. Hal ini memberi maklumat tentang memulakan perniagaan baharu, ambil alih perniagaan dan francais. Rancangan perniagaan kepentingan penyediaannya juga dapat dipelajari secara tidak langsung. Ia membantu dalam menghuraikan isu, cabaran dan kaedah penyelesaian bagi memulakan perniagaan. Pengetahuan ini adalah persediaan dan latihan untuk mengamalkan langkah membuat keputusan yang betul dalam penyediaan rancangan perniagaan.

AKTIVITI

1. Lakukan sumbangsaran dan perbincangan mengenai asas permulaan sesebuah perniagaan.
2. Membuat lawatan berinformasi untuk mendapatkan maklumat perniagaan francais.
3. Bina satu Rancangan Perniagaan penubuhan TASKA secara berkumpulan dan bentangkan.

LATIHAN

1. Banding beza ciri organisasi perniagaan syarikat sendirian berhad dan syarikat berhad dari aspek:
   (a) Milikan
   (b) Sumber modal
   (c) Liabiliti
2. Nyatakan empat komponen utama rancangan perniagaan.
3. Jelaskan tujuan dan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan.

13.3 Celik Kewangan

Pendidikan kewangan merupakan elemen penting pada Abad ke-21 sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak *International Networking and Financial Education (INFE)* dan *Organisation of Economic Co-operation and Development (OECD)*, yang memperakui bahawa masyarakat celik kewangan berperanan dalam pembangunan dan kestabilan ekonomi bagi membina sesebuah negara yang sejahtera. Malah, kebolehan masyarakat dalam mengurus wang dengan cekap dan kompeten adalah penting sebagai persediaan untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi (Rubayah et. al., 2015).

Standard Pembelajaran

13.3.1 Menamakan pelbagai sumber pendapatan dan sumber pendapatan alternatif.

Celik Kewangan

- Pengetahuan (*knowledge*) tentang kewangan dan risikonya
- Kesedaran (*awareness*) terhadap kewangan
- Motivasi dan keyakinan untuk melaksanakan bentuk kewangan terbaik dalam hidup mereka
- Sikap (*behavior*) yang betul terhadap kewangan
- Kemahiran (*skill*) dalam mengendalikan kewangan

Sumber Pendapatan dan Sumber Pendapatan Alternatif

Berikut merupakan sumber pendapatan dan sumber pendapatan alternatif:

Sumber Pendapatan	Sumber Pendapatan Alternatif
Terdapat tiga jenis sumber pendapatan iaitu: **(a) Pendapatan Aktif** Pendapatan yang diperoleh setelah sesuatu perkhidmatan atau tugas telah dilaksanakan. Contoh: upah, tips, gaji, komisen dan pendapatan daripada perniagaan. **(b) Pendapatan Pasif** Pendapatan ini diperoleh secara berkala tetap atas kerja-kerja atau usaha yang minimum. Pendapatan ini akan terus diperoleh walaupun kerja tersebut telah terhenti. Kebanyakan jenis pendapatan pasif diperoleh daripada sewa hartanah, pulangan pelaburan saham, pencen, royalti dan perjanjian lesen atau permit. **(c) Pendapatan Sampingan** Pendapatan sampingan ialah pendapatan yang diperoleh hasil daripada perniagaan atau pekerjaan sambilan. Contoh, seorang guru berniaga secara dalam talian.	• Aset kewangan • Hartanah • Bayaran pindahan • Pelaburan saham • Pekerjaan sambilan

INFO TAMBAHAN

- **Wang** ialah alat pertukaran dalam transaksi jual beli.
- **Sumber pendapatan** ialah sumber kewangan yang diterima atau yang akan diterima oleh seseorang pada hasil perniagaan atau perkhidmatan.
- **Sumber pendapatan alternatif** ialah sumber kewangan yang diterima atau yang akan diterima oleh seseorang melalui pendapatan pasif dan sampingan.

Kaitan antara Tahap Pendidikan, Pilihan Kerjaya, Kemahiran dan Pengalaman dengan Pendapatan yang Diperoleh

Standard Pembelajaran

13.3.2 Menerangkan kaitan antara tahap pendidikan, pilihan kerjaya, kemahiran dan pengalaman dengan pendapatan yang diperoleh.

Jadual 13.2 Kaitan antara tahap pendidikan, pilihan kerjaya, kemahiran dan pengalaman dengan pendapatan yang diperoleh

Sumber Pendapatan	Sumber Pendapatan Alternatif
Tahap pendidikan	• Pendidikan memberi impak yang besar kepada peluang pekerjaan yang bergaji tinggi dan kualiti kehidupan manusia. • Kelayakan akademik membolehkan seseorang memperoleh pendapatan yang tinggi. • Melalui pendidikan seseorang berupaya mengurus hidup mereka dengan berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima.
Pilihan Kerjaya	Pemilihan kerjaya mempengaruhi pendapatan seseorang. Antara faktor yang mempengaruhi seseorang dalam pemilihan kerjaya mereka dikenal pasti adalah seperti berikut: • **Gaji dan upah** Pembayaran yang dibuat oleh majikan kepada seseorang atas sumbangan perkhidmatan dari segi kepakaran dan tenaga fizikal. • **Faedah sampingan** Disediakan oleh majikan kepada pekerja untuk menjaga kebajikan pekerja. Sebagai contoh, kos perubatan, tempat tinggal, cuti bersalin, kemudahan beribadat dan kemudahan rekreasi. • **Suasana di tempat kerja** Memilih pekerjaan yang mempunyai suasana tempat kerja yang selamat dan selesa. • **Minat** Pilihan pekerjaan berdasarkan kepada perkara yang disukainya. • **Pengaruh keluarga** Memilih pekerjaan mengikut tradisi keluarga. • **Prospek pekerjaan** Melihat pekerjaan tersebut mempunyai peluang untuk kenaikan pangkat, melanjutkan pelajaran dan menghadiri kursus latihan untuk peningkatan kemahiran diri. • **Pengalaman** Berpeluang untuk mendapatkan kemahiran dan pengalaman demi masa depan yang lebih baik. • **Kelayakan akademik** Pemilihan kerjaya berdasarkan kelayakan akademik yang dimiliki. • **Jarak** Jarak tempat kerja dari tempat kediaman. • **Keadaan ekonomi** Keadaan ekonomi yang stabil menjanjikan prospek kerjaya yang baik.
Kemahiran	• Sektor pembuatan di Malaysia telah mengalami perubahan yang pesat dalam proses pengeluarannya daripada berintensifkan buruh kepada berintensifkan modal. • Keadaan ini telah menyebabkan perubahan dalam komposisi kemahiran dengan peningkatan permintaan kepada buruh profesional dan mahir. • Kesan selanjutnya berlaku perubahan ke atas upah yang menyebabkan buruh yang berkemahiran sangat diperlukan.
Pengalaman	Seseorang yang berpengalaman dalam sesuatu bidang, berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan memperoleh pendapatan lumayan pada masa akan datang.

Kepentingan Menguruskan Kewangan Secara Berhemat untuk Memenuhi Keperluan dan Kehendak Masa Hadapan

- Memperoleh gambaran yang jelas tentang kedudukan kewangan dan memberi hala tuju yang tepat mengenai matlamat kewangan yang ingin dicapai
- Menangani sebarang penyelewengan atau risiko kewangan yang bakal dihadapi oleh individu
- Melindungi diri daripada risiko ekonomi seperti kehilangan pekerjaan, kesakitan dan kemiskinan
- Membuat perancangan kewangan yang lebih efektif dan sistematik
- Memperoleh kesejahteraan kewangan

Standard Pembelajaran

13.3.4 Menerangkan kepentingan menguruskan kewangan secara berhemat untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan.

13.3.5 Mengenal pasti pelbagai cara dan instrumen membuat pembayaran dalam perniagaan.

Pelbagai Cara dan Instrumen Membuat Pembayaran dalam Perniagaan

1. **Wang Tunai**
   - Alat pertukaran dalam transaksi jual beli.
2. **Cek**
   - Merupakan kemudahan yang diberikan oleh bank kepada pemegang akaun semasa.
3. **Kad Pintar**
   - Kad yang mempunyai pelbagai fungsi.
   - Terdapat pelbagai maklumat tentang pemiliknya contohnya MYKAD dan kad bank yang mempunyai cip.
4. **Pembayaran Elektronik** (*e-pay*)
   - Pembeli perlu mempunyai akaun di bank dan kemudahan Internet.
   - Nilai belian barang atau perkhidmatan akan ditolak daripada akaun pembeli secara automatik.
5. **Simpanan Semasa**
   - Merupakan akaun simpanan yang membolehkan seseorang itu menggunakan buku cek.
6. **Kad Debit atau ATM**
   - Sejenis kad pembayaran iaitu baki di dalam akaun tabungan atau semasa anda akan dikurangkan dengan serta merta mengikut jumlah urus niaga yang dibuat.
7. **Kad Kredit**
   - Terdapat dua jenis kad kredit yang digunakan secara meluas iaitu "*Master Card*" dan "*Visa*". Sebagai contoh sekeping kad kredit mempunyai had kredit berjumlah RM3000 maka pemegangnya boleh menggunakan sehingga jumlah tersebut untuk membuat pembayaran. Ingat, membuat bayaran dan bukannya untuk berhutang.

INFO TAMBAHAN

Instrumen kewangan (IK) merupakan satu perjanjian bertulis iaitu satu pihak berjanji untuk memindahkan sesuatu yang bernilai (wang) kepada pihak lain pada masa hadapan di bawah terma dan syarat. Instrumen kewangan boleh jadi maujud (*real*) dan boleh jadi maya (*virtual*).

8. **Kad Caj**
   - Kegunaan kad caj adalah sama dengan kad kredit, kecuali anda harus menjelaskan keseluruhan baki belum jelas yang tercatat dalam penyata bulanan anda sebelum tarikh tamat tempoh. *American Express* dan *Diners Club* adalah dua contoh jenama kad caj yang terkemuka di Malaysia.
9. **Kad Prabayar**
   - Merupakan satu lagi kaedah pembayaran tanpa menggunakan wang tunai. Kad prabayar yang popular seperti "*Touch N Go*" memerlukan pengguna menambah nilai (memuatkan sejumlah amaun dan dihadkan kadar maksima RM500 sahaja) dalam kad berkenaan di tempat yang dikhaskan.

Institusi Kewangan dan Pinjaman

Faktor penyebab institusi kewangan memberi pinjaman.

Standard Pembelajaran

13.3.6 Menerangkan sebab institusi kewangan memberi pinjaman atau kemudahan kredit.

13.3.7 Menghuraikan kebaikan dan kelemahan penggunaan kredit.

1. Tugas utama institusi kewangan perbankan adalah untuk menerima deposit dan kemudian menggunakan dana tersebut untuk menawarkan pinjaman kepada para pelanggannya.
2. Bank juga bertindak sebagai ejen pembayaran dengan menawarkan pelbagai servis pembayaran termasuk kad debit, kad kredit, kemudahan cek, kemudahan deposit langsung, draf bank dan sebagainya.
3. Keupayaan sesuatu bank untuk meminjamkan wang ditentukan oleh amaun rizab lebihan dan nisbah rizab tunai dalam pegangan suatu bank tersebut.
4. Sesebuah bank membuat wang dengan melaburkan wang yang mereka terima sebagai deposit, adakalanya dalam bentuk aset dan sekuriti kewangan, tetapi biasanya menerusi pinjaman.

INFO TAMBAHAN

Terdapat juga sebilangan institusi kewangan bukan perbankan, antaranya termasuklah bank-bank pelaburan, syarikat pajakan, syarikat insurans, dana-dana pelaburan, firma kewangan dan sebagainya yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan.

Kebaikan dan Kelemahan Penggunaan Kredit

Kelebihan	Kelemahan
1. Boleh berbelanja mengikut yang dikehendaki tanpa menggunakan wang terlebih dulu. 2. Lebih senang dibawa dibandingkan dengan wang tunai yang banyak. 3. Satu cara pembayaran yang mudah. 4. Membolehkan seseorang mengenal pasti jumlah perbelanjaannya melalui bil bulanan.	1. Cenderung untuk boros tanpa disedari. 2. Risiko penyalahgunaan kad kredit oleh pihak lain. 3. Caj faedah yang tinggi terhadap kelewatan bayaran dan menyebabkan risiko lambakan hutang. 4. Menggalakkan pembelian tanpa halangan wang tunai. 5. Pembayaran kad kredit biasanya lebih mahal, di sesetengah kedai. Anda perlu membayar caj lebih kurang 2% kepada pengeluar kad kredit tersebut.

Kelebihan	Kelemahan
5. Mampu memiliki aset yang mahal seperti rumah dan kereta tanpa membayar penuh untuk jangka masa yang panjang. 6. Pengeluar kad kredit telah memperkenalkan rancangan bayaran yang menarik seperti bayaran ansurans tanpa caj faedah dan rancangan bayaran *flexi-pay* untuk membolehkan pengguna kad kredit membeli seberapa banyak yang mungkin. 7. Sesetengah kad kredit juga ada memperkenalkan liputan insurans yang percuma.	6. Cara pembelanjaan yang tidak dapat dikawal. 7. Masalah keselamatan, seperti membeli melalui Internet. 8. Penipuan kad kredit. 9. Peminjam mungkin mengalami tekanan emosi apabila mendapat panggilan secara berterusan daripada peguam dan pemiutang yang ingin mendapatkan pinjaman mereka semula. 10. Ingkar dalam bayaran pinjaman dan gagal menjelaskan hutang kad kredit membawa kesan yang sangat buruk. • Didakwa oleh institusi kewangan. • Aset akan dilelong. • Ahli keluarga terpaksa membantu menjelaskan hutang tersebut. • Penjamin terpaksa menanggung sama kerana tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka. • Mungkin diisytiharkan muflis.

Pemilihan Kerjaya Berdasarkan Matlamat Kewangan Peribadi dengan Mengamalkan Langkah yang Betul

Standard Pembelajaran

13.3.8 Membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya berdasarkan matlamat kewangan peribadi dengan mengamalkan langkah yang betul.

Antara langkah betul yang boleh diamalkan untuk memilih kerjaya berdasarkan matlamat kewangan peribadi.

Mengenal pasti masalah

Mengenal pasti masalah atau sebarang risiko berkaitan pemilihan kerjaya berdasarkan kepada matlamat kewangan peribadi.

Mencari alternatif

Mencari alternatif bagi menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti.

Memilih penyelesaian yang baik

Memilih penyelesaian yang terbaik berdasarkan kepada alternatif-alternatif yang telah difikirkan.

Bertindak

Bertindak sebaiknya berdasarkan kepada penyelesaian yang telah dipilih.

Menilai semula keputusan

Membuat refleksi dan menilai semula kekurangan dan kelebihan berkaitan tindakan yang telah diambil bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.

Rumusan

Celik kewangan merupakan elemen penting untuk kejayaan perniagaan yang ingin dilakukan. Modul ini memberi pelbagai maklumat sumber pendapatan. Di samping itu, murid dapat menerangkan perkaitan antara tahap pendidikan, pilihan kerjaya, kemahiran dan pengalaman dengan pendapatan yang diperoleh. Pengetahuan ini membolehkan murid menerangkan kepentingan menguruskan kewangan secara berhemat untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan. Sebagai rumusan, murid dapat membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya berdasarkan matlamat kewangan peribadi dengan mengamalkan langkah yang betul.

AKTIVITI

1. Secara berkumpulan lakukan pertandingan debat berkaitan "Kebaikan dan Keburukan Penggunaan Kad Kredit" dengan mengaitkan isu-isu terkini berkaitan penggunaan kad kredit.
2. Secara berkumpulan, lakukan carian maklumat di Internet berkaitan "Instrumen Membuat Pembayaran dalam Perniagaan". Bentangkan carian anda secara kreatif.
3. Forumkan tajuk ini "Kepentingan Menguruskan Kewangan Secara Berhemat untuk Memenuhi Keperluan dan Kehendak Masa Hadapan."

LATIHAN

1. Senaraikan perancangan anda membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya.
2. Huraikan empat kepentingan menguruskan kewangan secara berhemat untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan.
3. Nyatakan tiga kebaikan dan kelemahan penggunaan kad kredit.

13.4 Projek Keusahawanan

Seorang usahawan berjaya seharusnya memiliki ciri dan kemahiran yang pelbagai. Antaranya ialah jaringan yang luas, berani mengambil risiko, berwawasan, ketaatan, budaya terbuka dan sebagainya. Di Malaysia, ramai usahawan yang mempunyai ciri usahawan yang baik telah berjaya memajukan perusahaan sehingga mereka menjadi terkenal sama ada di mata negara ataupun di seluruh dunia.

Standard Pembelajaran

13.4.1 Menyenaraikan mengikut keutamaan produk, barangan atau perkhidmatan untuk projek keusahawanan.

13.4.2 Menentukan tenaga pekerja, bahan serta kos yang diperlukan.

Keutamaan Produk, Barangan atau Perkhidmatan untuk Projek Keusahawanan

Jenis-jenis Kegiatan Keusahawanan

Pengeluaran
- Ekstraktif
- Perkilangan
- Pertanian
- Pembinaan

Perkhidmatan
- Perkhidmatan Awam
- Perkhidmatan secara Langsung
- Perkhidmatan Dagangan

Pemasaran atau Agihan Pemborong
- Peruncit
- Pengedar
- Jualan Terus

Rajah 13.4 Jenis-jenis kegiatan keusahawanan

Penentuan Tenaga Pekerja, Bahan dan Kos yang Diperlukan

Pembentukan Tenaga Kerja Berdasarkan Tugas dan Peranan

- Kumpulan tenaga kerja bermaksud beberapa individu yang bekerjasama melakukan tugas dan peranan tertentu.
- Setiap individu mempunyai matlamat yang sama dan saling berkomunikasi.
- Perkara berikut perlu diberi perhatian dalam penetapan tenaga pekerja.

1. Tugasan yang mencabar
- Menentukan tugasan yang selaras dengan kemampuan.

2. Proses pembentukan individu
- Memilih individu yang berkemahiran dan ada interpersonal.
- Memberi latihan yang bersesuaian.
- Memberi ganjaran dalam bentuk pengiktirafan.

Penyediaan anggaran bahan serta kos

Dua kaedah dalam penyediaan bahan serta anggaran kos, iaitu

1. Kaedah unit atau kuantiti

Anggaran kos disediakan berdasarkan bilangan unit Anggaran kos = kos penyediaan x kuantiti

2. Konsep SMART (*Specify, Measurable, Attainable, Realistic,* dan *Time-Bound*).

S - Penetapan tujuan atau objektif projek
M - Pengukuran pengagihan kewangan dalam kos-kos terlibat
A - Projek dilaksanakan mengikut keupayaan kewangan dan tenaga kerja
R - Mengikut kesesuaian dan kehendak pengguna
T - Masa dan sumber kewangan mencukupi

Kertas Cadangan Pelaksanaan Projek Keusahawanan

Standard Pembelajaran

13.4.3 Menyediakan kertas cadangan pelaksanaan projek keusahawanan mengikut format yang disediakan.

Pengenalan	Projek jualan keusahawanan adalah satu aktiviti penting untuk melatih murid menjadi usahawan. Projek ini merupakan aktiviti yang dijalankan mengikut perancangan kesesuaian standard pembelajaran.
Objektif	1. Murid dapat menjalankan projek keusahawanan yang telah dirancang. 2. Murid dapat mempersiapkan diri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.
Tempat	Kantin
Tarikh/Hari	Khamis, 3 September 2020
Masa	8:30 pagi hingga 12:30 tengah hari
Sasaran	Warga sekolah
Program Penuh	7:00 pagi — Persediaan memasak barang-barang jualan 8:30 pagi — Menyusun atur barang-barang jualan di gerai jualan 9:00 pagi — Aktiviti jualan 12:30 tengah hari — Membersih dan mengemas ruang jualan
Ahli Jawatankuasa	PENASIHAT PROGRAM Puan Siti Rakiah binti Haji Mohd Nor PENGARAH PROGRAM Zakiah binti Abu Bakar BENDAHARI Dayang Salwa binti Sulaiman AJK MAKANAN Marsila binti Haji Abdul Rahman AJK KENDERAAN Samihah binti Mohd Ibrahim AJK CENDERAHATI Muhammad Fattah bin Khairuddin Nabilah binti Mohd Yatim AJK AKTIVITI Norashikin binti Mohd Malek Nurul Hana binti Ishak Abu Bakar bin Abdullah
Kewangan **i) Sumber kewangan**	

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Peruntukan sekolah	220
2.	Peruntukan PIBG	300
Jumlah keseluruhan		520

ii) Anggaran perbelanjaan	

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Barang mentah	200
2.	Barang kering	200
3.	Sewaan	100
4.	Lain-lain	20
Jumlah keseluruhan		520

Penutup	Diharapkan kertas cadangan pelaksanaan projek keusahawanan ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Semoga projek ini dapat dijayakan dengan sebaik mungkin serta mampu mencapai objektif yang telah digariskan.

Disediakan oleh, 26 Februari 2020

(NURUL AIN BINTI ZAKARIA)
Setiausaha Kelas 4 MPV
Sekolah Menengah Vokasional Bestari

Perancangan, Penyediaan dan Pelaksanaan Projek

Standard Pembelajaran

13.4.4 Merancang, menyedia dan melaksanakan projek setelah mendapat kelulusan pihak pentadbiran.

13.4.7 Bekerjasama dan sepakat semasa melaksanakan projek.

13.4.8 Mengaplikasi pengetahuan serta kemahiran sebagai seorang usahawan semasa pelaksanaan aktiviti.

13.4.9 Menghargai kepentingan menjalin dan menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan.

Aktiviti	Huraian
Perancangan • Mesyuarat pra-projek	Murid bekerjasama menyumbang idea ketika bermesyuarat dan mengagihkan tugas
Penyediaan • Menyusun atur tempat jualan • Pembelian bahan kering untuk jualan	Bekerjasama menyusun atur barang di tempat jualan dan menyediakan bahan memasak untuk jualan
Pelaksanaan • Penyediaan bahan makanan dan minuman (bahan jualan) • Aktiviti jual beli	• Murid bekerjasama semasa menyediakan bahan jualan makanan dan minuman • Murid mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran sebagai seorang usahawan semasa aktiviti jual beli • Murid menghargai kepentingan menjalin dan menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan sepanjang melaksanakan aktiviti
Penutup • Mengemas dan membersih bahan jualan • Mengadakan sesi perbincangan penambahbaikan projek • Menyediakan laporan projek	Murid bekerjasama semasa membersih dan mengemaskan tapak jualan

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti

Standard Pembelajaran

13.4.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan projek.

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria penilaian (Bulatkan)			Cadangan penambahbaikan
Sebelum					Contoh cadangan penambahbaikan Murid perlu memastikan jawatankuasa kerja yang dilantik memahami tugas masing-masing dan melakukan persediaan peralatan untuk jualan dari segi kecukupan bahan. Ruang yang dipilih mesti sesuai dari segi keselesaan. Murid boleh mengenal pasti gaya promosi yang menunjukkan ciri tarikan produk jualan. Aspek kebersihan perlu dijaga sepanjang jualan. Pada akhir projek, mereka perlu mengemas ruang jualan dan pastikan kebersihan terjaga. Murid juga perlu membuat pascanilai (*post-mortem*) untuk aktiviti yang selanjutnya.
1.	Persediaan sebelum projek	1	2	3	
2.	Kesesuaian peralatan dengan projek	1	2	3	
3.	Kesesuaian pemilihan tapak projek	1	2	3	
4.	Kesesuaian menu	1	2	3	
5.	Memastikan tema perniagaan sesuai dengan projek keusahawanan	1	2	3	
6.	Memastikan persekitaran yang selamat	1	2	3	
7.	Merangka peraturan sesuai untuk projek yang dijalankan	1	2	3	
Semasa					
8.	Memastikan murid bersedia dengan projek	1	2	3	
9.	Memastikan projek berjalan dengan lancar	1	2	3	
10.	Menyediakan tempat pertanyaan sepanjang pelaksanaan projek	1	2	3	
11.	Memastikan keselamatan dan kebersihan makanan jualan sentiasa terjamin	1	2	3	
12.	Mempromosikan jualan secara maksimum	1	2	3	
Selepas					
13.	Refleksi untung rugi jualan	1	2	3	
14.	Membersihkan dan mengemaskan tapak jualan	1	2	3	
15.	Melaksanakan tindakan susulan untuk projek yang berikutnya	1	2	3	
Kriteria: 1. Lemah 2. Sederhana 3. Baik					

Laporan Pelaksanaan Projek

Berikut merupakan format untuk menghasilkan laporan pelaksanaan projek dengan betul dan kemas:

Standard Pembelajaran

13.4.6 Menghasilkan laporan pelaksanaan projek dengan betul dan kemas.

Contoh Format Laporan Projek Jualan Keusahawanan

Sekolah Menengah Vokasional Taman Bunga Raya telah mengadakan projek jualan keusahawanan pada 5 September 2020, hari Khamis. Projek ini bertujuan untuk memenuhi keperluan kandungan pembelajaran Projek Keusahawanan. Hasil pembelajaran bagi projek ini adalah supaya murid dapat menjalankan projek yang telah dirancang di samping memberi kesediaan kepada murid menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Program jualan bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Rujuk Lampiran 1 untuk tentatif projek jualan. Kumpulan sasar projek jualan keusahawanan ini ialah murid-murid, guru-guru dan kakitangan Sekolah Menengah Vokasional Taman Bunga Raya.

Perjalanan projek

Sebelum menyediakan kertas kerja, guru pembimbing bersama murid melantik jawatankuasa kerja untuk melaksanakan projek ini. Sebaik sahaja jawatankuasa ditubuhkan, majlis tertinggi jawatankuasa akan bertemu pihak pengurusan sekolah untuk mendapatkan kelulusan.

Selepas mendapat kelulusan, ahli jawatankuasa (AJK) menyenaraikan keperluan barang kering dan barang basah untuk kegunaan pada hari jualan keusahawanan. AJK juga menetapkan lokasi yang sesuai dari segi fasiliti, keselesaan dan keselamatan bagi memudahkan dan melancarkan proses jualan pada hari kejadian.

Pada hari jualan keusahawanan, aktiviti jualan berjalan lancar. Menu jualan pada hari berkenaan adalah sandwic, buah-buahan dan air minuman. Jualan mendapat sambutan yang memuaskan. Aktiviti jualan tamat pada pukul 1:00 tengah hari. AJK kebersihan telah memastikan kawasan jualan sudah dikemaskan dan dibersihkan.

Cadangan penambahbaikan

Guru pembimbing perlu memastikan setiap murid memahami tugas masing-masing. Ini penting bagi memastikan program berjalan dengan lancar. Guru juga perlu membimbing murid-murid supaya menyediakan barang mengikut kuantiti yang bersesuaian. Promosi untuk projek jualan mungkin boleh dapat ditingkatkan dengan menyebarluaskan risalah dan brosur dengan lebih giat.

Kesimpulan

Aktiviti ini dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar dan mempersiapkan diri mereka menjadi usahawan yang berjaya. Semua murid sangat gembira dengan aktiviti yang telah dilaksanakan.

Disediakan oleh,

_____

FATIN BT ABU BAKAR
(Setiausaha Projek)

Lampiran 1

7:00 pagi	- Persediaan memasak barang-barang jualan
8:30 pagi	- Menyusun atur barang-barang jualan di gerai jualan
9:00 pagi	- Aktiviti jualan
12:30 tengah hari	- Membersih dan mengemas ruang jualan

Rumusan

Kefahaman tentang produk, barangan atau perkhidmatan sangat penting untuk menjadi usahawan yang berjaya. Sehubungan itu, maklumat berkaitan tenaga kerja dan kos berguna bagi projek keusahawanan yang ingin dilaksanakan mencapai matlamat yang diinginkan. Pendedahan berkaitan proses melaksanakan projek mengikut langkah yang betul seperti pembentukan jawatankuasa kerja, penulisan kertas kerja, perancangan projek dan penilaian projek juga antara maklumat yang ditekankan dalam modul ini. Maklumat ini sangat memberi faedah kepada murid sebagai persediaan untuk menjadi usahawan yang berjaya.

AKTIVITI

1. Dalam kumpulan, sediakan rancangan perniagaan yang mudah berkaitan projek keusahawanan.
2. Melaksanakan simulasi cara berkomunikasi yang berkesan dalam perbincangan dengan pelanggan. Contoh simulasi: main peranan, menonton video mengenai cara berkomunikasi yang berkaitan dalam konteks perniagaan dan sebagainya.
3. Laksanakan projek jualan secara berkumpulan iaitu dengan cara merancang, menyediakan dan melaksanakan projek setelah mendapat kelulusan pihak pentadbiran.

   Contoh projek jualan:
   - Permainan kanak-kanak
   - Buku kanak-kanak
   - Makanan
   - Penjagaan kanak-kanak pada hujung minggu dan sebagainya
   - Jualan melalui tempahan, semasa hari aktiviti sekolah, aktiviti luar sekolah dan sebagainya

LATIHAN

1. Apakah yang anda faham tentang sumber pendapatan dan sumber pendapatan alternatif?
2. Senaraikan produk, barangan atau perkhidmatan untuk projek keusahawanan.
3. Hasilkan satu jadual bagi menentukan tenaga pekerja, bahan serta kos yang diperlukan bagi projek jualan makanan semasa sambutan Hari Usahawan.

Refleksi

Tandakan (✓) mengikut tahap penguasaan anda.

Perkara	😊	😐	😣
Menyatakan definisi peniaga, perniagaan, usahawan dan keusahawanan.			
Menjelaskan ciri usahawan yang berjaya.			
Menerangkan kelebihan peranan seorang usahawan.			
Menyediakan maklumat usahawan yang berjaya.			
Menilai kekuatan dan kelemahan diri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.			
Merumuskan faktor yang menyumbang kepada kejayaan seorang usahawan.			
Menamakan pelbagai bentuk organisasi perniagaan.			
Menyatakan ciri organisasi perniagaan dari aspek: i) Milikan ii) Sumber Modal iii) Liabiliti			
Menerangkan cara memulakan perniagaan: i) Perniagaan Baharu ii) Ambil Alih Perniagaan iii) Francais			
Mengenal pasti empat komponen utama rancangan perniagaan.			
Menjelaskan tujuan dan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan.			
Menghuraikan isu, cabaran dan kaedah penyelesaian bagi memulakan perniagaan.			
Menyediakan rancangan perniagaan yang mudah untuk penubuhan TASKA.			
Mengamalkan langkah membuat keputusan yang betul dalam penyediaan rancangan perniagaan.			
Menamakan pelbagai sumber pendapatan dan sumber pendapatan alternatif.			
Menerangkan kaitan antara tahap pendidikan, pilihan kerjaya, kemahiran dan pengalaman dengan pendapatan yang diperoleh.			
Menerangkan kepentingan menguruskan kewangan secara berhemat untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan.			
Mengenal pasti pelbagai cara dan instrumen membuat pembayaran dalam perniagaan.			
Menerangkan sebab institusi kewangan memberi pinjaman atau kemudahan kredit.			
Menghuraikan kebaikan dan kelemahan penggunaan kredit.			
Membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya berdasarkan matlamat kewangan peribadi dengan mengamalkan langkah yang betul.			
Menyenaraikan mengikut keutamaan produk, barangan atau perkhidmatan untuk projek keusahawanan.			
Menentukan tenaga pekerja, bahan dan kos yang diperlukan.			
Menyediakan kertas cadangan pelaksanaan projek keusahawanan mengikut format yang disediakan.			
Merancang, menyediakan dan melaksanakan projek setelah mendapat kelulusan pihak pentadbiran.			
Menilai keberkesanan pelaksanaan projek.			
Menghasilkan laporan pelaksanaan projek dengan betul dan kemas.			
Bekerjasama dan sepakat semasa melaksanakan projek.			
Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran sebagai seorang usahawan semasa pelaksanaan aktiviti.			
Menghargai kepentingan menjalin dan menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan.			

GLOSARI

Akomodasi cara atau perbuatan menyesuaikan diri dengan orang lain atau dengan persekitaran; penyesuaian

Amalan perbuatan yang dilakukan secara berterusan dan kerap sehingga akhirnya menjadi kebiasaan

Antibodi bahan yang terbentuk dalam darah yang dapat mencegah pembiakan bakteria dan sebagainya atau memusnahkannya

Apresiasi penghargaan, penghormatan atau pengiktirafan

Bon sijil pelaburan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau perbadanan, yang menunjukkan bahawa sejumlah wang telah dipinjamkan dan akan dibayar balik berserta faedah

Caruman bayaran yang tetap kepada sesuatu kumpulan wang atau syarikat; yuran

Destruktif (bersifat) merosak

Didaktik bermaksud mengajar

Disinfeksi pembasmian kuman yang boleh menyebabkan penyakit, biasanya dengan menggunakan bahan pembunuh kuman

Diskriminasi perlakuan membeza-bezakan sesuatu hal

Disruptif menimbulkan gangguan

Divertikula kantung-kantung yang terbentuk di sepanjang saluran percernaan, terutama di usus besar (kolon)

Ekspresi air muka pada wajah seseorang yang menunjukkan perasaan hatinya

Empati daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain

Estetika cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan dengan keindahan, cita rasa dan lain-lain.

Firma syarikat perniagaan atau perusahaan

Glukosa gula ringkas dalam keadaan bebas atau terikat yang terdapat dalam haiwan atau tumbuh-tumbuhan

Holistik bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja

Humming berdengung

Infrastruktur kemudahan atau perkhidmatan asas (seperti kemudahan pengangkutan, kesihatan, bekalan elektrik, air) untuk membangunkan sesuatu masyarakat

Instrumen kewangan dokumen rasmi yang berkaitan dalam bidang kewangan

Interpretasi tafsiran, penjelasan (tentang makna, tujuan, implikasi)

Intervensi campur tangan dalam urusan antara dua pihak (orang, negara, golongan) lain

Keilatan sebab yang mengakibatkan sesuatu (kecelakaan, kemalangan, kerugian)

Kinestatik kebolehan fizikal

Kognitif proses mental untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu proses pembelajaran

Komprehensif luas liputannya dan lengkap atau banyak butiran yang terkandung di dalamnya

Kondusif sesuai

Kontingensi peristiwa atau perkara yang berlaku di luar jangkaan

Membran selaput nipis yang berliang (sama ada semula jadi atau tiruan)

Menghidratkan menyebabkan sesuatu bergabung dengan air secara kimia

Metabolisme proses kimia yang berlaku dalam semua sel hidup yang melibatkan pembinaan sebatian kompleks dan penguraiannya semula menjadi sebatian ringkas untuk menghasilkan tenaga

Muflis tidak mampu membayar hutang dan lain-lain; bankrap

Pembebat sesuatu yang digunakan untuk membalut

Pengeksploitasian proses mengeksploitasi sesuatu atau seseorang

Pengeluaran ekstraktif barangan yang dikeluarkan melalui kegiatan pertanian atau kegiatan ekstraktif seperti bercucuk tanam, menangkap ikan dan melombong

Pensterilan perbuatan atau proses memelihara (bebas, bersih) sesuatu daripada kuman atau hama

Peristalsis pergerakan berombak terutamanya pada salur makanan (untuk menolak bahan makanan), akibat pengecutan dan pengenduran otot secara berturut-turut

Polisakarida karbohidrat yang menghasilkan beberapa banyak unit monosakarida (seperti glukosa) apabila diuraikan

Prasarana keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas (kemudahan pengangkutan dan perhubungan, bekalan kuasa elektrik, dan lain-lain) yang perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan

Premium
1. wang yang diberikan sebagai hadiah kerana melakukan kerja dengan baik dan lain-lain; wang sagu hati.
2. wang insurans yang dibayarkan kepada syarikat insurans kerana memiliki sesuatu polisi

Resusitasi kaedah memulihkan seseorang yang hampir maut secara tiba-tiba, misalnya kerana lemas atau serangan jantung

Scaffolding sokongan guru yang berkurangan secara beransur-ansur apabila pelajar sudah mempunyai keupayaan belajar atau bekerja sendiri

Sekuriti
1. sijil saham, bon dan sebagainya yang membolehkan pemegangnya berhak mendapat bayaran faedah dan dividen
2. keselamatan
3. jaminan, cagaran, sandaran.

Set induksi teknik memperkenalkan sesuatu tajuk pelajaran bagi menarik perhatian serta mendorong pelajar

Sistematik mengikut aturan atau susunan

Solfege sistem latihan vokal yang menggunakan nama tertentu bagi setiap not dalam sesuatu skel. Contohnya, *solfege* bagi muzik Barat ialah do, re, mi, fa, so, la dan ti

***Standard Operating Procedure* (SOP)** suatu dokumen yang berkaitan dengan prosedur yang akan dijalankan secara kronologi untuk menyelesaikan suatu pekerjaan demi mendapatkan hasil kerja yang efektif dan efisien

Subsidi wang bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perbadanan dan lain-lain

Sumber pendapatan sumber kewangan yang diterima atau yang akan diterima oleh seseorang pada hasil perniagaan atau perkhidmatan

Sumber pendapatan alternatif sumber kewangan yang diterima atau yang akan diterima oleh seseorang melalui pendapatan pasif dan sampingan

Talasemia sejenis penyakit keturunan yang berpunca daripada kurangnya protein globin yang menjadi komponen hemoglobin dalam darah

Temperamen sifat batin yang mempengaruhi kelakuan seseorang (seperti periang, pemarah, dan lain-lain)

Tisu adipos tisu yang dipenuhi lemak

Transaksi derivatif transaksi yang didasari oleh suatu kontrak atau perjanjian pembayaran yang nilainya merupakan turunan dari nilai instrumen yang mendasari, sepeti nilai tukar, komoditi, ekuiti dan indeks, baik yang diikuti dengan pergerakan atau tanpa pergerakan dana atau instrumen

RUJUKAN

Abdul Aziz Ab. Latif et al. (2011). *Keusahawanan Dan Pengurusan Perniagaan Kecil Dan Sederhana*. Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM): Universiti Malaysia Kelantan

Abdullah Sani. (2003). *Hubungan Ibu Bapa dan Guru*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Abdullah Zhidi Omar & Mahdi Shuid. (2016). *Pedagogi dan Pentaksiran Moral*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn Bhd.

Arshad, M. (2012). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: teori dan amali.* Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ayob, A., Badzis, M., Nordin, A. L., & Abdullah, R. (2016). Kurikulum Permata Negara.

Aziz W. A. (2002). *Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Guru*. Tesis Sarjana. 1: 22-26. Diakses daripada http://studentsrepo.ukm.edu.my/5301/2/1_table_of_content.pdf.

Azura Ismail. (2016). *Panduan Pengendalian SOP Kanak-Kanak Di TASKA*. Bandar Baru Bangi: Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian Pendidikan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan (DSPK).* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berk, L. (2000). *Child Development*. New York: Allyn and Bacon Publication.

Davies, D. (2011). *Teaching Science Creatively*. New York: Roultledge.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (1997). *Kamus Dewan, 3Ed*. Kuala Lumpur: Iskandar.Pusat Pembinaan.

Emilia, S., Istiyati, S., & Hafidah, R. (2014). *PENERAPAN BERMAIN MUSIK PERKUSI UNTUK MENINGKATKAN PERKEMBANGAN FISIK MOTORIK KASAR PADA ANAK KELOMPOK B TK AL-HUDA KERTEN TAHUN AJARAN 2013/2014.*

Farhah, S., & Aziz, A. (2016). *Model kurikulum berasaskan taman buah-buahan dan sayur-sayuran berkhasiat untuk sekolah rendah Orang Asli* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Hazira Hamsah & Jasmine Her. (2009). *Koleksi Kraf Kertas*. Kuala Lumpur: Alaf 21 Sdn. Bhd.

Ishak Alishah Ahmad. (2017). *Panduan Perancangan Prasekolah*. Kajang: Aras Mega.

Ishak B Ali Shah. (2015). *Moral and Spritual Education for Early Childhood*. Kuala Lumpur: UMCCED.

Ishak B Alishah Ahmad. (2017). *Rekod Pentaksiran Murid Prasekolah*. Kajang: Aras Mega.

Ismail, I. M., Anis, S. K., Subramaniam, T. S., Amiruddin, H., & Ismail, M. E. (2018). Penerapan elemen perkembangan kognitif, psikomotor dan sosio-emosi dalam permainan dalam mencapai objektif Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Online Journal for TVET Practioners.

Jamaludin, M. G., Din, H. K. & Hasniah Hussain. (2013). *Teknik Bercerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jean D. Harland, Mary S. Rivkin. (2008). *Science Experiences For The Early Childhood Years An Integrated Effective Approach*. New Jersey: Pearson.

Khairulaniza. (2007). *Asas Kepimpinan dan Profesionalisme Guru*. Petaling Jaya: Penerbitan Sasbadi Sdn.Bhd.

Mahzah Arshad. (2012). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak Teori dan Amali*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mirawati, M., & Rahmawati, E. (2017). P*ermainan Modifikasi Untuk Stimulasi Keterampilan Gerak Dasar Manipulatif Anak Usia 2-4 Tahun*. Early Childhood: Jurnal Pendidikan, 1(2), 38-50.

Mohammad Z., Huat L. C., Adam R. (2016). *Pendidikan Muzik Tahun 1 Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad, J., & Luen, L. C. (2017). *Pembangunan dan kesahan modul pergerakan kreatif dalam elemen drama (PETIF-MA) bagi kanak-kanak prasekolah.* Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 6(2), 67-78.

Munawaroh, H. (2017). Implementasi Pembelajaran Tari Dalam Mengembangkan Aspek Perkembangan Anak Usia Dini. *Golden Age: Jurnal Ilmiah Tumbuh Kembang Anak Usia Dini,* 2(2), 25-34.

RUJUKAN

Noraini et al. (2012). *Panduan Aktiviti Awal Matematik Dan Pemikiran Logik*, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan.

Noramy, N. I., & Arifain, S. M. K. (2019). *PERBEZAAN KEMAHIRAN MOTOR BERDASARKAN JANTINA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH DENGAN MENGGUNAKAN MOVEMENT ASSESSMENT BATTERY FOR CHILDREN (MABC)*. Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences, 2(1), 25-35.

Norasiah Abdullah, Jamilah Lazim & Rosnah Zain. (2009). *Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*, Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Puteh, S. N., & Ali, A. (2016). *Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 1(2), 1-16

Rahardjo & Gudnanto. (2011). *Home Visit Curriculum: Foundation principles and issues*. USA: Pearson Education.

Rahman, H. A. (2018). USAHA DAN CABARAN DALAM MENGAPLIKASIKAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN DI MALAYSIA (EFFORTS AND CHALLENGES IN THE APPLICATION OF ENVIRONMENTAL EDUCATION IN MALAYSIAN SCHOOL SYSTEM). ASIAN JOURNAL OF ENVIRONMENT, HISTORY AND HERITAGE, 1(2).

Riyandi, M. F., & Milyartini, R. (2015). Pembelajaran Teknik Dasar Bermain Perkusi di SMA Negeri 7 Bandung. SWARA, 4(2).

Robbins P. & Alvy H. B. (1995). *Friend in School*. Diakses daripada https://www.sps186.org/downloads/table/13040/6TypesJ.Epstien.pdf

Rubayah Yakob, et al. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Personalia Pelajar 18(1)(2015): 75 - 88

Saayah Abu. (2009). *Menjadi Guru Tadika*, Gombak: PTS Profesional.

Saayah Abu. (2017). *Pengurusan Taska dan Tadika Cemerlang*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Saayah Abu, Surayah Zaidon & Siti Saleha Samsuri. (2006). *Panduan untuk Pengusaha Tadika*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Singh, Y. K. M., & Lian, D. K. C. (2018). Gross motor development level amongst school children of Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise, 7(1).

Thamrin, H., Santoso, S., & Prayitno, A. (2017). *Pengaruh Media Puzzle Tumpeng Gizi Seimbang Terhadap Pengetahuan Gizi dan Pola Makan Anak Taman Kanak–Kanak.* Jurnal Gizi Dan Kesehatan, 1(1), 12-23.

Trish Kuffner. (2012). *Buku Projek Seni dan Kraf*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Verma, H., Janaki, B., Ravichandran, A., & Prakash, S. (2017). The Teacher Education Quality: Perspective of Experienced Special Educators & Upcoming Educators on Teaching Special Need Children. Journal of Teacher Education and Research, 12(2), 114-126.

Wah W. K., Azis M. I. & Ruhani R. (2018). *Perkembangan Kanak-Kanak Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Yasin, M. S. M. (2019). MULTIMEDIA GRAFIK INTERAKTIF MENINGKATKAN DAYA KEFAHAMAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRA SEKOLAH: FUN LEARNING WITH TECHNOLOGY. Jurnal Dunia Pendidikan, 1(1), 35-44.

Zurida Ismail et al. (2003). *Pendidikan Sains Prasekolah*, Pahang: PTS Publication.

https://awal.my/8-permainan-matematik-mudah-untuk-anak-anda

https://www.inc.com/carmine-gallo/new-studies-reveal-ideal-age-to-start-a-business-its-not-in-your-twenties.html

https://www.investopedia.com/articles/pf/08/planning-for-business.asp

INDEKS

A
Adab 85, 106, 108, 109, 110, 136
Akta 5, 7, 11, 12, 13, 17, 85, 313, 314
Alam sekitar 136, 229, 235, 298, 302

B
Braille 79

D
Dasar 4, 11, 12, 312
Doh 166, 168, 189, 192, 288

F
Finger manipulation 287

I
INFE 318
Intervensi 78, 81

J
JERIS 5
JKM 6, 7, 313

K
Kaedah Orton-Gillingham 80
Kain felt 289
Kemahiran
Motor halus 5, 177, 186, 187, 287
Motor kasar 177, 180, 287
Keusahawanan 306, 324, 325, 326, 327, 328
Konsep
3E 215, 218, 220, 225, 231, 236
SMART 324

M
Mobile 115, 186, 302

N
NAEYC 17
NCDC 276

O
OECD 318

P
PERMATA 16, 152, 224
Peti pertolongan cemas 29, 30
Piramid makanan 51, 86, 91, 93, 94, 96
Playdough 168, 282
PPKM 3, 175

R
Rattle 186, 287
Rawatan awal 30, 31, 34, 35, 37, 51
Resipi 98, 99, 105
Resusitasi pernafasan 30
Reverse psychology 76
Role play 76

S
Shared reading 152
Sijil 16, 271, 296
Sisa pepejal 55, 56, 298
Soft toy 57, 186, 287, 288, 289, 290
Sosio-emosi 78, 114, 115, 120, 126, 136, 288
Stand magnifier 79

T
Talent *stage* 76
Team Statements 49
Teknik PASS 36
Terapi *brainwave* 81

U
Ujian Snellen 79

V
Vitamin 86, 87, 88, 89, 90, 93

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL

eISBN 978-967-2448-62-4
9 789672 448624